

Kampus  
Simfoni Alam  
Digital  
Bestari

# e-dinamik

eISSN : 2682-7832

Edisi Pertama 2019



Sumber  
Maklumat  
DIGITAL

MAJALAH  
DIGITAL  
AKADEMIA

LAPORAN AKTIVITI JABATAN | KARYA AKADEMIK & UMUM | KARYA KREATIF

UITM CAWANGAN JOHOR

## PERUTUSAN REKTOR



Alhamdulillah dengan rahmat Allah SWT, majalah digital akademia UiTM Cawangan Johor, e-DINAMIK Edisi 1/2019, telah berjaya diterbitkan. Penerbitan majalah e-DINAMIK ini amat penting kerana ia menjadi wadah untuk warga akademia UiTM Cawangan Johor berkongsi hasil karya dengan seluruh warga UiTM serta masyarakat luar. Usaha ini dapat membantu seluruh warga dan masyarakat untuk lebih mengenali para akademia melalui bakat penulisan dan hasil karya mereka.

Majalah digital ini adalah sebahagian dari Inisiatif ke-9 (Modal Digital) dari 13 Inisiatif Rektor 2019. Ia adalah unik kerana ia merupakan satu-satunya majalah warga akademia UiTM yang memaparkan karya-karya yang terdiri dari laporan aktiviti jabatan dan pensyarah, karya akademik dan umum, dan juga karya kreatif. Daripada karya-karya ini, kita dapat mencungkil dan melihat bakat penulisan dalam kalangan pensyarah-pensyarah. Ini juga merupakan platform yang dapat mendedahkan pembabitan pensyarah di dalam dan di luar negara, dan mempromosi setiap fakulti dan UiTM secara umumnya.

Sekalung penghargaan dirakam kepada Timbalan Rektor Penyelidikan, Jaringan Industri dan Alumni, Prof Madya Dr. Saunah Zainon di atas sokongan padu di dalam menjayakan penerbitan majalah ini. Terima kasih juga diucapkan kepada Koordinator Unit Penulisan dan Penerbitan, Dr. Noriah Ismail yang juga merupakan Ketua Editor, serta warga Sidang Redaksi e-DINAMIK yang lain dan pensyarah-pensyarah yang telah menyumbang hasil karya masing-masing.

Akhir kata, diharapkan Edisi 1/2019 ini akan menjadi permulaan yang cemerlang kepada edisi-edisi yang seterusnya.

Sekian, wassalam.

**Profesor Madya Dr. Ahmad Naqiyuddin Bakar**

Rektor

Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor

# BINGKHISAN TIMBALAN REKTOR (Hal Ehwal Akademik)



Assalamualaikum WBT dan selamat sejahtera.

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Allah SWT kerana dengan izinNYA majalah digital akademia, e-DINAMIK Edisi 1/2019 dapat menemui pembaca khususnya warga UiTM Cawangan Johor.

Penghargaan yang tidak terhingga dihulurkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sehingga majalah digital ini dapat diterbitkan dengan jayanya. Tujuan majalah ini dihasilkan adalah untuk memaparkan laporan aktiviti pensyarah di setiap fakulti. Majalah ini juga turut memberi peluang kepada para pensyarah untuk mengasah bakat masing-masing dalam menghasilkan karya-karya yang bermutu. Ia juga diharapkan dapat memberi motivasi kepada pensyarah lain untuk turut terlibat dalam aktiviti akademik dan bukan akademik serta melaporkannya di dalam edisi yang akan datang.

Semoga majalah ini dapat memberi manfaat kepada semua para akademia UiTM Cawangan Johor secara khusus dan pembaca lain amnya.

Sekian, wassalam.

**Dr Ahmad Razi bin Ramli**

Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor

# BINGKISAN TIMBALAN REKTOR (Penyelidikan, Jaringan Industri dan Alumni)



e-Dinamik lahir atas inisiatif Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri dan Alumni (BPJI&A), UiTM Cawangan Johor. Matlamat e-Dinamik adalah untuk menambahkan bilangan hasil penerbitan terutamanya di kalangan para pensyarah UiTM Cawangan Johor. Matlamat ini menjadi satu realiti dengan sokongan Yang Berbahagia Rektor UiTM Cawangan Johor, iaitu Prof. Madya Dr. Ahmad Naqiyuddin Bakar dan disusuli pula dengan kerja keras dan komitmen padu yang diberikan oleh Dr. Noriah Ismail, selaku Koordinator Penulisan dan Penerbitan bersama ahli jawatankuasa beliau.

Koleksi penulisan e-Dinamik meliputi pelbagai gaya penulisan daripada penulisan akademik sehinggalah penulisan kreatif yang mampu menembusi segenap lapisan pembaca dan peringkat dari golongan muda hinggalah dewasa. Penulisan-penulisan ini dikumpulkan hampir memakan masa sehingga setahun untuk dikumpulkan dan disemakbaca sebelum ianya diterbitkan. Usaha ini merupakan usaha murni yang diharapkan diterima Allah s.w.t. sebagai amal soleh yang bermanfaat kepada penulis mahupun pembaca.

Di kesempatan ini, pihak pengurusan amnya dan PJI&A, khasnya, ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam memberikan kerjasama dalam menerbitkan e-Dinamik ini. Saya amat yakin kesempurnaan dan kejayaan e-Dinamik adalah hasil usaha semua pihak dan usaha ini harus diteruskan dari masa ke semasa. semoga e-Dinamik terus sukses.

## **Profesor Madya Dr. Saunah Zainon**

Timbalan Rektor Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri & Alumni  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor

## KATA ALUAN KETUA EDITOR

Assalamualaikum dansalam sejahtera.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi dengan rahmat limpah kurniaNya e-DINAMIK edisi pertama ini berjaya diterbitkan. Selaku Ketua Editor, saya mengucapkan jutaan terima kasih khasnya kepada Rektor UiTM Cawangan Johor, Professor Madya Dr. Ahmad Naqiyuddin Bakar yang telah memberi sokongan dan kepercayaan kepada kami ahli Sidang Redaksi untuk menerbitkan majalah digital akademia sulung UiTM Cawangan Johor ini yang mana ianya adalah salah satu dari Inisiatif Modal Digital yang merupakan Inisiatif ke-9 Rektor untuk 2019. Tidak lupa juga ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Timbalan Rektor PJIA, Prof. Madya Dr. Saunah Zainon yang banyak menyumbangkan idea serta kerjasama yang jitu, ahli Sidang Redaksi serta semua pihak yang bersama-sama bekerja keras dalam menerbitkan majalah ini.



Majalah e-DINAMIK ini merupakan antara wadah untuk warga akademia kampus memaparkan karya mereka samaada dari segi laporan aktiviti, karya umum dan kreatif dimana ianya membantu mencungkil dan mengasah bakat pensyarah didalam bidang penulisan. Ianya juga merupakan medium perkongsian ilmu kerana banyak maklumat dan pengalaman yang dapat dikongsi bersama warga UiTM mahupun masyarakat luar.

Akhir kalam, saya mewakili Sidang Redaksi e-DINAMIK memohon ampun dan maaf andai terdapat kekurangan serta kelemahan dalam kandungan edisi pertama ini. Semoga ianya menjadi pemangkin kepada usaha menambahkan hasil penerbitan yang bermutu kepada semua warga akademia UiTM Cawangan Johor serta memberi manfaat kepada semua.

Sekian, wassalam.

**Dr. Noriah Ismail**

Koordinator Unit Penulisan Dan Penerbitan  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor

# Isi Kandungan

Perutusan Rektor	i
Bingkisan Timbalan Rektor (Hal Ehwal Akademik)	ii
Bingkisan Timbalan Rektor (Penyelidikan, Jaringan Industri Dan Alumni)	iii
Kata Aluan Ketua Editor	iv
Isi Kandungan	v
Sidang Redaksi	viii
<b>FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN</b>	1
Profil Ketua Pusat Pengajian dan Koordinator	2
Jabatan Pengurusan dan Pemasaran	3
Profil Penulis-penulis	4
Laporan Aktiviti Jabatan dan Pensyarah	5
Karya Akademik dan Umum	10
Karya Kreatif	26
Jabatan Kewangan	30
Profil Penulis-penulis	31
Laporan Aktiviti Jabatan dan Pensyarah	32
Karya Akademik dan Umum	38
Karya Kreatif	57
Jabatan Ekonomi	61
Profil Penulis-penulis	62
Laporan Aktiviti Jabatan dan Pensyarah	63
Karya Akademik dan Umum	67
Karya Kreatif	81
<b>FAKULTI PERAKAUNAN</b>	85
Profil Ketua Pusat Pengajian dan Koordinator	86
Profil Penulis-penulis	87
Laporan Aktiviti Fakulti dan Pensyarah	88
Karya Akademik dan Umum	100
Karya Kreatif	111
<b>FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN MATEMATIK</b>	119
Profil Ketua Pusat Pengajian dan Koordinator	120
Profil Penulis-penulis	121
Laporan Aktiviti Fakulti dan Pensyarah	123
Karya Akademik dan Umum	131
Karya Kreatif	146

# Tisi Kandungan

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT	154
Profil Ketua Pusat Pengajian	155
Profil Penulis-penulis	156
Laporan Aktiviti Fakulti dan Pensyarah	157
Karya Akademik dan Umum	165
Karya Kreatif	174
FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL	183
Profil Ketua Pusat Pengajian	184
Profil Penulis-penulis	185
Laporan Aktiviti Fakulti dan Pensyarah	186
Karya Akademik dan Umum	189
FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK	183
Profil Ketua Pusat Pengajian	192
Profil Penulis-penulis	193
Karya Kreatif	195
FAKULTI KEJURUTERAAN KEJURUTERAAN AWAM	200
Profil Ketua Pusat Pengajian	201
Profil Penulis-penulis	202
Laporan Aktiviti Fakulti dan Pensyarah	203
FAKULTI SAINS GUNAAN	209
Profil Koordinator	210
Profil Penulis-penulis	211
Laporan Aktiviti Fakulti dan Pensyarah	212
AKADEMI PENGAJIAN BAHASA	213
Profil Ketua Pusat Pengajian	214
Profil Penulis-penulis	215
Laporan Aktiviti Jabatan dan Pensyarah	216
Karya Akademik dan Umum	230
Karya Kreatif	244
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI	255
Profil Ketua ACIS	256
Profil Penulis-penulis	257
Laporan Aktiviti Jabatan dan Pensyarah	258
Karya Akademik dan Umum	264
Karya Kreatif	273

# Tsi Kandungan

JABATAN UNDANG-UNDANG	278
Profil Koordinator	279
Profil Penulis-penulis	280
Laporan Aktiviti Jabatan dan Pensyarah	281
Karya Akademik dan Umum	289
Karya Kreatif	310

# Sidang Redaksi

## *Ketua Editor*

**DR. NORIAH ISMAIL**

## *Penolong Ketua Editor & Reka bentuk Grafik*

**ISMA ISHAK**

## *Editor-editor*

**AHMAD MARZUKI AMIRUDDIN OTHMAN**

**AHMAD NAUFAL ADNAN**

**AZINOOR AZIDA ABU BAKAR**

**AZURA ABDUL JAMIL @ KAMARUDZZAMAN**

**CHE' KHALILAH MAHMOOD**

**DR. NURUL 'AINI HARUN**

**DR. SAIDIN WAN ISMAIL**

**FAIRUZ HUSNA MOHD YUSOF**

**FATIMAH HASHIM**

**FAZDILAH MD.KASSIM**

**FILOUZ HASHIM**

**HARYATI AHMAD**

**JASLIN MD DAHLAN**

**JULIANA MOHD ABDUL KADIR**

**LIM YOON CHONG**

**MOHAMAD AZWAN ISA**

**MOHD ASYADI REDZUAN**

**MUHARRATUL SHARIFAH SHAIK ALAUDEEN**

**MUNIRAH AZRAE**

**MUNIRAH ZAKARIA**

**NORINTAN WAHAB**

**ROHAYU AHMAD**

**ROSMAH ABD GHANI @ ISMAIL**

**RUZIAH A. LATIF**

**SUHAILA OSMAN**

**WAN NOR HAFIDZAH WAN MOHD**

**ZAIBEDAH ZAHARUM**

**ZURAIDAH SUMERY**

**ZURAMAZNUM SAINAN**



# ***FAKULTI PENGURUSAN & PERNIAGAAN***

## PROFIL KETUA PUSAT PENGAJIAN



*Betulkan yang Biasa, Biasakan yang Betul*

Mardiyana Mohamad Malom

## PROFIL KOORDINATOR PROGRAM



*Semua orang membaca.  
Kita membaca, mereka juga membaca.  
Tapi beza kita dengan mereka ialah  
kita menulis usai membaca...*

Norfariza binti Mohd Ali, Koordinator Program BA114 & BA119



*Success is not final; failure is not fatal; it is the courage to continue that counts*

Muruga a/l Chinniah, Koordinator Program BA111 & BA117



*Allah (God) does not intend to make difficulty for you, but He intends to purify you  
and complete His favor upon that you may grateful.*

Syamsyul Samsudin, Koordinator Program BA242 & BA251



*Mulakan menulis dengan satu ayat agar satu hari ia dapat menjadi satu karya yang  
memberi manfaat kepada pelbagai pihak.*

Muharratul Sharifah Shaik Alaudeen, Koordinator Program BA240 & BA249

# Jabatan Pengurusan dan Pemasaran

## **PROFIL PENULIS-PENULIS**

### **Laporan Aktiviti Jabatan dan Pensyarah**

Prof. Madya Dr. Ahmad Naqiyuddin Bakar  
Norshahniza Sahari  
Che' Khalilah Mahmood  
Jaslin Md Dahlan  
Dr. Akmal Aini Othman

### **Karya Akademik dan Umum**

Prof. Madya Dr. Ahmad Naqiyuddin Bakar  
Rudza Hanim Mohamed Anuar  
Nur Adilah Saud  
Dr. Tan Yan Ling  
Mazida Ismail  
Zanariah Abdul Rahman  
Dr. Akmal Aini Othman  
Noorita Mohamad  
Nazihah Omar  
Syaidatul Zarina Mat Din  
Shafiee Md Tarmudi  
Muhamad Ismail Pahmi  
Ros Hasri Ahmad  
Siti Masnah Saringat  
Muharratul Sharifah Shaik Alaudeen

### **Karya Kreatif**

Zanariah Abdul Rahman  
Dr. Akmal Aini Othman  
Mazlina Ismail  
Rohani Jangga  
Jannah Munirah Mohd Noor  
Che' Khalilah Mahmood  
Nor Haliza Hamzah  
Khairunnisa Rahman  
Farizah Mamat @ Mohd Nor Shashazrina Roslan  
Siti Farrah Shahwir



**LAPORAN AKTIVITI  
JABATAN DAN  
PENSYARAH**

## UiTM JOHOR DAN UNILAK – KOLABORASI MERENTAS SEMPADAN DI DALAM ERA IR4.0

Prof. Madya Dr. Ahmad Naqiyuddin Bakar

Baru-baru ini, rakan kolaborasi strategik Universiti Teknologi MARA (UiTM) Johor iaitu Universitas Lancang Kuning (Unilak) Pekanbaru, Indonesia menerusi Jabatan Pascasarjana Universiti tersebut telah menganjurkan *International Seminar on Synergy of Universities in the Industrial Era 4.0*. Seminar antarabangsa ini telah berlangsung pada hari Sabtu, 30 Mac 2019, bertempat di Aula Pustaka kampus Unilak.

Seramai tiga orang Rektor telah diundang sebagai pembentang kertas kerja di Seminar tersebut iaitu Rektor Universiti Teknologi MARA, Johor, Malaysia, Prof. Madya Dr. Ahmad Naqiyuddin Bakar, Rektor Universitas Islam Bandung, Prof Dr. Edi Setiadi SH. MH, dan Rektor Unilak sendiri iaitu Dr. Hajah Hasnati SH. MH.

Direktur Pascasarjana Unilak Prof Dr. Sudi Fahmi SH.MH melalui ketua panitia Dr. Ardiansyah memaklumkan kegiatan Seminar Antarabangsa ini telah dimulai sejak pagi dengan penyertaan para pensyarah Unilak sendiri dan peserta yang terdiri dari mahasiswa Pascasarjana Prodi Magister Manajemen dan Magister Hukum dan mahasiswa lainnya.

Dalam Seminar ini, pembentangan Rektor UiTM Johor, Dr Ahmad Naqiyuddin adalah berkisar mengenai sinergi antara universiti dua Negara serumpun di era industri 4.0. Seterusnya, Rektor Unisba, Prof Edi membahas tentang cabaran era Industri 4.0 merentasi universiti. Manakala bagi Rektor Unilak pula, Dr Hasnati telah mengupas tentang strategi Unilak dalam menuju sasaran sebagai Universiti unggul menjelang 2030.

Ketika ini Program Pascasarjana Unilak telah menawarkan dua program iaitu Prodi Magister Manajemen dan Magister Hukum yang telah akreditasi B oleh pemerintah Indonesia. Memandang ke hadapan, kerja sama bestari antara UiTM Johor dengan Unilak akan terus diperkasa meliputi aspek pembelajaran dan pengajaran, penyelidikan dan inovasi, serta khidmat masyarakat dengan penglibatan pensyarah dan pelajar di kedua-dua Universiti serumpun ini.



## FORUM MILLENIAL MARKETING MEMBERI INPIRASI Che' Khalilah Mahmood & Jaslin Md Dahlan

Pada 22 April 2019 yang lalu, forum Millenial Marketing telah dianjurkan bersempena Week Without Walls di dewan kuliah LT1, UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat. Forum ini merupakan salah satu aktiviti yang perlu dijalankan pelajar bagi memenuhi keperluan kursus MKT 658 (Issues In Marketing) yang diambil oleh pelajar Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) Pemasaran semester 5. Hampir 200 orang pelajar dari pelbagai kursus telah hadir bagi memeriahkan majlis. Forum ini telah dikendalikan oleh Cik Nur Diyana binti Dahalan dan Cik Nur Nabila binti Mohd Kasim sebagai ketua projek dari kumpulan JBM2405A dan JBM2405B. Buat pengetahuan, perjalanan forum ini adalah di bawah bimbingan dan seliaan pensyarah kursus iaitu Puan Jaslin binti Md Dahlan dan Puan Che Khalilah Mahmood.

Pengamal industri yang telah dijemput adalah Encik Ubaidullah Jaafar dan Encik Muhammad Arif Hanafi Sadan. Encik Ubaidullah Jaafar merupakan salah seorang individu yang berpengalaman luas didalam pemasaran digital dan beliau aktif dalam memberi pelbagai jenis latihan pemasaran secara digital sama ada secara langsung atau atas talian. Sementara itu, Encik Muhammad Arif Hanafi Sadan yang merupakan alumni UiTM Kampus Segamat sendiri aktif dalam menjalankan perniagaan diatas talian. Pelbagai informasi telah dikongsi oleh kedua-dua panel mengenai Millenial Marketing yang menyasarkan pengguna-pengguna media sosial. Selain itu, mereka juga telah berkongsi tentang cara mudah bagi memulakan perniagaan secara kecil-kecilan atas talian yang boleh dijalankan oleh para pelajar bagi membantu mereka mempunyai pendapatan sampingan. Pelajar-pelajar yang hadir juga berkesempatan bertanyakan pelbagai soalan yang menarik mengenai topik kepada ahli panel.



## FIESTA SENI JOHOR 2019 BERI PELUANG MAHASISWA SERLAHKAN BAKAT

Norshahniza Binti Sahari

Performing Arts Club (PAC) telah menganjurkan program Fiesta Seni Johor (FiSeni) 2019 selama 4 hari (24-27 Mac 2019) bertempat di UiTM Cawangan Johor, kampus Segamat. Pelbagai aktiviti telah dijalankan seperti pertandingan berbalas pantun antara mahasiswa/siswi kampus Segamat, pertandingan nyanyian, pertandingan busana dan *Clever Girl* UiTM Cawangan Johor, bengkel solekan, pertandingan penulisan skrip dan karnival jualan.

Antara tujuan FiSeni 2019 adalah untuk memartabatkan kesenian dan kebudayaan tradisional di kalangan mahasiswa agar tidak hilang ditelan zaman. Selain itu, ia bertujuan untuk menggilap bakat serta menghasilkan mahasiswa/siswi yang serba berkebolehan dan cemerlang bukan sahaja dalam bidang akademik malah bukan akademik.

Salah satu kemuncak dan kejayaan aktiviti FiSeni 2019 yang turut memberi impak kepada Universiti adalah penganjuran Kem Kebudayaan Cilik selama 3 hari yang bertujuan untuk menjalin hubungan dengan komuniti setempat. PAC telah menjemput jurulatih profesional dari Yayasan Warisan Johor bagi melatih tarian Zapin Johor kepada anak-anak kakitangan UiTM Caw. Johor dan turut menaja enam orang pelajar dari golongan kurang berkemampuan namun berpotensi dan berbakat dari Sekolah Kebangsaan Paya Jakas, Jementah.

Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar (HEP), Encik Mohd Khairul Ariff bin Noh telah sudi menyempurnakan Majlis Perasmian Penutup di Dewan Sri Temenggong yang telah diadakan dengan cukup meriah termasuklah persembahan khas tarian Zapin Johor oleh peserta-peserta Kem Kebudayaan Cilik.



# INTERNATIONAL ACCOUNTING AND BUSINESS CONFERENCE 2019

Dr. Akmal Aini Othman



International Accounting and Business Conference atau lebih dikenali dengan IABC telah diperkenalkan oleh UiTM Johor bermula pada tahun 2008. Penganjuran pertamanya telah diadakan di Johor Baharu dan bermula daripada itu, konferensi ini terus diketengahkan dengan membawa tema berkisarkan kepada bidang Akauntansi dan Pengurusan Perniagaan.

Tanggal 21-22 Ogos, 2019, telah menyaksikan IABC yang ke-6 dianjurkan diluar daripada Malaysia iaitu di Jakarta Indonesia. Buat julung kalinya UiTM Johor telah berkerjasama dengan universiti luar negara iaitu Indonesia Banking School (IBS) untuk menganjurkan konferensi pada kali ini. Sebanyak Sembilan universiti telah terlibat sebagai rakan kolaborasi dimana ianya melibatkan tujuh universiti daripada Indonesia dan dua universiti tempatan iaitu Universiti Sains Islam Malaysia dan Universiti Tenaga Nasional. Bertempat di kampus IBS yang terletak di Kemang Raya Jakarta, penganjuran kali ke-6 ini telah melibatkan sebanyak 77 manuskrip daripada tujuh buah negara yang membawa tema *Towards Greater Transparency, Accountability and Sustainability in Financial Governance*.

IABC kali ini telah dirasmikan oleh Dr Solikin M. Juhro, Pengarah Eksekutif merangkap Ketua Institut Bank Indonesia. Beliau mewakili Timbalan Gabenor Bank Indonesia, Puan Rosmayah Hadi yang tidak dapat hadir. Konferensi ini juga dihadiri oleh pengurusan tertinggi UiTM Johor yang diketuai oleh Rektor, Prof Madya Dr, Ahamd Naqiyuddin Bakar manakala pihak IBS pula, telah dihadiri oleh Pengerusinya iaitu Dr Subarjo berserta pengurusan tertinggi lain serta para pensyarah. Tidak ketinggalan juga wakil penaja bagi konferensi ini telah hadir sama bagi menjayakan konferensi kali ini iaitu Bank Indonesia, Indonesia Financial Services Authority, Indonesia Banking Development Foundation, Bank Tabungan Negara dan Wardah Cosmetic.

Konferensi kali ini juga menyaksikan sebanyak enam *Letter of Intention* telah ditandatangani diantara UiTM dan universiti-universiti berikut: Institut Bisnis Nusantara, Universitas Bhayangkara Jakarta Raya, Trisaksi School of Management, Universitas Muhammadiyah Tangerang, Universitas Pancasila dan STIE Multi Data Palembang.

Dua orang *Keynote Speaker* telah membentangkan kertas kerja yang berkisarkan kepada tema IABC2019. Pembentang pertama, Dr Solihin M. Juhro manakala pembentang kedua, Prof. Datuk Dr. Syed Othman Al Habshi, merupakan seorang pakar di dalam Perbankan Islam, ahli Lembaga Pengarah Universiti Kuala Lumpur.

Sebanyak tiga kategori anugerah telah diberikan kepada peserta. Ianya adalah *Best Paper Award*, *Best Presenter Award* dan *Best Virtual Award*. Kesemua manuskrip yang menyertai konferensi ini akan diterbitkan di dalam salah satu jurnal-jurnal yang telah disediakan termasuklah *Insight Journal*, jurnal terbitan UiTM Johor.

Dengan kerjasama Indonesia Banking School dan Bank Indonesia, konferensi ini mendapat liputan luas di media cetak akhbar nasional Indonesia seperti Koran Jakarta, Bisnis Indonesia dan Sindonews.

The background is a rich purple with a central glowing circle in shades of orange and yellow. This circle is framed by several concentric, white-outlined diamond shapes. The bottom of the image features a grid pattern that appears to be a 3D wireframe landscape with rolling hills. There are also some faint, star-like light effects scattered across the upper part of the background.

**KARYA AKADEMIK  
DAN UMUM**

## HUTAN KITA

Nur Adilah Saud & Dr. Tan Yan Ling

Amazon adalah hutan tropika terbesar di dunia, meliputi lebih lima juta kilometer persegi di sembilan negara: Brazil, Bolivia, Colombia, Ecuador, Guyana Perancis, Guyana, Peru, Suriname dan Venezuela. Namun 67% hutan hujan itu berada di Brazil. Hutan hujan Amazon adalah salah satu daripada perlindungan terbaik alam semula jadi. Ia berfungsi sebagai paru-paru bumi dengan menyerap karbon dioksida, menyimpannya dalam tanah dan menghasilkan oksigen. Fungsi ini sangat penting bagi memperlahankan berlakunya pemanasan global.

Hutan tersebut juga kaya dengan kepelbagaian biologi, dan menjadi habitat untuk berbilion-bilion spesies yang masih belum dikaji. Akan tetapi sejak kebelakangan ini telah berlaku kebakaran besar-besaran di kawasan ini. Menurut Institut Kajian Penyelidikan Angkasa Kebangsaan (INPE), hampir 73,000 kes kebakaran dilaporkan antara Januari 2019 hingga Ogos 2019. Ini adalah catatan yang tertinggi sejak 2013.

Kebakaran adalah kejadian semula jadi di Amazon dan tahun ini ia berlaku semasa musim kering. Bagaimanapun, pencinta alam sekitar dan pertubuhan bukan kerajaan mendakwa kegiatan manusia turut menyumbang kepada kebakaran tersebut. Dilaporkan kegiatan pembalakan haram merupakan faktor utama kepada kemusnahan hutan Amazon.

Pemusnahan hutan disifatkan sebagai salah satu daripada punca kepada pemanasan global di seluruh dunia. Agensi pengawasan atmosfera Brazil mengesan asap telah merebak sejauh ribuan kilometer merentasi Amerika Selatan. Memandangkan jumlah kebakaran meningkat, pelepasan gas rumah hijau juga berlaku. Ini menjadikan kenaikan suhu di keseluruhan muka bumi. Apabila suhu meningkat, peristiwa cuaca yang melampau seperti kemarau akan berlaku lebih kerap. Di samping peningkatan pengeluaran haba, penebangan hutan juga menyumbang secara langsung kepada perubahan pola hujan di kawasan yang terjejas, memanjangkan tempoh musim kering dan selanjutnya memberi kesan kepada hutan, biodiversiti, pertanian dan kesihatan manusia.

Kesedaran kita terhadap kepentingan hutan perlu ditekankan dan salah satu cara adalah melalui pendidikan. Sama-sama kita menjaga hutan kita.

Rujukan:

<https://www.atlasandboots.com/largest-rainforests-in-the-world/>

<https://www.sinarharian.com.my/article/44654/GLOBAL/Kebakaran-Amazon-Apa-yang-perlu-anda-tahu>

<https://www.washingtonpost.com/weather/2019/08/21/amazonian-rainforest-is-ablaze-turning-day-into-night-brazils-capital-city/?horedirect=on>

<https://www.thevocket.com/mengapa-kita-perlu-risau-jika-hutan-amazon-musnah-dalam-kebakaran/>

# HALAL: KEBOLEHAN DAYA SAING TERBARU BAGI INDUSTRI KECIL SEDERHANA (IKS) MENEMBUSI PASARAN GLOBAL

Mazida Ismail

Industri Kecil Sederhana (IKS) adalah salah satu sumber pendapatan negara yang penting hanya dan mula diberi perhatian setelah adanya Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3). Bertitik tolak dari itu, kerajaan sentiasa merangka pelan pembangunan produk bagi membantu IKS menembusi pasaran global.


Antara faktor yang menyebabkan produk IKS Malaysia sukar dipasarkan di arena antarabangsa adalah ketidakupayaan IKS bersaing dengan syarikat besar yang memang terkenal dan telah lama dikenali. Berbekalkan modal yang kecil, IKS pasti sukar membuat promosi ke luar negara atau mencari agen pemasaran di luar negara.

Umumnya, syarikat IKS perlu mempunyai nilai tambah yang boleh menjadikannya berdaya saing bagi memacu produk mereka supaya dapat menembusi pasaran antarabangsa. Namun begitu, proses membina jenama IKS yang teguh akan mengambil masa yang agak lama dan rumit kerana pelbagai faktor, apatah lagi untuk menjadikannya produk yang mampu bersaing dan setanding dengan jenama antarabangsa. Atas inisiatif dan kesedaran ini, Malaysia telah mengenalpasti bahawa produk Halal boleh dijadikan sebagai faktor utama bagi meningkatkan daya saing untuk IKS khususnya dalam industri pembuatan.

Perbadanan Industri Halal (HDC) telah ditubuhkan bagi memantau pembangunan industri Halal di Malaysia. HDC memainkan peranan penting bersama Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SMEECorp) serta Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), bagi merencanakan lagi usaha membawa produk-produk IKS Malaysia ke mata dunia dan pasaran antarabangsa.

Melihat dari perspektif pengguna Islam, perkara pertama yang difikirkan apabila seseorang Muslim pergi melancong adalah mendapatkan sumber makanan yang Halal. Ini dibuktikan dalam kajian tentang pasaran perjalanan gaya hidup pelancong oleh Muslim Global 2012. Hasil kajian menunjukkan faktor jenama dan rasa sesuatu produk terutama makanan akan jatuh kepada perkara kedua penting selepas Halal dalam memilih makanan semasa melancong. Syarikat IKS Malaysia perlu mengambil peluang akan perkembangan yang positif ini dengan memastikan produk mereka diiktiraf dan mendapat pensijilan Halal. Kenyataan ini bukanlah bermakna IKS boleh mengabaikan tahap kualiti barangan, sebaliknya, IKS perlu meletakkan faktor Halal disamping kualiti sebagai perkara yang sama penting sebagai permulaan bagi menembusi pasaran luar dan antarabangsa. Produk Halal IKS yang memperolehi Sijil Halal Malaysia mampu menarik perhatian dan mendapat keyakinan pengguna di pasaran antarabangsa. Ini boleh dilihat dari nilai eksport produk Halal Malaysia yang sentiasa meningkat dari tahun 2011 hingga 2015 (rujuk diagram 1). Syarikat IKS Malaysia perlu bijak mengambil peluang yang ada dan memanfaatkan bantuan yang diberikan oleh pihak kerajaan mahupun swasta bagi memenuhi permintaan produk Halal yang semakin meningkat di peringkat global. Penggunaan platform e-dagang juga dapat membantu syarikat IKS mempromosikan dan menjual terus produk mereka kepada pembeli dari dalam dan luar negara.

Sebagai kesimpulan, semua pihak perlu berganding bahu dalam membantu untuk meningkatkan perkembangan produk IKS dari segi kualiti dan sebagainya supaya mampu menembusi pasaran global. Hasilnya, secara tidak langsung pendapatan negara dapat ditingkatkan bagi memastikan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju akan tercapai.



(Diagram 1: Laporan Eksport Halal 2011-2015. Sumber dari: [www.hdc.gov.my](http://www.hdc.gov.my))

## MENANANGANI STRES DENGAN BERTANI

Zanariah Abdul Rahman & Dr. Akmal Aini Othman

Setiap agama memberi panduan khusus untuk menangani stres. Ada yang mengajar dengan mengamalkan bacaan alquran, bersolat, meditasi, yoga, dan meluahkan perasaan kepada ibu bapa rakan pakar dan sebagainya. Setiap org hampir pasti merasai stres dalam kehidupannya. Yang penting adalah bagaimana kita ingin menukarkan stres negatif menjadi positif dan mengekalkan sentiasa stres positif yang sedia ada.

Bergaul dengan orang-orang yang positif serta mengamalkan cara hidup yang sihat juga adalah salah satu cara yang mampu mengurangkan stres. Bergaul dengan orang yang positif akan menjadikan kita lebih bermotivasi. Ianya dapat mengelakkan kita daripada memikirkan perkara yang tidak berfaedah. Memilih teman yang baik adalah perkara yang penting dalam Islam.

Rasulullah SAW bersabda,

**"Seseorang itu berada atas cara hidup kawannya, maka perhatikanlah tiap seorang daripada kamu, siapakah yang didampinginya." (Hadis riwayat at-Tirmizi dan Abu Daud).**

Selain itu, berbakti kepada tanah, melihat kepada kehijauan pokok-pokok di sekeliling juga memberikan ketenangan kepada jiwa. Pertanian bukan sahaja boleh memberi faedah dan kesenangan hidup umat Islam di dunia malah ia juga adalah satu ibadah yang tinggi nilainya. Ia adalah sedekah jariah di mana pahalanya sentiasa bertambah. Hal ini dijelaskan oleh Rasulullah SAW yang bermaksud, *"Tiada seorang Muslim pun yang bertani, lalu hasil tanamannya dimakan oleh burung atau manusia atau binatang, melainkan dia akan menerima pahala di atas hal itu."* (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim). Teknologi pertanian terkini memberikan alternatif kepada semua untuk menjalankan aktiviti penanaman walaupun dikawasan yang terhad. Majikan boleh memberikan kelonggaran untuk pekerja menjadikan aktiviti menanam sebagai salah satu kegiatan sampingan untuk pekerja mereka. Contohnya, di UiTM Segamat, Kelab Pensyarah mengusahakan satu tapak tanah dengan menanam tanaman herba dan sayuran sebagai aktiviti masa lapang. Pensyarah yang stres boleh menghabiskan masa dengan melihat kehijauan taman selain berbakti kepada tanah dan mengagumi keindahan ciptaan Tuhan.

Kesimpulannya, masalah stres adalah perkara biasa yang dialami oleh semua orang tidak kiralah pada mana-mana peringkat umur dan pekerjaan. Yang membezakan adalah cara kita menghadapi dan mengatasi masalah stres tersebut. Stres haruslah dikenalpasti diperingkat awal dan ditangani dengan segera. Stres yang berterusan akan menyebabkan kemurungan serta membawa kepada penyakit mental dan fizikal. Oleh itu, amat penting bagi sesuatu organisasi untuk bersama-sama berusaha mengurangkan stres dikalangan pekerja dan menjadikan tempat kerja lebih kondusif dan harmoni.

## MEMPROMOSI KESIHATAN YANG BAIK KEPADA GOLONGAN ORANG MUDA

### Noorita Mohamad

Pertubuhan Kesihatan Sedunia pada tahun 1997 memaklumkan bahawa orang muda melalui pertumbuhan dan pembangunan zaman kanak-kanak ke dewasa (remaja) yang mempunyai ciri yang saling berkait dengan perubahan badan, minda dan hubungan sosial. Ini bermaksud pada peringkat perkembangan fizikal, psikologi dan seksual, anak muda beransur mengambil tanggungjawab bagi menjaga kesihatan diri mereka sendiri. Amalan menggalakkan kesihatan dan kesejahteraan akan memberi mereka impak pada status kesihatan mereka pada masa kini dan dalam jangka masa panjang. Ramai orang muda melibatkan diri dalam pelbagai tabiat yang tidak sihat seperti bermain komputer berjam-jam, senaman dan rehat yang tidak mencukupi dan mengamalkan tabiat seperti merokok. Andainya amalan ini berterusan, ia akan membawa kepada masalah kesihatan yang buruk. Ramai remaja pada masa kini dikaitkan dengan masalah kesihatan yang serius seperti penyakit pernafasan, kanser, sakit sendi, kemurungan dan gangguan psikologi. Namun begitu adalah lebih sukar bagi orang dewasa untuk mengubah tabiat mereka yang tidak sihat seperti yang mereka amalkan pada usia mudanya.

Apa yang paling utama adalah bagaimana cara untuk mempromosikannya kepada golongan muda. Sebenarnya banyak faktor yang menyumbang kepada risiko kesihatan orang dewasa yang boleh dikenal pasti pada peringkat awal. Justeru itu, intervensi awal perlu untuk mereka berubah dalam menghadapi risiko kesihatan di kemudian hari. Oleh itu, promosi tingkah laku sihat yang menasarkannya kepada golongan orang muda adalah sangat penting. Orang muda perlu dicabar untuk mengambil tanggungjawab ke atas kesihatan dan kesejahteraan diri mereka. Aktiviti pembentukan gaya hidup individu dan penentu status kesihatan termasuklah mengambil alih tanggungjawab ke atas diri mereka sendiri, mengambil bahagian dalam aktiviti fizikal dan mengekalkan amalan pemakanan yang baik. Remaja perlukan keseimbangan dalam membangunkan kesejahteraan fizikal, emosi dan sosial selain dari sudut cara berfikir, moral dan estetika.

Remaja di UiTM Segamat bertuah sebenarnya kerana menikmati persekitaran yang bersih. Remaja di UiTM Segamat, umumnya dianggap bebas daripada pencemaran dan penyakit kerana terpelihara dengan persekitaran yang baik. Walaubagaimanapun, ada sebahagian ibubapa yang mempunyai anak remaja yang sedang belajar di UiTM Segamat masih bimbang terutama dengan tahap cara pemikiran pembangunan remaja dan program kesihatan yang khususnya yang masih terhad ditujukan untuk golongan muda ini. Remaja kini masih lemah dalam menguruskan kesihatan dan emosi mereka dan mungkin menjadi tidak selesa atau menjadi tertekan apabila mereka berdepan dengan masalah. Menurut kajian mendedahkan bahawa remaja lelaki di UiTM Segamat, lebih bersemangat melakukan aktiviti senaman fizikal berbanding wanita. Hanya 68 dan 60% remaja lelaki dan perempuan masing-masing, makan sarapan pagi atau makan buah-buahan setiap hari. Dua pertiga remaja di UiTM Segamat, biasanya tidak tidur sebelum tengah malam. Kesan langsung dari tingkah laku tidak sihat ini tidak disedari mereka. Sebaliknya, kesannya berkembang seumur hidup, timbul di dalamnya pada akhir umur apabila terlambat untuk memulihkan kesihatan mereka. Bantuan boleh diberikan dengan memperbanyakkan aktiviti kesedaran kesihatan atau mendaftarkan mereka menyertai pelbagai kumpulan yang diketuai pakar-pakar yang terlatih. Mereka perlu dinasihatkan untuk sentiasa mengamalkan gaya hidup yang sihat. Menerapkan amalan kesihatan yang baik dalam diri kita akan menentukan arah kehidupan yang kita mahukan.

## SOKONGAN TEMPAT KERJA JAYAKAN PENYUSUAN

Nazihah Omar & Syaidatul Zarina Mat Din

Umum mengetahui kebaikan susu ibu terhadap bayi, ibu, dan masyarakat malah ia telah dibuktikan dalam banyak kajian. Pentingnya penyusuan susu ibu sehingga UNICEF dan WHO mengiktiraf penyusuan bukan sahaja sebagai asas kepada pembangunan kesihatan kanak-kanak tetapi juga asas pembangunan sesebuah negara.

Walaupun kesedaran mengenai penyusuan susu ibu telah meningkat dengan ketara dalam kalangan masyarakat, WHO dan UNICEF menganggarkan lebih daripada 50% bayi di dunia tidak disusukan secara optimal iaitu penyusuan eksklusif (susu ibu tanpa makanan atau cecair) untuk enam bulan pertama kehidupan, diikuti oleh susu ibu dan makanan pelengkap (makanan pepejal atau separa pepejal) dari usia enam bulan ke atas, dan penyusuan diteruskan sekurang-kurangnya dua tahun, di samping diberi makanan pelengkap yang sesuai.

Minggu Penyusuan Sedunia 2019 yang disambut pada 1-7 Ogos setiap tahun, bertemakan, **CAKNAKAN IBUBAPA, JAYAKAN PENYUSUAN - Bertindak sekarang demi masa depan**, menekankan penglibatan pelbagai pihak dalam mewujudkan rangkaian sokongan bagi mewujudkan persekitaran yang berupaya memperkasa ibu untuk menyusukan anak secara optima. Sokongan daripada pasangan, keluarga, majikan, rakan sekerja dan komuniti akan memberi impak yang lebih besar dalam membudayakan amalan penyusuan susu ibu.

Sebagai majikan yang prihatin, sokongan dapat dizahirkan dengan menyediakan ruang khas bagi membolehkan ibu mengepam susu mengikut jadual. Ruang yang bersih dan dilengkapi peti sejuk untuk menyimpan susu perahan merupakan fasiliti asas yang diperlukan oleh ibu bagi menjayakan penyusuan. Majikan juga perlu membenarkan ibu mengambil waktu rehat selama sejam bagi 2-3 sesi mengepam yang mengambil masa kira-kira 15-20 minit setiap sesi agar mereka dapat mengepam susu secara optimum.

Pelaksanaan waktu kerja fleksibel perlu diperluaskan ke sektor swasta bagi memastikan ibu mempunyai masa yang mencukupi untuk menghasilkan susu perahan. Sebagai permulaan, projek rintis boleh dilaksanakan bagi mengkaji keberkesanan pelaksanaannya. Selain itu, tempoh cuti bersalin yang lebih panjang dapat memberi masa yang lebih lama bagi ibu menyusukan bayi secara terus dan melatih bayi menyesuaikan diri dengan susu perahan. Taska atau pusat jagaan di tempat kerja juga memudahkan penyusuan, malah dapat mengurangkan tekanan dan kebimbangan ibu terhadap isu keselamatan bayi yang kerap menghiasai dada akhbar.

Kejayaan penyusuan susu ibu turut bergantung kepada sokongan sosial dari masyarakat sekeliling. Penubuhan kumpulan sokongan penyusuan di tempat kerja bertindak sebagai tempat rujuk apabila timbul permasalahan berkaitan penyusuan selain saling memberi sokongan apabila diperlukan. Tekanan kerja yang tidak diurus dengan baik akan memberi kesan psikologikal terhadap penghasilan susu ibu.

## FAKTOR PENUTUPAN SESEBUAH SYARIKAT ATAU PERNIAGAAN

Shafiee bin Md Tarmudi, Muhamad Ismail bin Pahmi, Ros Hasri bin Ahmad,  
Siti Masnah binti Saringat

Berdasarkan statistik semasa Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), setakat 31 Julai 2019, sebanyak 1,325,580 buah syarikat dan 7,487,619 perniagaan telah didaftarkan di Malaysia. Namun sebanyak 10 hingga 20% daripada jumlah tersebut akan “gulung tikar” setiap tahun. Berdasarkan statistik SSM, tahun 2008 mencatatkan sebanyak 27,913 buah syarikat, 11,409 buah syarikat pada tahun 2009 dan 11,631 buah syarikat (2010) telah ditutup. Penutupan syarikat ini adalah disebabkan syarikat dinyah senarai di bawah seksyen 308 Akta Syarikat 1965 yang berdasarkan garis panduan syarikat, iaitu samada tidak beroperasi, penutupan sukarela ataupun penutupan operasi oleh syarikat asing. Namun apakah faktor sebenar penutupan syarikat-syarikat ini?

Antara faktor penyumbang kepada penutupan syarikat-syarikat berkenaan adalah disebabkan oleh :

1. **Kelembapan ekonomi semasa** antara faktor penyumbang kepada penutupan syarikat. Peluang ekonomi yang berkurang menyebabkan syarikat terpaksa bersaing dalam suasana ekonomi yang sempit.
2. **Perintah mahkamah** kerana kesukaran membayar hutang. Kesukaran membayar hutang menyebabkan pemiutang menutup syarikat bagi tujuan mencairkan aset-aset mereka untuk mendapatkan pembayaran hutang.
3. **Tiada perancangan atau halatuju yang jelas** terhadap perniagaan yang dilakukan. Tanpa adanya perancangan jangka pendek, sederhana dan panjang terhadap perniagaan, maka syarikat akan menghadapi masalah untuk mengembangkan perniagaan di masa hadapan sedangkan para pesaingnya telah menyusun pelbagai strategi untuk digunapakai.
4. Syarikat terbabit mempunyai **masalah kewangan** yang serius. Kerugian berganda yang dihadapi sesetengah syarikat kerana kos yang tinggi dan pasaran yang tidak menentu menyebabkan keputusan yang drastik perlu di ambil.
5. **Peningkatan upah**. Sebelum ini syarikat tersebut mempunyai jumlah manpower atau tenaga kerja yang ramai. Tetapi dengan pengumuman kerajaan terhadap ‘penetapan gaji minimum’ sebanyak RM1100/bulan atau RM 5.29/jam bermula Januari 2019, maka akan adanya pertambahan kos untuk manpower sedangkan hasil syarikat tidak berubah malahan semakin menurun kesan kelembapan ekonomi. Mahu tidak mahu, syarikat kena potong perbelanjaan yang lain atau ‘cut manpower’ sehinggalah tidak mampu bertahan, syarikat akan tutup terus.
6. **Terlebih belanja atau tersalah belanja dan overbudget** terhadap beberapa perkara, contohnya seperti pembelian peralatan yang invoisnya ditipu dan tidak dikawal, entertainment fee yang tidak perlu tetapi digunakan sampai terlebih belanja ( contohnya belanja bakal pelanggan makan ) , atau penipuan dalam pembelian bahan mentah, menjadikan faktor syarikat tadi senang gulung tikar.
7. **Turnover** (pekerja yang berhenti dan pekerja baru masuk kerja )yang terlalu banyak pada manpower. Produktiviti menjadi lambat kerana perlu mencari orang untuk diganti dan melatih orang baru, pun boleh dijadikan alasan mengapa syarikat itu ditutup.

Sebagai kesimpulannya, perancangan sesuatu perniagaan amatlah penting dalam sesebuah syarikat. Sekiranya baik dan betul perancangan perniagaan yang dilakukan, maka syarikat atau perniagaan itu akan dapat terus bertahan di dalam dunia perniagaan yang penuh mencabar.

## ANDA STRES?

Zanariah Abdul Rahman & Akmal Aini Othman

Tekanan / stres ada di mana-mana sama ada di tempat kerja mahupun di rumah. Terdapat dua jenis stres iaitu *distres* dan *eustres*. Atau istilah lainnya stres negatif dan stres positif. Stres negatif adalah stres yang membawa kepada keburukkan kepada seseorang manakala stres positif adalah stres yang membawa kepada hasil yang baik atau sesuatu kejayaan pada akhirnya.

Stres positif boleh bertukar menjadi stres negatif andai tidak ditangani dengan sebaiknya. Contohnya, seseorang mendapat kerja yang diidamkan dengan gaji yang lumayan. Kerja idaman itu dibayar dengan gaji yang banyak tetapi datang seiring dengan tanggungjawab. Stres itu bersifat positif bilamana kita sentiasa berusaha bekerja keras dan ingin memberi khidmat yang terbaik untuk syarikat kita. Keadaan itu menjadi negatif apabila kita terlalu asyik dengan tanggungjawab kerja sehinggakan terlupa kepada tanggungjawab kepada keluarga, masyarakat dan rohani sendiri. Keluarga boleh menjadi pincang, masyarakat menjauh dan rohani menjadi tidak tenang sekiranya tidak ditangani dengan sempurna. Impaknya apabila kita lihat banyak kes kemurungan, niat membunuh diri, hilang akal dan penderaan terjadi di sekeliling kita.

Kehidupan kerjaya keluarga dan masyarakat haruslah seiring dan seimbang. Selain itu, ketahui tujuan sebenar kehidupan kita. Kerjaya adalah sumber kepada pendapatan dan untuk kelangsungan hidup. Tetapi, keluarga adalah sumber kebahagiaan kita. Berikan kasih sayang (bukan dengan wang ringgit sahaja) yang tidak berbelah bagi kepada mereka.



Rasulullah SAW bersabda dalam sebuah hadis yang bermaksud: "Setiap kalian adalah pemimpin. Setiap kalian juga akan dipertanggungjawabkan berkenaan kepemimpinannya. Seorang imam bertanggungjawab dan akan dipertanggungjawabkan berkenaan kepemimpinannya. Seorang lelaki bertanggungjawab terhadap keluarganya dan akan dipertanggungjawabkan berkenaan kepemimpinannya. Seorang wanita bertanggungjawab terhadap urusan di rumah suaminya dan akan dipertanggungjawabkan berkenaan kepemimpinannya" (Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Hadis berkenaan menyedarkan kita bahawa setiap kita mempunyai tanggungjawab antara satu sama lain dan perlu memainkan peranan untuk mendapat keredhaan Allah SWT di dunia dan di akhirat.

Masyarakat adalah sumber keselamatan dan keamanan untuk kita. Jalinkan hubungan erat dengan jiran tetangga. Ambil tahu (bukan buat tak tahu) hal-hal berkaitan tempat tinggal kita dan penghuninya. Apabila kita tinggal dikawasan jauh dari ibu bapa dan saudara mara, maka jiran-jiranlah tempat meminta pertolongan. Dalam surah Al-Hujurat (ayat 10), Allah berfirman, maksudnya "Orang-orang beriman itu sesungguhnya bersaudara. Sebab itu damaikanlah (perbaikilah hubungan) antara kedua saudaramu itu dan takutlah terhadap Allah, supaya kamu mendapat rahmat."

Memperbanyakkan doa kepada Allah SWT supaya sentiasa dipelihara daripada akhlak buruk. Oleh sebab itu Nabi SAW selalu berdoa kepada Allah dengan doa berikut yang bermaksud: "Ya Allah, sesungguhnya aku mohon berlindung dengan-Mu daripada segala kemungkaran akhlak, amalan dan nafsu" (Riwayat al-Tirmidhi).

## UiTM JOHOR – MENCORAK PERUBAHAN, MELAKAR DESTINI Prof. Madya Dr. Ahmad Naqiyuddin Bakar

Pendidikan merupakan wasilah pembangunan bangsa dan negara, di mana modal insan adalah sumber kecemerlangan bakat bagi memelopori aspirasi Malaysia ke arah negara maju berpendapatan tinggi. Mengambil pedoman dari falsafah Universiti Teknologi MARA (UiTM) bahawa setiap individu mampu mencapai kecemerlangan melalui pemindahan ilmu serta penerapan nilai-nilai murni agar menjadi graduan profesional yang berupaya mengembangkan ilmu dan membangunkan diri, masyarakat dan negara, UiTM Johor komited menggalas amanah dalam penghasilan graduan yang menyumbang kepada sektor ekonomi negara amnya dan negeri Johor khususnya.

UiTM Johor boleh berbangga kerana sejak penubuhannya pada 15 Disember 1983 dengan jumlah pelajar sekitar hanya 400 orang ketika itu, ribuan graduan Bumiputera yang dihasilkannya kini telah pun menjadi aset terpenting negara di pelbagai sektor industri, sama ada awam mahu pun swasta. Selaras dengan dasar tadbir urus korporat baru, UiTM Johor berpengalaman mengendalikan majlis konvokesyennya di Kampus Segamat. Jika disoroti sejarah awal penubuhan yang pada ketika itu hanya menyewa bangunan kedai di sekitar Bandar Segamat, UiTM Johor hakikatnya telah melalui susur galur unik dan mencabar. Mula berpindah ke kampus tetapnya pada 1 Jan 1990, sehinggalah pekan Segamat kini telah diangkat statusnya menjadi perbandaran, lokasi UiTM Kampus Segamat di pinggir bandar sentiasa berdepan cabaran persepsi terhadap keupayaan dan keberhasilannya selaku sebuah Universiti.

UiTM Johor terus berkembang pesat dengan pembukaan sebuah lagi cawangan kampus tetapnya di Pasir Gudang, pada Mei 2014. Kampus moden yang dibangunkan secara konsep Inisiatif Pembiayaan Swasta atau *Private Finance Initiative* (PFI) ini dilengkapi segala bentuk infrastruktur canggih menawarkan program kejuruteraan (mekanikal, elektrik, awam dan kimia) selain program Pengurusan dan Perniagaan (dengan pengkhususan dalam bidang pengangkutan) bermatlamat memperkukuh penghasilan modal insan Bumiputera dalam bidang profesional secara berterusan. Dengan jumlah pelajarinya sekarang hampir mencecah 10,000 orang, UiTM Johor amat berbangga kerana mendapat sokongan padu dan berterima kasih kepada pengurusan tertinggi UiTM, YB Menteri Pengajian Tinggi, Kerajaan Malaysia, rakan strategik seperti pihak alumni, pemain industri, penyumbang dana dan semua pihak berkaitan yang telah membawa UiTM Johor sehingga ke tahap ini.

### **Kampus Simfoni Alam, Digital dan Bestari**

Bersesuaian dengan Kampus Segamat yang lokasinya di kelilingi alam semula jadi, tema Simfoni Alam telah diangkat sebagai identiti UiTM Johor. Kini, selepas melewati tiga dekad beroperasi, mengambilkira perkembangan teknologi dan pembukaan Kampus Pasir Gudang, UiTM Johor melakukan penjenamaan semula yang secara dasarnya masih mengekalkan konsep sedia ada, dengan menambah dua lagi elemen iaitu “digital” dan “bestari”.

Pada hemat penulis, adalah satu kemestian bagi setiap warga UiTM Johor di kedua-dua kampus Segamat dan Pasir Gudang memahami setiap keutamaan yang telah digariskan di dalam Amanat Tahun Baru Naib Canselor 2019 demi menyerlahkan keupayaan sumber modal keintelektualannya. Pada masa yang sama, tema Simfoni Alam, Digital dan Bestari harus tersisip atau terjalin kemas di segenap aspek perancangan dan pelaksanaan strategi yang dibuat.

“Simfoni alam” merujuk kepada usaha berterusan bagi mencakna keunikan alam semulajadi Kampus, keharmonian persekitaran dan kesalingan hubungkaitnya dengan insan dan keagungan Tuhan, ke arah masa depan yang lestari. Konsep “digital” pula berpaksi kepada usaha memupuk keutuhan, kreativiti dan eko-sistem kampus yang bersifat inovatif untuk semua pihak berkepentingan dalaman dan luaran Universiti. Manakala, “bestari” pula berkait dengan usaha menyemarak proses Pengajaran & Pembelajaran, Penyelidikan & Inovasi, Khidmat Masyarakat dan Penyampaian Perkhidmatan berpaksi kepada keintelektualan, dan kepelbagaian kecemerlangan bakat.

Mendalami kedua-dua mesej Perutusan Tahun Baru Menteri Pengajian Tinggi dan juga Amanat Tahun Baru Naib Canselor UiTM 2019 yang berfokus kepada 'memperkasakan UiTM ke arah penghasilan berimpak tinggi bagi manfaat masyarakat', perancangan tahunan UiTM merangkumkan aspek teras dan strategi pelaksanaan. Justeru, bagi tahun 2019, UiTM Johor telah menggariskan 9 Keutamaan Strategik yang mengambil petunjuk dari 9 Inisiatif Kecemerlangan UiTM. Seterusnya, langkah penandaarasan dan pengukuran khusus dirangka bagi menentusahkan prestasi pencapaian UiTM Johor. Demi merealisasikan keberhasilan perancangan dan pelaksanaan strategi, kesemua 11 inisiatif khas projek berimpak bagi sepanjang tahun 2019 telah digariskan. Pendekatan strategik yang sangat unik telah diambil ialah dengan menggembelng segenap kekuatan dan keupayaan warga staf samada pensyarah, pentadbir mahupun pelajar, secara merentas Jabatan dan Unit dengan penglibatan pihak berkepentingan luar Universiti.



### Merealisasi Impian

UiTM Johor kini berada di landasan yang kukuh untuk terus melakukan lonjakan lantaran memiliki segala resipi demi melakar lebih banyak kejayaan berbekalkan ilmu, *skill sets*, kepakaran dan sikap yang mendambakan keunggulan. Ditambah pula dengan sokongan berterusan dari pengurusan induk UiTM dan Kerajaan, tentu sahaja hampir tiada sebab untuk warga UiTM Johor mengelak diri dalam menjayakan agenda yang telah digariskan. Dengan pelbagai strategi dan pendekatan yang diatur secara kemas, bijaksana dan terancang, penulis berasa amat yakin bahawa UiTM Johor mampu menjadi agen pencetus dan penggerak gelombang kecemerlangan. UiTM Johor juga beriltizam untuk berperanan secara lebih strategik mengambilkira perubahan-perubahan persekitaran yang berlaku khususnya di negeri Johor. Menyedari hakikat bahawa kita tidak mampu bertindak sendirian, UiTM Johor akan membuka dimensi baru dengan berkerja lebih rapat bersama-sama agensi Persekutuan, Negeri dan Daerah yang berkaitan, selain rakan strategik dari industri dan universiti luar. Melalui usaha-usaha ini, adalah diyakini bahawa UiTM Johor berupaya mencetus impak yang lebih besar ke arah kejayaan wawasan negara. UiTM Johor, Simfoni Alam, Digital & Bestari – Mencorak Perubahan, Melakar Destinii!

# MENGHADAPI GELOMBANG REVOLUSI INDUSTRI 4.0

## Rudza Hanim Mohamed Anuar

Revolusi Industri 4.0 menjadi agenda utama dalam sektor pendidikan dalam negara dalam bagi mempersiapkan graduan yang bakal bersaing dalam dunia pekerjaan, agar dapat memenuhi keperluan industri masa kini. Bagi menrealisasikan agenda tersebut, kita tidak boleh hanya bergantung kepada teknologi yang tinggi dan sofistikated malahan ia juga memerlukan daya penyampaian oleh pengajar yang kreatif dan berinovasi. Dua elemen penting yang ditekankan oleh Kementerian Pendidikan selaras dengan agenda ini ialah aspek etika dan moral yang merupakan kunci kepada tranformasi digital era Revolusi Industri 4.0.

Revolusi Industri 4.0 bukanlah suatu yang sukar untuk diadaptasi. Sejarah telah membuktikan bahawa revolusi Sains juga pernah berlaku dalam dunia Islam iaitu sekitar abad ke 8 hingga abad ke 14 yang dikenali juga sebagai *The Golden Age*. Ketika revolusi sains ini, antara aspek penting yang membangunkan kemajuan Sains dalam masyarakat Islam ketika itu ialah moral dan etika yang berlandaskan agama Islam, sesuai dengan cara hidup mereka.

Dari masa ke semasa, dunia telah menyaksikan kepesatan peningkatan teknologi yang telah berjaya merubah kehidupan manusia ke satu tahap yang lebih maju. *The German Ideology* hasil tulisan ahli falsafah ekonomi politik terkenal, Karl Marx dan Friedrich Engels sekitar tahun 1846 menyatakan: “*Technlogy would make it possible to eliminate the distinctions between town and country, oil baron and roughneck, investment banker and garbage collector, and create society in which one could “hunt in the morning, fish in the afternoon, rear cattle in the evening, criticize after dinner”*. Falsafah ini menjelaskan bahawa pergantungan kepada teknologi semata-mata tanpa nilai moral dan etika, hanya akan melahirkan generasi yang tidak bertanggungjawab serta hanya mementingkan diri sendiri.

Kesan kepada fasa peralihan revolusi perindustrian pertama (bergantung kepada mesin berkuasa wap), revolusi perindustrian kedua (kuasa elektrik), dan revolusi perindustrian ketiga (berasaskan teknologi maklumat dan komputer), masih dapat dilihat dengan jelas masa kini, seperti pencemaran air, udara dan tanah. Sebagai contoh, kes pembuangan sisa kimia di Sungai Kim Kim, Johor Bahru, yang menjejaskan lebih kurang 4,000 orang penduduk sekitar termasuk pelajar sekolah dari 111 buah sekolah. Inilah kesan

daripada hilangnya nilai moral dan etika dalam diri manusia yang lebih mengejar keuntungan. Manakala di dalam sektor komunikasi dan teknologi maklumat, gejala penularan fitnah dan berita palsu menjadi isu hangat yang semakin membimbangkan dan sehingga kini masih berleluasa sarta belum ada jalan penyelesaiannya.

Revolusi Industri 4.0 menyaksikan bahawa analisis big data, integrasi sistem, *cloud* dan *Internet of Things* (IoT) merupakan elemen-elemen penting yang bakal merancakkan lagi kemajuan teknologi dunia. Justeru itu, peranan pendidik adalah sangat penting bagi memastikan universiti mampu melahirkan graduan yang menjadi ‘pemain utama industri’ serta mampu mentadbir negara dengan baik dalam era Revolusi Industri 4.0. Namun begitu pergantungan kepada kecanggihan teknologi semata-mata tidak boleh dijadikan sandaran ke arah negara maju, sebaliknya malahan perlu juga kepada penerapan nilai etika dan moral adalah penting supaya kita tidak terjerat menjadi “hamba teknologi”.

### Rujukan

- C. Sheila Rani. (2017, September 11). Celik Industri 4.0. Utusan.com. Retrieved from <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/celik-industri-4-0-1.524994>
- Fukuyama, F. (1992). *The End of History and the Last Man*. London: Penguin Group.
- Masood, E. (2017). *Science and Islam a History*. United Kingdom: Icon Books Ltd.
- Mohamed Farid Noh. (2019, March 19). Sungai Kim Kim Bebas Sisa Kimia. Berita Harian. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/03/542996/sungai-kim-kim-bebas-sisa-kimia>
- Nation. (2019, May 17). Malaysians Ignore Journalism, Prefer Social Media, and are Falling Victim to Fraud. The Star. Retrieved from <https://www.thestar.com.my/news/nation/2019/05/17/csm-malaysians-ignore-journalism-prefer-social-media-and-are-falling-victim/#4dXFu154qI2tx74.99>
- Pendidik2u.my (2018, October 16). Memacu Pendidikan di Era Revolusi Industri 4.0. Pendidik2u. Retrieved from <https://www.pendidik2u.my/memacu-pendidikan-di-era-revolusi-industri-4-0/>

## CABARAN SEBAGAI BOS MUDA

Muharratul Sharifah Shaik Alaudeen



Ramai yang mengenali Datin Vivy Yusof. Kelibat beliau yang sentiasa dilihat di Instagram sentiasa dinanti-nantikan oleh pengikutnya. Lebih menarik lagi kerana beliau antara tokoh usahawan yang amat berjaya dengan empayar perniagaan Fashion Valet dan jenama Duck. Ditambah pula umurnya yang masih muda sudah pasti ramai anak muda yang ingin mengikut jejak langkah beliau.

Bagaimana ingin menjadi seorang ketua atau bos yang disegani walaupun anda masih muda? Sudah pasti anda mencari-cari resepi kejayaan seperti Datin Vivy Yusof ataupun tokoh yang lain bukan? Bukan mudah untuk menjadi seorang bos yang lebih muda daripada pekerja bawahan.

Sekiranya anda berada dalam kategori itu, apakah yang anda akan lakukan? Ada sesetengah bos menghadapi saat sukar untuk mengurus ataupun memberi arahan kepada pekerja yang jauh berusia. Apakah resepi terbaik untuk menangani hal ini?

Sudah pasti mempunyai pekerja yang lebih berusia bermakna mereka mempunyai pengalaman dalam menyiapkan segala tugas yang diberikan. Resepi pertama, sebagai seorang bos, eloklah anda mengiktiraf pengalaman pekerja tersebut dan sentiasa menjalinkan komunikasi yang baik terutamanya apabila ingin memberi tugas kerja kepada mereka ini. Bagi seorang yang lebih berusia dan berpengalaman, mereka mampu menerima arahan dan teguran yang berhemah. Buatlah teguran secara privasi demi menjaga air muka pekerja yang lebih berusia dan berpengalaman ini.

Resepi kedua, anda digalakkan untuk mengamalkan sikap peramah terhadap semua pekerja di bawah anda. Amalkan sikap prihatin terhadap keadaan diri pekerja dan keluarga mereka. Sentiasa menghargai pekerja bawahan anda dengan mengadakan rumah terbuka organisasi anda semasa perayaan disamping mengadakan hari keluarga bersama pekerja dan ahli keluarga mereka. Dengan cara ini, anda akan dapat mengeratkan lagi jalinan ukhuwah antara pekerja, keluarga mereka dan majikan. Sudah pasti para pekerja akan berasa dihargai. Ini adalah salah satu cara untuk meningkatkan produktiviti organisasi ke tahap lebih tinggi.

Resepi ketiga adalah amalkan sikap tegas. Sebagai seorang bos, walaupun anda muda, anda perlulah bersikap tegas mengikut keadaan. Sekiranya ada di antara pekerja yang telah melakukan kesilapan, teguran dan amaran perlu diberikan agar kesilapan yang sama tidak diulangi. Teguran boleh dilakukan dalam bentuk surat atau emel mahupun secara lisan. Pun begitu, teguran perlu dilakukan dengan cara berhemah.

Resepi keempat adalah sentiasa bersikap terbuka dalam menangani kritikan dari pekerja yang sudah berpengalaman dan jauh lebih berusia daripada anda. Belajarlah untuk menerima kritikan dan pendapat dari pekerja bawahan anda secara lebih terbuka. Ini akan dapat membantu anda untuk menguruskan organisasi dengan lebih baik.

Sebenarnya, usia bukanlah penghalang untuk menjadi seorang bos atau pemimpin yang baik. Apa yang paling utama adalah amalan kepimpinan dan pengurusan perlu disesuaikan mengikut keperluan pekerja dan keadaan organisasi. Belajarlah untuk memahami orang lain lebih-lebih lagi pekerja anda agar semua urusan dapat diselesaikan dengan lebih pantas dan mudah.

## KEMBOJA – AKU DATANG LAGI.... Mazlina Ismail dan Rohani Jangga

Kenangan semasa mengikuti program Qurban di Kemboja beberapa tahun yang lepas masih segar dalam ingatan. Mana mungkin aku lupa kenangan dihidangkan dengan air kelapa di ketiga-tiga kampung yang kami pergi. Air kelapa dalam buah kelapa yang agak besar. Di kampung yang terakhir kami kunjungi, kami dihidangkan dengan nasi dan lauk yang sudah sehati dengan kehidupan mereka. Apa lauknya? Daging lembu Qurban dimasak cara mereka – iaitu direbus dan dicampur dengan sedikit lada serbuk sahaja. Tiada bawang. Selain itu, kacang panjang yang dipotong dalam anggaran sejengkal, daun salad dan timun. Tiada sambal belacan disediakan. Ada juga kepingan ikan goreng yang diletak dalam sebuah pinggan kecil. Sudah pasti ikan itu tidak digoreng menggunakan serbuk kunyit. Aku cubit sedikit isi ikan itu dan menyuapkannya ke dalam mulut. Tawar sahaja rasanya. Dalam hati aku tertanya-tanya juga apa jenis ikan yang dihidangkan kepada kami. Sedang kami menjamu selera, tiba-tiba ada seorang lelaki tempatan menghulurkan sebuah pinggan kepada kami. Terperanjat kami dibuatnya sebab ada kepala ikan yang agak besar di atas pinggan itu. Kepala ikan toman rupanya. Terus aku tolak pinggan itu jauh-jauh.

Tahun ini aku ke Kemboja lagi. Kali ini selain dari membawa beberapa orang pelajar, ada rakan sekerja juga turut serta. Setelah mengadakan perbincangan tentang masakan yang akan dimasak di sana, kami bersetuju untuk membeli beberapa bahan asas di sini. Kami membeli minyak masak, bawang, daging dan ayam salai, sardin dalam tin, tepung gandum dan beras, gula pasir, kopi dan teh uncang, ikan bilis, kentang, lobak merah, susu pekat, sos tomato dan cili, cili boh, kicap dan kacang hijau. Kenapa perlu beli semua ni? Menurut seorang rakan ku yang sudah dua kali mengadakan program khidmat masyarakat di kampung yang sama, bahan mentah untuk memasak lauk pauk yang kena dengan tekak orang Melayu agak susah untuk diperolehi di sana. Sebenarnya kami tahu yang minyak masak tidak

dibenarkan untuk dibawa menaiki pesawat tapi disebabkan kedegilan kami, kami masukkan juga botol minyak masak seberat lima kilogram ke dalam kotak dan dimasukkan ke dalam kargo. Penerbangan kami adalah pada pukul 6.10 pagi jadi selepas mengerjakan solat Subuh di surau berdekatan, kami menghampiri pintu berlepas. Aku terdengar nama kawanku dipanggil oleh seorang pegawai syarikat penerbangan. Dia bertanya kepada kawanku itu mengenai botol minyak masak yang telah dimasukkan ke dalam kotak. Kawanku mengangguk. Lantas pegawai itu meminta kawanku mengikutnya. Kami yang lain berpandangan antara satu sama lain. Cemas jugak dibuatnya masa itu. Kami berjalan masuk ke dalam pesawat dan duduk di tempat masing-masing. Beberapa minit selepas itu kelihatan kelibat kawanku itu memasuki pesawat. Alhamdulillah, lega rasanya. Rupanya kawanku itu diminta untuk mengenalpasti dan mengeluarkan botol minyak masak dari dalam kotak. Selepas itu, kotak tersebut telah ditutup semula oleh pegawai tersebut dan dimasukkan ke dalam bahagian bawah pesawat bersama-sama dengan kotak-kotak yang lain.

Kami agak terkilau akan 'kehilangan' botol minyak tersebut tetapi kami akur dengan peraturan yang telah ditetapkan oleh syarikat penerbangan. Alhamdulillah, kami dapat memasak lauk-pauk yang kena dengan selera kami hingga hari terakhir kami di kampung itu. Selain dari memasak untuk semua peserta program ini, kami juga memberi makanan yang kami masak kepada ahli keluarga ketua kampung kerana kami menumpang tidor di rumah mereka. Berselera sungguh mereka makan walaupun kebanyakan makanan yang kami masak agak pedas.



## LUBUK REZEKI BAGI USAHAWAN PERTERNAKAN IKAN SIAKAP

### Jannah Munirah Mohd Noor

Ditugaskan sebagai pensyarah keusahawanan bukan sesuatu perkara yang mudah. Bila mengajar subjek keusahawanan banyak benda yang aku sentiasa tertanya-tanya, apakah diriku layak untuk mengajar keusahawanan, mana bisa mungkin aku mengajar dari teori sedangkan dari segi praktikal kadang-kadang lari dari kefahaman ku sendiri. Begitu juga soalan-soalan yang dilemparkan oleh para pelajar ku mengenai sifat keusahawanan yang sebenar. Seperti teori yang mashur Benjamin Franklin, "Entrepreneurs is the person who are undertakes the risk and develop something", namun jawapan ku sekadar teori, kosong dan kadang-kadang aku tidak rasa puas dengan jawapan yang ku berikan kepada para pelajar.

Kerana tuntutan itu, aku memohon daripada pihak atasan untuk mengadakan Latihan Industri Keusahawanan (LIK) sewaktu cuti semester di Laguna Gong Batu, Setiu, Terengganu. Perusahaan Peternakan ikan siakap yang terkenal di Negeri Terengganu. Aku mahu belajar bagaimana sifat keusahawanan itu sendiri dan penat lelah mereka menghasilkan sesuatu produk. Namun, yang paling penting bagiku adalah pengalaman yang akan aku kutip sepanjang berada disana. Mengapa aku memilih desitinasi ini? Kerana aku teringat kata-kata seorang tokoh keusahawanan Tan Sri Ali Hashim, mantan CEO JCorp, usahawan yang sebenar bermula dari hasil ternakan dan pertanian kerana disitu terletak seribu kecekalan, seribu ketabahan dan seribu sumber yang di salurkan kepada seisi alam, kerana itu aku ingin merungkai maksud tersirat beliau untuk aku jadikan sedikit bekalan demi mendidik anak bangsa. Ku tanam maksud ini ke dalam lubuk hatiku biar azam ini tertanam agar aku terus cekal.

Hari pertama aku sampai di tapak perusahaan, aku kagum dengan keindahan dan kejadian Allah S.W.T, terletaknya sebuah Laguna yang terletak diperantaraan air sungai dan air laut, keajaiban yang menjadikan ianya satu lanskap peternakan ikan laut yang amat sesuai iaitu ikan siakap dan kerapu. Melihat keindahan kejadian Allah S.W.T, aku terpaku dan terpana dek kilauan dan kejernihan air yang terpancar dek sinaran mentari senja dan didalamnya terdapat sekumpulan sianak ikan siakap berenang-renang kearahku seolah-olah menyambut kedatanganku, berbekalkan sebuah komputer riba dan beberapa peralatan komunikasi, aku memulakan tugasku, memerhati dan menulis. Hari pertama aku disini, tidak banyak aktiviti yang dapat kulihat kerana sudah lewat petang, aku diperkenalkan kepada Encik Johari Awang Besar dan Encik Sarif Safian, yang merupakan pengusaha yang berjaya disini, memandu kereta Lexus RX330, berwarna hitam dan berkilat membuatkan aku yakin bahawa disini akan aku temui jati diri seorang usahawan yang sebenar. Aku tersenyum tersendiri, tidak sabar rasanya mahu berkongsi pengalaman dari beliau.

Sewaktu mentari mula menyising senja, aku diajak oleh Encik Sarif menaiki fiber atau lebih dikenali sebagai bot laju, untuk ke sangkar beliau, melihat susuk tubuhnya yang tegap, aku percaya bukan calang-calang orang yang boleh menjadi peternak ikan siakap, mesti tangkas dan cepat melawan arus, berani meredah lautan. Lirik mataku diperhatikan lantas dia memberikan senyuman, katanya menjadi peternak ikan siakap bukan mudah, perlu keazaman yang kuat seperti ikan-ikan dilautan yang sentiasa berenang meredah lautan tanpa keluh dan kesah, aku tersenyum sipu, benar kataya, apatah aku ini sering kali merungut itu dan ini sekiranya sistem pengurusan di pejabatku mengalami masalah. Malu memikirkan bagaimana aku boleh mengajar subjek yang memerlukan jati diri yang sebenar ini.

Aku mengorak langkah menaiki bot laju ke sangkar ikan siakap, disini aku dapati lebih 30 pengusaha ikan siakap yang terdiri dari penduduk kampung di sini, melihat kolam ternakan yang tersusun atur, aku jadi kagum dengan binaan sangkar disini seperti mainan dadu yang terdapat kotak-kotak kecil dipapan mainan "dam haji". Sesuatu yang menarik perhatianku, terdapat anak-anak kecil yang begitu berani berlari di titian kecil dan memukat anak-anak ikan di celah-celah sangkar, gembira dan tersenyum seolah-olah mereka sudah biasa dengan kehidupan disini. Teringat zaman kecil ku ketika memukat ikan puyu di kampung dulu, penuh dengan selut dan lintah yang merayap, tidak seperti anak-anak sekarang, yang sibuk melayari *Facebook*, dan *Twitter* mengetahui hal orang lain tanpa sedar yang keseronokan sendiri dipertontonkan.

Terkedu aku disapa Encik Sarif yang melihatkan aku seolah-olah bermonolog sendirian, aku di beri palet kecil rupanya seperti makanan ikan emas pilihanku dirumah cuma warnanya coklat dan baunya seperti minyak ikan, katanya ini makanan anak ikan siakap, manakala yang palet yang sebesar duit sepuluh sen pula untuk makanan ikan siakap yang besar. Menurut Encik Sarif lagi, ikan siakap dikenali dengan bahasa saintifiknya *Lates Calcarifer*, ia merupakan ikan pemangsa yang mendiami air sungai dan air laut. Ikan siakap liar yang tidak diternak menjadikan *crustacean*, moluska dan ikan kecil sebagai dietnya. Katanya lagi, ikan siakap merupakan ikan *euryhaline* tetapi stenothermal di mana ia mendiami kawasan sungai dan berhijrah ke muara atau kuala untuk membiak, jadi tidak hairanlah Laguna Gong Batu ini menjadi medan perternakan ikan siakap yang paling baik di Malaysia kerana struktur muara dan kawasan yang sesuai untuk perternakan dan pembenihan ikan siakap. Kagum aku melihat Encik Sarif berkata-kata kerana anak muda ini mempunyai Ijazah dalam Pengurusan Operasi, namun pengalaman dan pengetahuannya dalam bidang peternakan perikanan yang jauh dari apa yang di belajar membuatnya sering menjadi rujukan para penyelidik terutama dari bidang sains Marin Universiti Malaysia Terengganu. Senyuman terukir dibibirku bangga ada anak bangsa sepertinya yang tidak lokek berkongsi ilmu padaku. palet di tanganku di lemparkan ke sangkar, palet ini di import dari Taiwan kerana kandungan nutrisinya tinggi terdiri dari soya, ia diproses menggunakan teknologi yang canggih dan kalau mahu isinya padat dan cepat membesar, palet ini akan diberi dua kali sehari pagi dan petang. Ibarat vitamin kedalam tubuh kita, sekiranya mahu sihat dan kuat kenalah ambil makanan tambahan. Sewaktu aku melemparkan palet kedalam sangkar, aku terkejut melihat kocakan air yang begitu kuat, rupa-rupanya sang kakap (ikan siakap) sedang berebut-rebut palet yang jatuh ke dalam sangkar. Melihat gelagat sang kakap membuatkan aku ketawa dan terhibur kerana, mereka begitu bersungguh-sungguh bersaing diantara satu sama lain untuk makan, ikan siakap bukanlah sepsis yang agresif bagaimanapun ia akan memberi tindak balas yang mengejut apabila diusik atau ditangkap. Jangan sesekali menangkapnya menggunakan tangan, walaupun nampak seperti tenang berenang, sekali ia berenang laju, mampu terbelahkan tangan dek kerana insangnya yang tajam. Ku tinggalkan sang kakap dengan makanannya seketika untuk aku pulang ke daratan, kerana waktu senja kian mengunjung tiba. Petang itu aku belajar sesuatu bahawa menjadi seorang usahawan harus berani melawan arus, bumi Allah ini begitu luas tidak kira di daratan atau lautan, manusia di ciptakan dengan sebaik-baik kejadian untuk mencari rezeki di bumi ini dan kerana itulah kita harus sentiasa bersyukur dan memujiNYA ....SubhanAllah, hari esok aku harus pelajari lagi dan menyelongkar khazanah alam ini, azamku harus ku lunas kan untuk mencari jati diri seorang usahawan yang sebenar.

Hari kedua, jam menunjukkan 5.30 pagi, kalau di rumah aku masih lagi lena di buai mimpi, aku harus menyiapkan diriku kerana misi aku pagi ini adalah melihat bagaimana kehidupan pengusaha-pengusaha perternakan ikan siakap disini meraih rezeki, selesai solat subuh aku sudah berada di jeti untuk naik ke sangkar peternak, aku tersenyum sendirian, tiada lagi solekan SimplySiti di wajahku, tiada lagi wangian *Bodyshop* ditubuhku dan Encik Sarif berkata kalau lewat nanti terlepas nak lihat matahari terbit kerana katanya rezeki akan murah kalau kita bangun pagi dan memulakan pekerjaan di awal subuh, sekali lagi bermonolog 6.00 pagi sudah memulakan kerja?.

Kalau dirumah, waktu sebegini, aku masih enak dibuai mimpi, namun sebagai seorang usahawan mereka bukan sahaja harus cekal tetapi berdisiplin, ternyata fikiran aku selama ini meleset, aku fikir jika bekerja sendiri, sukahatilah mahu bekerja pukul berapa, syarikat ini aku yang punya. Mungkin kerana pemikiran ini, terjawab mengapa kadang kala sesuatu perniagaan itu kurang berjaya. Mentaliti makan gaji seperti aku juga harus diubah untuk menjadi seorang yang berdisiplin juga.

Hari ini hari bertuah kepadaku, kerana aku dapat melihat sendiri bagaimana proses penghantaran ikan siakap kepada pemborong. Lori dengan muatan 1000 kilogram diubah suai mempunyai tong ikan yang tersusun rapat dimana tong ikan ini mempunyai saluran oksigen dan berais, ini kerana, ikan siakap akan diberi ubat pelali agar tidak agresif dan berada didalam keadaan yang tenang sekiranya suhunya sekitar 16 darjah celcius. Ikan siakap yang seberat 400 gram – 600 gram dalam tempoh 12 bulan. Kadangkala, beratnya mencecah 1 kilogram hingga 3 kilogram bergantung kepada lemak dan tahap pembesaran 18 hingga ke 24 bulan. Ubat pelali yang diberikan tidak berbahaya kepada manusia kerana tidak mengandungi bahan kimia, ianya diperbuat dari bahan botanik, dan kesannya hanya untuk melalikan siakap dari bertindak agresif sepanjang proses penangkapan. Sebelum proses penghantaran, ikan siakap akan digredkan mengikut berat dan juga saiz. Ini memudahkan proses penjualan dan penentuan harga kepada peruncit. Setelah selesai, ikan siakap ini akan dimasukkann dalam tong-tong berisi air dan dihantar segar ke restoran dan hotel yang termuka di Kuala Lumpur.

Hari ini, sesuatu yang baru ku belajar, bukan sahaja kecekalan dan ketabahan sahaja diperlukan, tetapi keintelektualan dan daya kreativiti diperlukan dalam pelaksanaan proses ini, dimana lori ini diubah suai untuk memastikan proses dan kualiti ikan dihantar begitu juga proses pengredan ikan memerlukan ketelitian agar kepuasan dari pihak pelanggan dapat dipenuhi.


Seminggu di Pengkalan Gelap Setiu, membawa seribu pengertian kepada kehidupan ini, mengajar aku erti keinsafan ciptaan Allah S.W.T, ketabahan, kecekalan, jati diri dan juga disiplin yang tinggi diperlukan. Sikap merendah diri dan sentiasa bersedia menghadapi sebarang kemungkinan menjadikan seorang usahawan perternakan ikan siakap mengungguli bidang perternakan ikan tawar di Malaysia. Tidak sabar untuk berkongsi cerita bersama anak bangsaku, semoga ianya menjadi pemangkin semangat dan motivasi kepada pelajarku yang ingin menceburi bidang ini. Laguna Gong Batu, Setiu aku tinggalkan dengan seribu kenangan. Lubuk emas ini menjadi medan kepada perternak untuk meraih rezeki, walaupun mereka bermandi peluh dek panas mentari, aku percaya sumber semulajadi kurniaan yang tidak terhingga buat umatnya. Aku tersenyum puas, menjumpai sesuatu pengalaman yang paling berharga.



Penulis di atas fiber (bot laju) untuk proses pengkelasan ikan.



Proses Pelalian dan penangkapan ikan siakap.



# KARYA KREATIF

# IBU

Siti Farrah Shahwir

Ibu...

Panggilan indah bagi seorang wanita  
Dipandang tinggi di sisi Illahi

Namun perjuangannya tidak pernah lurus  
Ada sahaja liku dan duri menanti di sisi perjalanan  
Segala liku dan duri harus ditempuhi  
Bukannya satu pilihan untuk mengelak  
Segalanya mesti...

Ibu anak satu masih kuat lagi  
Dibelai dimanja dan dijaga dengan rapi  
Seekor nyamuk tak diberi izin mendekati pujaan hati.

Ibu anak dua masih mampu mengawal hati  
Seorang merajuk ada tangan kiri untuk membelai  
Seorang menangis ada tangan kanan untuk memeluk  
Sesekali nyamuk hinggap dah tak boleh buat apa

Ibu anak tiga mula tepuk dahi  
Tak tahu dimana harus bermula dan mengakhiri  
Kadang tidur malam berjaga sepuluh kali  
Ada waktu tidur disisi anak-anaknya,  
Bila terjaga badan sudah beralih tidur dikaki anak-anak  
Sampai datang penat,  
Akhirnya peluk bucu katil meratapi nasib sendiri.

Oleh itu anaku,  
Santuni ibumu sewajarnya  
Ibumu tak pinta rumah banglo dan kereta Ferrari  
Ibumu tak harap tudung Duck Scarves untuk digayakan setiap hari  
Cukuplah setiap doamu ada ingatan buat ibu.



# KISAH AUTISME FAHIM

Che' Khalilah Mahmood  
Nor Haliza Hamzah

Bulan April telah diumumkan sebagai bulan kesedaran autisme, namun masih ramai lagi yang kurang memahami apakah itu autisme. Majoriti masyarakat mempunyai tanggapan yang negatif terhadap kanak-kanak istimewa ini. Mereka dilihat sebagai kanak-kanak yang nakal, ganas dan sukar untuk dikawal, malahan tidak sebijak kanak-kanak normal yang lain. Namun, terdapat segelintir masyarakat yang berupaya melihat sisi lain kanak-kanak ini dimana mereka dianggap lebih bijak atau genius!. Jadi, apakah sebenarnya autisme?

Autisme atau *Autism Spectrum Disorder (ASD)* adalah gangguan perkembangan saraf yang mempengaruhi kemampuan seseorang kanak-kanak dalam berkomunikasi, interaksi sosial dan tingkah laku (Nursyazwani, 2018). Mengikut definisi ini, kanak-kanak yang mempunyai autisme berada di dalam sebuah spektrum. Spektrum? Teringat pula eksperimen sains semasa di sekolah dahulu dimana kita menghalakan cahaya ke sebuah prisma dan hasilnya adalah biasan cahaya yang mempunyai pelbagai warna yang cantik seperti pelangi. Begitulah gambaran yang tepat mengenai kondisi kanak-kanak yang mempunyai autisme. Ia adalah sebuah spektrum di mana setiap kanak-kanak yang mempunyai autisme mengalami keadaan, cabaran dan isu perkembangan yang berbeza.



Ini adalah kisah Fahim, anak sulung saya yang berusia 7 tahun dan disahkan mempunyai ASD. Fahim dilahirkan seperti kanak-kanak yang normal yang lain. Namun, semakin usianya bertambah, naluri ibu merasakan perkembangan Fahim tidak seperti kanak-kanak lain. Pada usia tiga tahun, Fahim masih belum dapat berkomunikasi. Ya, Fahim boleh bercakap, tetapi tidak boleh berkomunikasi. Kenapa? Itulah persoalan yang selalu berada diminda. Kenapa Fahim susah untuk dikawal? Kenapa Fahim tidak pandai melakukan perkara yang mudah seperti makan dengan sendiri? Kenapa Fahim tidak pandai minum air menggunakan gelas? Kenapa Fahim sangat memilih makanan? Kenapa Fahim tidak mahu berkawan dan tidak memperdulikan kanak-kanak lain? Pelbagai persoalan yang semakin hari semakin bertambah timbul mengenai perkembangan awal Fahim, kerana Fahim amat berbeza dengan kanak-kanak seusianya. Tanpa disedari, sebenarnya, itulah di antara tanda-tanda autisme.

## Maafkan mama Fahim kerana lambat bertindak.

Ini adalah pengalaman pertama saya dan suami membesarkan anak, jadi pada mulanya kami tidak cakna mengenai autisme dan berharap perkembangan Fahim akan menjadi normal seperti kanak-kanak lain pada satu hari nanti. Namun sangkaan kami ternyata salah apabila Fahim masih lagi mengalami masalah yang sama walaupun sudah berusia lima tahun. Semasa di tadika, cikgu memaklumkan bahawa Fahim mempunyai masalah untuk belajar dan berkawan. Fahim tidak dapat mengikuti proses pembelajaran di tadika, walhal ketika di rumah Fahim sudah pandai membaca dan mengira. Selain itu, setiap pagi Fahim akan menangis seakan-akan tidak suka ke tadika. Tuhan sahaja yang tahu pergelutan yang kami hadapi setiap hari untuk menghantar Fahim ke sekolah sehinggalah kami mendapat nasihat daripada seorang doktor berdasarkan pemerhatian beliau terhadap Fahim. Setelah mendapat surat rujukan daripada doktor tersebut, maka bermulalah perjalanan kami untuk membantu Fahim. Maafkan mama Fahim kerana lambat bertindak. Sekarang kami lebih berpengetahuan mengenai autisme melalui pengalaman ini. Oleh itu, jika anda merasakan sebarang keraguan tentang perkembangan anak anda silalah bertindak segera untuk mendapatkan nasihat daripada doktor kerana kanak-kanak autisme perlu dibantu seawal mungkin bagi memperoleh kesan yang terbaik.



# PETUA-PETUA AMALAN HARIAN

Khairunnisa Rahman, Farizah Mamat @ Mohd Nor Shashazrina Roslan

1

## KECUTKAN JERAWAT

- Masalah Jerawat sering dialami oleh semua golongan tanpa mengira usia dan jantina. Namun terdapat beberapa petua yang boleh diamalkan bagi mengecutkan jerawat seterusnya menghilangkan kesan jerawat tersebut.
- **Menggunakan limau nipis atau limau kasturi**
- Muka yang telah dibersihkan dengan air disapu dengan perahan air limau dan dibiarkan kering selama 10 minit. Kemudian bilas dengan air bersih. Ulang beberapa kali sehingga jerawat kecut dan hilang.
- **Menggunakan buah tomato**
- Lumurkan isi tomato yang telah dilenyek ke muka yang berjerawat. Ulang dua kali seminggu untuk hasil yang terbaik
- **Menggunakan kulit kayu manis**
- Asahkan kulit kayu manis di permukaan periuk tanah liat (boleh juga menggunakan pasu) sehingga keluar air dan di sapu di tempat yang berjerawat.

2

## BUANG ANGIN DALAM BADAN

Bagi individu yang selalu mengalami masalah angin dalam badan sehingga menyebabkan ketidakselesaan untuk menjalankan aktiviti harian bolehlah mencuba petua berikut:

### Menggunakan bawang putih

Bakar bawang putih sehingga keluar minyak, setelah itu kisar bawang putih tersebut bersama satu sudu minyak zaiton. Campuran tersebut diminum bersama air suam. Amalkan 2 kali seminggu untuk hasil yang terbaik

### Menggunakan halia

Potong nipis atau kisar halia dan di campurkan dengan air suam atau teh sebelum diminum

### Menggunakan air rebusan serai

2 batang serai di rebus bersama 2 gelas air sehingga menghasilkan segelas air campuran dan diminum.

### Elakkan minuman berkafein

Minuman tinggi kafein juga merupakan punca angin dalam badan. Elakkan minuman berkafein juga boleh mengelakkan angin dalam badan.

3

## MENGURANGKAN PANAS BADAN ANAK KETIKA DEMAM

Anak-anak yang demam sering menimbulkan kerisauan dan kebimbangan ibubapa. Selain daripada mengamalkan ubatan moden, ibubapa juga boleh menggunakan kaedah alternatif atau petua tradisional bagi menurunkan suhu panas badan anak-anak ketika demam. Antara petua tradisional yang boleh dicuba adalah:

### Menggunakan daun bunga raya

Ambil beberapa helai daun bunga raya dan ramas ke dalam air sehingga keluar lendir dari daun tersebut. Lumurkan daun bunga raya tadi ke kepala anak yang demam.

### Menggunakan aloe vera

Ambil daun aloe vera dan asingkan isinya yang berlendir dan kemudian masukkan ke dalam air. Isi daun aloe vera tadi seterusnya di jerlum ke kepala anak yang sedang demam.

### Menggunakan limau purut

Perahkan limau ke dalam air dan air perahan limau tadi di jerlumkan kepala anak yang sedang demam

### Menggunakan asam jawa

Ramaskan asam jawa ke dalam air dan jerlum kepala anak yang sedang demam.

4

## HILANGKAN BAU BADAN

### Menggunakan limau nipis

Gunakan hirisan limau sebagai mandian menggantikan sabun. Menggosok bawah lengan dengan belakang tapak tangan semasa mandi Petua ini diturunkan sejak berzaman dahulu oleh nenek moyang kita.

### Cuka Epal

Celup kapas ke dalam cuka dan sapukan ke bahagian bawah lengan. Bilas bawah lengan dengan cuka sewaktu mandi. Pada awalnya ia akan berbau sedikit masam, namun jika diulang beberapa kali ia akan berjaya menyahkan bau badan.

### Menggunakan lemon

Hirisan lemon disapu perlahan-lahan di bahagian bawah lengan selepas mandi boleh mengurangkan bau badan.



# Jabatan Kewangan

## PROFIL PENULIS-PENULIS

### Laporan Aktiviti Jabatan dan Pensyarah

Zuraidah Ahmad  
Nur Liyana Mohamed Yousop  
Nur'Asyiqin Ramdhan  
Syamsyul Samsudin  
Nik Nur Shafika Mustafa  
Ruziah A. Latif  
Yuslizawati Mohd Yusoff  
Zaibedah Zaharum  
Ferri Nasrul  
Mohamad Azwan Isa  
Mohd Khairul Ariff Noh

### Karya Akademik dan Umum

Dr. Roslina Mohamad Shafi Shashazrina Roslan  
Tay Bee Hoong Basaruddin Shah Bin Basri  
Nurulashikin Romli Oswald Timothy Edward  
Rabiatul Alawiyah Zainal Abidin Dr. Ehsan Fansuree Mohd Surin  
Rohanizan Md Lazan Aflah Isa  
Sharazad Haris Nor Hadaliza Abd Rahman  
Shahira Abdul Jabar Zaibedah Zaharum  
Dr. Mashita Abdul Jabar Mardziyana Mohamad Malom  
Zuraidah Binti Sipon Maizura Mohd Isa  
Norhasniza Mohd Hasan Abdullah Nurul Haida Johan  
Nur Liyana Mohamed Yousop Nor Hazila Ismail  
Nur'Asyiqin Ramdhan Wan Muhd Faez Wan Ibrahim

### Karya Kreatif

Nik Nur Shafika Mustafa  
Syamsyul Samsudin  
Nur Liyana Mohamed Yousop  
Husnizam Hosin

The background is a rich purple gradient. In the center, there is a large, glowing circle with a yellow-to-orange gradient. This circle is framed by several concentric, white-outlined diamond shapes. Below the circle, there are wavy, wireframe-like patterns in shades of purple and pink. The overall aesthetic is modern and digital.

**LAPORAN AKTIVITI  
JABATAN DAN  
PENSYARAH**

## FISA HEALTH

Zuraidah binti Ahmad, Nur Liyana binti Mohamed Yousop,  
Nur'Asyiqin binti Ramdhan

Finance Student Association (FISA) UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) dengan kerjasama Hospital Segamat dan Klinik Penawar UiTMCJ telah mengadakan program FISA Health pada 11 April 2019 (Khamis) bertempat di Dewan Sri Peria, UiTMCJ. Tujuan program ini diadakan adalah untuk menggalakan warga UiTMCJ yang terdiri daripada pelajar dan staf menyumbang bakti kepada masyarakat melalui kempen derma darah. Selain daripada itu, di antara tujuan lain program FISA Health diadakan adalah untuk memberi kesedaran kepada warga UiTMCJ akan pentingnya penjagaan kesihatan diri melalui pemeriksaan asas kesihatan. Pada tahun ini, terdapat tiga kaunter atau bahagian utama telah dibuka untuk aktiviti FISA Health seperti di bawah:

Kaunter / Bahagian	Klinik / Hospital
Saringan pemeriksaan asas	Klinik Penawar UiTMCJ
Derma darah	Hospital Segamat
Ceramah kesihatan	Dr. Mohamad Ali Talib (Klinik Penawar UiTMCJ)

Dr. Mohamad Ali bin Talib telah memberikan ceramah kesedaran kepada pelajar akan pentingnya penjagaan diri yang baik dari penyakit berjangkit dan kesan pengabaianya kepada masyarakat sekeliling. Tambahan lagi, aktiviti yang tidak sihat yang kian menular dalam kalangan remaja seperti seks bebas, LGBT adalah sangat merbahaya dan membawa pelbagai penyakit berjangkit seperti penyakit kelamin, AIDS dan sebagainya. Pengabaian penyakit-penyakit berjangkit ini akan membawa kepada persekitaran yang tidak sihat dan mendatangkan impak yang negatif kepada masyarakat luar amnya. Program FISA Health ini telah mendapat sambutan yang amat memberangsangkan oleh warga UiTMCJ. Ini menunjukkan bahawa mereka amat prihatin akan kepentingan dan keperluan menderma darah. Namun atas faktor kriteria pemilihan yang telah ditetapkan oleh pihak Hospital Segamat iaitu, berat tidak kurang daripada 55 kilogram, warga UiTMCJ haruslah mendapatkan tidur yang secukupnya sekurang-kurangnya 6 jam dan hanya penderma berdarah O sahaja yang diterima, maka kutipan pada hari tersebut hanyalah setakat 42 bag darah sahaja. Namun, ini tidak mematahkan semangat warga UiTMCJ untuk menderma pada masa akan datang. Sebagai pihak penganjur, kami amat berbangga kerana warga UiTMCJ khususnya para pelajar dengan sukarela telah tampil menderma darah dan menjalankan saringan asas kesihatan. Semoga aktiviti yang telah dijalankan ini dapat memberi manfaat kepada semua warga UiTMCJ.





## PROGRAM INISIATIF REKTOR: BICARA CEO BERSAMA DATO' HAMIDAH NAZIADIN

Syamsyul Samsudin & Nik Nur Shafika Mustafa

Pada April 2019 bertempat di UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat telah berlangsung Inisiatif Rektor: Bicara CEO. Program tersebut telah dihadiri oleh hampir 1500 pelajar dan 100 kakitangan UiTM Johor. Bicara CEO ini telah disampaikan oleh *Group Chief People Officer* CIMB iaitu Dato' Hamidah Naziadin. Dato' Hamidah telah mengupas topik yang berkaitan tentang "*IR 4.0: What Employers Look For?*". Pelbagai maklumat baru daripada pihak industri dalam menggagahi *IR 4.0* telah dapat dikongsikan bersama oleh beliau. Personaliti beliau yang sangat menarik ditambah dengan keberkesanan berkomunikasi telah membuatkan semua peserta program ini tidak berganjak dari tempat duduk selama 2 jam program ini berlangsung. Semua hadirin sangat berpuas hati dengan apa yang telah disampaikan oleh beliau. Program ini turut dirasmikan oleh Prof. Dr Arham Abdullah, Pengarah, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Malaysia. Majlis menandatangani Memorandum Perjanjian antara UiTM Johor dan CIMB Bank telah disempurnakan pada penghujung sesi Bicara CEO. Perjanjian ini merupakan kerjasama diantara UiTM Johor dan CIMB Bank di dalam penubuhan *Big Data Lab* di UiTM Johor. Turut hadir di dalam majlis tersebut ialah Yang Bhg. Prof. Madya Dr Ahmad Naqiyuddin Bakar (Rektor UiTM Johor), Prof Madya Hj. Kamel Taufiq Abd Ghani (Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik), Encik Richard Bururu (Managing Director and Regional Head, Decision Management CIMB), Puan Mona Abu Bakar (Director Group Human Resource CIMB), Prof. Datin Dr Noor Habibah Hj Arshad (Penolong Naib Cainselor (Infstruktur) UiTM) dan Prof Ts. Dr Haryani Haron (Dekan Fakulti Sains Komputer dan Matematik).



## **PENSYARAH UiTM JOHOR RANGKUL 5 ANUGERAH UTAMA DI *INTERNATIONAL INNOVATION IN TEACHING AND LEARNING & LANGUAGE EDUCATION CONFERENCE*.**

Nik Nur Shafika Mustafa

Pada 17-18 April 2019, telah berlansungnya *International Innovation in Teaching and Learning & Language Education Conference* di Rainbow Paradise Resort Penang. Konferensi dan pertandingan inovasi peringkat antarabangsa yang berlangsung selama dua hari ini menghimpunkan banyak kertas kerja dan produk inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran dari semua IPTA dan ITPS di dalam negara mahupun daripada peserta luar negara. Pertandingan Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran peringkat antarabangsa ini melibatkan 4 kluster iaitu kluster Bahasa dan Pendidikan, Sains dan Teknologi, Sains Sosial dan Terbuka. Produk Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) bertajuk "*INV 621: Digital Learning Experience*" yang dibentangkan oleh pensyarah UiTM Cawangan Johor iaitu En Syamsyul Samsudin, Pn Nik Nur Shafika Mustafa, Pn Nor Haliza Hamzah, En Husnizam Hosin dan PM Noor Izah Ismail telah merangkul kemenangan besar dengan memenangi 5 Anugerah Utama. Produk ini telah memenangi Anugerah Berlian, Anugerah Produk Sains Sosial Terbaik, Anugerah Emas, Tempat Pertama Anugerah Ruang Pameran Terbaik dan Tempat Kedua Anugerah Poster Terbaik. Keberkesanan produk ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi melahirkan graduan yang mempunyai ilmu dan kemahiran yang tinggi dalam Revolusi IR 4.0 turut membuahkan kemenangan terbesar apabila ianya turut dianugerahkan Anugerah Berlian. Kesemua hadiah telah disampaikan oleh Ahli Parlimen Merbok Yg. Bhg. YB Puan Nor Azrina Binti Surip dan Prof. Madya Dr Shaiful Annuar Khalid, Rektor UiTM Cawangan Kedah.



## MAHASISWA UiTM JOHOR ANJUR PROGRAM JALINAN MESRA DAN BERBAKTI DI INDONESIA

Ruziah A. Latif, Yuslizawati Mohd Yusoff, Zaibedah Zaharum

Persatuan UiTM Charity Society (UCS), UiTM Cawangan Johor telah menganjurkan program jalinan mesra dan kemasyarakatan ke Indonesia dengan tema "The Power Of Youth: Sharing Time, Talent & Treasure" (TPOY) bagi mempromosikan nama UiTM di persada antarabangsa. Program ini bertujuan untuk melahirkan mahasiswa bersifat global serta berani mengutarakan idea, berkongsi ilmu, bakat dan tenaga di negara asing dalam usaha menjadikan graduan UiTM seimbang dan cemerlang dalam pelbagai aspek.

Program yang berlangsung selama empat hari bermula dari 11 Februari hingga 14 Februari ini telah disertai oleh 18 orang mahasiswa yang merupakan para exco persatuan UCS beserta 2 orang pensyarah dari Fakulti Pengurusan dan Perniagaan. Program telah diadakan di Jakarta dan Bandung.

Peserta telah berpeluang mengadakan sesi perkongsian bersama mahasiswa di International Banking School (IBS), Jakarta dan Universitas Islam Bandung (UIB). IBS merupakan salah satu universiti di Jakarta yang telah mempunyai MoU dengan pihak UiTM. Kunjungan ini dilihat dapat mengeratkan lagi hubungan sedia ada. UIB pula merupakan universiti yang telah mempunyai hubungan kerjasama dengan lebih daripada 10 institusi dan industri antarabangsa dan mempunyai reputasi yang baik di Indonesia. Di samping itu, UIB mempunyai Kor Sukarela Penuntut Mahasiswa Islam sebagai salah satu Unit Kegiatan Mahasiswanya. Oleh itu, program ini adalah sebagai titik permulaan untuk UiTM Johor mengadakan kerjasama bersifat jangka masa panjang dengan IBS. Pelbagai idea bernas dikongsi bersama serta isu berkaitan khidmat kemasyarakatan dan hubungan mahasiswa-komuniti telah dibincangkan bersama-sama dalam dua sesi pembentangan tersebut.

Sesi perkongsian ini dapat menyumbang idea kepada UCS untuk mempelbagaikan program outreach dengan pihak masyarakat yang memerlukan. Selain itu, sesi perkongsian ini juga memberi pendedahan kepada ahli-ahli UCS mempelajari cara-cara mengumpul dana untuk menjalankan aktiviti kemasyarakatan di mana para mahasiswa di Indonesia dilihat lebih kreatif dan agresif dalam hal kutipan dana. Ia penting untuk memastikan kelangsungan Kelab UCS yang sering memerlukan dana untuk membantu masyarakat yang memerlukan di samping mengurangkan kebergantungan kepada dana dari UiTM.

Selain daripada itu, antara program khidmat masyarakat yang sempat diselitkankan semasa program berlangsung ialah menyantuni Panti Asuhan Yayasan Dulur Salembur di Cimahi. Peserta program bersama-sama anak-anak yatim mengadakan sesi motivasi dan kebudayaan. Anak-anak yatim tersebut sangat berbakat menggunakan alat-alat muzik tradisional seperti angklung, tifa dan gendang Melayu semasa mereka mempersembahkan nasyid. Sebelum mengakhiri lawatan tersebut, Ketua Projek TPOY, Saudari Nur Hamira Syafiqah Adlin Abdullah telah mewakili UiTM untuk menyampaikan sumbangan dana kepada pihak pengurusan panti asuhan. Semoga aktiviti begini dapat membentuk mahasiswa menjadi seorang filantropi muda.

Para peserta juga berkesempatan melawat beberapa lokasi menarik sekitar Jakarta dan Bandung seperti Masjid Istiqlal dan Monumen Nasional (Monas) di Jakarta serta Masjid Agung dan Gedung Sate di Bandung.

Program pengantarabangsaan seumpama ini memberi ruang kepada mahasiswa UiTM membina rangkaian kerjasama, berkongsi maklumat, idea serta bertukar pendapat mengenai kegiatan kemasyarakatan di universiti masing-masing. Mahasiswa harus diberikan sokongan dan peluang untuk menyumbang khidmat dan bakti kepada komuniti yang memerlukan tanpa mengira peringkat umur dan bangsa, samada di dalam atau di luar negara. Semangat kesukarelawan perlu diteruskan oleh setiap mahasiswa walaupun telah memasuki alam pekerjaan.





## AKTIVITI KEMASYARAKATAN MEMBAWA KEBERKATAN

Ferri Nasrul, Mohd Khairul Ariff Noh, Mohamad Azwan Isa, Ruziah A Latif, Zaibedah Zaharum

Pada 1 Mei 2019 telah dijalankan aktiviti kemasyarakatan oleh Persatuan UiTM Charity Society (UCS), UiTM Cawangan Johor bersama-sama dengan masyarakat Mukim Gemereh. Aktiviti gotong royong telah dijalankan di beberapa kawassan iaitu kawasan Dewan Berata, Tadika Kemas Gemereh, Surau Kg Berata dan Tanah Perkuburan Islam Kg Berata. Selain aktiviti gotong royong, pelbagai aktiviti lain turut dijalankan seperti pemeriksaan kesihatan secara percuma oleh pihak SEACO, pemeriksaan kanser payudara dan perlawanan bola sepak. Program ini telah dirasmikan di Dewan Berata, Gemereh oleh ADUN Jementah iaitu Tuan Tan Chen Choon, beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar Dan Alam Sekitar Johor. Program bermula seawal 7.00 pagi dan tamat sekitar jam 12.00 tengahari. Turut serta menyertai program tersebut adalah Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar (HEP) iaitu En. Mohd Khairul Ariff Noh dan penasihat UCS iaitu Pn. Ruziah A Latif dan Pn. Yuslizawati Mohd Yusoff. Tiga orang wakil pensyarah kewangan iaitu En. Mohamad Azwan Md Isa, Pn. Zaibedah Zaharum dan En. Ferri Nasrul, ahli-ahli Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), ahli-ahli Majlis Perbandaran Segamat dan beberapa agensi kerajaan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Agro Bank dan Amnah Ikhtiar Malaysia.

Penglibatan pelajar di dalam aktiviti kemasyarakatan memberi peluang kepada mereka untuk menjadi seorang individu yang aktif di dalam sesebuah komuniti dan mempunyai kesan positif yang kekal kepada masyarakat pada umumnya. Khidmat masyarakat atau sukarelawan membolehkan pelajar memperolehi kemahiran dan pengetahuan hidup, serta menyediakan bantuan dari segi tenaga kepada mereka yang memerlukannya. Program aktiviti khidmat masyarakat ini mempunyai banyak manfaat antaranya membangunkan rasa tanggungjawab sosial yang lebih tinggi, dan membentuk hati murni ikhlas untuk memberi kembali dan membantu orang lain. Ia juga memberi peluang menerapkan pembelajaran akademik kepada peristiwa kehidupan sebenar. Selain itu, ia dapat membina hubungan dan 'hubungan sosial' dengan rakan-rakan dan orang dewasa, dan mendedahkan pelajar kepada kepelbagaian budaya. Melalui aktiviti kemasyarakatan juga, kemahiran komunikasi dapat diperbaiki. Penglibatan di dalam kerja sukarela memberi peluang kepada pelajar untuk belajar secara 'alami'. Para pelajar UCS dan para pensyarah yang turut serta dalam aktiviti ini ternyata bersemangat dan gembira berganding bahu dengan masyarakat kampung bagi menjayakan gotong royong perdana ini.



The background is a vibrant purple and pink gradient. In the center, a large circle with a yellow-to-orange gradient is surrounded by several concentric white diamond-shaped outlines. Below this central composition, there are wavy, grid-like patterns that resemble a digital landscape or data visualization. The overall aesthetic is modern and tech-oriented.

**KARYA AKADEMIK  
DAN UMUM**



## MUTIARA DI BUMI DOHA

Dr. Roslina Mohamad Shafi

Sejuk, nyaman, angin bertiup mendayu. Namun, mentari bersinar mesra menyapa. Itulah Doha, Qatar sekitar bulan Februari. Negara pengeluar mutiara terkemuka suatu ketika dahulu. Dan, aku masih menanti kemunculan Jenny, gadis manis dari Filipina. Seorang akauntan bertauliah. Sudah lebih 5 tahun Jenny menetap di Doha. Aku terima pelawaannya untuk bersiar-siar bersama. Jenny sudah masak benar dengan selok belok kota Doha. Malah sudah boleh sedikit sebanyak berbahasa Arab!

15 Februari 2015 (Souq Waqif, Doha)

“Kenapa tidak bekerja sahaja di Manila, Jenny? Atau Singapura, atau Malaysia?”, aku bertanya. “*I don't know*, hati memanggil ke sini”, jawab Jenny sambil ketawa. Aku tersenyum, seolah memahami. Daripada perkenalan singkat itu, aku dapat rasakan Jenny bukan dilahirkan di atas dulang emas. Namun, menggenggam cita-cita membara, demi keluarga. Siapa menduga, gadis ini adalah pejuang. Ya, dia pejuang untuk keluarganya. Dia pejuang kaum wanita.

“*You see, guys here...waktu malam lepak-lepak sahaja. Siang tidur. Orang kaya!*”, ujar Jenny. Ya, Qatar adalah negara terkaya di dunia! “*If there were no expats, I don't know what would happen to them*”, sambung Jenny dengan berani. Ada fakta tersurat menyentap jiwa. “Mungkin hari ini mereka cuti Jenny, jadi bertemu kawan-kawan”, aku cuba meniup aura positif kepada Jenny. Namun aku memerhati keadaan sekeliling. Ya, pasar ini meriah, terutamanya tika senja berlabuh. Hidup!. Dan anak-anak muda itu, tertawa dan terhibur. Bagaikan tiada gundah di hati.

Di sudut sana, aku memerhati sekumpulan sang tua. Bongkok dan sayu. Memakai ‘*vase jacket*’ yang bernombor. Mereka adalah ‘*khadam*’. Mereka mengambil upah membawa barang-barang para pelanggan yang berkunjung ke Souq Waqif. “*Are they locals, Jenny?*”, tanyaku sambil memerhati kumpulan sang tua itu. “*Most of them*”, jawab Jenny. Fikiranku terus melayang jauh beribu batu ke tanahair, tempat di mana keringatku tertumpah. Di sana, majoritinya sang tua juga yang setia menyapu pepasir dan dedaun, setia mengutip sisa-sisa di jalanan. Sama! Di manakah anak-anak muda itu? Mengejar cita-cita yang bertuhankan kemewahan?

Makanya anak-anak muda satu dunia ini sedang sibuk benar mengejar cita-cita? Tinggallah sang tua, terkapai. Menghabiskan sisa waktu di hujung senja. Maka, apakah maknanya sebuah kemewahan tanpa belaian sang tua? Adakah kemewahan membahagiakan? Menurut Ahuvia (2008), “*If money doesn't make us happy, why do we act as if it does?*”. Kemewahan bisa membahagiakan, tetapi mesti kena gayanya. Bak kata Dunn, Gilbert and Wilson (2011), “*If money doesn't make you happy, then you probably aren't spending it right*”.

Begitulah juga saranan Islam. Islam mahukan umatnya menjadi maju dan berjaya. Kaya dan dermawan sebagaimana sahabat Rasulullah SAW, Abdurrahman bin Auf. Namun, bersedekahlah! Dan, sebaik-baik sedekah adalah untuk ibu bapa dan kaum keluarga. Begitulah Jenny berjuang, cara yang sama.

Anak-anak muda ibarat mutiara, lama dibelai hingga bernilai. Dijaga rapi oleh cengkerangnya. Dan, cengkerang itu bagaikan sang tua, ditinggalkan pabila sang mutiara sudah bisa menongkah dunia. Dan aku pulang ke tanahair tercinta, membawa iktibar dan pedoman. Semoga bumi Qatar terus bersinar bak mutiara!

Gambar 1: Penulis berbelanja akadar

di Souq Waqif

Gambar 2: Pembantu ‘*khadam*’ di Souq Waqif



## PELABUR DAN MATA WANG KRIPTO

Tay Bee Hoong

Era digital menawarkan pelbagai jenis peluang dan cabaran kepada masyarakat termasuklah pelaburan dalam mata wang kripto. Mata wang kripto ataupun mata wang maya adalah wang digital yang semakin mendapat perhatian di era digital ini. Mata wang kripto seperti Bitcoin, Ethereum, Zcash, NEO, Dash, Litecoin dan Ripple menjadi tarikan ramai terutamanya kepada generasi Y dan milenium yang akrab dengan teknologi digital dan elektronik.

Selain digunakan sebagai medium pembayaran, mata wang kripto juga merupakan salah satu sekuriti yang dilabur oleh pengguna dengan harapan untuk mengaut keuntungan kelak. Hakikatnya, Bitcoin yang diperkenalkan pada tahun 2008 pernah mencecah ke paras melebihi AS\$20,000 pada Disember 2017. Walau bagaimanapun, harga Bitcoin menjadi tidak menentu akibat kemeruapan pasaran global dan telah mengalami kemerosotan selepas Disember 2017. Ianya didagang pada harga AS\$10,104.24 pada 24 Ogos 2019.

Seperti pelaburan di sekuriti lain, pelaburan mata wang kripto mempunyai risikonya yang tersendiri. Kes kecurian yang membabitkan wang kripto iaitu Coincheck di Jepun pada bulan Januari 2018 telah melibatkan kerugian sebanyak AS\$530 juta di bursa mata wang digital yang berpusat di Tokyo. Selain daripada itu, Bitcoin telah mengalami kejatuhan melebihi 10 peratus pada bulan Julai 2019 akibat daripada informasi yang melibatkan penggubalan undang-undang Amerika Syarikat terhadap rancangan Facebook untuk mengeluarkan wang syiling digital yang dinamakan Libra pada tahun 2020. Ini menunjukkan pelaburan mata wang kripto sememangnya terdedah kepada risiko kemeruapan pasaran.

Maka, persoalan yang menarik timbul sama ada masyarakat secara umumnya memahami risiko dan cabaran untuk melabur di mata wang maya? Walaupun Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) telah memperkenalkan Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Preskripsi Sekuriti) (Mata Wang Digital dan Token Digital) yang telah mempreskripsikan aset digital sebagai satu sekuriti pada 15 Januari 2019, namun, pelabur perlu berhati-hari sebelum menyalurkan dana mereka ke sekuriti ini.

Antara perkara penting yang perlu dikenalpasti adalah cara untuk menyimpan dan melindungi kunci peripadi. Kehilangan kunci peribadi akan menyebabkan pelabur tidak dapat menggunakan mata wang tersebut kelak. Di samping itu, teknologi rantai blok dan kriptografi telah membezakan pengurusan risiko mata wang maya daripada pengurusan risiko sekuriti lain yang melibatkan wang fiat. Maka, pelaburan dalam mata wang maya memerlukan infrastruktur teknologi yang mantap agar dapat melestarikan keselamatan siber.

Selain daripada mengenalpasti cara yang selamat untuk menyimpan wang kripto, pelabur perlu mempersiapkan diri dengan pengetahuan perkembangan pasaran semasa supaya dapat menguasai maklumat penting yang akan mempengaruhi nilai mata wang kripto yang dimiliki oleh mereka. Ini juga amat penting dalam membantu pelabur dalam membentuk dan mengurus portfolio mata wang maya, contohnya, menentukan masa yang sesuai untuk jual beli dan mengenalpasti mata wang yang 'undervalued' untuk dilabur.

Pelaburan dan penggunaan wang kripto sememangnya melibatkan risiko dagangan yang tinggi. Walaupun dipreskripsikan sebagai sekuriti oleh SC, mata wang digital belum dianggap sebagai tender yang sah oleh Bank Negara Malaysia. Isu berkenaan dengan penyalahgunaan dan pembersihan wang haram menjadi cabaran kepada pengawalseliaan terhadap mata wang digital ini. Maka, untuk dijadikan sebagai salah satu aset dalam portfolio pelaburan, pelabur dan pengguna haruslah tepuk dada tanya minda kerana ianya amat bergantung kepada pemahaman mereka terhadap mata wang maya tersebut.



## GAYA HIDUP ISLAM DI NEGARA SAKURA

Nurulashikin Romli



Walaupun nilai matawang negara Jepun tinggi, namun Jepun sering menjadi antara negara yang wajib dikunjungi oleh pengembara dan pelancong dari serata dunia terutamanya mereka dari negara-negara Asia. Dikenali sebagai negara matahari terbit dan negara sakura, Jepun adalah negara maju dan mempunyai nilai taraf hidup yang tinggi. Namun begitu, rakyat Jepun sangat berbangga dengan adat resam tradisional mereka dan pada masa yang sama menerima cara hidup barat secara harmoni di dalam kehidupan seharian mereka.

Sekiranya anda sudah melawat negara Jepun, sudah pasti anda ingin mengulanginya semula kerana budaya dan gaya hidup mereka yang sungguh berbeza daripada bangsa-bangsa lain di dunia. Terlalu banyak kelebihan yang dimiliki oleh masyarakat Jepun yang boleh kita hayati dan ianya akan mengubah cara kita berfikir terutamanya tentang Islam.

Pertama, kawasan yang dibenarkan untuk merokok mungkin sudah terlalu biasa diaplikasi di kebanyakan negara seperti di Korea Selatan. Begitu juga dengan tempat membuang sampah yang disediakan di merata-rata tempat di kebanyakan negara. Berbeza pula di negara Jepun dimana kewujudan tempat membuang sampah sukar kelihatan di sekitar bandaraya Tokyo. Sebenarnya, masyarakat di Jepun sangat mementingkan alam sekitar dan kebersihan sudah menjadi amalan mereka untuk menyimpan sampah di dalam beg dan membawa pulang sampah tersebut untuk dibuang di rumah.

Kedua, membuat bayaran di kaunter pembayaran. Anda akan berasa pelik apabila juruwang akan menundukkan kepala tanda hormat kepada anda. Tetapi, mereka tidak segera menyambut wang yang berada di tangan anda. Mengikut budaya mereka, mengambil wang daripada tangan pelanggan dianggap tidak sopan. Seharusnya pelanggan perlu meletakkan wang tersebut dalam bekas yang disediakan di kaunter pembayaran. Kemudian, juruwang akan mengambil wang tersebut dan memulangkan baki bayaran dalam bekas yang sama sebelum memberikan bekas tersebut kepada pelanggan. Dan, pelanggan harus mengambil sendiri baki wang mereka di dalam bekas tersebut. Tiada sentuhan kulit atau fizikal di antara lelaki dan perempuan dan ini adalah contoh bagaimana amalan masyarakat Jepun mampu mengubah cara kita berfikir. Mengapa negara Islam tidak melakukan perkara yang sama?!

Ketiga, Jepun adalah negara yang paling selamat di dunia dengan kadar jenayah yang minima. Anda pasti berasa teruja apabila melihat kanak-kanak kecil menggunakan pengangkutan awam tanpa pengawasan daripada orang tua mereka dan kelihatan para gadis Jepun berjalan seorang diri di sekitar bandaraya Tokyo pada waktu lewat malam. Malah, peluang untuk berjumpa barangan berharga yang hilang adalah tinggi. Anda hanya perlu pergi ke kaunter 'Lost & Found' untuk membuat laporan kehilangan. Masyarakat Jepun sangat bertanggungjawab untuk menyerahkan barangan berharga yang mereka jumpai ke kaunter 'Lost & Found' berdekatan. Budaya dan gaya hidup seperti inilah menjadikan warga Jepun sangat berbeza dan istimewa kerana ketinggian akhlak masyarakatnya yang melebihi gaya hidup kita sebagai seorang Muslim.

Justeru itu, kita perlu seimbang dalam semua aspek kehidupan samaada individu dan masyarakat, rohani dan jasmani, dunia dan akhirat. Dan, Islam adalah agama yang indah dan seimbang. Lengkapilah kehidupan seharian kita dengan berpegang pada ajaran Islam yang sebenar kerana jika kita berjaya membudayakan gaya hidup Islam di dalam diri, maka kita akan menjadi masyarakat yang lebih hebat daripada masyarakat Jepun!



*Pemandangan sebatang sungai yang amat bersih dipayungi pohon sakura di Jepun*

## DIET

### #sukusukuseparuh

Rabiatul Alawiyah Zainal Abidin, Rohanizan Md Lazan & Sharazad Haris

Kamus Pelajar Edisi Kedua memberikan definisi diet sebagai makanan dan minuman biasa yang dimakan oleh manusia atau binatang. Kamus ini juga mendefinisikan diet sebagai berpantang atau mengehadkan makanan tertentu.

Kita semua ingin mendapatkan berat dan juga bentuk badan yang ideal. Walau bagaimanapun, ada di antara kita yang senantiasanya memasang niat sahaja untuk berdiet mungkin atas sebab beberapa kekangan. Dan, kekangan yang paling utama adalah diri kita sendiri. Sebab apa? Sebab hanya kita yang boleh mengawal dan/atau memaksa diri kita untuk melakukan sesuatu untuk kebaikan diri kita ataupun sebaliknya.

Ada berbagai jenis diet yang telah diperkenalkan di atas muka bumi ini sejak dari zaman dahulu kala lagi. Kita hanya perlu mencari berbagai jenis diet ini di atas talian mahupun di dalam mana-mana buku yang banyak dijual di merata tempat. Memandangkan kemudahan internet bagi kebanyakan kita sekarang adalah di hujung jari, maka maklumat-maklumat berkenaan apa sahaja termasuk diet dalam internet sangat mudah, murah dan cepat untuk didapati.

Kita boleh membuat pencarian berkenaan diet dengan menggunakan kemudahan *Google*. Hasil pencarian kita itu akan menunjukkan ada lebih daripada sepuluh jenis diet yang sedia ada dan kita hanya perlu memilih cara diet mana yang kita sukai secara berterusan. Di sini saya akan kongsi satu diet secara ringkas untuk pendedahan kepada semua.



Gambar di atas merupakan contoh makanan diet Pinggan Sihat Malaysia. Pinggan Sihat Malaysia merupakan panduan pemakanan yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). KKM dengan kerjasama daripada hospital-hospital di Malaysia telah mempromosikan kempen #sukusukuseparuh sebagai salah satu inisiatif bagi menyedarkan rakyat Malaysia untuk makan dan memilih makanan dengan lebih sihat.

Memandangkan rakyat Malaysia mempunyai tahap obesiti yang tinggi dan membimbangkan, maka usaha KKM dapat menyedarkan rakyat betapa pentingnya mengurangkan tahap obesiti sekaligus meningkatkan tahap kesihatan yang lebih baik di kalangan rakyat Malaysia.

Apa yang dimaksudkan dengan #sukusukuseparuh ini? Seperti yang dapat dilihat pada gambar di atas, ini merupakan contoh dan sukatan makanan yang perlu diambil pada waktu makan tengahari mahupun makan malam. Secara terperinci, suku daripada pinggan itu merupakan nasi (karbohidrat), suku lagi merupakan ayam (protein) dan separuh daripada pinggan itu dipenuhi dengan sayur (serat). Gambar di atas adalah cadangan sukatan dan makanan yang disarankan secara umum.

Apa pun diet yang kita pilih untuk diri kita, kita kena senantiasanya berdiet dengan ilmu dan juga berguru. Diet ikut-ikutan boleh mendatangkan mudharat kepada diri kita. Apapun juga alasan kita untuk berdiet, pastikan kita senantiasanya memilih untuk sihat dahulu dan sekiranya kita berjaya menurunkan berat badan juga mengecilkan ukuran baju kita, itu merupakan bonus yang amat menggembirakan.

Perlu diingat bahawa diet adalah 80 peratus penjagaan pemakanan dan 20 peratus senaman. Sebagai manusia normal, badan kita memerlukan air dan rehat secukupnya untuk kekal sihat dan bertenaga. Moga perkongsian ini dapat mendatangkan manfaat kepada kita semua.

## MADU KELULUT MENJANA SUMBER PENDAPATAN

Shahira Abdul Jabar, Dr. Mashita Abdul Jabar

Perniagaan madu kelulut semakin berkembang dari tahun ke tahun dan Malaysia merupakan antara negara pengeluar madu kelulut utama. Berdasarkan rekod yang dinyatakan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani 2016, terdapat 1200 penternak kini mengusahakan kira-kira 60,000 sarang kelulut di seluruh negara. Namun begitu, permintaan terhadap madu ini masih lagi tidak dapat dipenuhi. Menurut Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Encik Badrul Hisham Mohd, pengusaha industri madu kelulut mampu memperoleh pulangan sebanyak RM280 juta hingga RM300 juta setahun. Ini kerana permintaan terhadap kepelbagaian produk berasaskan madu amatlah tinggi.



Gambar Hiasan

Mardi telah mengiktiraf madu kelulut sebagai Super Food Malaysia. Apakah itu Super Food? Super Food merujuk kepada sumber segar atau makanan yang telah diproses. Sebagai contoh chia seeds, blueberry, raspberry, ceri, teh hijau dan sebagainya. Di dalam Al-Quran telah menyebut berkenaan madu yang banyak memberi manfaat kepada penggunaannya.

Allah SWT berfirman, “Dari perut lebah itu keluar minuman (madu) yang bermacam-macam warnanya, di dalamnya terdapat penawar yang menyembuhkan bagi manusia. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda (kebesaran Allah) bagi orang yang berfikir.” (An Nahl:69).

Perniagaan madu kelulut ini telah membantu meningkatkan pendapatan beberapa usahawan di Malaysia. Para graduan yang telah tamat pengajian digalakkan untuk menceburkan diri dalam perniagaan ini. Azeman Jaya 22, daripada kg Chetok Pasir Mas adalah lepasan graduan Veterina Kluang, Johor telah mengambil langkah berani dengan menceburi bidang ini. Hasilnya beliau meraih pendapatan yang lumayan iaitu RM1,000 dalam masa seminggu.

Sementara itu, seorang peneroka, Wan Hassan Dollah, 56, dari Felda Terkis Felda Jengka 22, mengakui projek ini amat membantu dalam penjanaaan pendapatan keluarganya yang lumayan di mana beliau mampu meraih pendapatan sebanyak RM2,000 seminggu.

Tambahnya lagi, beliau menyarankan setiap rumah peneroka mempunyai sekurang-kurangnya satu sarang kelulut sebagai usaha menambah sumber pendapatan. Ini kerana mengusahakan projek ini amat mudah. Penternak hanya memerlukan persekitaran halaman rumah yang agak luas dan lebah kelulut ini memerlukan sumber makanan daripada pokok bunga atau pokok buah di sekitarnya sahaja. Apa yang menarik, lebah jenis ini tidak menyegat dan tidak merbahaya. Oleh itu, penternak tidak perlu risau jika menternak lebah ini di kawasan rumah mereka.

## AHMAD SIRHAN DAN ADHD

Zuraidah Binti Sipon

“Apa main tolak-tolak orang ni? Main elok-elok je tak boleh ke?”, bentak seorang lelaki dewasa kepada seorang kanak-kanak lelaki. Dipercayai lelaki dewasa tersebut adalah ayah kepada seorang kanak-kanak perempuan dalam lingkungan usia 2 tahun. Kanak-kanak perempuan itu telah ditolak oleh seorang kanak-kanak lelaki yang tidak sabar menunggu giliran untuk melalui sebuah titian.

Waktu itu, saya membawa Ahmad Sirhan, 3 tahun, bermain di taman permainan di sekitar Bukit Jalil. Walaupun Ahmad Sirhan seorang yang sangat aktif, dia masih belum boleh bercakap ketika itu. Kesannya, mata saya perlu sentiasa peka kepada pergerakan, tindakan dan lokasinya. Keaktifannya bergerak ke pelbagai lokasi dalam jangka masa yang sangat singkat menyebabkan saya seringkali gagal menjejakinya lantas menyebabkan Ahmad Sirhan sering hilang dari radar penglihatan saya. Yang paling menggusarkan saya ketika itu adalah tindakannya yang sangat spontan dan seperti tiada sebarang pertimbangan. Perkara ini menjadi kebimbangan utama saya setiap kali membawa Ahmad Sirhan untuk aktiviti di luar rumah.

Membawa Ahmad Sirhan ke tempat awam bermakna mendedahkannya kepada kebarangkalian dia dipandang serong, dimarahi malah ditengking oleh orang awam yang tidak faham keadaannya. Dalam masa yang sama, saya sendiri perlu membuka minda dan sentiasa bersedia untuk berhadapan dengan situasi yang tidak dijangka. Diakui, kesesuaian masa dan *mood* Ahmad Sirhan dan saya sangat mempengaruhi kesediaan saya untuk membawanya menjalani aktiviti di luar rumah. Jika salah seorang dari kami tidak bersedia, kami hanya akan membuat aktiviti di dalam rumah. Kisah silam Ahmad Sirhan di taman permainan sahaja pun saya sudah boleh dikategorikan sebagai agak tragik. Beberapa kali Ahmad Sirhan ‘dengan tanpa niat’ telah menyebabkan kemalangan kecil di taman permainan dan rata-rata disebabkan oleh tindakannya yang secara spontan menolak kanak-kanak lain di hadapannya. Waktu itu, saya sendiri tidak pasti kenapa Ahmad Sirhan sering bertindak seperti seorang yang tidak sabar atau tidak boleh beratur untuk menunggu giliran. Setiap kali selepas membuat kesalahan pula, Ahmad Sirhan akan melarikan diri dari lokasi kejadian.



*Foto: Adik Ahmad Sirhan sedang bermain di taman permainan kanak-kanak*

Pada awalnya, saya sendiri tidak pasti apa yang patut saya lakukan apabila tingkah laku Ahmad Sirhan menyebabkan kemarahan pihak ketiga. Namun, sedikit demi sedikit saya belajar untuk menerima kenyataan bahawa si pesalah (walaupun tanpa niat) itu adalah Ahmad Sirhan, anak saya. Demi melatih Ahmad Sirhan menjadi seorang yang bertanggungjawab di atas kesalahannya dan melatih diri saya untuk menerima hakikat bahawa Ahmad Sirhan adalah anak istimewa saya, apa yang saya lakukan adalah membawanya kembali ke lokasi kejadian dan meminta maaf di atas perbuatannya. Tindakan sebegini juga saya anggap sebagai 'kempen kecil' saya tentang kesedaran *Attention Deficit Hyperactivity Disorder* (ADHD) kepada orang awam.

ADHD lebih banyak dihadapi oleh kanak-kanak lelaki berbanding perempuan. Pakar psikiatri menyatakan bahawa ADHD boleh berpunca sama ada daripada keturunan, ketidakseimbangan cecair kimia di dalam otak atau kelemahan fungsi kawalan fokus di dalam otak seseorang. Kanak-kanak ADHD kebiasaannya dikenalpasti sekitar umur 3 hingga 5 tahun. ADHD boleh berlanjutan hingga ke umur dewasa. Mereka ini kebiasaannya bersifat hiperaktif dan mempunyai masalah dalam mengawal tindakan impulsif. Di samping itu, mereka juga bersifat kurang fokus dan kerap bertukar aktiviti di dalam jangka masa yang sangat pendek.

Setakat ini, tiada penawar kepada ADHD. Walau bagaimanapun, ADHD boleh dikawal melalui pelaksanaan terapi yang bersesuaian dan berterusan. Ia bukan semata-mata berkenaan isu penyembuhan dan pemulihan, tetapi lebih kepada mengoptimumkan keupayaan mereka sebagai individu yang efektif serta boleh berdikari. Oleh itu, kanak-kanak ADHD ini amat memerlukan sokongan daripada semua pihak dan sekurang-kurangnya masyarakat mengenali dan memahami ADHD ini dan seterusnya menyayangi anak-anak ini.

## INSPIRASI INSAN KELAINAN UPAYA

Norhasniza Mohd Hasan Abdullah, Nur Liyana Mohamed Yousop,  
Zuraidah Ahmad, Nur'Asyiqin Ramdhan, Roslina Mohamad Shafi,  
Shashazrina Roslan

Pepatah Melayu ada menyebut 'hendak seribu daya, tidak hendak seribu dalih'. Dalam pada ramai anak muda yang sempurna sifatnya selesa bergoyang kaki tanpa halatuju dan cita-cita, ramai insan kelainan upaya di luar sana telah menyahut seruan dan cabaran kerajaan untuk menjalankan perniagaan. Namun, menjadi usahawan kelainan upaya yang berjaya, bukanlah suatu perkara yang mudah. Kekurangan yang dimiliki mungkin dilihat sebagai liabiliti bagi sesetengah golongan masyarakat. Namun siapa sangka liabiliti yang dimiliki akhirnya menjadi aset yang disanjung dan dihormati. Ironinya, mereka yang telah berjaya ini seakan membujur lalu melintang patah. Walaupun tidak sempurna sifat, berkerusi roda dan hilang penglihatan, mereka seakan melihat dunia ini tidak ada yang mustahil. Menerusi artikel ini, kami ingin mengetengahkan salah seorang usahawan kelainan upaya yang lahir serba kekurangan namun berjaya membuka mata dunia bahawa tiada apa yang mustahil asalkan adanya iltizam.



Tanggal 7 Disember 1981 menyaksikan kelahiran seorang insan istimewa yang diberi nama sebagai Zhariff Afandi. Kelahirannya tanpa hembusan nafas, tangisan dan pergerakan sehingga menyebabkan pakar perubatan mengesyaki beliau telah meninggal dunia sewaktu dilahirkan. Namun, berpantang maut sebelum ajal, insan istimewa tersebut kini telah berjaya melakar pelbagai kejayaan walaupun tanpa kedua belah tangan. Atas semangat untuk setanding manusia normal, beliau telah memulakan sesi persekolahan seawal usia dua tahun setengah. Pada usia empat tahun pula, beliau telah menyertai kelas renang dan berani melakukan parasailing. Beliau yang melabelkan dirinya sebagai budak lasak mula menginjakkan diri dengan aktiviti menunggang kuda pada usia sembilan tahun.

Perjalanan kerjaya beliau bermula setelah menamatkan pengajian di Universiti Griffith, Australia dalam bidang psikologi. Oleh kerana berlainan dengan insan lain, beliau menghadapi sedikit kesukaran apabila tidak mendapat keyakinan dan kepercayaan daripada masyarakat tempatan. Namun akhirnya beliau telah dilantik sebagai Ketua Bahagian Perkembangan Perniagaan di PRIDE Foundation iaitu sebuah pertubuhan kanser payu dara sebelum menjadi pengurus besar di Denai Alam Recreation and Riding Club (DARC), sebuah organisasi berkaitan bidang rekreasi berkuda.

#### •ANUGERAH DAN PENCAPAIAN

- Pengasas 'The Zhariff Initiative'- firma kemanusiaan
- 2017 – Duta TN50
- 2017 – Duta #thisability UNISEF
- 2014 – Duta UNISEF
- 2013 – Duta 1M4U
- 2012 – Diiktiraf sebagai Ikon Belia Kebangsaan 2012
- 2011 - Jawatankuasa Penilai untuk Anugerah CSR Perdana
- 2011 - Anugerah Pemuda Perdana - Belia Terbaik (Anugerah Pencapaian Cemerlang)
- Penasihat Menteri Belia dan Sukan
- Jawatankuasa Transformasi Ekonomi Malaysia (ETP); Jawatankuasa Pemikir Belia Mengenai Pembangunan Belia

Beliau yang merupakan anak sulung daripada tiga beradik telah berjaya memiliki sebuah firma perunding dalam pembangunan komuniti. The Zhariff Initiative yang ditubuhkan oleh beliau sendiri pada November 2010 merupakan sebuah organisasi yang menerapkan elemen kerja sosial, kesedaran umum dan kemanusiaan. Firma yang beroperasi dengan model perniagaan 'community venture' dan di bawah garis kewangan tersebut ditubuhkan atas rasa tanggungjawab sosial beliau terhadap masyarakat. Beliau berhasrat untuk menjadikan syarikatnya sebagai platform untuk berkongsi pengalaman, pengetahuan dan kemahiran selain memberi inspirasi menerusi pelbagai aktiviti kebajikan dan kemasyarakatan. Dan ini terbukti pada suatu ketika, The Zhariff Initiative telah berjaya merentasi beberapa negara seperti Australia, Indonesia dan Amerika Syarikat.

Namun tiada siapa menduga bahawa panas yang diharapkan hingga ke petang akhirnya hujan di tengahari. Seperti usahawan lain, perniagaan ada pasang surutnya. Menerusi temuramah yang telah dibuat oleh akhbar dalam talian *Star2.com* pada 16 Januari 2019, Zhariff Afandi telah menyatakan bahawa pada awal perniagaannya, semuanya tampak hebat, namun tanpa disedari akhirnya dirinya telah dihanyutkan ke tengah lautan dan bermula dari situ beliau telah kehilangan segala-galanya termasuklah rumah tangga yang dibina. Walaupun perit untuk menghadapi dugaan, Zhariff yang sememangnya kental orangnya bingkas bangun. Dengan berbekal kudrat yang terhad, beliau akhirnya berjaya menerbitkan sebuah karya yang bertajuk *S.O.S.: Surfing Out Stuff – A Book Of Growth & Guidance* sebuah buku motivasi berkisahkan dirinya dalam melalui setiap fasa kehidupan. Semoga kisah insan istimewa yang tidak mudah mengalah ini dapat memberi semangat, tauladan dan inspirasi kepada kita semua.

## DILEMA KEGAGALAN USAHAWAN BUMIPUTERA: ADAKAH IA GENETIK WARISAN?

Basaruddin Shah Bin Basri

Masyarakat bumiputera pada hari ini beranggapan bahawa cara terbaik mendapatkan jaminan saraan kehidupan adalah melalui kerja makan gaji. Ini kerana ia mudah serta tanpa risiko. Selesa hanya dengan melapor kerja jam lapan atau sembilan pagi serta pulang di petang harinya. Mereka tidak berkisah dengan bayaran yang nyata tidak setimpal nilai perbelanjaan bebanan tanggungan. Hakikatnya, mereka mempercayai bahawa menjadi usahawan atau menjalankan perniagaan tidak mampu menjamin kehidupan yang lebih baik. Tidak menghairankan jika sehingga ke saat ini, pegangan bumiputera dalam sektor ekonomi masih tidak tercapai. Utusan Malaysia bertarikh 14 Februari 2019 melaporkan bahawa jumlah sumbangan usahawan bumiputera kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) hanya berlegar di sekitar lapan peratus. Walaubagaimanapun, adalah tidak adil untuk menghukum kaum bumiputera dengan dilemparkan semua tuduhan sebagai penyebab kepada semua permasalahan. Pembentukan jaringan sosioekonomi yang tidak seimbang sejak zaman penjajahan secara tidak langsung telah membina tembok pemisahan ekonomi antara kaum, sedikit sebanyak memberi kesan kepada sistem polarisasi ekonomi serta persepsi ke atas kaum bumiputera. Kesudahannya, menyebabkan kaum ini sudah jauh tersasar daripada impian serta matlamat untuk menjadi kaum penakluk ekonomi. Hakikatnya, bumiputera sebenarnya boleh!

Adakah susah untuk kaum bumiputera menjadi usahawan? Usahawan bumiputera sudah sinonim dengan skrip cerita yang sering dicanangkan tentang punca kegagalan mereka dalam perniagaan. Tiada kesungguhan di dalam perniagaan, tidak mempercayai serta banyak menghabiskan masa memusnahkan usaha orang lain, tidak mengkaji serta menganalisa keperluan semasa serta kehendak pelanggan, tiada *post mortem* kepada prestasi, tiada perancangan boleh jaya, medium pemasaran yang pasif serta tidak mengenali serta tidak membuat pembaharuan kepada produk itu sendiri adalah antara punca utama kepada kemerosotan perniagaan kaum bumiputera. Malangnya, corak urusaniaga sebegini masih terus diamalkan dan kepercayaan sebeginilah yang akan diwariskan kepada leluhur daripada generasi baru.

Bagi menjamin pulangan yang berterusan, usahawan sepatutnya menyediakan produk atau perkhidmatan yang diperlukan atau diminati oleh pelanggan. Ia merangkupi kualiti produk, kemaskini harga barangan atau perkhidmatan, perkhidmatan selepas jualan, capaian kepada bekalan atau maklumat berkenaan produk. Semua ini adalah untuk satu tujuan iaitu memastikan kehendak serta kepuasan pelanggan sentiasa dipenuhi serta memastikan pulangan yang diinginkan.

Adalah menjadi kewajipan kepada usahawan untuk memuhasabah diri dan membuat *post mortem* prestasi perniagaan. Ia harus dilakukan bagi mengenalpasti kelemahan yang wujud agar tindakan menambahbaik dapat dilakukan serta semua keburukan dapat disingkirkan. Ada ketikanya maklumbalas daripada pelanggan atau pihak pakar penting ketika usahawan hanyut di dalam kelalaian atau tidak menyedari yang kelemahan diri menjadi punca kegagalan.

Komunikasi yang berkesan juga merupakan faktor penting yang jarang diberi perhatian oleh kebanyakan usahawan. Pelanggan akan setia dengan barangan jika mereka berpuas hati dengan maklumat produk, ditambah pula dengan keprihatinan usahawan terhadap keperluan pelanggan. Sikap ramah mesra serta komunikasi yang baik dapat memberikan maklumat produk secara tepat kepada pelanggan boleh menjadi nilai tambah kepada prestasi usahawan. Mengemaskini serta meluaskan rangkaian keusahawan serta barangan di dalam media cetak atau media elektronik adalah trending terkini yang perlu dimanfaatkan sepenuhnya oleh usahawan.

Pembentukan jaringan usahawan perniagaan melalui jaringan hubungan dengan institusi seperti badan berkuasa, pembekal, rangkaian perniagaan, platform pemasaran atau melalui persatuan perniagaan adalah penting bagi menjamin kewujudan perniagaan para usahawan mendapat perhatian serta dapat menyediakan peluang perniagaan. Malah rangkaian yang dianggap kecil seperti media elektronik, saudara mara, sahabat handai, rakan sekerja malah pesaing itu sendiri tidak boleh dipandang ringan.

Mengenalpasti keperluan pelanggan boleh dilakukan dengan menjalankan kaji selidik keperluan pelanggan mengikut kedudukan geografi serta sosioekonomi masyarakat setempat. Dengan kajian ini kita akan dapat mengetahui serta menentukan jenis produk boleh dijual. Sebagai tambahan, bantuan khidmat nasihat perniagaan atau pengurusan kewangan daripada agensi atau badan berkaitan penting untuk mengukuh serta memajukan perniagaan. Objektif usahawan juga perlu memastikan barangannya adalah sempurna kualitinya, berpatutan harganya serta senang diperolehi. Kesetiaan pelanggan tidak akan berbelah bahagi sekiranya objektif ini sentiasa dicatatkan di dalam diari keutamaan usahawan.

## KEUSAHAWANAN DAN MODAL INSAN

Oswald Timothy Edward & Dr. Ehsan Fansuree Mohd Surin

Dasar Keusahawanan Negara 2030 telah diwartakan dalam usaha menongkah arus Revolusi Inudustri 4.0. Justeru, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) merupakan salah satu komponen penting dalam ekonomi moden. PKS memberikan sumbangan yang besar bukan sahaja kepada negara, malah juga kepada pembangunan masyarakat. Walau bagaimanapun, banyak perusahaan sebegini gagal bertahan lama. Menurut laman sesawang rasmi SME Corporation, kadar penutupan PKS menjangkau lebih 42 peratus.

Antara faktornya adalah kegagalan dalam pengurusan kewangan, kurangnya kemahiran, kurangnya pengetahuan terhadap persekitaran perniagaan, kurangnya kemahiran dalam menentukan harga barangan, kurang pengalaman dalam pentadbiran perniagaan dan akhir sekali adalah kelemahan dalam membuat keputusan.

Faktor ini merujuk kepada faktor fizikal seseorang usahawan iaitu faktor dalaman atau modal insan. Disebabkan rendahnya kesedaran dan pemahaman usahawan terhadap faktor modal insan, mereka sentiasa mengekalkan cara lama dan sama dalam menguruskan perniagaan tanpa ada sebarang penambahbaikan.

Modal insan merujuk kepada keupayaan seseorang usahawan dalam melaksanakan tugas di dalam perniagaan. Keupayaan seseorang usahawan ini diukur melalui tiga indikator; kemahiran pengurusan, perancangan strategik dan keupayaan usahawan. Modal insan adalah sumber intelek yang ada pada setiap diri manusia. Ia menunjukkan seorang yang berkemahiran, berilmu, berpengetahuan dan mampu menyumbang kebaikan kepada dunia hari ini. Kajian lepas mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara modal insan dan prestasi perniagaan.

Kepelbagaian dalam pencapaian bagi prestasi perniagaan adalah disebabkan kepelbagaian kadar modal insan yang dimiliki. Jika seseorang usahawan mempunyai skil pengurusan yang tinggi, maka usahawan itu akan mencapai tahap prestasi perniagaan yang lebih baik berbanding dengan usahawan yang mempunyai skil pengurusan yang rendah.

Terdapat tiga elemen penting didalam modal insan iaitu skil pengurusan, perancangan strategik

dan kekuatan usahawan. Skil ditafsirkan sebagai kebolehan untuk melakukan sesuatu proses kognitif yang spesifik.

Skil pangurusan adalah proses untuk melakukan perancangan melalui empat langkah asas; analisa situasi, perancangan strategi, pelaksanaan dan penilaian. Analisa situasi meliputi faktor persekitaran dalaman dan luaran termasuk posisi perniagaan berbanding dengan pesaing. Perancangan strategik menitikberatkan pernyataan misi perniagaan dan bagaimana sesebuah perniagaan dapat bertindakbalas terhadap ancaman pesaing. Perancangan juga merangkumi keupayaan sesuatu perniagaan untuk menjana modal insan. Pelaksanaan strategi pula memfokuskan kepada strategi pertumbuhan seperti bagaimana untuk menembusi pasaran di samping mengurangkan kos operasi. Penilaian pula adalah yang berkait rapat dengan keputusan yang didapati. Adakah keputusan tersebut telah mencapai sasaran seperti yang dirancang.

Elemen yang kedua adalah perancangan strategik. Ianya ditakrifkan sebagai pelan tunjuk arah bagaimana sesuatu perniagaan itu cuba untuk mencapai objektif di dalam perniagaan. Langkah-langkah yang disyorkan adalah seperti; berwaspada dengan peluang, penjana objektif, penentuan persekitaran perniagaan, penentuan terhadap alternatif sesuatu tindakan, penilaian terhadap alternatif sesuatu tindakan, pemilihan dan perlaksanaan tindakan, pembimbing terhadap pelan formulasi dan perancangan bajet. Kemampuan untuk melakukan perancangan strategik ini adalah penting untuk menentukan untung nasib sesebuah perniagaan.

Elemen yang ketiga adalah kekuatan usahawan. Setiap perniagaan pasti akan mengalami pasang surut di dalam pencapaian. Dan pencapaian ini berkait rapat dengan kekuatan usahawan itu sendiri. Kekuatan usahawan ini adalah aras kekuatan seseorang usahawan untuk mengendali sesuatu perniagaan. Kebanyakan organisasi mengiktiraf modal insan sebagai kelebihan daya saing yang membantu meningkatkan prestasi perniagaan. Kurangnya kesedaran dan pengetahuan tentang pentingnya modal insan kepada sesebuah perniagaan akan menyebabkan kegagalan dalam pengurusan perniagaan.

## PERANCANGAN KEWANGAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Aflah Isa & Nor Hadaliza Abd Rahman

Ramai orang menganggap perancangan kewangan sebagai sesuatu yang membebankan serta menghalang mereka daripada melakukan perkara yang menyeronokkan. Apabila hidup perlu sentiasa berjimat, sudah tentu anda perlu mengorbankan pelbagai aktiviti yang memberi keseronokan sekarang, bukankah begitu?

Kini, kita sering dihidangkan dengan kisah seperti golongan muda yang mufliis akibat bebanan hutang, pesakit yang gagal mendapatkan rawatan akibat kos perubatan yang terlalu tinggi dan pesara yang mengalami kesempitan hidup akibat kurangnya simpanan untuk hari tua. Melalui perancangan kewangan yang berhemah, kita dapat menghindari gejala-gejala ini lantas membentuk keluarga yang sejahtera dan stabil.

Pendapatan yang sedikit tetapi dirancang penggunaannya mengikut keutamaan akan lebih berkesan dalam memenuhi keperluan diri dan keluarga, berbanding dengan pendapatan yang banyak tetapi dibelanjakan dengan boros. Dalam setiap peringkat kehidupan, dari zaman kanak-kanak hinggalah ke usia persaraan, pastinya ada keperluan kewangan yang perlu dipenuhi, lantas memerlukan perancangan sewajarnya.

Memiliki dan memelihara harta merupakan salah satu keperluan asasi manusia. Jika tiada undang-undang, maka hak untuk memiliki harta akan terjejas. Pastinya manusia akan mendapatkan harta melalui jalan yang keji seperti merompak, meragut, mencuri dan sebagainya.

Pada masa yang sama, Allah SWT mengurniakan hambaNya harta dengan kadar yang berbeza-beza. Ada manusia yang kaya, sederhana dan miskin di dunia ini. Namun demikian, kaya-raya bukanlah ukuran untuk menandakan bahawa seseorang lebih dikasihi Allah dan tidaklah bermakna mereka yang miskin itu dihina oleh Allah SWT. Ini diterangkan di dalam Surah Al-Fajr, ayat 15-17: Bermaksud:

***“Adapun manusia apabila Tuhannya mengujinya lalu dia dimuliakan-Nya dan diberi-Nya kesenangan, maka dia akan berkata: “Tuhanku telah memuliakanku.” Adapun bila Tuhannya mengujinya lalu membatasi rezekinya maka dia berkata: “Tuhanku menghinakanku”. Sekali-kali tidak (demikian). Bahkan (perbuatan kamu wahai orang-orang yang berkemahuan lebih salah lagi kerana) kamu tidak muliakan anak yatim, (kamu menahan apa yang ia berhak menerimanya.”***

Dalam merancang kewangan diri dan keluarga, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk memastikan harta kita diperolehi dengan cara yang betul, contohnya melalui perniagaan. Rasulullah s.a.w. telah menegaskan bahawa kedudukan perniagaan adalah merupakan satu kedudukan yang tinggi di sisi Allah SWT sebagaimana sabdanya yang bermaksud: “Sembilan persepuluh sumber rezeki (boleh diperolehi) melalui perniagaan”.

Salah satu bentuk perniagaan ialah aktiviti pelaburan. Melalui pelaburan, kita bukan sahaja dapat membina kekayaan untuk manfaat diri dan keluarga, malah dapat menyumbang kepada kesejahteraan ummah dan masyarakat sejagat.

Terdapat pelbagai instrumen pelaburan yang disahkan oleh Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan Majlis Fatwa Negeri. Justeru, umat Islam harus lebih peka dan janganlah terjebak dengan skim-skim cepat kaya yang diharamkan.

Usahlah kita menunggu adanya harta yang banyak untuk melabur. Pelaburan yang sedikit tetapi istiqamah adalah lebih berkesan berbanding pelaburan yang mungkin lebih banyak tetapi tidak konsisten. Pada masa yang sama, pelaburan serendah seringggit sekalipun, apabila digembleng bersama, boleh membantu membina kekuatan ekonomi sesebuah negara.

Oleh itu, janganlah sesekali alpa untuk merancang kewangan dan menguruskan harta sebelum meninggalkan dunia yang sementara ini. Jadikanlah kurniaan harta di dunia sebagai bekalan di akhirat. Jangan berkira-kira dengan harta yang ditinggalkan di dunia ini. Tunaikanlah kewajipan zakat dan ringankanlah tangan untuk sedekahkan harta melalui waqaf. Jadikanlah harta yang kita miliki itu sebagai wasilah untuk mendekati diri kepada Allah SWT.



## **BELANJAWAN PERIBADI**

Zaibedah Zaharum, Mardziyana Mohamad Malom, Nor Hazila Ismail,  
Maizura Mohd Isa & Nurul Haida Johan

Setiap individu inginkan keselesaan dalam kedudukan kewangan. Bagi mencapainya perlulah ada satu sistem perancangan kewangan atau sistem penggunaan kewangan yang berkesan agar perbelanjaan dapat diuruskan dengan baik. Pengurusan kewangan masa hadapan mencerminkan pelbagai usaha yang melibatkan disiplin tertentu untuk mengurus segala sumber pendapatan serta aset supaya setiap perbelanjaan yang dibuat mendatangkan faedah atau manfaat yang optima dan dapat memungkinkan tabungan serta pelaburan yang boleh menjamin pendapatan pada masa hadapan.

Salah satu usaha untuk menguruskan sumber-sumber pendapatan adalah dengan melakukan belanjawan. Apa itu belanjawan? Belanjawan merupakan anggaran pendapatan yang diperoleh dan perbelanjaan yang akan dibuat untuk suatu tempoh masa tertentu di masa akan datang. Ia bertujuan untuk mendapatkan keseimbangan di antara pendapatan dan perbelanjaan. Penyediaan belanjawan adalah berbeza-beza mengikut keperluan individu. Ada individu yang membuat simpanan dengan mengasingkan sebahagian wang yang diterima untuk membeli kereta baharu. Ada pula individu yang berpuas hati dengan menggunakan kereta lama dan simpanan dibuat untuk tujuan lain seperti bercuti ke luar negara.

Terdapat beberapa kepentingan menyediakan belanjawan, salah satunya adalah untuk mengelakkan pembaziran dengan mendahulukan barang yang penting dan yang perlu sahaja. Kedua, penyediaan belanjawan membolehkan individu mengagihkan sebahagian daripada pendapatan mereka untuk tujuan tabungan dalam menghadapi perkara di luar jangkaan. Selain daripada itu belanjawan membolehkan individu mengimbangkan antara perbelanjaan dengan pendapatan. Maka, perbelanjaan melebihi pendapatan tidak akan berlaku. Oleh itu, individu dapat mengelak daripada berhutang. Belanjawan ini bukan sahaja dapat memaksa individu tersebut merancang sebelum berbelanja malahan dapat digunakan sebagai mekanisma kawalan perbelanjaan. Perbandingan jumlah perbelanjaan yang dirancang dengan jumlah perbelanjaan yang sebenar pada setiap bulan dapat dilakukan.

Adalah penting untuk setiap individu merangka belanjawan. Untuk menjadi seseorang yang celik kewangan, seseorang itu perlu menambah ilmu pengetahuan serta mencari maklumat dan bantuan yang berkaitan dengan pengurusan kewangan agar dapat menguruskan kewangan dengan bijak dan sistematik.

## MAHASISWA DAN PELABURAN

Maizura Md Isa, Nor Hazila Ismail, Nurul Haida Johan & Zaibedah Zaharum

Kekangan kewangan di kalangan mahasiswa adalah suatu perkara yang sering berlaku di mana-mana institusi pengajian. Tidak kiralah institusi tersebut terletak dalam bandar mahupun di luar bandar. Masalah kewangan ini tetap akan timbul terutamanya ketika bermulanya semester baharu. Maka akan timbul masalah dan alasan yang digunakan untuk melewati pembayaran terutamanya yuran pendaftaran.

Kebanyakan para mahasiswa ini sebenarnya mempunyai alasan yang telus untuk menangguk pembayaran yuran mereka walaupun mereka mendapat pinjaman PTPTN. Antaranya termasuklah menjelaskan hutang bagi pihak keluarga, membayar yuran perubatan untuk ibu bapa di kampung dan juga membayar duit pendahuluan rumah sewa. Oleh kerana itu, para mahasiswa ini haruslah didedahkan kepada dunia pelaburan supaya mereka memperoleh pulangan yang menguntungkan bagi meringankan beban kewangan sendiri dan keluarga.

Ilmu yang diperolehi dalam bidang kewangan dan pelaburan semasa kuliah dapat membantu para mahasiswa ini memahami konsep pelaburan dengan lebih jelas. Para mahasiswa ini haruslah bijak menguruskan kewangan mereka dan mempraktikkannya dari peringkat awal lagi sebelum memasuki alam pekerjaan. Pada peringkat permulaan, para mahasiswa boleh berjink-jinak dalam pelaburan unit amanah seperti yang diperkenalkan oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB) melalui unit Amanah Saham Berhad (ASB). Pulangan yang mereka dapat dalam bentuk dividen dapat membantu golongan mahasiswa ini berdikari dan menjana pendapatan sendiri. Selain daripada itu, pelaburan dalam bidang hartanah juga semakin popular dewasa ini. Pelaburan hartanah ini telah diperkenalkan oleh Permodalan Hartanah Berhad (PHB) melalui unit Amanah Hartanah Berhad (AHB). AHB merupakan dana pelaburan unit amanah yang menjanjikan pulangan unit amanah pelaburan kepada pelabur tanpa mengira pendapatan dan usia mereka. Seterusnya, jika mereka sudah bersedia, mereka mungkin boleh beralih kepada dunia pasaran saham yang lebih memerlukan kecekapan ketika membuat keputusan dan sudah pasti dengan analisis yang betul pulangan mereka nanti akan lebih tinggi berbanding pelaburan melalui unit amanah.

Apapun, semuanya terletak kepada kebijaksanaan para mahasiswa tersebut dalam pengurusan kewangan mereka mengenai pelaburan. Berbekalkan ilmu kewangan dan pelaburan yang diperolehi dalam kuliah serta modal pelaburan yang minima, mereka boleh memilih untuk melabur dalam unit amanah ataupun dalam pasaran saham. Pilihan di tangan mereka.



## PENGURUSAN KEWANGAN DI KALANGAN EKSEKUTIF MUDA

Wan Muhd Faez Wan Ibrahim

Pengurusan kewangan menjadi keperluan dalam kehidupan seharian kita. Setiap hari kita akan membuat transaksi menggunakan wang dan di situlah bermulanya kepentingan dalam menguruskan perbelanjaan kita. Seringkali kita mendengar kadar kebangkrutan tinggi di Malaysia adalah dari kumpulan eksekutif muda iaitu mereka yang berada dalam peringkat umur 20 hingga 40 tahun. Kumpulan ini dikatakan mempunyai tabiat berbelanja yang melampau tanpa membuat perancangan kewangan yang efektif. Lebih menyedihkan lagi apabila ada di antara mereka tidak ada langsung simpanan untuk masa hadapan.

Pengurusan kewangan yang baik haruslah mengambil kira beberapa perkara yang penting. Pertama adalah pengurusan aliran wang. Proses ini memerlukan kita untuk mengenalpasti aliran wang dapat dikategorikan dengan betul. Pendapatan atau aliran wang masuk boleh dibahagikan kepada dua iaitu pendapatan aktif dan pendapatan pasif. Pendapatan aktif bermaksud pendapatan yang kita dapat bagi setiap kali kita melakukan kerja. Contoh golongan pendapatan aktif adalah jurutera, doktor, cikgu, pensyarah dan sebagainya. Manakala, pendapatan pasif pula adalah pendapatan yang kita dapat apabila kita melakukan sekali sahaja kerja tetapi kita tetap menghasilkan duit pada setiap masa. Contoh adalah penyanyi yang menghasilkan album sendiri. Mereka akan menerima royalti pada setiap masa selagi album mereka laku dijual. Hasil dari pendapatan ini kita digalakkan menyimpan 10 peratus dari jumlah keseluruhan pendapatan tersebut. Jika berlaku perkara tidak diingini pada masa hadapan sekurang-kurangnya kita sudah bersedia dan mempunyai simpanan.

Kedua, bijak ketika membuat pinjaman. Perkara utama yang perlu dititikberatkan dalam membuat pinjaman adalah tujuan pinjaman dan kenalpasti sama ada ia adalah untuk memenuhi keperluan atau kemahuan. Seharusnya keperluan adalah yang lebih utama berbanding kemahuan. Pinjaman boleh dibahagikan kepada dua iaitu pinjaman bercagar ( pinjaman perumahan, pembiayaan sewa-beli, overdraf ) dan pinjaman tanpa cagaran (kad kredit, mikro kredit dan pinjaman peribadi). Kita juga perlu tahu kebolehan untuk membuat bayaran balik, kedudukan aliran wang, jenis pinjaman yang diperlukan dan akhir sekali sejarah pinjaman yang direkodkan di dalam CCRIS.




Ketiga, guna kad kredit dengan efektif. Antara perkara penting yang perlu diambil kira berkaitan kad kredit adalah seperti berikut:

1. Sebelum melanggan mana-mana kad kredit, dapatkan maklumat berkaitan kad kredit bank yang berkenaan, tujuan melanggan, kadar faedah dan juga kelebihan yang ditawarkan
2. Awas dengan kadar faedah yang dikenakan oleh pihak bank jika berlaku tunggakan.
3. Pastikan bayaran balik dibuat pada masa yang telah ditetapkan.
4. Elakkan bayaran tertunggak kerana ia akan menjejaskan rekod di CCRIS.

Kesimpulannya, perancangan kewangan adalah untuk persediaan masa hadapan. Ia adalah langkah yang terbaik mengurangkan risiko kebangkrapan di masa akan datang. Selain itu, ia juga membantu kita membuat simpanan dan juga pelaburan. Kita harus ingat, jika kita gagal merancang maka kita juga merancang untuk gagal.





**KARYA KREATIF**

## PERJUANGAN (Puisi khas buat siswa UiTM)

Nik Nur Shafika Mustafa & Syamsyul Samsudin

Perjuangan ini  
Bukan untuk dimegah  
Bukan untuk dijulang  
Bukan untuk dihargai  
Bukan untuk dibangga  
Bukan untuk menempa nama  
Tapi, perjuangan ini  
Untuk anak pertiwi.

Walau onak dan duri  
Walau ranjau berliku  
Walau pedih menyilu  
Namun, semangat yang bergejolak di nadi  
ini  
Tidak pernah luntur  
Untuk melahirkan fikir dan mahir  
Menyubur taman peribadi.

Kadangkala  
Kusangka panas hingga ke petang  
Rupanya hujan di tengahari  
Adakalanya, semangatku terbang ke langit  
Sabarku di hinjak ke bumi  
Namun, biar patah sayap rajawali  
Bertongkat jua kuberdiri  
Untuk anak pertiwi.

Kuharapkan kalian bisa berjuang  
Menongkah badai  
Menghadapi hidup pancaroba  
Biar ribut bergolakan  
Biar hujan berpanjangan  
Kuharap kalian akan menjadi insan berguna  
Dicampak ke laut menjadi mutiara  
Dicampak ke darat menjadi permata  
Di campak ke langit menjadi kejora  
Tegak menjadi tiang  
Rebah menjadi jambatan.

Biarpun roh dan jasadku terpisah nanti  
Biarpun tulangku hancur dimamah bumi  
Doa dan harapanku tetap sama  
Agar kalian mampu berjuang  
Untuk duniamu dan akhirat yang abadi.

Buat kalian  
Jangan hanya tahu mengeja dan menyebut  
Tapi...ketahuilah, hayatilah  
Nilai dan erti PERJUANGAN.





## DIA

Nur Liyana Mohamed Yousop

Sirahku  
Umpama meniti titian yang tiada  
akhirannya  
Kadangkala lurus, banyaknya berliku  
Kadangkala teguh, banyaknya rapuh  
Kadangkala lapang, banyaknya sempit  
Kadangkala tenang, banyaknya nestapa.

Tatkala aku termanggu  
Merenung zulmat merinding jiwa  
Hati ini merintih  
Adakah aku insan yang nista  
Adakah aku insan yang berdosa  
Adakah aku insan yang duka.

Aku...  
Bukanlah segala-segalanya  
Bukanlah jua sesiapa  
Kerdil lagi hina  
Acapkali diuji oleh-Nya  
Tidaklah seagung Dia.

Dia...  
Ya...Dia  
Dia yang tiada celanya  
Dia yang begitu sempurna  
Dia yang tiada titik noda.

Hidupnya seakan berliku, namun lurus  
Jalannya seakan rapuh, namun teguh  
Ranjaunya seakan berduri, namun  
lapang  
Jiwanya seakan gusar, namun tenang.

Dia...  
Muhammad  
Dialah Rasulku  
Dialah kekasihku  
Dialah pengubat jiwaku.  
Kasihnya kasihku  
Doanya doaku  
Rindunya rinduku  
Syafaatnya harapanku.

Ku kutip serak rintihku  
Cahayakanlah hati ini  
Demi hari itu, dengan izin-Mu.



## NAFSU

Husnizam Hosin

Bertengking bangsa berlayar ke tengah arungan  
Ibarat Ratna Asyikan diiring dayang berambal-ambal  
Sang Qarun kata harta rahsia keamanan  
Syahadan kata Shah Jihan cinta bahari berbeka-beka  
Namun manisnya biram bak dilontar punggung ke dalam jamjam  
Sedihnya Betara Kala mengedari jagat buana.

Jendera beradu berseludung pisang di Jambi  
Cabuh pendeta bak harung sang sangkakala  
Cancut mengiring gemalai tari Balairong Seri  
Aci-aci tak tersedar petualang agus menikam dialun-alun  
Lazatnya seperti Raja Bersiong mengecap gulai bayam bercampur darah  
Rakus bak bilis di astaka kencana berlantai cengal bertiang jati.

Arakian kecindan Acheh, Kedah Tua, Srivijaya terhenti dek petualang darah  
Bertongkat angkuh diatip bisikan syaitan tergamak memotong nahu, mencungkil  
mata  
Qarun kaya seperti Sulaiman, namun ditelan tanah  
Firaun bertakhta seperti Sulaiman, namun ditelan laut  
Kasih Shah Jihan kepada Mumtaz seperti rindunya Sulaiman kepada Balqis  
Namun dipenjara sampai mati  
Akal dan afwah cakduh acung sang petualang menikam buana.



# Jabatan Ekonomi



## **PROFIL PENULIS-PENULIS**

### **Laporan Aktiviti Jabatan dan Pensyarah**

Rosmah binti Abd Ghani @ Ismail  
Norfariza binti Mohd Ali  
Juliana binti Mohamed Abdul Kadir

### **Karya Akademik dan Umum**

Azfar Hilmi bin Baharudin  
Dr. Tan Yan Ling  
Azman bin Ali  
Siti Nordiyana binti Isahak  
Nor Hamiza binti Mohd Ghani  
Zailati binti Ahmad  
Diana' binti Mazan  
Aidarohani binti Samsudin  
Bazri bin Abu Bakar  
Juliana binti Mohamed Abdul Kadir  
Nur Adilah binti Saud  
Radyiah binti Ab Aziz

### **Karya Kreatif**

Norfariza binti Mohd Ali  
Siti Nordiyana binti Ishak  
Juliana binti Mohamed Abdul Kadir



**LAPORAN AKTIVITI  
JABATAN DAN  
PENSYARAH**

## LAPORAN AKTIVITI 1: BENGKEL PENYEDIAAN KERTAS SOALAN PEPERIKSAAN AKHIR BAGI KOD KURSUS ECO120, ECO162, ECO211 DAN ECO261

Rosmah binti Abd Ghani @ Ismail

Jabatan Ekonomi telah menganjurkan Bengkel Penyediaan Kertas Soalan Peperiksaan Akhir Bagi Kod Kursus ECO120, ECO162, ECO211 DAN ECO261 pada 23 dan 24 Januari 2019. Bengkel ini bertujuan untuk mengatasi masalah asas dalam penyediaan kertas soalan peperiksaan. Proses penyeragaman penyediaan kertas soalan peperiksaan ini perlu diselaraskan supaya kandungan pengajaran yang digariskan di dalam Outcome Based Learning (OBE) dapat dicapai.

Melalui bengkel ini, diharapkan jurang variasi pemahaman antara pensyarah dapat dikecilkan sekaligus mengurangkan peratusan kesilapan. Sehubungan dengan itu, bengkel ini dirangka untuk mewujudkan ruang dan peluang kepada pensyarah Jabatan Ekonomi duduk semeja bagi membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan penyediaan soalan peperiksaan akhir supaya setiap pensyarah mendapat input dan pemahaman yang sama. Di samping itu, bengkel ini adalah berbentuk perbincangan dalam kumpulan (LDK) yang akan diketuai oleh Lecturer In Charge (LIC) bagi empat kod kursus iaitu ECO 120 (Principles of Economics), ECO162 (Microeconomics), ECO211 (Macroeconomics) dan ECO261 (Malaysian Economy).

Bengkel ini dijalankan selama dua hari iaitu dari pukul 8 pagi sehingga ke pukul 5.00 petang. Seramai 15 orang pensyarah dari Jabatan Ekonomi terlibat dengan bengkel ini termasuk Lecturer in-charge untuk kod kursus ECO120, ECO211, ECO261 dan ECO261. Bengkel berjalan lancar dan berjaya menghasilkan dua set soalan peperiksaan akhir bagi setiap kod kursus yang terlibat dengan kerjasama kehadiran para pensyarah yang akan mengajar subjek tersebut.



## LAPORAN AKTIVITI 2: TOT PRINCIPLES OF ECONOMICS ECO120

Norfariza binti Mohd Ali

Jabatan Ekonomi telah menganjurkan Bengkel Training for Trainers (TOT ) Principles of Economics ECO120 bagi pensyarah yang mengajar subjek tersebut terutamanya pensyarah yang baru kali pertama mengajar subjek ini dan kebanyakannya daripada jabatan lain. Bengkel ini telah diadakan pada 27 Januari 2019. Para pensyarah diberi pendedahan berkenaan perubahan penilaian pada *Assessment*, *Course Information* dan *Lesson Plan*. Pelaksanaan projek kumpulan pelajar turut ditekankan di dalam bengkel ini kerana ia memberi markah yang banyak kepada *Assesment*.

Proses pengajaran dan pembelajaran ECO 120 ini perlu diselaraskan supaya kandungan pengajaran yang digariskan di dalam *Outcome Based Learning* dapat dicapai. Proses penyeragaman dapat diaplikasi melalui sudut bahan pengajaran seperti nota kuliah dan kerja kurus itu sendiri supaya tidak mempunyai pendekatan yang terlalu berbeza di kalangan para pensyarah.

Bengkel ini hanya dijalankan setengah hari sahaja iaitu dari pukul 8 pagi sehingga ke pukul 1.30 tengahari sahaja. Seramai 13 orang pensyarah terlibat dengan bengkel ini termasuk seorang penceramah iaitu Puan Aidarohani yang juga merupakan *Lecturer in-charge* untuk kod kursus ECO120. Beliau turut dibantu dengan seorang fasilitator iaitu Puan Diana' binti Mazan. Bengkel berjalan lancar dengan kerjasama kehadiran para pensyarah yang akan mengajar subjek ini pada sesi Mac - Julai 2019.



## LAPORAN AKTIVITI 3: JAMUAN RAYA JABATAN EKONOMI

Juliana binti Mohamed Abdul Kadir

Majlis kecil dan ringkas, tetapi cukup terkesan di hati. Itu yang dapat dirasai oleh semua pensyarah Jabatan Ekonomi apabila dapat berkumpul bersama dengan rakan pensyarah yang telah bersara dan cuti belajar. Majlis juga bertambah seri dengan kehadiran dua orang pensyarah muda (PTFT) yang tidak kurang mesranya.

Jabatan Ekonomi Beraya itulah majlis yang dimaksudkan. Majlis telah diadakan pada hari Rabu bersamaan 19 Jun 2019 di Bilik Sekretariat, UiTM Johor. Masing-masing gembira dapat bertemu untuk berhari raya menyambut aidiilfitri bersama dengan pelbagai juadah enak yang terhidang seperti nasi impit, rendang, lontong, laksa johor, aneka kek dan manisan serta juadah 'potluck' yang dibawa bersama.

Majlis selama 3 jam ini diakhiri dengan sesi bergambar sebagai tanda kenangan untuk keluarga kecil kami, Jabatan Ekonomi di UiTM Johor. Semoga persahabatan terus berkekalan hingga ke akhirnya.



The background is a rich purple with a pink-to-orange gradient in the center. A large, glowing circle with a yellow-to-orange gradient is the focal point. It is framed by several concentric, white-outlined diamond shapes. Below the circle, there are wavy, wireframe-like patterns in shades of purple and pink. The overall aesthetic is modern and digital.

**KARYA AKADEMIK  
DAN UMUM**

## GELOMBANG REVOLUSI INDUSTRI (RI) 4.0

Azfar Hilmi bin Baharudin, Dr. Tan Yan Ling, Azman bin Ali

Dunia sedang mengalami perubahan di dalam struktur limpahan ekonomi. Pada akhir abad ke-18 hingga awal abad ke-19 di Eropah dan Amerika, Revolusi Industri Pertama telah mengubah lanskap perindustrian global. Revolusi tersebut melibatkan peralihan daripada proses pengeluaran manual kepada pembuatan mesin dan pembangunan mesin berkuasa stim dan air. Ini disusuli dengan Revolusi Industri Kedua yang didukung oleh sektor pembuatan keluli, cari gali minyak dan penjana kuasa elektrik pada skala besar, dari sekitar tahun 1870 hingga 1914. Revolusi Industri Ketiga pula bermula pada tahun 1950-an di mana ianya juga dikenali sebagai Revolusi Digital yang membawa perubahan teknologi daripada penggunaan alat elektronik dan mekanikal analog kepada penggunaan teknologi digital.

Revolusi Industri (RI) 4.0 atau Industri 4.0 merupakan kesinambungan Revolusi Industri Ketiga dalam peningkatan automasi berserta rangkaian internet. Ia merangkumi penemuan pelbagai teknologi baru seperti automasi, analisis *Big Data*, simulasi, integrasi sistem, penggunaan robotik dan *cloud*. Istilah Industri 4.0 pertama kalinya diperkenalkan pada tahun 2011 di bawah satu inisiatif pengukuhan daya saing sektor perkilangan Jerman. Secara ringkasnya menurut Forum Ekonomi Dunia (World Economic Forum), RI 4.0 merupakan perubahan berpandukan teknologi. Dalam erti kata lain, RI 4.0 membolehkan mesin-mesin berkomunikasi antara satu sama lain melalui rangka teknologi *Internet of Things* (IoT) dan juga membolehkan manusia berkomunikasi bersama mesin melalui rangka teknologi *Internet of People* (IoP). Dalam rangka teknologi ini, segala urusan harian dan pekerjaan dapat dijalankan dengan lebih produktif. Contoh penggunaan teknologi IoT ialah peralatan rumah pintar seperti sistem penggera kecemasan yang boleh dikawal secara jarak jauh menggunakan telefon pintar. Manakala penggunaan aplikasi navigasi seperti *Google Maps* dan *Waze* merupakan contoh rangka teknologi IoP.

Gelombang RI 4.0 dapat mengatasi masalah kebergantungan terhadap sumber tenaga kerja manusia. Implikasinya ialah, golongan pekerja separuh mahir pada masa hadapan akan berdepan dengan cabaran kehilangan pekerjaan berpunca daripada gabungan teknologi automasi dan penggunaan robotik. Namun, mengikut satu kajian di Jerman, IR 4.0. bakal mewujudkan 100,000 pekerjaan baru dalam bidang kejuruteraan mekanikal dan pembinaan dalam masa 10 tahun akan datang (Maier & Student, 2014). Ini menunjukkan IR 4.0 bukan suatu fenomena yang secara konklusif menjurus kepada kadar pengangguran yang tinggi. Tidak dinafikan IR 4.0 akan menyebabkan sebahagian pekerjaan berkemahiran rendah seperti juruwang dan pembantu peribadi akan berkurang.

Namun, peluang pekerjaan baharu yang memerlukan kemahiran tinggi akan bertambah. Pekerja mahir seperti pengkod komputer dan penyelenggara peralatan *informations and communications technology* (ICT) akan lebih diperlukan di masa hadapan. Tambahan lagi, di dalam era RI 4.0, pekerja perlu bersiap siaga dengan kemahiran seperti penyelesaian masalah kompleks, memiliki ciri-ciri kepimpinan dalam pengurusan sumber manusia dan mesin, serta kemahiran analisis dan interpretasi data (The Star, 2019).

Namun persoalan yang harus diketengahkan di sini adalah, sejauh manakah sektor pendidikan Malaysia bersedia dalam melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi di mana kemahiran mereka selari dengan gelombang industri ini. Malaysia harus mencontohi negara maju di mana pelajar didedahkan dengan mata pelajaran pengekodan seperti Python, Java dan C++ di peringkat sekolah. Ini penting agar pelajar mampu berdaya saing dalam sektor industri setelah menjadi tenaga kerja di era RI 4.0 yang mencabar. Justeru, penggubal dasar pendidikan negara harus mengambil kira perkembangan ini agar Malaysia tidak hanyut dalam gelombang perindustrian yang semakin berkembang ini.

#### Rujukan

Bendahari Universiti Malaysia Pahang. (2019). Revolusi Industri 4.0. Retrieved from <https://bendahari.ump.edu.my/index.php/en/info-kewangan1/530-revolusi-industri-4-0>

Maier, A., & Student, D. (2014). M D in Germany. *Manager Magazin* (12/2014), pp. 92-98.  
putridayangbunting. (2018). Revolusi Perindustrian 4.0. Retrieved from <https://putridayangbunting.blogspot.com>

The Star. (2019). Preparing Students for Industry 4.0. *The Star*. Retrieved from <https://www.thestar.com.my/news/education/2019/05/12/preparing-students-for-industry-40/>

## **JEJAK JEPUN PENGARUHI BUDAYA KERJA RAKYAT MALAYSIA**

Siti Nordiyana binti Isahak, Nor Hamiza binti Mohd Ghani,  
Zailati binti Ahmad

Sejak merdeka, pengaruh barat terutamanya British telah mempengaruhi budaya kerja dan juga cara hidup masyarakat Malaysia secara amnya. Keangkuhan dan kesempurnaan budaya kerja Barat yang sering diperkatakan sedikit sebanyak mulai luntur apabila Perdana Menteri Malaysia ke-empat, Tun Dr. Mahathir Mohamad ketika itu memperkenalkan Dasar Pandang Ke Timur (DPT). Setelah diumumkan pada tanggal 8hb Februari 1982 di Persidangan "5<sup>th</sup> Joint Annual Conference of MAJECA/JAMECA", yang diadakan di Hotel Hilton Kuala Lumpur ini, Malaysia tidak lagi menoleh ke belakang apabila menjadikan negara-negara di Timur seperti Jepun, Korea Selatan, Taiwan dan Singapura (tumpuan negara lebih kepada Jepun) sebagai contoh dan tauladan kepada rakyat Malaysia dalam usaha meningkatkan prestasi pengurusan dan pembangunan di sektor awam dan swasta. Perubahan dasar ini telah memberikan kejutan kepada Barat terutamanya Britain yang sememangnya mempunyai hubungan baik dengan Malaysia sejak sebelum merdeka lagi.

Nilai disiplin dan sifat kesetiaan yang tinggi dalam kalangan rakyat di Jepun dan Korea ini telah menambat hati Perdana Menteri untuk menukar dasar luar negara. Seperti yang sedia maklum, kejayaan sesuatu perhubungan antarabangsa sesebuah negara amat bergantung dengan dasar luar yang dilaksanakan. Malaysia tidak terkecuali untuk menjaga hal ehwal luarnya sebaik sahaja negara bebas dan merdeka pada 31 Ogos 1957. Malaysia yang dikenali dengan nama Tanah Melayu pada ketika itu telah mengalami pelbagai bentuk transformasi seiring dengan perubahan tampuk pemerintahan negara. Namun, harus diakui secantik manapun lakaran pelan dan dasar pembangunan negara yang telah disusun, sekiranya intipati perlaksanaannya tidak diperhalusi dengan baik maka pincanglah matlamat yang ingin dikejar.

Setelah 37 tahun dilaksanakan, dasar ini di lihat masih lagi relevan dan kembali rancang diterjemahkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad yang kembali menerajui tampuk pemerintahan negara pada tahun 2018. Misi memodenkan Malaysia melalui DPT ini, telah menampakkan sisi menarik di mana budaya kerja Jepun mula diaplikasikan sedikit demi sedikit dalam budaya kerja harian rakyat Malaysia. Dasar ini sekaligus memperluaskan lagi ruang pelaburan dan meningkatkan hubungan baik di antara Malaysia dan Jepun yang telah sedia terjalin. Penghantaran pelajar Malaysia ke Jepun dan Korea Selatan untuk melanjutkan pengajian pada peringkat ijazah pertama dan pasca siswazah telah membawa impak yang baik kepada kelainan perjalanan sektor perindustrian dan perkhidmatan negara. Sifat kelembutan, kerajinan dan disiplin yang tinggi telah dapat diterapkan dengan baik dalam sektor pekerjaan dan menjadi ikutan rakan sekerja.

Menyorot pelaksanaan DPT, negara telah membuat tiga perubahan khusus iaitu melalui perubahan struktur, sikap dan latihan serta kursus. Penggunaan tanda nama, sistem 5'S, penggunaan kad perakam waktu kerja, konsep pejabat terbuka, konsep bersih, cekap dan amanah (BCA), kepimpinan melalui teladan (KMT) dan sebagainya merupakan antara kesan positif kepada pelaksanaan DPT. Malahan program-program berbentuk latihan dan kursus telah giat dilaksanakan seperti latihan perindustrian dan teknikal, program pengajian akademik, program kemajuan eksekutif yang memberi penekanan kepada bidang pengurusan Sogoshosha, perjawatan, Q.C.C dan pengurusan am, skim latihan pembangunan keusahawanan dan program hubungan antara institusi. Pendekatan berfokus dan berinovasi ini, telah meningkatkan prestasi pengurusan dan pembangunan di negara ini.

Kegilaan masyarakat Jepun terhadap kerja menjadikan negara tersebut semakin maju ke hadapan tanpa meninggalkan jauh budaya nenek moyang mereka. Konsep "*ware ware wa*" telah menjadikan sektor pekerjaan sehati di dalam jiwa di mana mereka meletakkan organisasi sebagai sebahagian daripada hidup mereka. Malahan sikap "*shinyo*" antara satu sama lain menjadikan organisasi semakin utuh dan berkembang dengan baik. Atas dasar saling mempercayai ini jugalah, pengurus-pengurus muda diberikan tanggungjawab dan dilatih dengan baik oleh pengurus-pengurus yang berpengalaman tanpa ada istilah 'kedekut ilmu'. Kelangsungan sektor pekerjaan dan profesionalisme dapat diteruskan malah ditambah baik dengan penglibatan golongan muda yang lebih agresif dan dinamik. Sekiranya berlaku permasalahan dalam sesebuah organisasi, pihak pentadbir atau 'bos' akan mengambil tanggungjawab di atas kesalahan/permasalahan yang ditimbulkan oleh anak buah mereka yang dinamakan dengan konsep "*moshiwake arimase*".

Selain itu, dominasi pergantungan negara terhadap ekonomi negara-negara tertentu sahaja akan memberikan risiko yang tinggi sekiranya negara tersebut berhadapan dengan kemelut ekonomi. Oleh itu, negara perlu lebih progresif dalam mencari peluang-peluang yang baru untuk melaksanakan hubungan dua hala dan pelaburan yang berintensiti tinggi serta mampu memberikan pulangan yang lumayan. Justeru, DPT yang telah diperkenalkan sejak dahulu lagi ini dilihat masih lagi relevan dan wajar diteruskan oleh Malaysia meskipun kita perlu selektif dalam pemilihan ikutan yang harus dianuti. Kerjasama ekonomi yang baik dengan negara-negara di Timur ini telah terbukti membuahkan hasil dan harus dikekalkan, seterusnya memberikan ruang yang lebih besar kepada sektor-sektor digital, teknologi dan perkhidmatan yang berintensif tinggi untuk berkembang selaras dengan Revolusi Industri 4.0.

## KAPASITI PERUT BAYI DAN KADAR SUSU


Diana' binti Mazan, Aidarohani binti Samsudin, Bazri bin Abu Bakar

Tahukah ibu-ibu, pentingnya memahami konsep keperluan susu ibu dan kapasiti perut bayi? Di awal kelahiran, kapasiti perut bayi hanyalah sebesar saiz guli. Oleh yang demikian, ibu-ibu tidak perlu risau akan kadar penghasilan susu pada ketika itu. Walau bagaimanapun, ibu-ibu perlu fokus terhadap penghasilan susu bagi menampung keperluannya kepada bayi mengikut tahap tumbesaran mereka.

Pada dasarnya, perut bayi akan berubah saiz selari dengan perkembangan fizikal mereka. Sebagai contoh, pada hari ketiga kelahiran, perut bayi akan membesar sebesar saiz sebiji kacang *Walnut*. Di mana pada ketika saiz ini, bayi memerlukan bekalan susu di antara 22-27 ml atau bersamaan 0.75 sehingga 1 oz untuk sekali susuan. Saiz ini akan berkekalan selama seminggu sebelum berlakunya perubahan pada kadar keperluan susu oleh bayi.

Kadar keperluan susu ibu meningkat kepada 45-60ml atau bersamaan 1.5 hingga 2 oz bagi setiap susuan apabila usia bayi menjangkau seminggu selepas kelahiran. Proses perkembangan saiz perut bayi berterusan selari dengan pertumbuhan fizikal bayi. Saiz perut bayi akan berkembang dan membesar menjadi sebesar saiz sebiji telur ayam. Perkembangan saiz perut bayi menyebabkan keperluan susu juga meningkat. Dianggarkan pada saiz ini, bayi memerlukan di antara 80-150 ml atau bersamaan 2.5 sehingga 5 oz bagi setiap susuan.

Ibu-ibu yang menyusukan bayi secara terus juga perlu faham akan saiz dan keperluan jumlah susu ibu kepada bayi. Kekerapan bayi menyusukan bukan sahaja dipengaruhi oleh saiz perut bayi malah juga dipengaruhi oleh kepatutan susu ibu itu dihadamkan oleh perut bayi. Kita sedia maklum, di mana susu ibu adalah satu-satunya susu yang mudah dihadam. Oleh itu, bayi yang hanya menyusukan susu ibu akan cepat meminta dan kerap menyusukan berbanding bayi yang menyusukan susu formula.



## **KRONOLOGI DAN PERLAKSANAAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST) DI MALAYSIA**

Juliana binti Mohamed Abdul Kadir

Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) telah menggantikan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) pada 1 April 2015. Cukai jualan yang dikenakan kadar 5 peratus hingga 10 peratus dan cukai perkhidmatan pada 6 peratus, telah ditukarkan kepada GST iaitu pada kadar 6 peratus.

Sejak tahun 1982, hasil cukai Malaysia adalah bergantung kepada cukai langsung. Pada tahun 2015, peratusan pendapatan kepada KDNK adalah 15.5 peratus. Walau bagaimanapun, kerajaan telah memperkenalkan GST untuk meningkatkan pendapatan hasil cukai tidak langsung seterusnya menjadikan hasil ini sebagai sumber pendapatan utama bagi negara.

Terdapat dua faktor di sebalik pelaksanaan GST iaitu: (1) cukai tidak langsung menawarkan matlamat yang lebih luas kerana ia hasilnya dapat dipungut daripada semua lapisan masyarakat. Sebaliknya cukai langsung hanya tertumpu kepada golongan berpendapatan tetap sahaja; dan (2) pertukaran kepada cukai tidak langsung boleh meluaskan asas dan meminimumkan beban kepada mereka yang bekerja, terutama bagi negara-negara yang mempunyai jumlah populasi tua atau 'aging population' yang ramai.

Kronologi pengenalan kepada GST bermula 30 tahun yang lalu. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya telah ditangguhkan beberapa kali. Akhirnya, model asas GST Malaysia telah dibangunkan dengan langkah pertama diambil pada tahun 1983 apabila Malaysia menghantar pasukan penyelidikan ke Korea Selatan untuk mengkaji potensi GST.

Seterusnya, Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin telah memperkenalkan GST pada Belanjawan 1989. Pelaksanaan GST adalah untuk mengimbangi pengurangan di dalam hasil kerajaan yang disebabkan oleh jumlah cukai langsung. GST telah dinilai berkemungkinan ia akan menjadi satu pilihan percukaian yang terbaik untuk dilaksanakan. Namun begitu, pelan ini telah ditangguhkan.

Dalam Belanjawan 1993, GST telah diumumkan buat kali kedua oleh bekas Menteri Kewangan Dato' Seri Anwar Ibrahim. Namun, pelaksanaannya ditangguhkan. Setelah lebih 10 tahun menangguhkan pelaksanaan GST, pada 10 September 2004, Dato' Seri Abdullah bin Ahmad Badawi telah membawa isu GST ke dalam Belanjawan 2005. Sejurus selepas itu, Malaysia telah menghantar satu pasukan untuk membuat kajian berkaitan dengan pelaksanaan dan mekanisma GST di Australia, New Zealand, dan Indonesia.

Walaupun bagaimanapun, pada 22 Februari 2006, pelaksanaan GST sekali lagi ditangguhkan sehingga 1 Januari 2007. Ini kerana kerajaan mahu memberikan masa yang mencukupi kepada para peniaga dan pengeluar untuk penyusunan semula perniagaan, pembangunan sistem, dan latihan staf apabila sistem percukaian baharu dilaksanakan.

Sekali lagi, pada 24 November 2009, Rang Undang-Undang GST telah dibacakan di Parlimen dan di Dewan Rakyat sebagai satu langkah untuk membangunkan sistem percukaian yang lebih cekap, berkesan dan mampan. Walaupun bagaimanapun, pada April 2010, penangguhan GST telah diumumkan semula disebabkan oleh dua faktor iaitu: (i) untuk memastikan undang-undang berkaitan pelaksanaan GST siap sepenuhnya; dan (ii) untuk mendapatkan maklum balas daripada rakyat.

Pada tahun 2010, di bawah Model Ekonomi Baru, Perdana Menteri keenam telah mencadangkan pembaharuan dalam sistem percukaian bertujuan untuk meningkatkan pendapatan negara. Komponen utama pembaharuan ini adalah untuk memperluas asas cukai dengan pengenalan sistem GST.

Asas cukai yang lebih pelbagai adalah untuk mengurangkan pergantungan kepada: (i) cukai pendapatan, masing-masing pada tahun 2012 dan 2013 menyumbang 56.4 dan 58 peratus; dan (ii) hasil petroleum, yang pada tahun 2012 dan 2013 masing-masing menyumbang 32.6 dan 30.6.

Akhirnya, dalam Belanjawan 2014, Datuk Seri Najib Tun Razak, mencadangkan GST dilaksanakan pada kadar 6 peratus mulai 1 April 2015. Model GST Malaysia telah dipilih dan terdiri daripada tiga jenis mekanisme cukai: (i) kadar standard, (ii) kadar sifar, dan (iii) pengecualian. Model ini digunakan untuk mengurangkan kesan GST ke atas kumpulan berpendapatan rendah. Dalam tempoh pelaksanaan, GST telah menyumbangkan hasil tahunan sebanyak RM44 bilion kepada negara.

Namun, mekanisme pelaksanaan GST telah diperbaiki selepas pilihan raya umum ke-14 apabila Pakatan Harapan membentuk kerajaan baru. Kerajaan yang diketuai oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad telah mengubah mekanisme GST daripada kadar 6 peratus kepada kadar sifar bermula dari 1 Jun 2018 selepas genap 3 tahun dan 2 bulan berlaksananya.

Perubahan mekanisme ini adalah hasil daripada manifesto yang telah dibuat oleh Pakatan Harapan semasa kempen pilihanraya iaitu untuk menghapuskan GST. Manakala, pada 1 September 2018, cukai baru telah diperkenalkan untuk menggantikan GST, iaitu SST. Reformasi cukai ini diperlukan untuk meningkatkan semula permintaan agregat dan kuasa beli pengguna.

## “EARTH OVERSHOOT DAY”

Dr. Tan Yan Ling, Nur Adilah binti Saud

Tahukah anda tentang kewujudan *Earth Overshoot Day*? *Earth Overshoot Day* adalah hari di mana penggunaan sumber alam untuk sesuatu tahun melebihi kapasiti yang boleh dijana semula oleh bumi dalam tahun tersebut. Mengikut Global Footprint Network National Footprint Accounts (2019), pada tahun 1970, *Earth Overshoot Day* berlaku pada tanggal 20 December, manakala pada 10 tahun seterusnya hari berkenaan jatuh pada 4 November 1980, 11 Oktober 1990, 23 September 2000 dan 7 Ogos 2010 (rujuk Jadual 1).

Jadual: Tarikh "Earth Overshoot Day", 1970 – 2019

29-Dec-70	4-Nov-80	11-Oct-90	23-Sep-00	7-Aug-10
20-Dec-71	11-Nov-81	10-Oct-91	22-Sep-01	4-Aug-11
10-Dec-72	15-Nov-82	12-Oct-92	19-Sep-02	4-Aug-12
26-Nov-73	14-Nov-83	12-Oct-93	9-Sep-03	3-Aug-13
27-Nov-74	6-Nov-84	10-Oct-94	1-Sep-04	4-Aug-14
30-Nov-75	4-Nov-85	4-Oct-95	25-Aug-05	5-Aug-15
16-Nov-76	30-Oct-86	2-Oct-96	19-Aug-06	5-Aug-16
11-Nov-77	23-Oct-87	29-Sep-97	14-Aug-07	1-Aug-17
7-Nov-78	15-Oct-88	29-Sep-98	14-Aug-08	29-Jul-18
29-Oct-79	11-Oct-89	29-Sep-99	18-Aug-09	29-Jul-19

Source : <https://www.overshootday.org/newsroom/past-earth-overshoot-days/>

Keadaan ini menunjukkan berlakunya peningkatan penggunaan sumber pada setiap tahun. Jika dilihat pada tahun 2019, *Earth Overshoot Day* adalah yang terawal berlaku dalam tempoh empat dekad kebelakangan ini iaitu pada 29 Julai. Ia menunjukkan kadar penggunaan sumber adalah 1.75 kali lebih cepat daripada apa yang boleh dijana semula oleh bumi.

Kejadian seperti ini berlaku disebabkan oleh penebangan hutan secara besar-besaran, hakisan tanah dan peningkatan populasi yang berterusan yang mengakibatkan peningkatan karbon dioksida dan perubahan cuaca yang lebih kerap. Perubahan cuaca akan mengakibatkan pemanasan global dan juga ketidakseimbangan biodiversiti.

Antara langkah yang boleh diambil untuk melambatkan berlakunya *Earth Overshoot Day* adalah dengan menggunakan sumber alam secara bijak di samping menggalakkan masyarakat menjana semula sumber contohnya penanaman hutan secara besar-besaran, mempergiat aktiviti kitaran semula dan sebagainya. Rekod dunia telah dicipta oleh Ethiopia di mana 350,000 buah pokok telah ditanam di negara tersebut dalam masa 12 jam pada *Earth Overshoot Day* tahun 2019.

### Rujukan

<https://www.earthday.org/2019/07/26/earth-overshoot-day-is-july-29-the-earliest-ever/>  
<https://www.overshootday.org/newsroom/past-earth-overshoot-days/>

## LANGKAH PENGURANGAN PENGGUNAAN MINYAK MENTAH DEMI KELESTARIAN ALAM SEKITAR - PENDEKATAN KES KOREA SELATAN

Radyiah binti Ab Aziz

Pertumbuhan ekonomi amat penting dalam meningkatkan prestasi ekonomi sesebuah negara. Kajian lepas menunjukkan penggunaan minyak mentah berkait rapat dengan pertumbuhan ekonomi. Semakin meningkat pertumbuhan ekonomi, semakin meningkat penggunaan minyak mentah (Yoo, 2006). Peningkatan penggunaan minyak mentah pula pastinya memberikan impak negatif kepada alam sekitar seperti pelepasan gas-gas rumah hijau yang berbahaya. Oleh itu, sesebuah negara perlu mengambil langkah efektif melestarikan alam sekitar tanpa menjejaskan pertumbuhan ekonomi.

Langkah menggunakan sumber minyak mentah dengan efisien boleh dilakukan dengan mencari sumber tenaga pengganti minyak mentah yang lebih mesra alam. Sebagai contoh, menurut Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau, dan Air Malaysia (2010), sisa minyak kelapa sawit, sisa bahan pertanian dan aktiviti perhutanan merupakan sumber terbesar yang menyumbang kepada tenaga biomas (apa sahaja bahan organik yang boleh digunakan sebagai sumber tenaga) di Malaysia. Selain itu, tenaga biomas telah mendapat perhatian dunia disebabkan kenaikan harga bahan api lain seperti fosil di samping keperihatinan terdapat pencemaran dan penjagaan sumber tenaga. Terdapat pelbagai jenis sumber biomas. Antaranya etanol (apa-apa sahaja bahan organik yang mengandungi gula, kanji atau selulosa boleh dijadikan etanol), *lignocellulosic* (berasal daripada bahan pertanian bukan makanan, bahan buangan makanan, dan bahan buangan industri) dan *butanol* - boleh dihasilkan menggunakan bakteria daripada *Genus Clostridium*. Butanol ialah bahan api yang dianggap lebih baik daripada etanol dan menyerupai gasolin.

Selain itu, sistem pengangkutan awam yang lestari merupakan idea yang agak baik bagi membantu mengurangkan pelepasan gas rumah hijau. Mengambil contoh di Korea Selatan, kenderaan di sana menggunakan 39 juta tan minyak mentah per sumber tenaga, iaitu 81 peratus daripada sumber tenaga adalah daripada kenderaan yang berasaskan jalan raya. Oleh itu, disebabkan kebanyakan sumber tenaga datang daripada minyak mentah, sektor kenderaan di Korea Selatan menyumbangkan kepada enam gas rumah hijau dengan kenderaan di jalan raya menyumbangkan peratusan yang terbanyak (Chris, 2010). Oleh yang demikian, Korea Selatan telah membangunkan sistem kemudahan pengangkutan awam dengan meminimumkan penggunaan karbon.

Antaranya yang pertama, peningkatan kelajuan jalan kereta api daripada 238 kilometer kepada 363 kilometer pada 2012, peningkatan frekuensi kereta api supaya boleh berjalan dalam lingkungan 200 ke 230 kilometer sejam serta memperkenalkan kereta api yang menggunakan elektrik untuk mengurangkan gas karbon dioksida. Kedua, mengimplementasi sistem transit bas rapid dengan purata 76 kilometer jalan bas dibina pada tahun 2004 dan lebih 5000 bas diletakkan sistem *Global Positioning System* (GPS).

Ketiga, insentif mensasarkan 55 peratus bergantung kepada pengangkutan awam dengan meningkatkan kebolehcapaian pusat transit ke sesuatu destinasi. Keempat, menggalakkan penggunaan tenaga manusia sendiri untuk bergerak. Korea Selatan juga telah membina zon kawasan pejalan kaki dengan mengehendkan kelajuan kepada 30 kilometer sejam. Kelima, pembinaan teknologi kenderaan yang menggunakan karbon yang sedikit seperti kereta hibrid, elektrik dan hidrogen (Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Malaysia, 2010).

Oleh itu, wajarlah bahan pengganti minyak mentah mula diterokai oleh negara-negara pengguna utama minyak mentah demi kelestarian alam sekitar. Ini dapat dibuktikan melalui kajian lepas apabila pertumbuhan ekonomi tidak mempengaruhi penggunaan minyak mentah di Korea Selatan. Ini menunjukkan bahawa Korea Selatan mampu menggunakan pengganti yang lebih baik selain minyak mentah untuk kelestarian alam sekitar.

#### **Rujukan:**

Chris Davenport. 2010. Market Drivers Influencing Carbon Management. *International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia IGEM2010*,. Kuala Lumpur.

Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Malaysia. 2010. Green Impact : Low Carbon Green Growth. *International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia IGEM 2010*, hlm.223. Australia: Green Purchasing Network Malaysia.

Yoo, S.-H. 2006. Oil Consumption and Economic Growth: Evidence from Korea. *Energy Sources, Part B: Economics, Planning, and Policy*, 1(3), 235–243. doi:10.1080/009083190881599

## SIMETRI VS ASIMETRI

Dr. Tan Yan Ling, Nur Adilah binti Saud

Perkataan simetri selalu digunakan dalam bidang matematik, sains, fizik dan geometri. Dalam konteks matematik, simetri membawa maksud yang lebih spesifik iaitu sesuatu objek adalah sama terhadap pelbagai transformasi termasuk bentuk refleksi, putaran dan skala. Dalam bahasa harian, simetri merujuk kepada perasaan harmoni, keseimbangan dan pencerminan. Sekiranya simetri bermaksud pencerminan, maka setiap individu adalah simetri. Ini bermaksud kita adalah simetri kepada orang lain. Simetri pada dasarnya bermula daripada konsep sebuah keluarga. Kita adalah simetri bagi ibu bapa. Tabiat, perangai dan tingkah laku anak-anak adalah cerminan sikap ibu bapa. Selain ibu bapa, karektor seseorang juga dikatakan simetri dengan karektor '*reference group*' mahupun '*opinion leader*'.

Namun, kebanyakan keadaan adalah tidak simetri atau boleh dirujuk sebagai asimetri. Dalam istilah matematik, asimetri membawa maksud ketidakseimbangan antara satu sisi dengan sisi lain. Cuba bayangkan apa yang akan berlaku jika ibu bapa atau orang dewasa tidak dapat menjadi teladan yang baik kepada anak-anak mereka. Ini adalah salah satu bentuk asimetri. Dalam konteks ekonomi pula, asimetri selalunya dikaitkan dengan asimetri informasi atau asimetri harga. Asimetri informasi berlaku sekiranya satu pihak mempunyai maklumat yang banyak berbanding dengan pihak lain sebelum atau selepas sesuatu transaksi dilakukan. Contohnya pemilik atau penjual kereta terpakai mempunyai maklumat yang lebih banyak berkaitan urusan penjualan kereta sebelum urusan tersebut dijalankan jika dibandingkan dengan pembeli kereta.

Di samping itu, harga juga boleh dikaitkan dengan konsep asimetri. Asimetri harga merupakan satu fenomena ketidakseimbangan dalam harga pasaran. Ianya dicirikan sebagai "naik cepat tetapi turun lambat". Secara spesifiknya, harga output bertindak secara tidak simetri terhadap perubahan harga input (Peltzman, 2000). Mengikut kajian yang dilakukan oleh Peltzman (2000) terhadap 165 jenis barangan pengeluaran dan 77 jenis barangan pengguna, didapati harga output naik lebih cepat jika dibandingkan dengan penurunan harga.

Sebaliknya, Katrakilidis dan Trachanas (2012) mendapati harga perumahan mempunyai respon berbeza akibat daripada perubahan harga barangan di Greece dari tahun 1999 - 2011. Misalnya peningkatan harga barangan sebanyak 1 peratus telah mengakibatkan peningkatan harga rumah sebanyak 1.2 peratus sebaliknya penurunan harga barangan sebanyak 1 peratus telah menyebabkan penurunan harga perumahan sebanyak 3.38 peratus.

Secara ringkasnya, jika simetri dicirikan sebagai pencerminan dalam kehidupan harian kita, maka ia adalah penting dalam pembentukan institusi kekeluargaan. Sama juga pasaran ekonomi bukan sentiasa berada di dalam keadaan harmoni iaitu simetri.

### Rujukan


<http://hadialjambi.blogspot.com/2010/08/kita-adalah-simetri.html>

<https://artsandculture.google.com/entity/m0f28m>

<http://repository.usu.ac.id/bitstream/handle/123456789/45397/Chapter%20II.pdf?sequence=3&isAllowed=y>

Katrakilidis, C., & Trachanas, E. (2012). What drives housing price dynamics in Greece: New evidence from asymmetric ARDL cointegration. *Economic Modelling*, 29(4), 1064–1069. <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.1016/j.econmod.2012.03.029>

Peltzman, S. (2000). Prices rise faster than they fall. *Journal of Political Economy*, 108(3), 466–502. <https://doi.org/10.1086/262126>



**KARYA KREATIF**

## *Tafsir Rasa Anak*

**Di Hari Bapa ini,**  
Ada ayahnya yang masih hidup,  
Menyambut gembira hari ini  
Makan bersama bergurau senda.

**Di Hari Bapa ini,**  
Ada ayahnya yang sedang gering  
Kurus melengking di katil terbaring  
Sedih di hati tiada siapa yang tahu.

**Di Hari Bapa ini,**  
Ada ayahnya yang sudah tiada  
Menghadap Ilahi ke negara abadi  
Doa dipanjat moga jumpa di akhirat.

**Di Hari Bapa ini,**  
Ada ayahnya yang duduk terpisah  
Tiada lagi berkongsi sendu  
Hanya rindu bertamu di hati.

**Di Hari Bapa ini,**  
Tanya dirimu  
Berapa nilai insan ini  
Kau letak dalam hatimu.

*Fariza  
17 Jun 2019  
Selamat Hari Bapa*

## *Nasihat Buat Sahabat*

### **Mencipta kenangan itu perlu...**

Buat diingati dan disimpan kemas di hati...  
Begitu jua bila bersahabat...  
Carilah cara dan cubalah untuk mencipta kenangan,  
Agar kekalnya membawa ke mati..

### **Ingatlah sahabat...**

Jauh manapun kamu lari, luas manapun lautan kamu redahi,  
Tinggi manapun gunung kamu cuba usaha daki..  
Jangan di lupa siapa kamu di mata sahabatmu..  
Bukan kehebatanmu yang dicari...  
Bukan jua kemewahanmu yang didamba...  
Tapi nilai sebuah ikhlas yang aku dan kamu cari..  
walau kadang susah benar untuk kita temui..

### **Nasihatku sahabat...**

Jagalah kesopanan disetiap tingkahmu,  
Cara gaulmu serta susun butir bicaramu biarlah cantik teratur  
agar tenang untuk diamati....  
Cantum segala rasa dan teguhkan dengan kepercayaan..  
Sulami dengan gurau senda yang beradab...  
Bersahabat janganlah kerana agamanya,  
jangan juga kerana hartanya serta kepandaiannya...  
Takut nanti jika suram agama rakanmu, jika susut harta rakanmu dan jika  
kepincangan akal rakanmu menusuk ke jiwa..  
kamu terus kalah untuk bersahabat...

### **Justeru...**

betulkan niatmu sahabat...  
Bersahabatlah kerana Allah....  
kerana kekalnya hingga sampai ke mati...

### **Bersahabatlah selagi Allah benarkan**

## *Mencari Erti*

Ku merenung diri... Mencari erti sendiri  
Apa yang dilalui... Harus ku amati

Ku merenung lagi... Mencari erti hidup diri ini  
Apa yang dihajati... Haruskah dipenuhi

Ku merenung hari... Mencari erti kudrat ini  
Apa yang dipelajari... Harus ku teladani

Ku merenung diri... Mencari erti sabar di hati  
Apa yang digagahi... Harus ku pelajari

Ku merenung ranjau berduri... Mencari erti dunia ini  
Apa yang dikecapi... Harus disyukuri

Ku merenung ku fahami... Dalam mencari erti ku di sini  
Di fana penuh duri sepi... Harus ku ingat Dia yang kekal abadi

**Kerna ku tahu Dia maha mengerti**

*~ JAK September 2019*



# ***FAKULTI PERAKAUNAN***

## PROFIL KETUA PUSAT PENGAJIAN



*Apabila dugaan melanda, hadapinya dengan tenang. Bukan kita tak pernah kecapai kebahagiaan*

### **PROF. MADYA DR. RAHIMAH BINTI MOHAMED YUNOS**

Ketua Pusat Pengajian  
Fakulti Perakaunan  
UiTM Cawangan Johor

Jalan Universiti Off KM12, Jalan Muar,  
85000, Segamat,  
Johor, Malaysia

Email: [rahim221@uitm.edu.my](mailto:rahim221@uitm.edu.my)

Phone No : 07-9352304

Fax No : 07-9352288

## PROFIL KOORDINATOR PROGRAM



*Membaca ibarat pengembaraan ilmu, menulis seperti jurnal travelog. Apabila seiring, lengkaplah sebuah penceritaan*

### **PUAN NORHIDAYAH ABDULLAH**

Koordinator Kursus  
Fakulti Perakaunan  
UiTM Cawangan Johor

Jalan Universiti Off KM12, Jalan Muar,  
85000, Segamat,  
Johor, Malaysia

Email: [norhi498@uitm.edu.my](mailto:norhi498@uitm.edu.my)

Phone No : 07-9352302

Fax No : 07-9352288



## PROFIL PENULIS-PENULIS

### Laporan Aktiviti Jabatan dan Pensyarah

Prof. Madya Dr. Rahimah Mohamed Yunos  
Norhidayah Abdullah  
Ahmad Marzuki Amiruddin Othman  
Datin Aryani Abdullah  
Emelin Abdul Wahid  
Fatimah Hashim  
Fazrul Hanim Abd Sata  
Filouz Hashim  
Henny Hazliza Mohd Tahir  
Ida Suriya Ismail  
Juyati Mohd Amin  
Khadijah Yahya  
Mohamad Albar Bakar  
Prof. Madya Dr. Mohd Halim Kadri  
Muhamad Ashaari Sukar

Musmailina Mustafa Kamal  
Nadzira Yahaya  
Nini Suhana Mastini Razi  
Noor Hidayah Ab Aziz  
Dr. Noor Sufiawati Khairani  
Prof. Madya Dr. Nor Balkish Zakaria  
Nor Hafizah Abd Mansor  
Dr. Noraizah Abu Bakar  
Norfizah Othman  
Rosmawati Haron@Harun  
Siti Masnah Saringat  
Prof. Madya Dr. Syahrul Ahmar Ahmad  
Syed Khusairi Tuan Azam  
Zakiah Baharin  
Zarina Abu Bakar


### Karya Akademik dan Umum

Prof. Madya Dr. Rahimah Mohamed Yunos  
Siti Rahayu Sarman  
Norhidayah Binti Abdullah  
Nor Hafizah Abd Mansor

Fatimah Hashim  
Ida Suriya Ismail  
Nurul Azlin Azmi  
Mas Ervina Samsudin

### Karya Kreatif

Prof. Madya Dr. Saunah Zainon  
Norfizah Othman  
Rosmawati Haron @ Harun  
Prof. Madya Dr. Raja Adzrin Raja Ahmad  
Noor Hidayah Ab Aziz



**LAPORAN AKTIVITI  
JABATAN DAN  
PENSYARAH**

## **ACCOUNTING GIFT OF LOVE (AGOL): CSR DARI FAKULTI PERAKAUNAN**

Khadijah Yahya

Cetusan idea untuk program Accounting Gift of Love (AGoL) Fakulti Perakaunan datang dari mantan KPP Fakulti iaitu Cik Zarina Abu Bakar. Beliau merasakan perlu ada suatu program kemasyarakatan yang melibatkan ahli fakulti bersama untuk menyelesaikan sedikit bebanan pada masalah kewangan yang di hadapi pelajar. Program ini bermula dari tahun 2017 dan di laksanakan sebagai program tahunan oleh Fakulti Perakaunan.

Acara bermula dengan jualan barangan “Pre-loved” kepada warga UiTM Johor. Barangan “Preloved” ini pula diperolehi dari sumbangan ikhlas dari ahli fakulti perakaunan dan warga UiTM Cawangan Johor. Hasil jualan pula di gunakan untuk memberi makanan terutama sarapan pagi dan diedarkan pula kepada pelajar yang datang ke *booth* yang di sediakan untuk mereka ambil secara percuma. Banyak manfaat dari penganjuran program ini antaranya para pelajar yang bertugas menjaga booth pada hari jualan dapat mengasah bakat keusahawanan dengan cara berinteraksi terus dengan para pembeli, dengan bimbingan pensyarah yang terlibat dalam program ini. Para pelajar juga belajar untuk memberi manfaat kepada orang lain dengan membeli barangan sambil menderma dan mencetuskan rasa prihatin kepada rakan-rakan mereka yang menghadapi masalah kewangan.

Penganjuran program ini di tambah baik dari tahun ke tahun. Bagi tahun 2019 ini, AGOL 3 dengan tambahan cetusan idea baru dari KPP Fakulti Perakaunan PM Dr. Rahimah Mohamed Yunos kami bercadang untuk meluaskan lagi saluran bantuan kepada masyarakat setempat di daerah Segamat yang memerlukan. Bantuan kepada mereka akan di berikan pula dalam bentuk keperluan asas seperti beras, minyak dan gula.

Akhir kata urus setia yang terlibat selama hampir 3 tahun dalam program ini melahirkan rasa terima kasih kepada pihak pengurusan UiTM Cawangan Johor yang banyak membantu melancarkan pelaksanaan program ini dan di harap program ini walau pun kecil sumbangannya dapat melonjak nama UiTM Cawangan Johor dalam mempelopori kerja kerja kemasyarakatan.

## WEEK WITHOUT WALL: EYE-CATCHING NOTES COMPETITION

Norhidayah Abdullah, Nor Hafizah Abd Mansor, Fatimah Hashim,  
Ida Suriya Ismail, Prof. Madya Dr. Syahrul Ahmar Ahmad

Fakulti Perakaunan telah menganjurkan program '*Week Without Wall: Eye-catching Notes Competition*' bagi kursus Taxation 1 (TAX267) yang mensasarkan pelajar semester empat Diploma Perakaunan UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat. Seramai 355 orang pelajar telah mengambil bahagian di dalam program yang telah berlangsung pada 22 April 2019. Program ini dikelola oleh pensyarah yang mengajar kursus TAX267 iaitu Puan Norhidayah Abdullah, Puan Nor Hafizah Abd Mansor, Puan Fatimah Hashim, Puan Ida Suriya Ismail dan Prof Madya Dr Syahrul Ahmar Ahmad. Para pelajar dibahagikan kepada kumpulan kecil dan diberi kebebasan untuk memilih tempat bersesuaian di dalam kawasan kampus untuk menjalankan program ini.

Uniknya, program ini dibuat dalam bentuk pertandingan penghasilan nota kreatif bagi topik '*Non-Business Income*'. Sehubungan itu, pelajar perlu membaca dan mencari maklumat lanjut mengenai topik ini. Inisiatif ini selari dengan amanat tahun baru menteri pendidikan Malaysia 2019 iaitu pembelajaran sepanjang hayat dengan membaca sekaligus meningkatkan pemahaman pelajar mengenai topik '*Non-Business Income*'. Pemahaman dan maklumat yang diperolehi melalui pembacaan diterjemahkan dalam bentuk nota kreatif menarik di atas helaian kertas di dalam kumpulan. seterusnya, helaian nota kreatif perlu dihantar pada pensyarah-pensyarah bagi sesi pengadilan untuk memilih kumpulan yang berjaya menghasilkan nota kreatif terbaik.

Sebanyak 10 kumpulan dengan nota kreatif terbaik telah dipilih sebagai pemenang dan hadiah disampaikan sebagai tanda penghargaan juga nota kreatif tersebut dikongsi sebagai rujukan pelajar lain. Diharapkan program seumpama ini dapat diteruskan pada masa hadapan bagi mencakna penguasaan ilmu dikalangan pelajar UiTM.



## KLINIK ASAS PENGAJIAN AL-QURAN

Dr. Noor Sufiawati Khairani, Fazrul Hanim Abd Sata,  
Noor Hidayah Ab Aziz, Nadzira Yahaya & Nor Hafizah Abd Mansor

Majoriti pensyarah UiTM Cawangan Johor adalah beragama Islam. Adalah amat penting agar kualiti dan kecemerlangan mereka sentiasa dipelihara malah ditambahbaik kerana para pensyarah merupakan aset utama UiTM Cawangan Johor sebagai sebuah institusi pengajian tinggi. Sebagai seorang Islam yang baik, seseorang pensyarah amat terdorong untuk bekerja dengan cemerlang dan berkualiti kerana motivasi dirinya sendiri yang bertanggungjawab untuk melaksanakan tugas sebagai hamba dan khalifah Allah.

Seperti orang Islam lainnya, amalan membaca, memahami, mempelajari serta menghayati Al-Quran merupakan suatu tanggungjawab dan ibadah yang penting dalam kehidupan seseorang pensyarah beragama Islam. 'Kitab Allah' ini memberi banyak kelebihan kepada pembacanya. Berdasarkan hadith-hadith Rasulullah S.A.W. yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim misalnya, amalan membaca Al-Quran antara lain diyakini dapat membuat seseorang berperilaku baik dan suka berbuat kebaikan. Amalan membaca Al-Quran juga boleh memberikan darjat dan wibawa yang lebih baik kepada pembacanya. Kajian-kajian saintifik juga telah menunjukkan bahawa bacaan Al-Quran memberi pelbagai kesan baik kepada manusia. Hasil kajian Nur Hidayah & Sharifah Norshah Bani (2018) sebagai contoh, menunjukkan bahawa bacaan Al-Quran memberi kesan positif terhadap fizikal, mental dan emosi manusia.

Menyedari itu, Fakulti Perakaunan telah mengadakan Klinik Asas Pengajian Al-Quran pada tahun 2018 sebagai platform kepada para pensyarah fakulti mempelajari dan memperbaiki bacaan Al-Quran masing-masing. Matlamat akhirnya adalah peningkatan kualiti diri dan kerja pensyarah yang seterusnya menyumbang kepada kemajuan dan kecemerlangan Fakulti serta UiTM Cawangan Johor. Klinik Asas Pengajian Al-Quran ini telah diteruskan pada tahun 2019 dengan penyertaan bukan sahaja daripada para pensyarah Fakulti Perakaunan, tetapi juga daripada para pensyarah fakulti lain.





## **PELAN STRATEGI INTERVENSI 3 DIMENSI PASCASISWAZAH, UiTM CAWANGAN JOHOR (LAPORAN PUSAT AKADEMIK PASCASISWAZAH)**

**Dr. Noor Sufiawati Khairani**

Kewujudan UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) sebagai sebuah kampus cawangan berstatus autonomi memerlukan berdiri sebagai sebuah entiti yang signifikan. Ini bermakna UiTM kampus negeri ini harus mampu berdikari serta berdaya saing sebaris dengan institusi pengajian tinggi lain. UiTMCJ perlu tampil sebagai hub pasca ijazah setempat, selain menawarkan program-program Diploma dan Sarjana Muda. Sehubungan itu, UiTMCJ khususnya para pensyarah perlu diperlengkapkan untuk lebih bersedia menawarkan program-program Sarjana dan Kedoktoran di samping pembelajaran di peringkat Diploma dan Sarjana Muda. UiTMCJ juga perlu memastikan terdapatnya bilangan pelajar pascasiswazah yang mencukupi.

Bagi mencapai matlamat ini, UiTMCJ menggunakan pelan strategi intervensi 3 dimensi iaitu: 1) governans, 2) projek khusus; dan 3) prasarana & sarana. Dimensi governans melibatkan sokongan padu pengurusan tertinggi UiTMCJ di dalam usaha-usaha memartabatkan pasca ijazah. Sebagai langkah pertama, pengurusan tertinggi UiTM kampus negeri ini telah meluluskan penubuhan Jawatankuasa Pusat Akademik Pascasiswazah. Pusat Akademik Pascasiswazah ini diketuai Koordinator Pascasiswazah dan dipertanggungjawabkan dengan usaha-usaha pemartabatan tersebut. Program Ph.inisheD@Johor dan Sistem Mentor merupakan projek-projek khusus UiTMCJ bagi membantu para pensyarah yang telah diberikan cuti bergaji penuh samada dengan atau tanpa biasiswa menamatkan pengajian PhD masing-masing setelah melebihi jangkamasa yang di jadualkan.

Aktiviti-aktiviti pemasaran dan publisiti secara lapangan dan maya merupakan projek khusus bagi mendapatkan bilangan pelajar. Sementara itu, pembikinan Stesen Kerja Penyelidikan adalah usaha di bawah dimensi prasarana dan sarana bagi menyediakan fasiliti kondusif untuk aktiviti-aktiviti pascasiswazah. Semoga semua usaha di bawah ketiga-tiga dimensi pelan strategi ini dapat diteruskan dan dijayakan demi memartabatkan UiTMCJ sebagai hub pasca ijazah setempat.

## LAPORAN BENGKEL PELARASAN KURSUS FINANCIAL ACCOUNTING (FAR160, FAR210, FAR270 & FAR320) DAN FUNDAMENTALS OF INFORMATION TECHNOLOGY (AIS160) BERSAMA LIC KAMPUS PENGURUS PELAKSANA (PP) DAN KOLEJ – KOLEJ BERSEKUTU (KKB)

Fatimah Hashim, Henny Hazliza Mohd Tahir, Rosmawati Haron, Juyati Mohd Amin, Muhamad Ashaari Sukar, Syed Khusairi Tuan Azam, Filouz Hashim, Dr Noraizah Abu Bakar, Siti Masnah Saringat, Nini Suhana Mastini Razi, Mohamad Albar Bakar, Norfizah Othman, Zakiah Baharin, Musmailina Mustafa Kamal, Noor Hidayah Ab Aziz, Emelin Abd Wahid, Zarina Abu Bakar

UiTM Cawangan Johor telah dilantik dengan rasminya sebagai Kampus Tunjang bagi Program Diploma Perakaunan (AC110) pada bulan Mac 2016. Sehubungan itu, UiTM Cawangan Johor bertanggungjawab untuk menyelaraskan penyediaan, penggubalan, pengumpulan dan penjanaaan kertas soalan peperiksaan akhir. Oleh yang demikian, bengkel pelarasan kursus ini telah diadakan pada hari Isnin, 5 Ogos 2019 yang bertempat di Bangunan Sri Laksamana, UiTM Cawangan Johor adalah bertujuan untuk memberi pendedahan dan makluman kepada pensyarah di kampus pengurus pelaksana dan Kolej – Kolej Bersekutu berkaitan isi kandungan kursus berdasarkan kurikulum baru AC110.

Lima kursus yang terlibat ini akan mula menggunakan kurikulum baru bermula pada September 2019, Mac 2020 dan September 2020. Bengkel ini juga dapat memastikan pelarasan di semua kampus bukan sahaja dari aspek skop pengajaran, malah teknik pengajaran dan kaedah penilaian yang berubah selepas semakan baru tersebut. Seramai 115 orang pensyarah dari UiTM Cawangan Johor, kampus pengurus pelaksana dan Kolej- Kolej bersekutu telah terlibat sepanjang bengkel tersebut diadakan bermula dari pukul 9 pagi hingga 5 petang.

Bengkel ini dilihat sebagai satu program yang amat penting dalam menjamin kualiti pengajaran dan pembelajaran dan juga penghasilan soalan peperiksaan akhir yang berkualiti



# LAPORAN PEMILIHAN KERTAS PENYELIDIKAN SEMPENA 'INTERNATIONAL ACCOUNTING & BUSINESS CONFERENCE' (IABC) 2019

Prof. Madya Dr. Nor Balkish Zakaria, Jaslin Md Dahlan

IABC kali yang ke 6 telah berjaya dianjurkan bersama Indonesia Banking School di Jakarta, Indonesia pada 21-22 Ogos 2019. Sambutan yang diterima daripada ahli akademik seluruh pelusuk Malaysia adalah sangat baik ditambah pula dengan penyertaan dari Indonesia, Afrika Selatan, USA, Spain, Thailand dan Arab Saudi. Sebanyak 77 kertas penyelidikan telah diterima di dalam bidang perakaunan, pengurusan, perniagaan, pemasaran, komunikasi, sains teknologi dan pentadbiran. Sebahagian kertas penyelidikan yang berkualiti akan dipilih untuk diterbitkan oleh jurnal antarabangsa berwastid yang telah di indeks oleh pihak Scopus.

Maka pemilihan kertas kerja berkualiti ini telah dipertanggungjawabkan kepada beberapa Ahli Jawatan Kuasa IABC ke 6 yang diketuai oleh Prof Madya Dr. Nor Balkish Zakaria, diikuti oleh Pengerusi IABC ke 6 sendiri iaitu Dr Akmal Aini Othman, Timbalan Pengerusi, Dr. Faridah Najuna Misman dan Puan Jaslin Md Dahlan yang telah mengendalikan pendaftaran setiap penyertaan kertas penyelidikan IABC ke 6 ini.

Kriteria pemilihan kertas penyelidikan bermutu yang telah dikenal pasti bagi diketengahkan untuk indeks Scopus adalah seperti berikut:

1. Seksyen Pengenalan: Penulisan hendaklah meliputi penggarapan latarbelakang yang baik sekaligus mampu menjadi motivasi kajian, objektif, isu yang mampu diketengahkan dan permasalahan semasa kajian.
2. Seksyen Kajian Terdahulu:
  - i) mengenalpasti teori yang berkaitan
  - ii) mengupas kajian-kajian terdahulu
3. Seksyen Metodologi: Penulis membentangkan dengan jelas populasi, pensampelan, prosedur mendapatkan data, rekabentuk penyelidikan dan perisian yang digunakan.
4. Seksyen Penemuan dan Perbincangan: Setiap penemuan kajian dilaporkan mengikut tertib laporan kajian penyelidikan yang lazim berserta tabulasi atau gambarajah yang bersesuaian. Ianya perlulah diikuti dengan perbincangan yang agak mendalam bagi membolehkan pembaca faham.
5. Seksyen Kesimpulan: Ringkasan setiap seksyen diatas dan disertai dengan impak kajian terhadap masyarakat, negara, badan bertanggungjawab atau bidang kajian.

Daripada 77 kertas penyelidikan yang diterima, sebanyak 26 telah dipilih untuk diketengahkan ke jurnal antarabangsa yang mendapat pengiktirafan indeks Scopus.

## PROGRAM MOTIVASI AL-KAHFI Prof. Madya Dr. Mohd Halim Kadri

Penasihat akademik perlu mempunyai hubungan yang baik dengan pelajar-pelajar di bawah seliaannya. Pertemuan rasmi dan tidak rasmi adalah sangat penting untuk menyampaikan nasihat dan menerima pandangan balas dari pelajar. Semua aktiviti menjurus kepada kecemerlangan akademik dan sahsiah pelajar.

Bertitik tolak dari asas tersebut, satu program yang dinamakan Program Motivasi Al-Kahfi telah dijalankan pada 14 April 2019 bertempat di Bilik Seminar PTDI 1. Program ini dikendalikan sepenuhnya oleh Penasihat Akademik, Prof. Madya Dr. Mohd Halim Kadri ke atas pelajar-pelajar di bawah seliaannya dari kumpulan JAC1102C seramai 28 orang.

Program tersebut telah diisi dengan perkara-perkara berikut:

1. Sesi perkenalan ringkas.
2. Penceritaan tentang kaitan peristiwa al-kahfi dengan peranan seorang pelajar.
3. Maklum balas pelajar berkaitan dengan pembelajaran dan pengajaran.
4. Jamuan makan tengahari.

Hubungan yang baik di antara penasihat akademik dan pelajar-pelajar di bawah seliaan sedikit sebanyak memberi ruang kepada peningkatan prestasi akademik dan sahsiah pelajar.

Sekian, terima kasih



## CONCEPT HUNT: COMPETITION ON AGRICULTURAL-BIOLOGICAL ASSET

Prof. Madya Dr. Rahimah Mohamed Yunos

Sempena minggu “*Week Without Wall*” (WWW), Fakulti Perakaunan telah menjalankan program yang bertajuk Concept Hunt: Competition on Agriculture pada 24 April 2019. Program ini dibuat dalam bentuk pertandingan dalam kumpulan. Pelajar seramai 21 orang dari JAC1105B yang mengambil kursus Financial Accounting 5 (FAR320) dibahagikan kepada lima kumpulan. Pertandingan bermula di PTDI2 dimana soalan diperolehi dari pustakawan. Setiap kumpulan perlu menjawab tiga soalan pengiraan dan enam soalan teori dalam topik MFRS141 Agriculture. Kumpulan pertama yang menghantar dengan jawapan betul paling banyak dinobatkan sebagai pemenang.

Hadiah berbentuk wang tunai diberikan kepada tiga kumpulan teratas. Disetiap aktiviti pertandingan, pelajar perlu mematuhi arahan pertandingan iaitu menghantar gambar ahli kumpulan sebelum memulakan pertandingan, gambar ketika menjawab soalan, gambar bersama pustakawan selepas selesai menjawab soalan, dan gambar mukasurat jawapan yang telah dicop dan ditandatangani oleh pustakawan.

Berdasarkan maklumbalas pelajar, program berbentuk pertandingan ini dapat meningkatkan minat melaksanakan tugas dan menjadikan mereka lebih aktif dan seronok dalam pembelajaran. Juga mereka dapati hubungan rakan dalam kumpulan lebih erat. Respon positif ini amat menggalakkan kerana mungkin masalah pelajar kurang respon di dalam kelas, isu ketidakhadiran ke kelas dan hubungan sesama pelajar yang tiada kerjasama dapat diperbaiki melalui program seumpama ini. Program ini bukan sahaja dapat ‘menghidupkan’ pembelajaran yang biasa dibuat secara konvensional malah diharapkan apabila pelajar bersikap lebih positif ia akan cenderung menghasilkan keputusan peperiksaan yang cemerlang.



## MAJLIS APRESIASI DAN PENGHARGAAN “PROJECT FOR HAPPINESS: GREY OYSTER MUSHROOM”

Syed Khusairi Tuan Azam, Datin Aryani Abdullah, Zarina Abu Bakar, Dr. Noor Sufiawati Khairani, Siti Nordiyana Isahak, Roha Mohamed Noah



Majlis apresiasi dan penghargaan “Project For Happiness: Grey Oyster Mushroom” telah diadakan pada 5 Mei 2019 di Bilik Sekretariat, UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat. Majlis ini bertujuan untuk meraikan kejayaan pasukan UiTM Cawangan Johor sebagai pemenang tempat kedua kategori E ‘student’s social entrepreneurship’ di bawah Ministry Educational Award (MEA) 2017. Peserta

“Project For Happiness: Grey Oyster Mushroom” layak bertanding dalam kategori ini mewakili UiTM se-Malaysia. Majlis ini telah dihadiri oleh Rektor, Timb. Rektor BPJIA, Timb. Rektor HEP, Pihak MASMED, Pihak PDK, pensyarah dan pelajar perakaunan UiTM Cawangan Johor. Projek yang diusahakan oleh para pelajar fakulti Perakaunan dengan penyeliaan oleh pensyarah Perakaunan dan pihak MASMED UiTM Cawangan Johor. Sepanjang projek ini dijalankan, pihak organisasi luar seperti Pusat Pemulihan Dalam Komuniti(PDK) dan PELADANG juga terlibat secara langsung dalam menjayakan projek ini dan usaha ini telah



membuahkan hasil apabila terdapat peningkatan dalam pendapatan kasar pihak PDK. Inisiatif ini tidak hanya dapat membantu para pelatih PDK dalam menaiktaraf kebolehan dalam pekerjaan, malah telah membuka mata seluruh komuniti bahawa kekurangan yang ada pada para pelatih PDK bukanlah halangan untuk terus berjaya dalam kerjaya.

## PROGRAM TEAM BUILDING: KEM JATI DIRI DAN BINA SEMANGAT “SURRENDER THE ME FOR WE”

Syed Khusairi Tuan Azam, Zarina Abu Bakar, Ahmad Marzuki Amiruddin Othman



Program Team Building: Kem Jati Diri dan Bina Semangat “Surrender The Me For We” telah diadakan di Punggai Beach Resort, Kota Tinggi, Johor pada 4 hingga 6 April 2019. Fasilitator yang terdiri daripada kalangan ahli jawatankuasa PERSiDA dan pelajar perakaunan telah ditugaskan untuk membantu mengatur pergerakan program ini dalam menjalankan semua aktiviti-aktiviti yang telah disediakan.

Penglibatan peserta bagi program Team Building: Kem Jati Diri dan Bina Semangat “Surrender The Me For We” dianggarkan di dalam kertas kerja adalah seramai 32 orang ahli jawatankuasa Persatuan Siswa Siswi Diploma Perakaunan (PERSiDA) ,5 orang pelajar fakulti perakaunan dan seorang pengiring. Program Team Building: Kem Jati Diri dan Bina Semangat “Surrender The Me For We” ini telah mencapai objektif program tersebut iaitu membina daya kepimpinan yang berkualiti dan berkesan. Program ini juga mendedahkan cara-cara kepimpinan kepada ahli baru serta mengukuhkan lagi kepimpinan barisan ahli-ahli yang sedia ada. Selain itu, program ini telah dapat membentuk semangat kerjasama antara kumpulan bagi mencapai matlamat program kerana mereka berjaya menyempurnakan latihan yang diberikan bersama kumpulan mereka dengan jayanya. Program ini juga bertujuan untuk membina individu yang berkeyakinan dan berketerampilan. Seterusnya, program ini juga membolehkan pelajar memupuk rasa tanggungjawab dan mendidik untuk melaksanakan tugas secara amanah, jujur dan berdedikasi serta meningkatkan prestasi setiap ahli dalam melancarkan segala program yang dijalankan. Program ini juga dapat melahirkan pemimpin yang dapat dijadikan contoh kepada pelajar lain.



## PROGRAM MOTIVATIONAL TALK: REAL TIME WITH HAZE & HAIQAL Syed Khusairi Tuan Azam, Zarina Abu Bakar, Ahmad Marzuki Amiruddin Othman



Program Motivational Talk: Real Time With Haze & Haiqal ini telah diadakan di Dewan Sri Temenggong (DST), Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor, Kampus Segamat pada 20 Mac 2019. Penglibatan peserta bagi program Motivational Talk: Real Time With Haze & Haiqal mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada pelajar sendiri dengan seramai 850 orang pelajar telah menghadirkan diri ke program ini. Program

motivasi ini telah dirasmikan oleh Ketua Pusat Pengajian Fakulti Perakaunan, Prof. Madya Dr. Rahimah Binti Mohamed Yunos, dengan ucapan kata aluan dan sedikit kata-kata motivasi bagi membakar semangat mahasiswa mahasiswi supaya terus berusaha bagi mencapai prestasi akademik yang cemerlang dan berusaha untuk menjayakan lebih banyak program yang dapat memberi input kepada mahasiswa. Program ini telah mencapai objektif program tersebut di mana memberi peluang kepada mahasiswa mendapat pengetahuan, maklumat dunia perniagaan, pekerjaan atau perakaunan dengan lebih banyak. Selain



itu, program ini telah dapat melatih mahasiswa memimpin dan melaksanakan program serta latihan berurusan dengan rakan sebaya, persekitaran, dan pihak-pihak berkepentingan. Seterusnya, program ini telah memupuk sikap berdaya saing, kepimpinan, profesionalisme dalam kalangan mahasiswa. Program ini juga dapat menyuntik semangat mahasiswa untuk lebih meraih kecemerlangan akademik dan kokurikulum.



The background is a vibrant purple and pink gradient. In the center, a large circle with a yellow-to-orange gradient is surrounded by several concentric white diamond-shaped outlines. Below this central composition, there are wavy, wireframe-like patterns in shades of purple and pink. The bottom of the page features a subtle grid pattern.

**KARYA AKADEMIK  
DAN UMUM**

## SAMBAL PONTIANAK

Prof. Madya Dr. Rahimah Mohamed Yunos

Unik ke nama sambal ni. Jika anda *google* nama sambal ni, semua gambar yang ditunjukkan tidak langsung menyerupai sambal Pontianak yang dimaksudkan. Sambal ini di ajar oleh arwah nenek saya dan membuatnya juga ringkas. Sambal Pontianak ni guna 3 bahan utama sahaja dan sesuai dimakan dengan dengan roti kosong.

Bahannya hanyalah lada kering yang telah dikisar dengan bawang besar dan bawang putih. Bila ditumis mesti minyak yang banyak supaya lada benar-benar garing. Tumiskan bawang besar yang dipotong dadu dahulu, dah naik bau masukkan lada yang telah dikisar tadi. Masukkan gula pasir dan garam sesedap rasa tapi sambal Pontianak ni sedapnya bila dia manis. Biarkan masak lama-lama di bawah api yang kecil. Masak hingga sambal tu bertukar warna dari merah kearah kehitaman. Tapi jangan sampai hanguslah! Tu tanda ladanya garing. Kalau tak garing bukan Pontianak namanya.

Masa belajar di UiTM dulu, tiap kali balik ke kampus mesti bawak balik sebotol 'nescafe' sambal ni. Boleh tahan 5 hari tanpa peti sejuk sebab dah masak lama kan. Zaman ini mungkin sambal Pontianak ni orang dah tak heran sebab dulu-dulu sambal hitam, sambal garing, sambal viral dan seumpamanya tak wujud lagi. Cukuplah anda tahu sambal ini pernah wujud. Rindunya dengan arwah nenek.





## KUASAI ILMU SISTEM PENGURUSAN Siti Rahayu Sarman

Setiap organisasi memerlukan sistem pengurusan yang berkualiti bagi memastikan operasi berjalan dengan baik, lancar, efektif dan efisien. Elemen utama dalam sesebuah organisasi adalah Visi, Misi dan juga Objektif yang merupakan tujuan utama kewujudan sesebuah organisasi. Pencapaian visi, misi dan objektif sesebuah organisasi dapat dilaksanakan dengan menggunakan kitaran PDCA.

Kitaran PDCA (Plan-Do-Check-Action) merupakan salah satu teknik atau kaedah melibatkan 4 langkah yang digunakan dalam Sistem Pengurusan Kualiti sesebuah organisasi. Kitaran PDCA membolehkan sesebuah organisasi memastikan proses diuruskan dan mempunyai sumber yang mencukupi dan peluang-peluang untuk penambahbaikan ditentukan dan dilaksanakan. Konsep kitaran PDCA pertama kali diperkenalkan oleh Dr. Walter A. Shewhart pada tahun 1930 yang disebut dengan *Shewhart Cycle*. Konsep ini kemudiannya dikembangkan oleh Dr. Walter Eward Deming dan dikenali sebagai *The Deming Wheel*.

Kitaran PDCA boleh digunakan untuk semua proses dan kepada sistem pengurusan kualiti secara keseluruhan. Kitaran PDCA boleh dihuraikan secara ringkas seperti berikut:

<b>Plan</b> (Rancang)	Mewujudkan objektif kepada sistem dan proses serta sumber yang diperlukan untuk memberikan hasil mengikut keperluan pelanggan dan dasar organisasi.
<b>Do</b> (Buat)	Melaksanakan apa yang dirancang.
<b>Check</b> (Periksa) :	Memantau dan proses mengukur produk dan perkhidmatan yang dihasilkan terhadap dasar, objektif dan keperluan dan melaporkan keputusan.
<b>Action</b> (Tindakan)	Mengambil tindakan untuk meningkatkan prestasi sekiranya perlu.

Kitaran PDCA ini juga sebenarnya dapat digunakan dan diaplikasikan dalam kehidupan seseorang individu. Sebagai contoh, kita meletakkan matlamat atau objektif hidup kita untuk tempoh 3 tahun, 5 tahun, 10 tahun atau mungkin 20 tahun akan datang. Setelah meletakkan matlamat atau objektif, kita akan mula membuat perancangan (*Plan*) perkara yang perlu kita lakukan untuk mencapai apa yang kita impikan. Setelah merancang, kita perlu berusaha untuk melaksanakan perancangan tersebut. Jadi elemen yang kedua adalah pelaksanaan (*Do*). Kita perlu berusaha supaya kita mencapai apa yang kita rancang.

Kita hanya mampu merancang, namun Tuhan jua yang menentukan. Anda setuju? Ya ianya benar, namun kita perlu sentiasa menyemak atau muhasabah, sama ada pelaksanaannya mengikut perancangan kita. Ini adalah elemen yang ketiga iaitu menyemak (*Check*). Akhir sekali adalah elemen penambahbaikan (*Action*). Jika kita tidak mencapai apa yang kita rancang, kita perlu mengambil tindakan pembetulan. Jika perancangan kita telah terlaksana dengan baik, kita juga perlu membuat penambahbaikan secara berterusan.

## CELIK CUKAI: CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU TAHUN TAKSIRAN 2019

Norhidayah Binti Abdullah dan Nor Hafizah Abd Mansor

Bajet 2019 yang telah dibentangkan pada November tahun lepas telah berjaya memperkenalkan beberapa insentif cukai dalam usaha memakmurkan kesejahteraan rakyat serta memajukan negara. Ini termasuklah pelepasan cukai bagi pembayar cukai individu. Walaupun pelepasan ini akan mula dituntut pada bulan April mahupun Jun 2020, hakikatnya pembayar cukai individu sudah boleh merancang perbelanjaan tertentu pada tahun ini untuk meminimumkan cukai pendapatan kena bayar. Jadilah pembayar cukai yang bijak!

	Jenis Pelepasan	RM
1	Diri sendiri dan saudara tanggungan	9,000
2	Anak <ul style="list-style-type: none"> <li>• bawah 18 tahun</li> <li>• atas 18 tahun dan melanjutkan pelajaran ke universiti atau kolej</li> <li>• kurang upaya (tidak berkahwin)</li> <li>• kurang upaya dan melanjutkan pelajaran ke universiti atau kolej</li> </ul> Nota: Melanjutkan pelajaran ke pengajian tinggi sepenuh masa tidak termasuk kursus matrikulasi/ pra Ijazah/ A-Level.	2,000 8,000 6,000 14,000
3	Perbelanjaan rawatan perubatan untuk ibu bapa Nota: Rawatan perubatan untuk ibu bapa kandung/ibu bapa angkat termasuk: <ul style="list-style-type: none"> <li>– Rawatan perubatan dan perkhidmatan penjagaan yang disediakan di Malaysia;</li> <li>– Rawatan pergigian (mencabut gigi, menampal gigi, dan membersihkan karang gigi).</li> </ul>	5,000
4	Ibu dan bapa (setiap ibu dan bapa) <ul style="list-style-type: none"> <li>– Ibu dan bapa bermastautin, berumur 60 tahun ke atas dan pendapatan tahunan tidak melebihi RM24,000 seorang setahun.</li> <li>– Hanya anak kandung atau anak angkat yang sah di sisi undang-undang layak untuk menuntut potongan ini. Ibu bapa tiri tidak dibenarkan.</li> <li>– Amaun pelepasan boleh dikongsi sama rata, jika terdapat lebih individu menuntut pelepasan ini.</li> <li>– Pelepasan ini boleh dituntut jika individu tidak menuntut pelepasan bagi perbelanjaan rawatan untuk ibu bapa (rujuk Perkara 3)</li> </ul>	1,500+1,500
5	Simpanan dalam Skin Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) Nota: Terhad kepada tabungan bersih yang dilakukan didalam sesuatu tahun taksiran sahaja (Simpanan tolak Pengeluaran).	8,000
6	Simpanan KWSP/lain-lain kumpulan wang yang diluluskan dan insurans nyawa <ul style="list-style-type: none"> <li>• Simpanan KWSP/lain-lain kumpulan wang yang diluluskan</li> <li>• Insurans nyawa</li> </ul> Nota: Premium atas polisi insurans nyawa diri sendiri atau suami/isteri sahaja dibenarkan. Premium polisi insurans nyawa atas anak tidak dibenarkan.	4,000 3,000

7	Peralatan sokongan asas untuk kegunaan sendiri, suami / isteri, anak atau ibu bapa yang kurang upaya Nota: Alat sokongan asas termasuk mesin hemodialisis, kerusi roda, kaki palsu dan alat pendengaran tetapi tidak termasuk cermin mata dan kanta lekap.	6,000
8	Individu yang kurang upaya Nota: Individu layak menuntut potongan ini sekiranya beliau telah disahkan secara bertulis oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebagai seorang yang kurang upaya.	6,000
9	Yuran pengajian (sendiri) - Selain ijazah di peringkat Sarjana atau Doktor Falsafah (bidang tertentu) - Ijazah di peringkat Sarjana atau Doktor Falsafah (sebarang bidang)	7,000
10	Perbelanjaan perubatan bagi penyakit serius	6,000
11	Pemeriksaan perubatan penuh (termasuk dalam pelepasan perbelanjaan perubatan bagi penyakit serius).	500
12	Gaya hidup (Pembelian buku /jurnal / majalah /surat khabar bercetak, Pembelian komputerperibadi, telefon pintar atau tablet, pembelian peralatan sukan untuk aktiviti sukan, bayaran bil bulanan bagi langganan internet).	2,500
13	Pembelian peralatan penyusuan ibu untuk diri sendiri bagi anak berumur 2 tahun dan ke bawah Nota: Potongan ini dibenarkan khusus untuk pembayar cukai wanita dan pelepasan terhad kepada RM1,000 walaupun individu berkenaan mempunyai lebih daripada seorang anak. Pelepasan hanya dibenarkan sekali setiap dua (2) tahun taksiran.	
14	Yuran penghantaran anak berumur 6 tahun dan ke bawah ke taman asuhan kanak-kanak /tadika yang berdaftar Nota: Potongan ini terhad kepada RM1,000 walaupun bilangan anak yang memenuhi syarat-syarat tersebut melebihi satu. Sekiranya amaun tuntutan kurang daripada RM1,000, amaun potongan yang dibenarkan adalah terhad kepada amaun yang dibayar sahaja.	1,000
15	Suami / isteri / bayaran alimoni kepada bekas isteri	4,000
16	Suami / isteri yang kurang upaya (tambahan)	3,500
17	Skim persaraan swasta dan anuiti tertangguh ('Deferred Annuity') Nota: Potongan ini berkuat kuasa mulai Tahun Taksiran 2012 hingga 2021.	3,000

Ingat: Pastikan segala resit dan dokumen bagi pelepasan dan rebat yang diperolehi bagi setiap tahun taksiran perlu **disimpan** selama **7 tahun** bagi tujuan audit.

# PELAKSANAAN CUKAI MINUMAN BERGULA DI MALAYSIA

Nor Hafizah Abd Mansor

## PENDAHULUAN

Menerusi pembentangan Bajet 2019 yang lalu, kerajaan Malaysia telah memperkenalkan cukai tidak langsung terbaharu iaitu cukai minuman bergula yang pada awalnya dijangkakan pelaksanaannya pada 1 April 2019.

## CUKAI MINUMAN BERGULA

Cukai minuman bergula atau *sugary drink tax* atau *soda tax* atau *sugar-sweetened beverages tax* telah diperkenalkan oleh kerajaan Denmark pada tahun 1930an. Pelaksanaan cukai ini turut dikenakan di beberapa negara maju seperti Perancis, Hungary, Mexico dan Australia. Tujuan utama cukai ini adalah untuk mengatasi masalah kesihatan seperti obesiti, diabetis, penyakit jantung dan pembuluh darah.

Di Malaysia, cukai minuman bergula adalah duti eksais yang dikenakan ke atas barang-barang tertentu yang dikilangkan di Malaysia serta barangan import yang tersenarai di dalam Perintah Duti Eksais di bawah kepala kod 22.02 iaitu air minuman yang mengandungi gula tambahan atau bahan pemanis lain (nilai ambang gula melebihi 7 gram per 100ml) serta jus buah-buahan atau jus sayuran di bawah kepala kod 20.09 yang mengandungi gula melebihi 12 gram per 100ml. Kadar cukai yang dikenakan adalah RM0.40 bagi setiap liter.

## KESAN PELAKSANAAN CUKAI MINUMAN BERGULA

Cukai minuman bergula ini akan dikenakan di peringkat pengilang mahupun pengimport. Ini akan meningkatkan kos pembuatan. Di Perancis, pengenaan cukai ke atas minuman bergula pada tahun 2012 telah menyebabkan harga minuman bergula meningkat sebanyak 3.5%.

Dari sudut positif, pengurangan pengambilan minuman manis selari dengan kepekaan kerajaan terhadap masalah kesihatan awam yang semakin meruncing. Hasil kajian yang dilakukan di Berkeley, Amerika Syarikat menyaksikan cukai minuman bergula berjaya menurunkan pengambilan minuman bergula sebanyak 52% selepas tiga tahun cukai tersebut diperkenalkan. Impak positif akan dapat dicapai di Malaysia dengan pelaksanaan cukai ini memandangkan rakyat Malaysia merupakan paling gemuk di Asia Tenggara, keenam di rantau Asia Pasifik dan di Asia serta menduduki tempat ke-17 di dunia bagi penduduk yang mengalami kencing manis.

Bajet 2019 mensasarkan pelaksanaan cukai minuman bergula berupaya menambah hasil negara. Kerajaan Filipina menganggarkan peningkatan hasil cukai bersih negara kesan tambahan cukai minuman bergula sebanyak 41 bilion peso Filipina setahun. Kerajaan Malaysia berhasrat menggunakan hasil cukai tersebut untuk menampung sarapan percuma dan sihat kepada semua murid sekolah rendah yang membolehkan kanak-kanak bertenaga untuk memulakan sesi persekolahan. Di Amerika Syarikat, hasil cukai ini digunakan untuk menyokong program pendidikan nutrisi dan program berkebun di sekolah - sekolah dan organisasi tempatan untuk menggalakkan gaya hidup yang lebih sihat.



Bagi pengilang mahupun pengimport minuman bergula pula, cukai minuman bergula menyebabkan harga minuman menjadi lebih mahal. Ini menjadikan industri minuman ringan tidak kompetitif dan mengalami kerugian akibat kurangnya permintaan. Pengeluar seperti PepsiCo dan The Coca-Cola amat terjejas jualan mereka di negara-negara yang melaksanakan cukai ini. Di Denmark berlaku pengangguran tinggi dalam industri minuman kesan permintaan yang rendah.

## **RUMUSAN**

Cukai minuman bergula telah ditangguhkan pelaksanaannya kepada 1 Julai 2019. Dengan reaksi dari masyarakat serta impak yang pelbagai, satu mekanisme pelaksanaan menyeluruh perlu diperhalusi agar tiada pihak yang terbeban untuk memenuhi matlamat kesihatan negara. Jika kerajaan berhasrat meningkatkan kesihatan awam, cukai sahaja tidak mencukupi. Kesepaduan di antara elemen cukai dan bukan cukai dilihat lebih pintar menangani masalah kesihatan di Malaysia.

# HAMBA TANYA ALLAH JAWAB

Fatimah Hashim

## **KENAPA ALLAH TIDAK MENCIPTAKAN MANUSIA ITU SATU KAUM SAHAJA?**

Peperangan Israel-Palestin tiada berkesudahan. Ditambah pula peperangan lain seperti di Syria, Yaman, Iraq dan lain-lain lagi. Penindasan kaum turut berleluasa seperti penindasan ke atas Kaum Uyghur di China dan penghapusan etnik Rohingya di Myanmar. Itu tidak termasuk lagi kebencian ke atas kebebasan beragama seperti Islamophobia dan juga kejadian yang berlaku baru-baru ini iaitu pembunuhan beramai-ramai ke atas 50 umat islam yang sedang menunaikan solat jumaat di Masjid Christchurch di New Zealand sehingga membuka mata dunia keseluruhannya.

Melihat kepada keadaan dunia hari ini yang tidak aman, penuh dengan kebencian di antara satu kaum dengan kaum yang lain, minda mula berfikir dan hati kecil mula bertanya, **“kenapa Allah tidak menciptakan manusia itu satu kaum sahaja?** Dengan anggapan apabila di dunia ini hanya ada satu kaum sahaja maka akan aman damailah dunia ini tanpa ada peperangan dan kebencian kerana tiada yang beranggapan kaumnya yang terbaik dan terpilih istimewa di dunia ini.

Apabila merujuk kepada kitab suci Al Quran, ini jawapan yang ditemui.

### ***SURAH HUD AYAT KE 118***

“Jika Tuhanmu kehendaki, pasti Dia menjadikan manusia umat yang satu. Tetapi Dia tidak melakukan demikian) dan kerana itulah mereka berterusan berselisihan.”

### ***SURAH HUD AYAT KE 119***

“Kecuali orang yang telah dirahmati oleh Tuhanmu dan untuk itulah Allah menjadikan manusia. Dengan demikian sempurnalah janji Tuhanmu, “Sesungguhnya Aku akan memenuhi neraka jahanam dengan dengan semua jin dan manusia (yang berdosa).

Berdasarkan kepada dua ayat di atas, benarlah, sekiranya Allah kehendaki, pasti Allah akan menciptakan manusia umat yang satu sahaja. Tetapi Allah tidak berbuat demikian kerana Allah berpegang kepada janji iaitu Allah akan memenuhi neraka jahanam dengan semua jin dan manusia yang berdosa. Maka dengan itu, berterusanlah umat manusia di muka bumi ini berselisihan faham kecuali manusia yang dirahmati Allah.



## **DAGING MAKANAN SUNNAH NABI MUHAMMAD S.A.W.** *Ida Suriya Ismail dan Ustaz Mohd Zainodin Mustaffa*

Apabila berkata tentang makanan sunnah, kita pastinya akan terfikir tentang kurma tetapi daging juga tidak ketinggalan menjadi makanan sunnah Nabi Muhammad S.A.W. Berdasarkan hadis, terdapat beberapa jenis daging yang dimakan oleh Nabi Muhammad S.A.W. tetapi artikel ini akan menerangkan berkenaan daging lembu, kambing, ayam dan burung. Menurut hadis sahih riwayat Tirmizi dan Ahmad, Nabi Muhammad S.A.W. makan daging bakar dan daging panggang. Antara hikmahnya, kolesterol dari daging yang dibakar akan cair dan keluar dari daging tersebut. Dari sudut kesihatan, kolesterol dari haiwan adalah tidak baik untuk kesihatan berbanding kolesterol dari tumbuh-tumbuhan. Oleh yang demikian, kolesterol dapat dipisahkan dari daging apabila ianya dibakar. Selain itu, membakar daging juga akan mematikan sel darah merah dan bakteria yang ada pada daging tersebut. Mematikan sel darah merah adalah sangat penting kerana darah menggandung racun yang boleh memudaratkan tubuh badan.

Umumnya, terdapat pelbagai bahagian daging pada lembu dan kambing yang boleh dimakan seperti daging di bahagian belakang badan, daging tulang rusuk, daging di bahu dan daging di kaki. Dalam hadis riwayat Tirmizi menjelaskan bahawa baginda turut menyukai daging bahagian belakang. Rasionalnya kerana daging bahagian belakang adalah merupakan daging paling lembut, mempunyai lemak yang tidak tepu dan rasanya seolah-olah bermentega atau "buttery". Ini kerana otot dibahagian belakang tersebut kurang bergerak yang menyebabkan ia tidak keras atau pejal. Harga di pasaran bagi daging bahagian belakang ini juga agak mahal berbanding yang lain kerana kualitinya yang baik. Daging yang paling digemari baginda ialah daging kambing. Ia adalah daging merah terbaik yang mengandungi paras kolesterol dan lemak tepu yang jauh lebih rendah berbanding daging lain. Manakala bahagian yang paling disukai baginda ialah bahagian lengan (kaki). Tirmizi meriwayatkan dari Ibnu Mas'ud r.a yang menceritakan bahawa Nabi S.A.W. amat menyukai daging bahagian lengan. Antara sebabnya ialah kerana ianya mudah empuk berbanding bahagian lain. Disamping itu, ianya mempunyai kolesterol yang rendah berbanding daging lembu.


Selain dari lembu dan kambing, Nabi Muhammad S.A.W. juga pernah makan daging ayam. Struktur daging ayam adalah unik kejadiannya berbanding daging lembu dan kambing. Ini kerana secara semula jadinya lemak ayam hanya berada di kulitnya sahaja. Dagingnya tiada lemak dan tidak perlu dibakar untuk memisahkan lemaknya. Daging ayam juga mengandungi protein yang tinggi dan paling cepat dihadamkan berbanding dengan daging yang lain. Selain itu, Nabi juga makan daging burung hubara (leher dan paruhnya panjang). Rasionalnya daging burung mempunyai kolesterol yang rendah dan ia juga boleh mencernakan kolesterol yang ada di dalam badan. Secara rumusnya, daging merupakan sebahagian dari makanan yang dimakan oleh Nabi Muhammad S.A.W. tetapi perlu dimbil secara sederhana dan tanpa berlebih-lebihan. Pastikan juga makanan yang di ambil adalah seimbang. Sumber di ambil dari Radio IKIM slot Rahmatan Lil 'Alamin disampaikan oleh Ustaz Rusydi Ramli Al-Jauhari.

## AHLI LEMBAGA PENGARAH WANITA DI MALAYSIA

### Nurul Azlin Azmi

Pada tahun 2017, kerajaan Malaysia bersama Suruhjaya Sekuriti melalui tadbir urus korporat Malaysia telah menetapkan sasaran kepada syarikat awam di Bursa Malaysia untuk mencapai keseimbangan komposisi jantina iaitu sebanyak 30 peratus ahli lembaga pengarah dikalangan kaum wanita menjelang tahun 2020. Sasaran ini dilihat terdapat banyak faedah dan kelebihan yang bakal diraih oleh syarikat jika keseimbangan komposisi jantina ini berjaya dicapai. Antaranya, faedah dari perspektif modal insan dimana keseimbangan ini dapat membantu menutup jurang pemikiran, menghasilkan idea yang kreatif dan berimpak tinggi kepada syarikat sekaligus dapat menarik lebih ramai pelabur luar untuk melabur di Malaysia.

Statistik dari Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menunjukkan bilangan graduan wanita di universiti adalah lebih tinggi berbanding kaum lelaki. Ini telah membuktikan bahawa kebolehan kaum wanita adalah setanding dengan kaum lelaki. Malahan, dewasa ini telah menunjukkan penglibatan kaum wanita di dalam sektor pekerjaan yang dulu didominasi oleh kaum lelaki adalah tidak asing lagi. Justeru, kerajaan telah mengorak langkah dan menetapkan sasaran kepada syarikat untuk melantik pengarah dari kalangan wanita untuk bersama-sama menerajui syarikat di Malaysia. Statistik dari tadbir urus korporat 2019 telah menunjukkan peningkatan dari segi pengambilan ahli lembaga pengarah di kalangan kaum wanita di Malaysia, iaitu:



Diantara syarikat di Bursa Malaysia yang telah melantik ahli lembaga pengarah dikalangan wanita berpengaruh adalah Airasia Berhad dan Berjaya Asset Berhad. Pada tahun 2017, Airasia Berhad telah melantik usahawan terkenal Neolofa atau nama sebenar Noor Neolofa Mohd Noor sebagai pengarah bebas bukan eksekutif syarikat. Manakala, Berjaya Asset Berhad telah melantik kerabat diraja Johor iaitu melantik YAM Tunku Tun Aminah Sultan Ibrahim Ismail sebagai pengerusi ahli lembaga syarikat. Secara keseluruhannya, syarikat di Bursa Malaysia hampir mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh kerajaan dalam mencapai 30 peratus ahli lembaga pengarah dikalangan wanita. Statistik juga menunjukkan peningkatan secara konsisten dan yakin bahawa syarikat berjaya mencapai sasaran kerajaan menjelang tahun 2020.




## AMALAN SEBELUM TIDUR Mas Ervina Samsudin

Bila ada kelapangan saya akan menjengah bilik tidur anak-anak lebih-lebih lagi bila tibanya waktu untuk tidur. Adlina anak kedua dalam keluarga yang lebih mesra di panggil Angah. “Angah sayang, Ibu tahu Angah sudah boleh menghafal surah Al-Fatehah, surah Al-Ikhlash, Al-Falaq dan Annas” kataku kepada anak kedua ku yang berumur enam tahun. “Ya ibu” balas Angah sambil menoleh kearah ku dengan rasa kehairanan. “Mulai malam ini, sebelum Angah tidur, Ibu harap Angah dapat lakukan apa yang Ibu suruh. Ini semua amalan Nabi kita” kataku.

Ok, apa tu ibu?” tanya Angah sambil merapati ku. “Mula-mula gosok gigi dengan ubat gigi. Ini perlu untuk mengelakkan gigi kita cepat rosak.” “Bagaimana gigi boleh rosak ibu?” tanya Angah kerana ingin tahu. “Disekeliling gigi kita ada banyak bakteria hidup yang akan memakan sisa-sisa makanan dicelah-celah gigi yang tidak digosok. Makanan yang dimakan oleh bakteria di tukar kepada asid. Asid inilah yang akan bertindak balas terhadap gigi dan menjadikan gigi rapuh dan rosak. Ini dipanggil karies gigi. Akhirnya gigi kan berlubang dan menjadikan gigi sakit” kataku. “Bagaimana gigi boleh sakit pula ibu?” tanya Angah lagi. “Apabila gigi telah berlubang, salur-salur darah dalam gigi akan terdedah. Oleh itu, jika ada butiran makanan yang menyentuh salur-salur darah tadi akan menyebabkan gigi sakit” balasku.

“Selepas gosok gigi, perkara kedua yang Angah perlu lakukan ialah mengambil air wuduk. Ini adalah sunnah Nabi. Nabi Muhammad suruh kita lakukan sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Barra bin Azib. Sabdanya, apabila engkau hendak tidur, berwuduklah terlebih dahulu seperti wuduk untuk sembahyang. Selepas itu, hendaklah membaca doa selepas wuduk.

“Selepas doa tu dah boleh tidur ke Ibu?” tanya nya lagi. “Selepas doa wuduk dibaca, maka baringlah di atas tilam dengan keadaan bertelentang dan bacalah ayat-ayat berikut. Dimulakan dengan membaca Bismillahirrahmannirrahim. Pertama surah Al-Fatehah, kedua, surah Al-Ikhlash sebanyak tiga kali, ketiga, baca surah Al-Falaq sekali dan keempat baca surah Annas juga sekali” kataku. Angah pun mula membaca surah-surah tadi satu persatu dengan lancar. “Selepas selesai baca semua surah tersebut, hendaklah kita berbaring mengiring ke kanan dengan menghadap ke kiblat dan meletakkan tangan kanan dibawah pipi kanan sambil berdoa, Ya Allah ku serahkan mati ku dan hidup ku untuk Mu ya Allah, dan boleh tidur” sambungku. Boleh angah amalkan? Tanyaku pada Angah. “Boleh boleh boleh, terima kasih Ibu” Angah membalas. Alhamdulillah.



**KARYA KREATIF**



## PERIBAHASA - HIDUP BERMASYARAKAT

Prof. Madya Dr. Saunah Zainon

Hidup ini biarlah *'bagai aur dengan tebing'* dan *'bukit sama didaki, lurah sama dituruni'* bagi memastikan hubungan yang rapat antara sesama yang lain dan saling bantu membantu kerana *'bulat air kerana pemetung, bulat manusia kerana muafakat'* yang akan memastikan setiap keputusan yang dibuat adalah dari keputusan mesyuarat dan dengan itu maka akan amalkanlah *'berat sama dipikul, ringan sama dijinjing'* yang mana setiap pekerjaan akan dilakukan secara bergotong royong serta saling bantu membantu sesama kita tetapi untuk menjadikan ianya satu amalan maka hendaklah *'melentur buluh biarlah dari rebungnya'* supaya anak-anak akan terus menerapkan amalan ini di dalam kehidupan mereka dan akan teringat bahawa *'hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri' lebih baik di negeri sendiri'* maka mereka akan sentiasa sayang dengan kehidupan bermasyarakat di kampung sendiri dan merasakan walaupun mereka di kampung tetapi tetap *'duduk sama rendah, berdiri sama tinggi'* jika dibandingkan dengan masyarakat luar dan jangan sampai apa yang diharapkan dari kawasan bandar hanya *'indah khabar dari rupa'* manakala bagi mereka yang ingin meneruskan kehidupan di luar perlu ingat bahawa *'kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai'* dan jika berjaya di luar sana nanti jangan pula seperti *'kacang lupakan kulit'* serta ikutlah prinsip *'di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung'* serta *'masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak'* dan berusaha bersungguh-sungguh kerana *'kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya'* dan mulakanlah hidup yang baru dengan *'berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ketepian, bersakit-sakit dahulu, besenang-senang kemudian'* kerana *'yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang melayang'*.

## AYAH DAN IBU... WALI KERAMAT

Norfizah Othman



Ayah bekerja malam dan siang,  
Ibu setia penyembuh lara,  
Hati gembira tiada walang,  
Senyummu manis umpama nira.

Hati gembira tiada walang,  
Senyummu manis umpama nira,  
Amanah Allah zuriat tersayang,  
Ditang anak penuh sempurna.

Amanah Allah zuriat tersayang,  
Ditang anak penuh sempurna,  
Walau dengan nyawa melayang,  
Tetap tidak mengeluh hiba.

Walau dengan nyawa melayang,  
Tetap tidak mengeluh hiba,  
Anakmu ini sanggup berjuang,  
Agar dirimu hidup terbela.

Anakmu ini sanggup berjuang,  
Agar dirimu hidup terbela,  
Bermula langkah menghitung bintang,  
Lambaianmu penuh kasih dan mesra,

Bermula langkah menghitung bintang,  
Lambaianmu penuh kasih dan mesra,  
Pelukan hangat menyambut pulang,  
Lauk terhidang membuka selera.

Pelukan hangat menyambut pulang,  
Lauk terhidang membuka selera,  
Murni kasihmu bukan kepalang,  
Menyembuh segala hati yang lara.

Murni kasihmu bukan kepalang,  
Menyembuh segala hati yang lara,  
Kudus doamu buatku terbilang,  
Tulus baktiku untuk negara.

Kudus doamu buatku terbilang,  
Tulus baktiku untuk negara,  
Takkan jauh sayapku terbang,  
Dekat padamu kucium syurga.

Takkan jauh sayapku terbang,  
Dekat padamu kucium syurga,  
Mohonku Allah malam dan siang,  
Bahagiakan mereka dialam sana...



## TAWAKAL DAN REDHA ITU PENTING, TAPI USAHA HARUSLAH SEIRING

Rosmawati Haron @ Harun

Ramai yang berasa hairan kenapa saya beralih kepada bidang perancangan kewangan takaful keluarga. Soalan yang selalu ditanya adalah, adakah saya ingin menukar kerjaya? Adakah saya terlalu banyak waktu senggang? Ada juga yang bertanya soalan nakal seperti, adakah gaji pensyarah kanan di universiti awam tidak mencukupi? Semua soalan itu saya balas dengan senyuman kerana sejujurnya, saya menganggap kerjaya baru saya ini adalah satu tanggungjawab untuk menyebarkan kepentingan merancang kewangan keluarga di kalangan orang ramai, khususnya sahabat di keliling saya.

Terdapat tiga pandangan tipikal daripada sahabat dikeliling saya; (1) soal kematian adalah isu taboo, (2) perlindungan insuran hanya sesuai untuk mendapatkan perkhidmatan hospital swasta, dan (3) penjawat awam tidak perlukan perlindungan kewangan kerana rawatan hospital kerajaan yang percuma dan kelebihan pencen semasa bersara. Pernah juga seorang sahabat memberikan alasan yang syarikatnya ada menyediakan kemudahan rawatan perubatan tanpa had di mana-mana hospital pakar bila perlu. Jadi, mengapa perlu mengeluarkan wang untuk sesuatu yang “sudah dimiliki” sedangkan wang itu boleh dibelanjakan ke tempat lain. Sengaja saya meletakkan tanda di perkataan “sudah dimiliki” kerana ia adalah satu poin yang sangat menarik untuk perbincangan. Adakah benar anda “memiliki” kelebihan itu? Pernahkah anda terfikir perkara berikut:

- 1) Sehingga bilakah kita akan berkerja di syarikat tersebut?
- 2) Jika kita cuti kerana sakit, berapa lamakah syarikat akan menanggung bil-bil hospital kita? 6 bulan? Setahun?
- 3) Jika anda dipaksa bersara awal, cukupkah wang persaraan untuk membiayai perubatan anda? Bagaimana dengan komitmen yang lain?
- 4) Selepas bersara, siapakan yang akan membayar bil-bil perubatan jika ketika itu kita telahpun mempunyai penyakit kritikal seperti jantung, kencing manis dan darah tinggi?
- 5) Anda sudah terbiasa dengan layanan istimewa di hospital insuran syarikat. Sanggupkah apabila bersara, anda menggunakan wang simpanan atau KWSP untuk mendapatkan layanan yang sama? Mungkin juga, anda tetap mahu meneruskan rawatan di hospital itu kerana rekod perubatan yang sedia ada.
- 6) Apabila sudah bersara daripada syarikat tersebut dan anda mungkin sudah sakit, sanggupkah anda berhadapan dengan risiko membayar premium insuran yang lebih tinggi dari sekarang? Berkemungkinan juga permohonan anda tidak diluluskan.

Sebenarnya, soalan di atas juga merangkumi kepada semua golongan dan lapisan masyarakat. Ia tidak terhad kepada golongan yang tertentu sahaja. Seringkali, isu ini dibiarkan bertanggung dan dipandang sepi. Dalam diam, kita mengharapka ia akan berjalan sendiri tanpa tindakan (*it will take care of itself*) atau akan ada seseorang di luar sana sedia membantu apabila perlu.

Masa berjalan, sedar tak sedar, di saat kita benar-benar mengharapkan perlindungan dan bantuan, apa yang kita harapkan itu tidak menjadi.

Benar, setiap yang hidup itu pasti akan merasai mati. Tetapi, isu perlindungan kewangan kepada keluarga bukan lah semata – mata terletak selepas kematian. Ia juga merangkumi keadaan semasa kita masih hidup, tetapi dalam keadaan yang sangat memerlukan. Pernahkah anda terfikir jika suatu hari nanti, kita mungkin akan diserang penyakit kritikal seperti kegagalan fungsi buah pinggang, kanser atau cacat kekal. Ketika itu, kita sudah tidak mampu untuk bekerja. Keadaan ini boleh bertukar menjadi parah jika kita merupakan satu-satunya punca utama pendapatan keluarga dan pasangan terpaksa berhenti kerja untuk menjaga keperluan kita. Mungkin kita merasakan bahawa simpanan kita cukup untuk melangsaikan segala komitmen tanggungan. Namun, mampukah kita dan keluarga bertahan dengan simpanan tersebut? Mungkin juga kita berpendapat, rawatan di hospital kerajaan sudah memadai kerana di situ berkumpulnya ramai pakar-pakar perubatan yang hebat. Tapi bagaimana jika rawatan yang kita jalani itu memerlukan kos tambahan seperti RM30-40ribu untuk (contohnya) rawatan pintasan jantung di Institut Jantung Negara? Masih cukupkah lagi simpanan?

Maka disinilah peranan saya untuk menyampaikan kesedaran tentang kepentingan merancang dan melindungi kewangan keluarga. Dengan perlindungan kewangan, sedikit sebanyak ia dapat membantu meringankan beban keluarga. Sudah pasti kita tidak mahu melihat pasangan atau anak-anak merayu-rayu bantuan daripada orang lain hanya kerana kita gagal merancang kewangan dengan baik. Seharusnya, ia diletakkan sebagai perbelanjaan prioriti sebelum melakukan perancangan perbelanjaan ke tempat lain. **Anggaplah ia sebagai simpanan.** Asingkan sekurang-kurangnya 10% daripada pendapatan buat diri sendiri, pasangan dan anak-anak bagi tujuan ini. Jika anda merasakan ia sebagai tidak perlu, saya cabar anda untuk menyenaraikan sekurang-kurangnya tiga nama yang anda yakin dapat membantu dan menanggung pasangan dan anak-anak seperti mana anda menanggung mereka sekarang, sekiranya nafas anda berhenti hari ini. Sekiranya anda tidak yakin, rancanglah dengan sebaik-baiknya.

Apapun, syabas jika anda telah pun mempunyai pelan perancangan kewangan. Pastikan ia mencukupi dan yang paling penting, apabila kita “kembali pulang”, segala hutang kita telah langgai dan pasangan atau anak-anak boleh meneruskan kelangsungan hidup dengan legasi yang kita tinggalkan. Meletakkan harapan kepada ketentuan takdir adalah ibarat fatamorgana di hari panas. Tambahan pula jika ia memberi tempias kepada orang tersayang. Merancanglah dengan baik. Sediakan payung sebelum hujan adalah satu kiasan yang sangat tepat bagi isu ini. Jika kita mampu menyediakan kehidupan yang terbaik untuk keluarga kita semasa kita masih sihat dan hidup, mengapa bila kita tiada, kita tidak menyediakan yang terbaik untuk mereka? Kita memang boleh bertawakal dengan menganggap apa yang akan berlaku di masa hadapan adalah ketentuan Maha Pencipta.

Benar. Namun, tawakal dan redha itu datanginya selepas kita berikhtiar.

## SEKALUNG AMANAH

*Prof. Madya Dr. Raja Adzrin Raja Ahmad dan Noor Hidayah Ab Aziz*

Amanah merupakan suatu tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dalam memastikan penjagaan hak dengan sempurna. Pekerjaan merupakan satu amanah yang perlu kita laksanakan dengan sebaiknya. Keprofesionalan sesuatu pekerjaan bergantung kepada sejauh mana kita mampu untuk menunaikan amanah yang dipertanggungjawabkan.

Allah SWT berbicara tentang amanah di dalam surah Al-Anfal ayat 27:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمَانَاتِكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul (Muhammad) dan (juga) janganlah kamu mengkhianati amanat-amanat yang dipercayakan kepadamu, sedang kamu mengetahui.

Kekadang, dalam mengejar cita-cita dan pangkat, kita ditugaskan juga untuk memegang jawatan pentadbiran yang memerlukan kita untuk memimpin sesuatu unit.

Hakikatnya, kepimpinan merupakan satu tanggungjawab dan amanah besar yang perlu digalas serta dilaksanakan dengan sebaiknya. Ia bukanlah merupakan suatu untuk dikhianati seperti yang termaktub di dalam surah Al-Ahzab ayat 72:

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ ۚ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا

Sesungguhnya Kami telah mengemukakan amanat kepada langit, bumi dan gunung-gunung, maka semuanya enggan untuk memikul amanat itu dan mereka khawatir akan mengkhianatinya, dan dipikullah amanat itu oleh manusia. Sesungguhnya manusia itu amat zalim dan amat bodoh.

Tatkala menjadi pemimpin bagi sesuatu unit, sudah pasti ada onak yang perlu ditempuhi, ranjau berduri sudah semesti, ibarat bayi, pasti meniarap merangkak dahulu sebelum berdiri.

Apa yang boleh dikongsi bagi mempersiapkan diri termasuklah:

- **(A) Ajari diri sentiasa bersyukur.**

“Maka nikmat Tuhanmu yang manakah yang kamu dustakan?” Ayat yang diulang-ulang sebanyak 31 kali ini pasti memberikan peringatan yang amat penting buat kita. Dan tentunya dengan rendah hati, kita akan membisikkan, “tidak ada suatupun dari nikmat-Mu, yang kami dustakan, wahai Rabb kami dan segala puji hanya bagi-Mu.” Terlalu banyak nikmat Ilahi yang dikurniakan kepada kita.

Tidak perlu untuk kita merasa bahagia baru bersyukur, namun ajarlah diri untuk sentiasa bersyukur agar kita mengecap bahagia.

- **(M) Maafkan kesalahan insan**

Bumi mana yang tidak ditimpa hujan, lautan mana yang tidak bergelora. Setiap orang pasti tidak terkecuali dari melakukan kesilapan. Setiap hari sebelum tidur, maafkanlah semua kesalahan insan biarpun tindakannya telah mengusik minda, mengguris rasa. Pasti hati akan menjadi tenang dan akan terpadam sifat dengki dan dendam dari diri kita. Sematkan dalam hati supaya kita sentiasa menjadi orang yang pemaaf, semoga Allah turut jua mengampunkan segala dosa kita.

- **(A) Allah jua tempat bergantung**

Andai kesusahan datang menghimpit diri, kecemasan bertindih-tindih menghimpit hari, mohonlah pertolongan dan restu dari Ilahi dengan hati yang suci murni. Pasti setiap kepayahan itu akan diiringi dengan kemudahan dan setiap kesusahan itu disusuli dengan kesenangan. Terkadang hati berkata-kata, masalah dilihat seperti raksasa. Lantas kita mengangkat kepala, bertanya kepada Yang Maha Esa. Bermonolog sendiri mengapa hajat tidak dipenuhi, permintaan tidak diambil peduli. Duhai hati, ketahuilah bila Allah tidak beri, bukan bermakna Allah benci. Tapi mungkin, ada perkara yang Allah mahu kita mengerti.

- **(N) Niat sebelum memulakan tugas**

Setiap pagi apabila melangkah untuk ke pejabat, pastikan kita memasang niat, menjalankan amanah hanya semata kerana Allah. Pasti yang susah akan dipermudahkan oleh-Nya. Tolak tepi kepentingan peribadi. Sebagai pemimpin, kita perlu mengutamakan kepentingan organisasi melebihi kepentingan peribadi. Pasti ada kemanisan dihujung pengorbanan, ada kejayaan disebalik perjuangan. Janganlah kita melakukan sesuatu tugas itu kerana ingin mendapat pujian dari manusia. Akan tetapi, lakukanlah tugas tersebut kerana kita mengharapkan keredhaan dari Allah yang Maha Esa.

- **(A) Andai ditimpa musibah, sabar**

Setiap musibah pasti mengandungi permata yang berharga. Hanya orang-orang yang bersabar yang mampu memperolehnya. Seperti yang termaktub di dalam surah Al-Baqarah ayat 153:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ

“Wahai orang-orang yang beriman, jadikanlah sabar dan solat sebagai penolongmu, sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar” (Q 2:153)



Tatkala musibah datang menimpa, ikhlaskan hati redha menerima. Sesungguhnya marah itu mudah, tapi sabar itu lebih indah. Jadilah insan yang bersabar ketika sedih, bersyukur ketika lebih. Pasti hati akan tenang, walau air mata berlinang. Usah bersedih hati, ketika dugaan dihadapi, kelak pasti ada pengganti, kebahagiaan hakiki, syurga yang menanti.

- **(H) Harga insan sekeliling kita**

Insan sekeliling merupakan warna yang mencorakkan kehidupan kita agar lebih ceria dan bermakna. Zahirkan penghargaan, biarpun sekecil mana sumbangan dia. Jangan sampai terlambat untuk hargaai insan sekeliling kita, jangan sampai lewat untuk nyatakan sayang kita pada dia.

Bila tengok orang gembira, usah kita berduka. Bila tengok orang dilanda nestapa, usah kita bersorak ceria, doakan yang baik-baik saja. Apa salahnya, kita tumpang gembira, bila tengok orang berjaya, semaikan kasih-sayang dijiwa, pasti hatikan merasa bahagia.

Jangan terlalu mengharap orang menjadi sempurna. Kelak kita menjadi kecewa. Usahakan biar hati terima seadanya, berlapang dada tiada sengketa, ketentuan tuhan, pasti ada hikmahnya. Jadilah insan hebat, walau hati terguris, sedih dipikul sehabis kudrat. Jadilah golongan yang kuat, biar emosi dihiris, senyumnya tetap lebat.

Sesungguhnya, setiap dari kita akan dipertanggungjawabkan terhadap amanah yang kita terima. Persiapan diri bagi memastikan keikhlasan dalam melaksanakan sesuatu amanah. Pohonlah supaya tiada hasrat tidak semenggah, amalan baik kekal istiqamah, setiap usaha dikira ibadah.

Peringatan buat diriku yang sentiasa lupa.

***FAKULTI SAINS KOMPUTER  
DAN MATEMATIK***

## PROFIL KETUA PUSAT PENGAJIAN



**PUAN YUSNITA SOKMAN**

*“Mesin paling cekap dihasilkan oleh teknologi ciptaan manusia ialah buku. Jadi, teruskan menulis untuk manfaat bersama”*

## PROFIL KOORDINATOR PROGRAM



**DR. SHAMSATUN NAHAR BINTI AHMAD**

*“Setiap hari yang datang membawa permulaan baru dalam hidup kita. Mulakanlah hari dengan penuh bermakna melalui pembacaan dan penulisan yang baik”*



**ENCIK GHAZALI SEMIL ISMAIL**

*“Penulisan dari hati, meninggalkan kesan lama di dalam diri pembaca. Justeru, menulislah dari hati agar hasilnya lebih bererti”*

## **PROFIL PENULIS-PENULIS**

### **Laporan Aktiviti Jabatan dan Pensyarah**


Mazlyda Abd Rahman Siti Nor Khadijah Arunah  
Rashidah Mokhtar Harshida Hasmy  
Zuriati Ismail Azyan Yusra Kapi@Kahbi  
Nur Huda Jaafar Nur Syafikah Ibrahim  
Dr. Shamsatun Nahar Ahmad Azrina Suhaimi  
Prof. Madya Dr. Saunah Zainon Aishah Mahat  
Nurulzulaiha Sa'udah @ Suhadak Muhammad Amir Zikri Azmi  
Haslenda Yusop

### **Karya Akademik dan Umum**

Azlina Jumadi Rusnani Mohamad Khalid  
Dr. Shamsatun Nahar Ahmad Aishah Mahat  
Prof. Madya Dr. Zamali Haji Tamudi Siti Nurul Izah Musa  
Shafaruniza Mahadi Putera Haikal Iskandar Syamsudin  
Noor Syazana Ngarisan Maryam Haji Ahmad Shafie

### **Karya Kreatif**

Prof. Madya Dr. Zamali Haji Tamudi  
Ahmad Khudzairi Khalid  
Azlina Jumadi  
CT Munnirah Niesha Mohd Shafee  
Harshida Hasmy

The background is a rich purple with a pink-to-orange gradient in the center. A large, glowing circle with a yellow-to-orange gradient is the focal point. It is framed by several concentric, white-outlined diamond shapes. The bottom of the image features a grid pattern that curves upwards, resembling a horizon or a stylized landscape. There are also some faint, star-like light effects scattered across the scene.

**LAPORAN AKTIVITI  
JABATAN DAN  
PENSYARAH**

## PELANCARAN UiTM – CIMB BIG DATA LAB @ KAMPUS SEGAMAT

Makmal Data Raya atau lebih dikenali sebagai *Big Data Lab* (BDL), UiTM Cawangan Johor telah ditubuhkan pada Julai 2017 sebagai mendokong hasrat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk melahirkan graduan yang berkemahiran dalam bidang sains data.

Dalam usaha memastikan penubuhan makmal ini selari dengan kehendak industri, UiTM Cawangan Johor telah mengambil inisiatif untuk menjalinkan kerjasama industri dengan pihak CIMB Bank Berhad. Melalui inisiatif ini, pihak CIMB telah mencadangkan agar infrastruktur yang akan digunakan di makmal ini bersesuaian dengan penggunaan di industri bagi membolehkan graduan dari UiTM Cawangan Johor mendapat pendedahan awal dalam bidang analitik data dan sedia untuk memasuki dunia pekerjaan.



Bagi merealisasikan hasrat tersebut, pihak UiTM Cawangan Johor dan CIMB telah bersetuju untuk menandatangani satu Memorandum Perjanjian (MoA) yang telah dimeterai secara rasminya pada 29 April 2019 di UiTM Cawangan Johor. Melalui perjanjian tersebut, kedua-dua pihak telah bersetuju akan keterlibatan secara bersama di dalam pembangunan makmal ini.

Secara dasarnya, pihak CIMB akan memberikan nasihat kepakaran dalam penyediaan infrastruktur makmal supaya dapat mewujudkan suasana yang lebih kondusif. CIMB juga akan memberikan latihan kepada para pensyarah dalam bidang sains data dan kejuruteraan data. Manakala dari segi prasarana, pihak UiTM bertanggungjawab untuk menyediakan makmal yang menepati keperluan perisian yang akan digunakan, dan memastikan makmal tersebut dimanfaatkan sepenuhnya oleh pelajar UiTM. Adalah diharapkan penubuhan makmal ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh seluruh warga UiTM Cawangan Johor sebagai salah satu instrumen yang dapat melahirkan lebih ramai saintis yang berkepakaran dalam bidang sains data.

Disediakan oleh: Mazlyda Abd Rahman, Zuriati Ismail, Nur Huda Jaafar & Rashidah Mokhtar

## AKTIVITI LATIHAN DATA RAYA DENGAN KERJASAMA CIMB

Melalui jalinan kerjasama CIMB dan UiTM Johor, salah satu persetujuan yang telah dicapai bersama ialah peluang latihan dalam bidang sains data dan kejuruteraan data, selari dengan matlamat penubuhan Makmal Data Raya (BDL) untuk memberi pendedahan serta latihan kepada para pensyarah dalam bidang tersebut. Latihan-latihan tersebut disediakan oleh pihak CIMB di mana sebahagiannya dijalankan di kampus.

Sehubungan itu, pihak pengurusan BDL telah menganjurkan dua bengkel iaitu Traing of Trainers: Data Science Training with R Programming yang telah diadakan pada 6-7 Ogos 2018 bersama penceramah En. Ng Wai Keat, En. David Gan Sing Hwa dan En. Aswadi Abdul Rahman, serta Training of Trainers: Hadoop Fundamentals pada 5 April 2018 Bersama penceramah En. Adi Yusman Md. Yusof.



Kedua-dua latihan tersebut telah dijalankan dengan jayanya dan sangat membantu para pensyarah terutama dalam menghadapi cabaran Revolusi Industri 4.0. Pelbagai latihan juga telah dirancang termasuklah latihan yang akan dilaksanakan di CIMB.

Selain latihan berbentuk bengkel, para pensyarah juga berpeluang menjalani sangkutan industri di CIMB. Latihan-latihan di bawah trek sains data membantu para pensyarah melaksanakan aktiviti penyelidikan terutamanya untuk tujuan analisis data manakala trek kejuruteraan data pula membantu para pensyarah untuk menyediakan data bagi tujuan analisa.

Disediakan oleh: Zuriati Ismail, Mazlyda Abd Rahman, Nur Huda Jaafar & Rashidah Mokhtar

## PROGRAM SCHOOL ATTACK STEM

Sasaran Kementerian Pelajaran Malaysia terhadap jumlah pelajar dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) adalah 60 peratus berbanding 40 peratus untuk bidang sains sosial masih belum tercapai kerana bidang STEM dilihat semakin tidak digemari. Bukti jelas apabila permohonan kemasukan pelajar dalam bidang STEM merosot. Oleh itu, pihak UiTM telah mengambil usaha untuk membantu mempromosikan bidang STEM kepada para pelajar sekolah.

Pada 29 September 2018 yang lalu seramai 6 pensyarah dan 30 pelajar semester akhir Diploma Sains Matematik telah mengadakan program ukhuwah bersama pelajar-pelajar Tingkatan 4 dan 5 Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Segamat. Program ini telah dianjurkan oleh SIG FSKM UiTM Johor: Dynamic, Applied and Computational Mathematics (DACoM).

Antara pengisian program adalah memberi pendedahan kepada pelajar sekolah tentang pengalaman sebagai mahasiswa dan mahasiswi universiti di samping mempromosikan program Diploma Sains Matematik dan Diploma Sains Komputer. Beberapa aktiviti telah dijalankan iaitu 'explorace', pertandingan mereka cipta aplikasi matematik, persembahan multimedia aplikasi matematik dan matematik dalam tarian. Melalui aktiviti tersebut, pelajar Diploma Sains Matematik dapat mempelajari pengendalian sesebuah program dan pengucapan awam sebagai persediaan untuk mereka meneruskan langkah lebih jauh dalam kerjaya apabila telah tamat pengajian kelak. Selain itu, program ini dapat mewujudkan jalinan kemasyarakatan antara FSKM UiTM cawangan Johor kampus Segamat dengan warga SMKA Segamat. Nilai-nilai murni juga dapat diterapkan kepada pelajar UiTM seperti bekerjasama, berani, bertolak ansur dan nilai kepimpinan.



Disediakan oleh: Dr. Shamsatun Nahar binti Ahmad

## BENGKEL KEMAHIRAN PENDIDIKAN SENI BATIK *SOFT TOYS* BERSAMA PKAYIS

Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Johor bersama Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka (FSSR), UiTM Cawangan Melaka buat julung kalinya memupuk kerjasama melalui kolaborasi bersama Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Islam Daerah Segamat (PKAYIS). Program satu hari ini melibatkan enam orang pensyarah UiTM dan 58 orang anak-anak yatim telah diadakan pada 21 Januari 2019 bertempat di Dewan Darul Saadah, PKAYIS. Timbalan Rektor Penyelidikan, Jaringan Industri dan Alumni, UiTM Cawangan Johor turut hadir dan memberi sokongan padu dalam program ini.

Objektif utama program adalah para peserta dapat menggunakan pengetahuan dan kemahiran praktikal, memupuk budaya kreatif dan inovasi melalui kerja berkumpulan, memberi ruang dan peluang kepada peserta untuk mengembangkan bakat, minat dan potensi dalam projek inovasi mengikut kreativiti peserta berdasarkan bahan dan garis panduan yang dibekalkan serta mewujudkan jalinan kolaborasi antara universiti dan masyarakat setempat.

Dalam program ini, Pensyarah FSSR, Encik Rafuzan Jaafar telah berkongsi idea, kepakaran dan pengalaman beliau dalam merekabentuk patung-patung "*soft toys*" berasaskan bentuk haiwan menggunakan kain batik Malaysia. Para peserta diberi bahan seperti kain batik serta peralatan menjahit untuk menyiapkan anak patung mereka. Seterusnya mereka diajar cara-cara menjahit dan mencantumkan bahan-bahan untuk dijadikan anak patung mengikut kreativiti sendiri. Yang Dipertua PKAYIS, Tuan Haji Taher Masri melahirkan rasa terima kasih kepada pihak UiTM yang telah sudi menjayakan program ini bagi menambah pengetahuan dan kemahiran anak-anak yatim di sini.



Disediakan oleh: Prof. Madya Dr. Saunah binti Zainon dan Nurulzulaiha binti Sa'udah @ Suhadak

## KEM MATEMATIK

Pada 6 Ogos 2019, Fakulti Sains Komputer & Matematik (FSKM) telah menerima kunjungan seramai 39 orang murid dan 6 orang guru pengiring dari Sekolah Kebangsaan Parit Pinang Seribu, Muar. Murid-murid pada mulanya dibawa ke Makmal Data Raya (Big Data Lab, BDL) dan seterusnya ke Dewan Kuliah untuk menjalani aktiviti Kem Matematik. Kem tersebut dikendalikan oleh 5 orang fasilitator daripada kalangan pensyarah FSKM. Sebanyak 4 aktiviti berkumpul telah dijalankan dengan tujuan menarik minat murid-murid ini terhadap subjek matematik.

Permainan pertama ialah Kuiz Zim Zam. Permainan ini melibatkan sifir 5 (zim) dan sifir 7 (zam). Murid-murid perlu mendengar nombor yang diberi oleh fasilitator dan menjawab dengan perkataan 'zim' atau 'zam'. Permainan seterusnya ialah Litar Euler. Setiap kumpulan diberi sehelai kertas dengan lukisan litar yang sama. Litar tersebut mempunyai 11 nod. Setiap kumpulan perlu melakar laluan bermula di mana-mana nod dan berakhir di nod yang asal tanpa melalui laluan yang sama.

Seterusnya ialah permainan susun angka. Murid-murid diarahkan untuk menyusun angka 1 hingga 8 ke dalam kotak yang disediakan. Kedudukan nombor yang berturut tidak boleh disusun bersebelahan, atas atau bawah. Permainan terakhir ialah silangkata matematik. Silangkata ini melibatkan 20 soalan berdasarkan silibus tahap 2 sekolah rendah. Permainan-permainan ini memerlukan murid-murid berfikir secara cepat dan kreatif serta kesepakatan antara ahli kumpulan untuk memberi jawapan yang betul.

Setiap kumpulan diberi markah mengikut kepantasan menjawab soalan. Kumpulan dengan markah tertinggi mendapat johan dan seterusnya. Program sebegini perlu diteruskan di peringkat sekolah menengah untuk menarik minat terhadap subjek matematik seterusnya memberi persediaan awal sebelum ke universiti kelak.



Disediakan oleh: Haslenda Yusop, Siti Nor Khadijah Arunah

## DARIPADA UiTM, KEPADA UiTM

Sempena Ramadhan 1440H, program Jualan Amal: Sampul Duit Raya UiTM berlangsung dengan jayanya pada 7 hingga 20 Mei 2019, bertempat di UiTM Kampus Pasir Gudang. Sebanyak 3000 keping sampul raya edisi terhad berjaya dijual dalam program yang dianjurkan oleh para pensyarah Sains Komputer. Bertemakan "Daripada UiTM, Kepada UiTM", sambutan yang diberikan oleh warga UiTM amat menggalakkan memandangkan program sebegini julung kali diadakan. Idea program ini tercetus sejak setahun yang lepas dan berjaya direalisasikan pada Ramadhan yang lalu. Para pensyarah turut memberikan idea kreatif dalam merekabentuk sampul duit raya tersebut, dan seterusnya menjalankan promosi bagi menjayakan program ini.

Program amal ini telah menyumbangkan 25% daripada keuntungan jualan kepada 20 orang pelajar asnaf UiTM Pasir Gudang. Selain itu, warga FSKM turut bersama-sama memberikan sumbangan duit raya, telekung dan kain pelekat kepada para pelajar asnaf berkenaan. Penyerahan sumbangan telah diadakan di dalam Majlis Kemuncak Ihya' Ramadhan anjuran Pusat Islam UiTM Kampus Pasir Gudang yang diadakan pada 20 Mei 2019. Majlis ini turut dihadiri oleh Rektor UiTM Cawangan Johor, Prof. Madya Dr. Ahmad Naqiyuddin Bakar dan Penolong Rektor UiTM Pasir Gudang, Prof. Madya Ir. Bahardin Baharom. Menerusi program seperti ini, kemahiran keusahawanan dapat ditingkatkan di kalangan ahli jawatankuasa serta memupuk semangat perpaduan dan kekitaan terhadap institusi UiTM. Pihak FSKM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini. Diharapkan program sebegini dapat diteruskan pada Ramadhan akan datang disamping meraih ganjaran dan keberkatan-Nya.





Disediakan oleh: Harshida Hasmy, Azyan Yusra Kapi@Kahbi, Nur Syafikah Ibrahim, Azrina Suhaimi

## PROGRAM MENTOR MENTEE MAT235

Program Mentor Mentee MAT235 telah dianjurkan oleh pihak Fakulti Sains Komputer dan Matematik, di UiTM Kampus Pasir Gudang. Program yang berlangsung pada bulan April 2019 yang lalu, merupakan inisiatif fakulti berdasarkan keputusan ujian 1 bagi subjek Calculus II yang kurang memberangsangkan dan tidak mencapai sasaran seperti yang diharapkan. Peserta program seramai 10 orang dipilih daripada kalangan pelajar yang memperoleh markah yang rendah, agar mereka dapat memperbaiki kemahiran serta pengetahuan bagi menghadapi ujian dan peperiksaan akhir yang akan datang. Manakala 2 orang pelajar telah dilantik sebagai mentor berdasarkan keputusan ujian 1 MAT235 yang tertinggi dalam kelas masing-masing serta mempunyai kemampuan untuk mengajar mentee dengan cara yang lebih efisien.

Mentor diberi tanggungjawab untuk mengadakan sekurang-kurangnya empat sesi kuliah dan telah dilaksanakan sebelum para mentee menduduki semula ujian 1 MAT235. Selain memberi lebih pengukuhan tentang kemahiran menjawab soalan, program ini turut memberikan ruang dan peluang kepada para mentee untuk bertanyakan pelbagai bentuk soalan. Selain daripada itu, bilangan peserta yang sedikit memberi kelebihan kepada mereka di mana masa yang lebih lama dapat diambil bagi memahami setiap bentuk soalan dan cara menjawab dengan lebih berkesan.

Berdasarkan respon daripada para peserta, penganjuran program seperti ini wajar diteruskan kerana menyediakan suasana pembelajaran yang lebih selesa dan kondusif, serta mereka lebih bersikap terbuka untuk bertanyakan soalan berbanding pembelajaran formal di dalam kelas. Amat jelas program mentor mentee ini memberi manfaat dan nilai positif bukan sahaja kepada para mentee, tetapi juga kepada para mentor yang terlibat. Kemahiran sosial dan sifat kerjasama dapat dipupuk dan dipraktikkan dengan baik di dalam program seperti ini.



Disediakan oleh: Aishah Mahat, Muhammad Amir Zikri Azmi

## PROGRAM PEMANTAPAN KALKULUS

Program Pemantapan Kalkulus anjuran Fakulti Sains Komputer dan Matematik, UiTM Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang telah berlangsung pada 27 Oktober 2018 yang lalu. Program ini merupakan sebuah inisiatif bagi membantu para pelajar yang mendapat pencapaian kurang memberangsangkan dalam ujian 1 bagi kod kursus MAT183 dan terbuka kepada pelajar lain yang berminat. Program separuh hari ini dibahagikan kepada 2 sesi; sesi pertama adalah bersama Dr Ng Set Foong manakala sesi kedua dikendalikan oleh penceramah jemputan dari luar iaitu Tuan Haji Abdul Rahman Bin Haji Ahmad.

Pada sesi pertama program, penceramah menitikberatkan asas kemahiran matematik serta mengenalpasti kesalahan dalam kaedah pemfaktoran. Penceramah juga menunjukkan kesilapan yang biasa dilakukan oleh pelajar dalam penggunaan kalkulator saintifik. Nota berkaitan asas kemahiran matematik serta kaedah menjawab soalan peperiksaan dihuraikan dengan lebih mendalam oleh penceramah. Pada sesi kedua program, penceramah jemputan memulakan aktiviti pertama dengan tajuk 'SIAPA ANDA'. Para pelajar dikehendaki menulis nama sekolah dan nama guru yang pernah mengajar mereka sewaktu awal persekolahan sehingga sekarang. Aktiviti kedua adalah berkaitan dengan 'KENALI DIRI'. Pelajar perlu menyenaraikan kelebihan dan kekurangan barang-barang yang diberikan melalui gambar iaitu payung, jentolak, paku dan belon dan membuat kesimpulan dengan barang-barang tersebut. Aktiviti ketiga adalah menyanyi lagu yang dapat memberi semangat kepada pelajar. Aktiviti yang terakhir adalah menonton video yang berkisar dengan elemen nilai-nilai murni.

Kesimpulannya, program ini wajar diteruskan pada masa akan datang bagi membantu meningkatkan tahap kefahaman di samping memperlengkapkan diri pelajar untuk menghadapi peperiksaan akhir.



Disediakan oleh: Aishah Mahat

The background is a vibrant purple and pink gradient. In the center, a large circle with a yellow-to-orange gradient is surrounded by several concentric white diamond-shaped outlines. Below this central composition, there are wavy, wireframe-like patterns in shades of purple and pink. The bottom of the page features a grid pattern.

**KARYA AKADEMIK  
DAN UMUM**

## MENGAPA TIDAK SUKA MATEMATIK?

Azlina binti Jumadi

Ramai pelajar mengeluh tidak suka belajar Matematik. Bila ditanya mengapa, jawapannya adalah susah. Kebanyakan pelajar ini adalah pelajar yang lemah dalam subjek Matematik. Mereka hilang keyakinan dan tiada semangat apabila menjawab soalan Matematik. Apa sebenarnya yang dirasakan susah? Susah hendak memahami soalan? Susah hendak menjawab soalan?

Matematik sememangnya memerlukan pelajar untuk memahami konsep dan berfikir. Mungkin disebabkan itulah, ramai pelajar yang tidak menggemari subjek ini. Berikut adalah beberapa sebab mengapa pelajar tidak menyukai Matematik.

- Pelajar tidak faham konsep asas dalam Matematik
- Pelajar malas hendak membuat latihan
- Pelajar malas berfikir untuk menjawab soalan
- Banyak formula atau rumus perlu dihafal

Sebab-sebab inilah yang sering menjadi keluhan para pelajar. Para pelajar harus membuang pemikiran ini dan tanamkan sifat minat dan suka terhadap Matematik. Tiada yang susah sebenarnya. Matematik hanya memerlukan banyak LATIHAN tidak seperti subjek-subjek yang memerlukan banyak membaca.

Para pelajar hanya perlu perbanyakkan latihan Matematik. Jika dengan 1 kali latihan masih tidak faham, tambahkan kepada 2. Jika masih tidak faham juga, tambahkan kepada 5 atau 10 kali latihan. Inilah yang dinamakan *the power of repetition*. Pengulangan membuatkan kita semakin mahir menyelesaikan sesuatu masalah atau urusan sedikit demi sedikit dan dari semasa ke semasa berbanding pada waktu sebelumnya. Jadikan pengulangan sebagai suatu tabiat dalam hidup agar kejayaan lebih mudah dicapai.

Pastikan juga anda dibantu oleh rakan-rakan yang pandai dalam subjek Matematik. Percayalah, lama-kelamaan anda akan berasa seronok dalam menjawab soalan Matematik lebih-lebih lagi apabila anda telah selesai dan berjaya menjawab soalan Matematik. Satu kepuasan dan nikmat tak terhingga akan dirasai dan pasti anda akan berasa mudah dan suka terhadap subjek Matematik.

Kesimpulannya, seorang pelajar seharusnya memastikan diri mereka sentiasa termotivasi untuk belajar Matematik. Tanamkan sentiasa bahawa Matematik itu mudah! InsyaAllah, berkat usaha dan doa, pasti akan beroleh hasil yang diimpikan akhirnya.

## **MASA DEPAN MURID TAHFIZ LEBIH CERAH MELALUI PROGRAM INTERVENSI TAHFIZ SWASTA**

Dr. Shamsatun Nahar binti Ahmad

Pada 15 April 2019 yang lalu, Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik telah melancarkan program Intervensi Murid Sekolah Tahfiz Swasta (IMSTS) fasa pertama. Program ini membuka peluang lebih luas kepada murid sekolah tahfiz swasta menceburi bidang akademik agar mereka mampu berdaya saing dalam pasaran kerja atau kemasukan ke universiti awan dan universiti swasta.

Program IMSTS telah dilaksanakan secara rintis selama dua tahun (2017-2018) di SMK Bekok, Segamat, Johor dengan kerjasama Kolej Islam Johor (MARSAH) yang menawarkan program Diploma Tahfiz wal Qiraat dan diberi biasiswa selama tiga tahun oleh Majlis Agama Islam Johor (MAIJ). Pada tahun 2017, seramai 11 orang telah mengikuti program ini dan 23 orang pada tahun 2018 dengan mengambil tujuh mata pelajaran sahaja iaitu enam mata pelajaran teras dan satu mata pelajaran pilihan (Tasawur). Walaubagaimanapun, mereka dibenarkan untuk menambah mata pelajaran pilihan yang lain seperti Bahasa Arab, Pendidikan Al-Quran dan Sunnah dan lain-lain secara sendiri. Pada tahun pertama rintis, seorang pelajar perolehi 7A dalam SPM, manakala pada tahun kedua rintis dua orang pelajar perolehi 6A dan dua orang pelajar perolehi 5A. Oleh yang demikian program rintis ini dianggap berjaya dan telah memberi impak yang positif khususnya dari aspek akses pendidikan yang berkualiti di sekolah ini.

Kejayaan SMK Bekok telah mendorong KPM melancarkan fasa pertama pelaksanaan program IMSTS di empat buah sekolah arus perdana iaitu SMK Bekok dan SMK Benut di Johor, serta SMK Desa Cempaka dan Maahad Tahfiz Al-Quran An Najiah Nilai di Negeri Sembilan dengan peruntukan dana sebanyak RM7000.00 bagi setiap sekolah. Jumlah sekolah akan ditambah dari semasa ke semasa.

Program IMSTS merupakan inisiatif pendidikan secara intensif dan bersistematik kepada pelajar tahfiz swasta berumur 17 hingga 18 tahun sahaja sebagai persediaan sebelum menduduki peperiksaan SPM. Bagi pelajar yang berumur 18 tahun, permohonan perlu dibuat di Jabatan Pendidikan Negeri untuk kemasukan ke sekolah kerajaan. Penambahan sekolah yang mengambil bahagian dalam program IMSTS akan memberi peluang kepada lebih ramai lagi pelajar tahfiz mengikuti pendidikan arus perdana dan memiliki sijil SPM. Seterusnya, peluang mereka untuk menyambung pelajaran di universiti atau mendapat pekerjaan lebih terbuka luas selaras dengan saranan Menteri Pendidikan untuk melahirkan lebih ramai tahfiz profesional.

Namun, tidak mudah memberi pendidikan terbaik kepada pelajar tahfiz dalam tempoh yang singkat. Pihak sekolah perlu menyediakan modul khas untuk mata pelajaran Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris kerana kebanyakan pelajar tahfiz swasta tidak mendapat pendidikan akademik secara formal dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 4. Sebahagian pula tiada langsung asas akademik sekolah rendah. Justeru, selain buku teks dan buku rujukan sedia ada, nota tambahan perlu diwujudkan. Guru juga perlu mengadakan kelas tambahan sebelah petang atau hujung minggu serta latihan yang berterusan supaya pelajar program IMSTS Tingkatan 5 dapat bersaing secara positif dengan pelajar Tingkatan 5 yang lain dari segi pencapaian akademik.

Inisiatif KPM mewujudkan program intervensi murid tahfiz swasta telah memberi sedikit kelegaan kepada para ibu bapa anak-anak tahfiz. Secara tidak langsung KPM telah menyediakan satu saluran yang sangat baik untuk murid-murid tahfiz swasta demi masa depan yang lebih cerah.



## PENGENALAN KEPADA NOMBOR-Z DAN POTENSI PENGUNAANNYA DI MASA DEPAN

Prof. Madya Dr. Zamali Haji Tamudi

Sejak diperkenalkan oleh Prof. Ir. Dr. Lotfi Zadeh pada tahun 2011, kini idea atau teori Nombor-Z semakin mendapat perhatian terutamanya oleh warga penyelidik di seluruh dunia. Teori ini berasaskan teori set kabur (*fuzzy set*) yang diperkenalkan olehnya pada tahun 1965 serta konsep pengiraan dengan perkataan (*computing with words*) yang diperkenal beberapa tahun kemudian.

Umumnya Nombor-Z ditakrifkan seperti berikut:

Nombor-Z ialah pasangan tersusun yang diwakili  $Z = (A, B)$  yang A ialah nombor kabur yang menjelaskan nilai kekangan kabur, juga merupakan pembolehubah rawak  $X$ ; contohnya mengukapkan "X ialah A"; sementara B ialah nombor kabur dengan fungsi keahlian  $\mu_B : [0,1] \rightarrow [0,1]$ , yang mewakili kekangan kabur dengan memberi ukuran atau nilai kebarangkalian, tahap kepastian, kesahihan penilaian yang dibuat terhadap A.

Berdasarkan takrifan di atas, jelas menunjukkan bahawa pendekatan Nombor-Z sangat berbeza berbanding dengan teori-teori set yang wujud sebelumnya seperti set biasa/dedua (binary), set kabur, set kabur intuisi, set kasar (rough set), dan lain-lain. Ia menggunakan pendekatan penilaian secara ungkapan biasa (usual expression) iaitu diwakili oleh komponen A dalam menilai sesuatu atribut dan disertakan serentak dengan nilai ungkapan tahap kepastian/kesahihan iaitu komponen B, terhadap atribut yang dinilai dalam A. Beberapa contoh mudah dapat diberi seperti berikut:

Contoh 1:

(Harga minyak RON95 dijangka meningkat kepada RM2 seliter minggu hadapan, Agak pasti)

Contoh 2:

(Peratus kelulusan pelajar CS akan menurun kepada 75% pada semester depan, Sangat pasti), dan

Contoh 3:

(Bursa Malaysia akan diramal menjunam kepada paras 750 mata pada awal tahun 2020, Pasti)

Jadual di bawah menunjukkan bagaimana struktur Nombor-Z menilai sesuatu atribut (X) dinilai dengan nilai tertentu (A), disertakan dengan tahap kepastian terhadap A diberi oleh ungkapan B.

	Komponen A	Komponen B	Pendekatan nilai
Contoh 1 Harga RON95 (X)	Meningkat kepada RM2/liter	Agak Pasti	(X ialah A ~ nilai, B ~ tahap kepastian)
Contoh 2 Kelulusan pelajar (X)	Peratus menurun kepada 75%	Sangat Pasti	
Contoh 3 Bursa Malaysia (X)	Menjunam kepada paras 750 mata	Pasti	

Selain pendekatannya yang mampu meminimumkan unsur ketakpastian (*uncertainty*) dan maklumat yang tidak lengkap (*incomplete information*), pendekatan sebegini sangat membantu para penilai untuk menilai serta membuat keputusan dengan lebih tepat serta meyakinkan. Oleh itu tidak hairanlah idea ini sekarang sangat aktif diulas, diuji dan ditambahbaik daripada pelbagai aspek saintifik khususnya dalam kaedah operasi, aksiom, dan ciri-ciri khusus yang lain. Dapatan kajian terkini menunjukkan penggunaan Nombor-Z ini telah merangkumi pelbagai kategori penyelesaian daripada masalah mudah hingga ke penyelesaian yang rumit merangkumi masalah seperti pembuat-keputusan multi-kriteria, peramalan, penganggaran, kawalan, dan banyak lagi. Justeru, potensinya dapat dimanfaatkan dalam hampir semua bidang seperti perniagaan, perakaunan, pelaburan, teknologi maklumat, pertanian, kejuruteraan, astronomi, dan lain-lain.

Memandangkan idea atau teori ini masih baharu lagi diperkenalkan (sekitar 8 tahun), peluang ini seharusnya dapat digarap segera oleh para penyelidik terutama mereka yang berhasrat untuk menyambung pengajian ke peringkat ijazah kedoktoran (Ph.D). Ini berdasarkan fakta bahawa masa depan lanjutan atau peluasan teori ini dan penggunaannya masih lagi luas untuk diteroka secara lebih tuntas dan mendalam. Oleh itu, dapatan kajian mereka kelak dapat membantu menyumbang kepada penambahan ilmu baharu atau sekurang-kurangnya mampu memperluas ilmu mereka dalam bidang baharu.

## **PENGENALAN SAINS KEPADA ANAK DI RUMAH**

Shafaruniza Mahadi

Sains merupakan matapelajaran yang boleh diperkenalkan oleh ibu bapa kepada anak-anak sejak mereka kecil lagi. Ibu bapa boleh memperlihatkan tanaman hijau yang ada di sekeliling dengan memperkenalkan jenis tumbuh-tumbuhan yang hanya hidup di darat seperti pokok-pokok bunga dan buah-buahan yang terdapat di sekeliling rumah dan juga yang boleh hidup di air seperti pokok teratai.

Ibu bapa boleh bercerita kepada anak mengenai jenis-jenis daun dan akar sambil menunjukkan contoh ketika bercucuk tanam. Selain itu, ibu bapa boleh melakukan demonstrasi untuk menunjukkan kaedah pembiakan tumbuh-tumbuhan. Dengan cara ini, anak-anak akan nampak dengan lebih jelas akan wujudnya sains dan dapat memahami sains dengan lebih mudah dan mendalam.

Pengkelasan haiwan seperti karnivor, omnivor dan herbivor juga boleh diajar di rumah. Apabila melihat burung helang, itu merupakan haiwan karnivor yang paling mudah dilihat. Haiwan peliharaan seperti kucing merupakan contoh haiwan omnivor manakala anab adalah haiwan herbivor. Jelaskan juga kepada anak-anak mengenai kepelbagaian jenis pemakanan bagi haiwan-haiwan tersebut. Jika mempunyai kolam ikan di rumah, ibu bapa boleh menceritakan habitat dan populasi serta contoh rantai makanan yang terdapat di dalam kolam ikan ketika sedang melakukan aktiviti mencuci kolam.

Selain itu, pembelajaran sains di rumah bertambah seronok apabila ibu bapa dapat melakukan eksperimen bersama anak-anak. Eksperimen menghasilkan pelangi boleh dilakukan ketika sedang mencuci kereta. Ibu bapa boleh bercerita mengenai proses pembentukan pelangi dan warna pelangi.

Ibu bapa harus memberikan contoh terbaik kepada anak-anak. Ibu bapa pada hari ini lebih terdedah kepada teknologi dan penggunaan internet dilihat semakin meluas di kalangan mereka. Ibu bapa boleh menggunakan medium tersebut untuk mendapatkan maklumat berkaitan sains untuk dikongsi bersama anak-anak. Tiada lagi alasan tidak mahir ilmu sains kerana pada hari ini semua sudah ada di hujung jari. Pengenalan sains di rumah amat penting supaya anak-anak dapat berfikiran lebih terbuka manakala guru di sekolah akan meneruskan perbincangan dengan lebih lanjut dan terperinci mengenai skop pembelajaran subjek sains mengikut silibus yang ditetapkan.

## KEMURUNGAN PERLU MAKAN UBAT?

Noor Syazana binti Ngarisan

Mungkin tidak pernah terlintas dalam fikiran kebanyakan daripada kita bahawa seseorang itu perlu mengambil ubat hanya disebabkan oleh tekanan perasaan. Berbeza dengan makanan tambahan atau vitamin, perbuatan mengambil ubat selalunya dikaitkan dengan penyakit. Jika seseorang itu perlu mengambil ubat kita beranggapan mestilah dia sakit atau kurang sihat. Apatah lagi jika ubat itu perlu diambil secara berkala, pasti ramai antara kita akan mengandaikan penyakit yang dihidapinya kronik dan boleh mengancam nyawa.

Jadi apabila berhadapan dengan situasi di mana seseorang itu perlu mengambil ubat kerana tekanan perasaan atau lebih tepat disebut sebagai kemurungan atau depresi, masyarakat kita sukar untuk memahaminya dan mula memandang serong. Umumnya masyarakat suka mengkategorikan sakit itu hanya pada fizikal dan tidak pada mental. Kemurungan dianggap berpunca daripada kelemahan diri sendiri. Pesakit dikatakan terlalu manja, tidak tahan dengan cabaran, tidak cukup iman atau melupakan Tuhan. Inilah antara stigma terbesar yang perlu dihadapi pesakit kemurungan.

Sebenarnya masalah seperti kemurungan atau kebimbangan melampau (*anxiety*) adalah sebahagian daripada masalah kesihatan mental. Kemurungan berbeza dengan stress. Hanya doktor pakar psikitari boleh memberi diagnos kemurungan atau MDD (*major depressive disorder*) seterusnya memberi preskripsi ubat kepada pesakit.

Pertamanya bukan mudah untuk pesakit sendiri menerima hakikat bahawa mereka memerlukan bantuan. Proses ini memerlukan keberanian. Apatah lagi jika pesakit keseorangan tanpa sokongan atau dorongan sesiapa. Lebih memudaratkan jika pesakit tiada ilmu tentang ke mana hendak dituju atau apa perlu dilakukan. Bila pesakit sudah bersedia menerima rawatan mereka perlu pula memikirkan pandangan masyarakat kerana bimbang dilabel sebagai gila atau tidak siuman.

Pesakit akan jadi lebih tertekan kerana malu dan akhirnya memilih untuk tidak meneruskan rawatan. Akibatnya mereka gagal pulih dan tidak dapat menjalani kehidupan dengan baik. Simptom kemurungan seperti kesedihan melampau yang berpanjangan, fungsi hidup harian terjejas dan pola tidur terganggu akan berterusan. Keadaan ini akan membawa kepada kesan yang lebih buruk seperti halusinasi dan keinginan untuk bunuh diri (*suicidal thought*).

Mungkin kita tidak faham apakah itu kemurungan dan mengapa pesakit perlu makan ubat kerana kita tidak dapat melihat sakit mereka dengan mata kasar. Tetapi kita perlu faham bahawa ubat merupakan satu usaha dan ikhtiar untuk sembuh daripada apa jua penyakit sekalipun. Oleh sebab itu pesakit mental juga akan dinasihatkan oleh doktor pakar psikiatri untuk mengambil ubat selain menjalani sesi terapi atau kaunseling bersama ahli psikologi yang bertauliah.

Kita tidak tahu apakah yang telah dialami pesakit sehingga mereka menderita kemurungan. Maka dengan itu siapalah kita untuk menghakimi. Kita seharusnya menghormati dan bersimpati dengan keadaan mereka. Katakan kepada mereka bahawa mereka tidak keseorangan dan mereka boleh pulih jika tidak berputus asa. Bersedia untuk mendengar dan berkongsi pendapat. Setiap yang berlaku pasti ada hikmahnya. Semoga dengan sedikit dorongan daripada sahabat karib, keluarga dan orang sekeliling akan dapat memberi pesakit semangat seterusnya menyegerakan proses pemulihan. Berhenti menghukum dan melabel. Percayalah bahawa kita mampu melakukan perubahan.



*Gambar hiasan*

## TEKNIK MENYIMPAN DUIT DENGAN MUDAH

Rusnani binti Mohamad Khalid

Menyimpan duit bukanlah sesuatu perkara yang mudah. Pengurusan kewangan yang baik dan efektif adalah perlu bagi memastikan pengaliran wang keluar dan masuk teratur. Beberapa Teknik menyimpan duit boleh dipraktikkan untuk mendisplinkan diri menyimpan duit.

Teknik pertama ialah Teknik Tanpa Sedar. Teknik ini boleh digunakan oleh mereka yang bekerja untuk membuat potongan bulanan secara automatik ke akaun lain setelah gaji dikreditkan. Contohnya p potongan ke akaun Tabung Haji atau Amanah Saham Bumiputera (ASB). Dengan cara ini, tanpa sedar wang dalam simpanan akan bertambah bulan ke bulan.

Teknik kedua ialah Teknik Duit Unik. Teknik ini menarik kerana para penyimpan perlu mencari satu duit yang dianggap unik. Contohnya, penyimpan menganggap wang kertas RM1 sebagai unik. Pada setiap hari, selepas pulang dari kerja, segala duit unik perlu dimasukkan ke dalam tabung. Teknik ini menjadi seronok sekiranya suami atau isteri dan anak-anak menyimpan duit unik ini ke dalam satu tabung untuk bercuti, kecemasan atau simpanan masa hadapan.

Teknik seterusnya ialah Teknik Bantuan. Teknik bantuan ini adalah satu cara untuk menyimpan wang tunai secara berdisiplin. Teknik ini dilaksanakan dengan meminta bantuan dari ahli keluarga terdekat seperti ibu, bapa atau adik beradik untuk menyimpan wang secara bulanan. Dengan cara ini, penyimpan akan berdisiplin untuk memberi wang kepada ahli keluarga secara berkala untuk disimpan.

Teknik keempat ialah Teknik Paksa Rel. Teknik paksa rela ini bertujuan untuk menggalakkan penyimpan menyimpan duit secara bulanan. Sebagai contoh, peminjam membuat pinjaman ASB. Peminjam membuat pinjaman ASB tetapi wang itu digunakan untuk membuat pelaburan. Setiap peminjam akan menjadi disiplin untuk membayar pinjaman secara bulanan dan pada masa yang sama, peminjam akan mendapat dividen dari jumlah wang yang dilaburkan.

Teknik terakhir ialah Teknik Main Kutu. Teknik ini boleh digunakan dalam menyimpan duit secara berdisiplin. Teknik ini biasa dipraktikkan oleh masyarakat melayu dari dulu lagi. Dengan teknik ini, mereka yang bermain kutu akan mendapat sejumlah wang yang banyak dan mengikut giliran yang telah ditetapkan. Contohnya setiap pemain menyimpan RM100 selama sepuluh bulan. Ini bermakna mereka yang mendapat giliran pertama akan menerima wang tunai sebanyak RM1,000. Permainan kutu akan diteruskan sehingga sepuluh bulan sehingga semua giliran habis. Perlu diingatkan, permainan ini perlulah dimainkan dengan mereka yang dikenali dan rapat sahaja bagi mengelakkan penipuan.

Dengan menggunakan beberapa teknik yang disebut di atas, penyimpan dapat menyimpan duit dengan mudah tanpa rasa di paksa. Dengan cara ini, penyimpan akan menjadi disiplin dan wang pun dapat disimpan dengan mudah.



## PENGARUH DAN KESAN TELEFON PINTAR

Aishah Mahat, Siti Nurul Izah Musa, Putera Haikal Iskandar Syamsudin

Dasawarsa ini, negara kita mengalami pembangunan pesat sejajar dengan penciptaan dan pembaharuan teknologi yang serba canggih. Secara tidak langsung penggunaan teknologi telah menyumbang kepada 1001 faedah bagi masyarakat sekeliling. Antaranya ialah peningkatan dalam produktiviti apabila banyak kerja berjaya disiapkan dalam masa yang singkat. Namun, dalam menikmati kebaikan teknologi, turut wujud keburukan di sebalik penggunaannya. Contoh paling mudah dapat dilihat pada teknologi yang digunakan oleh hampir semua masyarakat dunia iaitu telefon bimbit yang kini lebih dikenali sebagai telefon pintar.

Antara kelebihan penggunaan telefon pintar adalah memudahkan proses pencarian maklumat. Hal ini demikian kerana telefon pintar bukan sahaja berfungsi sebagai alat perhubungan, ia turut dilengkapi dengan kebolehan untuk melayari internet serupa komputer. Kini, segala perkara dan maklumat yang diinginkan dapat diakses dalam sekelip mata sahaja, sekaligus memudahkan kerja seharian. Selain itu, penggunaan telefon pintar dapat melahirkan masyarakat yang serba tahu kerana segala maklumat yang diperlukan berada di hujung jari. Oleh sebab itu, penggunaan telefon pintar pada masa kini menjadi satu kemestian bagi kebanyakan individu dalam menjalankan tugas harian.



*Gambar hiasan*

Namun, mesti diingat bahawa teknologi ini dapat memberi impak negatif apabila disalahguna. Polemik mengenai gejala dan masalah yang berlaku pada anak-anak disebabkan oleh penggunaan telefon pintar yang berlebihan menimbulkan kerisauan terhadap ibu bapa. Antara kesan penggunaan teknologi ini ialah anak-anak menjadi malas melakukan tugas yang diberikan oleh guru kerana jawapan dapat diperolehi dengan mudah melalui akses internet. Malahan ada yang hanya 'copy & paste' secara bulat-bulat tanpa mengubah struktur informasi tersebut. Selain itu, keburukan dalam kalangan masyarakat adalah apabila ada aplikasi dalam telefon pintar yang sepatutnya memudahkan perhubungan antara individu disalahguna menjadi satu 'platform' untuk menyebarkan maklumat yang tidak benar. Lebih teruk lagi, informasi sebegitu tersebar dengan mudah walaupun tiada sebarang kesahihan dibuat. Hal ini dapat menjejaskan hubungan antara masyarakat dan mendatangkan pergaduhan antara mereka.



Tambahan pula, penggunaan telefon pintar juga melahirkan masyarakat yang kurang aktif dalam melakukan sesuatu perkara kerana terlalu bergantung pada mekanisme itu. Contohnya, kemampuan bersosial seseorang individu menjadi terbantut kerana kerap berhubung melalui aplikasi telefon sahaja. Ada juga yang menjadi malas untuk keluar rumah kerana segala barangan yang diperlukan boleh dipesan dan dihantar terus ke rumah melalui aplikasi telefon. Dengan ini, lahirlah masyarakat yang berpenyakit. Benarlah bahawa masyarakat seharusnya tidak seratus peratus bergantung pada alat semata-mata dalam apa jua pekerjaan. Oleh itu, masyarakat haruslah sedar dan mengehadkan kebergantungan pada telefon pintar serta bijak dalam menggunakannya.

## NUR KASIH CHARITY SHOP

Aishah Mahat, Maryam Haji Ahmad Shafie

Perniagaan pakaian atau barangan terpakai biasanya dipandang remeh oleh sesetengah pihak. Namun bagi Puan Hajah Maryam, perniagaan ini merupakan sumber dana utama untuk menampung keperluan harian 75 orang anak-anak yatim dan asnaf di Pertubuhan Kebajikan dan Pendidikan Nur Kasih.

Bermula sekitar lima tahun yang lalu, hanya sebuah pintu kedai pakaian terpakai dibina tetapi kini beliau memiliki sebanyak dua buah cawangan dan kedai pakaian tersebut dibesarkan sehingga menjadi tiga pintu. Idea bagi membuka perniagaan pakaian atau barangan terpakai ini terhasil apabila melihat lambakan pakaian yang dihantar oleh tetamu ke rumah anak yatim. Setiap kali tetamu yang datang menziarahi anak-anak yatim ini, mereka akan membawa pakaian terpakai. Sekiranya ditolak pemberian mereka, nanti dikatakan anak yatim ini memilih pula. Jika diterima, pakaian tersebut akan menjadi lambakan kerana kuantitinya terlalu banyak dan saiznya tidak menepati badan anak-anak yatim yang sedia ada di asrama tersebut. Akhirnya apabila terlalu banyak pakaian yang terkumpul, maka Puan Hajah Maryam selaku Pengurus Pertubuhan Kebajikan dan Pendidikan Nur Kasih terfikir ia perlu dimanfaatkan dengan membuka sebuah kedai pakaian terpakai.

Pengusaha kedai pakaian terpakai kebiasaannya perlu mengimport barang jualan mereka daripada negara luar seperti Jepun, Korea, Amerika Syarikat dan lain-lain. Namun uniknya operasi Nur Kasih Charity Shop, mereka tidak perlu membeli pakaian terpakai tersebut kerana ia diberi secara percuma oleh orang ramai. Kesemua pakaian yang dihantar ke Nur Kasih Charity Shop bukan sahaja dalam keadaan baik, malah ada yang berjenama dan boleh dijual semula dengan harga yang mahal. Buktinya pada peringkat awal pembukaan kedai ini, hasil jualan adalah sekitar RM50 hingga RM100 sehari tetapi kini mampu mencecah RM500 ke atas sehari.


Apabila semakin ramai yang mengenali dan mengetahui tentang kewujudan serta kelebihan Nur Kasih Charity Shop ini, mereka yang datang ke kedai tersebut bukan sahaja peruncit tetapi kebanyakan yang membeli adalah daripada pemborong-pemborong luar. Mereka membeli dengan harga borong dan menjualnya semula di pasar malam, pasar pagi, *car boot sale* dan ada yang membuka kedai pakaian terpakai di kampung-kampung. Secara tidak langsung, konsep menderma pakaian terpakai ini sangat memberi manfaat bukan sahaja kepada anak-anak yatim dan asnaf, malah ia membuka peluang perniagaan kepada para asnaf yang lain untuk mencari pendapatan bagi menjana kehidupan keluarga sendiri.

Pada Disember 2014, negeri Kelantan dilanda banjir kuning umpama tsunami. Hampir seluruh negeri di Malaysia menghantar pelbagai jenis bantuan termasuk pakaian terpakai. Kebanyakan ahli jawatankuasa masjid di Kelantan juga telah membuat pengumpulan pakaian serta tidak tahu ke mana pakaian tersebut perlu disalurkan. Rupa-rupanya semua pakaian tersebut adalah rezeki Nur Kasih Charity Shop. Bertalu-talu panggilan telefon diterima untuk mengambil pakaian yang mereka kumpulkan. Akhirnya sebanyak 20 tan pakaian terpakai dapat dikumpulkan pada waktu itu. Apa yang dibuat dengan pakaian sebanyak itu?

Pihak Nur Kasih Charity Shop menghubungi pelanggan mereka yang terdiri daripada pengusaha kedai pakaian terpakai supaya dapat memilih dan menjual pakaian yang diterima tersebut ke negara lain seperti Indonesia, Bangladesh dan India. Syarikat tersebut membeli dengan RM1.00 bagi setiap kilogram. Pada ketika itu, Nur Kasih Charity Shop dapat menjana pendapatan sebanyak hampir RM20,000.00. Walaupun banyak cabaran dan dugaan, namun ia menjadi sebuah kebanggaan kerana dengan ini ia dapat mengembangkan cabang perniagaan bagi Pertubuhan Kebajikan dan Pendidikan Nur Kasih.

Selama beberapa tahun berniaga, Nur Kasih Charity Shop mendapat banyak liputan daripada pelbagai pihak termasuk media cetak dan media massa. Hubungan baik dengan pihak media juga dapat membantu perniagaan agar lebih dikenali oleh masyarakat di luar. Sehingga kini Nur Kasih Charity Shop masih menerima pakaian terpakai yang dihantar oleh para penyumbang yang tidak dikenali serta datang dari segenap pelosok negara kerana kerana keyakinan mereka bahawa setiap daripada keuntungan jualan pakaian tersebut akan disalurkan kepada anak-anak yatim dan asnaf yang memerlukan sokongan dan bantuan di bawah Pertubuhan Kebajikan dan Pendidikan Nur Kasih.





**KARYA KREATIF**

## PENERBANGAN XX2121 YANG TIDAK MUNGKIN DAPAT KU LUPAKAN

Hening Subuh hari Jumaat tanggal 22hb November 2013, seperti biasa aku bangun awal untuk sujud kehadatNYA sebelum bersiap untuk tugas rasmi di luar kampus. Kira-kira jam 5.45 pagi lagi aku dijemput oleh pemandu di rumah dan sampai di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (LTAKK) kira-kira jam 6.15 pagi. Suasana hening dan sederhana sibuk di LTAKK merupakan fenomena biasa dan aku terus membuat pendaftaran penerbangan pergi dan balik menggunakan mesin kiosk yang disediakan. Maklumlah tugas rasmi ini merupakan program ramah mesra pelajar Mengubah Destinasi Anak Bangsa (MDAB) UiTM Tawau bersama penyelarasan yang dijadual berlangsung sebelah petang.

Setelah mendapat pas masuk, aku terus menuju masuk ke dewan pelepasan A4. Kira-kira jam 6.50 pagi, pengumuman keberangkatan XX2121 menuju ke Tawau dibuat. Hatiku berasa sangat bersyukur disebabkan waktu pelepasannya tepat seperti yang dijadualkan. Aku melangkah masuk seperti biasa dan duduk di sebelah kanan pesawat tepi tingkap kerusi bernombor 17F. Suasana riuh semasa proses mengambil tempat duduk para penumpang adalah lumrah dan tidak lama selepas demonstrasi keselamatan dibuat, kapal terbang mula mengundur dan bergerak menuju ke landasan pelepasan.

Aku masih teringat sebelum penerbangan dibuat, juruterbang sempat membuat ujian beberapa kali mengembungkan sayap yang aku faham benar ia adalah prosedur biasa. Namun yang sedikit pelik, semasa diuji ia mengeluarkan bunyi yang sedikit kuat daripada kebiasaannya. Aku terus teruja untuk menikmati penerbangan ini, dan mengikut pengumuman oleh ketua paramugara "...penerbangan ini akan memakan masa kira-kira 40 minit..." untuk sampai ke Tawau. Kapal terbang terus memecut laju untuk berlepas dan tidak lama selepas itu, kami telah berada di udara bagi menikmati pemandangan waktu pagi yang amat indah. Sebaik isyarat tali pinggang keledar dimatikan, kapal terbang terus bergerak seperti biasa.

Kira-kira 20 minit kemudian, aku mula berasa hairan kerana kapal terbang ini seolah-olah hanya berlegar-legar di kawasan yang sama. Jelas melalui tingkap, aku terpandang pemandangan daratan yang sedikit kabur seakan-akan kawasan pantai di sekitar Kota Kinabalu. Hatiku terdetik, mungkinkah kapal terbang ini mengalami masalah dan akan berpatah balik? Sedang aku berteka-teki, tiba-tiba juruterbang dengan tenang (tanpa menunjukkan perasaan cemas) membuat pengumuman penting dalam bahasa Inggeris bermaksud: "Tuan-tuan dan puan-puan, untuk makluman para penumpang, penerbangan kita terpaksa berpatah balik ke LTAKK dan segala urusan selanjutnya akan diurus oleh staf kami yang telah dimaklumkan".

Sah sangkaanku sebelum ini, yang kapal terbang ini berpatah balik dan mendarat semula di LTAKK. Sebaik pengumuman dibuat, ia terus berlegar-legar dalam tempoh yang agak lama dan selanjutnya membuat pendaratan. Aku sempat menoleh pada para penumpang yang lain di sekelilingku. Raut muka mereka tampak kehairanan namun suasana sunyi sepi.

Sebaik pendaratan dibuat, kelihatan di hujung landasan tiga buah kereta bomba/penyelamat lapangan terbang telah bersiap sedia dengan nyalaan siren yang begitu menggusarkan. Allahuakhbar!!!, Allhuakhbar!!!, Allahuakhbar!!!, dan aku beristighfar berulang kali apabila tersedar bahawa pendaratan semula yang baru aku alami sebentar tadi rupa-rupanya adalah berstatus 'kecemasan'. Setelah kapal terbang selesai mendarat, ketua paramugara terus membuat pengumuman yang mengarahkan semua penumpang keluar meninggalkan kapal terbang dengan segera atas masalah mekanikal.



Aku dan para penumpang lain terus meninggalkan kapal terbang dengan membawa satu pengalaman iktibar yang tidak pernah aku alami sepanjang 18 tahun menaiki penerbangan sama ada untuk tujuan rasmi mahupun atas urusan peribadi. Namun apabila aku berfikir semula, aku amat bersyukur kehadiranMU Ya Allah, atas keselamatan yang KAU kurniakan khususnya kepadaku dan keluargaku selama ini. Aku sentiasa berdoa agar aku, keluargaku, dan rakan-rakan sejawatku dijauhkan daripada ditimpa kemalangan udara yang pastinya jika berlaku akan menjadi sejarah hitam bagiku buat selama-lamanya. *Na'huzubillahhi min zalik.*

Nukilan: Prof. Madya Dr. Zamali Haji Tamudi

## KESEMPITAN HIDUP BUKANLAH JAMBATAN KEGAGALAN

Nasuhah (bukan nama sebenar) merupakan seorang pelajar yang berasal daripada keluarga yang sangat miskin. Mereka sekeluarga tinggal bersama dalam sebuah rumah usang. Nasuhah ialah anak sulung daripada tiga orang adik-beradik. Ayahnya bekerja sebagai seorang buruh pada waktu pagi dan sebagai pengawal keselamatan pada waktu malam untuk menambah pendapatan keluarga yang tidak seberapa. Ibu Nasuhah pula seorang suri rumah yang menjual nasi lemak sebagai pendapatan sampingan. Gaji ayah Nasuhah tidak cukup untuk menampung semua keperluan keluarga mereka. Walaupun mengalami kesempitan hidup, Nasuhah faham akan keadaan keluarganya. Dia bertekad mengubah nasib mereka dengan belajar bersungguh-sungguh untuk memperoleh keputusan cemerlang dalam pelajaran bagi membolehkannya mendapat pekerjaan yang baik kelak.

Selepas tamatnya peperiksaan SPM, Nasuhah bekerja sebagai pelayan di sebuah restoran di samping membantu ibunya menjual nasi lemak berdekatan dengan sekolah adiknya. Duit gaji yang diperoleh disimpan untuk kegunaan pada masa hadapan. Alhamdulillah, berkat usaha dan doa daripada ibu bapa, Nasuhah memperoleh keputusan SPM yang sangat memuaskan. Pada pertengahan Julai 2018, Nasuhah mendapat tawaran untuk menyambung pelajaran dalam bidang Perniagaan dan Pengangkutan di UiTM Johor Kampus Pasir Gudang. Dia sangat gembira apabila mendapat tawaran tersebut tetapi pada masa yang sama dia risau akan keadaan keluarganya nanti. Permohonan Nasuhah untuk mendapatkan bantuan daripada zakat tidak dapat diluluskan atas sebab-sebab tertentu. Namun, Nasuhah reda dan tabah menghadapi ujian yang dihadapinya.

Pada 7 Julai 2018, hari yang menandakan permulaan hidup sebagai seorang mahasiswi telah tiba. Nasuhah kelihatan ayu memakai baju kurung bercorakkan bunga-bunga kecil pada hari pendaftarannya di universiti. Sebelum keluarganya pulang, ayah Nasuhah ada berpesan bahawa mereka tidak mampu datang mengambil Nasuhah pada waktu cuti panjang kerana pendapatan keluarga mereka hanyalah cukup-cukup sahaja. Apatah lagi Nasuhah sudah mula menyambung pelajaran di universiti, mesti lagi banyak duit yang perlu digunakan. Memahami perasaan ayahnya pada waktu itu, Nasuhah segera mengatakan dia faham akan kesukaran yang dihadapi mereka dan tiada masalah untuk tinggal di kampus sepanjang cuti. Nasuhah kucup pipi ibu dan ayahnya sebelum mereka pulang. Dia turut berpesan pada adik-adiknya supaya menjaga kedua ibu bapa mereka dengan baik serta menumpu sepenuh perhatian dalam pelajaran. Lambaian diikuti lambaian dilemparkan hinggalah keluarga Nasuhah hilang dari pandangan. Pada masa itu juga, Nasuhah bertekad akan belajar dengan rajin agar nasib keluarganya akan berubah pada suatu hari nanti. Itulah janji Nasuhah pada diri sendiri.

Sepanjang masa Nasuhah di universiti, tidak pernah dia lupa akan keluarganya. Setiap hari Nasuhah akan menelefon ibu dan ayahnya untuk menanyakan khabar mereka sekeluarga. Pernah juga ibunya mengadu bahawa mereka sekeluarga hanya makan nasi dan telur kerana ayahnya sakit dan tidak mampu bekerja buat sementara waktu. Duit yang diperoleh Nasuhah ketika dia bekerja digunakan sebaik mungkin untuk membeli buku pelajaran serta perbelanjaan seharian. Nasuhah juga pernah makan hanya sekali sehari. Alhamdulillah, Nasuhah dikurniakan kawan-kawan yang memahami. Sering kali Nasuhah menerima duit daripada kawannya untuk membeli makanan.

Pada suatu hari, Nasuhah dipanggil oleh pensyarahnya ke bilik pensyarah itu dan diminta untuk membayar duit buku secepat mungkin. Nasuhah berfikir sejenak. Jika dia membayar duit buku itu yang berharga RM50, apa yang dia boleh makan nanti? Lalu Nasuhah bertanya sama ada dia dapat membayar buku tersebut secara ansuran. Tergamam seketika pensyarah tersebut sebelum terus bertanya mengenai masalah yang dihadapi pelajarinya itu. Nasuhah pun berterus terang mengenai masalah kewangan yang dihadapinya. Duit belanja yang Nasuhah terima daripada keluarganya hanyalah sebanyak RM100 sebulan. Setiap hari dia terpaksa ikat perut untuk membeli makanan. Apabila kawan-kawannya mengajak dia keluar, Nasuhah hanya mampu senyum dan menggeleng kepala.

Setibanya cuti semester, Nasuhah tidak bercadang untuk kembali ke rumah kerana tidak mempunyai duit yang cukup untuk membiayai perjalanan pulang. Walaupun Nasuhah amat merindui keluarganya, dia sedar bahawa situasi kewangan tidak menyebelahnya. Oleh itu, dia hanya mampu menerima dugaan itu dengan hati terbuka. Waktu malam sudah menjelma. Kelihatan Nasuhah seorang diri di dalam bilik. Semua kawannya sudah pulang ke rumah masing-masing. Sedang Nasuhah baring di katil, dia tiba-tiba terfikir untuk mencari kerja sampingan sementara cuti semester berlangsung supaya dapat menambah duit poketnya. Sekiranya dia bekerja di luar UiTM, kos pengangkutan untuk ke tempat kerja sudah pasti agak banyak dan tambah menyukarkan keadaannya. Oleh itu, dia mengambil inisiatif untuk mencari kerja di atas talian.

Hasil cariannya, Nasuhah terjumpa satu iklan mengenai pencarian ejen 'dropship'. Dropship? Apakah itu dropship? Perasaan ingin tahu dalam diri Nasuhah mendorongnya untuk terus menghantar mesej kepada nombor yang terpampang di iklan tersebut. Setelah menanyakan beberapa soalan, akhirnya Nasuhah faham bahawa dropship ialah sejenis "supply chain management" yang hanya memerlukan Nasuhah untuk mengiklankan barang untuk dijual dan mencari pelanggan.

Nasuhah segera membuat akaun “Instagram” dan “Twitter” untuk menjadi platform baginya mengiklankan barang yang akan dijual. Tidak semudah yang disangka, kerja sebagai dropship ini memerlukan kesabaran yang tinggi serta sukar menarik pelanggan. Kebanyakan pelanggan hanya akan bertanya beberapa soalan dan kemudian mendiamkan diri. Sudah beberapa hari Nasuhah menjadi ejen dropship tapi dia tidak mendapat seorang pelanggan pun. Namun begitu, dia tetap sabar dan tawakal sepanjang menjalankan kerjanya. Alhamdulillah, berkat kesabaran Nasuhah, dia Berjaya memperoleh seorang pelanggan. Beberapa bulan kemudian, perkhidmatan Nasuhah sebagai agen dropship semakin dikenali oleh orang ramai. Nasuhah akhirnya berjaya memperoleh pendapatan sampingan yang agak lumayan, cukuplah untuk perbelanjaannya di universiti.

Kini, hidup Nasuhah lebih senang dan tidaklah seperti dahulu. Masalah kewangan yang dihadapi olehnya dapat dikurangkan hasil kesabaran dan ketekunannya. Janji Nasuhah untuk mengubah nasib keluarganya kini semakin hampir tercapai. Nasuhah yakin dan percaya, dengan usaha yang tidak pernah kenal erti penat, insya-Allah akan dipermudah segalanya.

Nukilan: Ahmad Khudzairi Khalid



## Titipan Buat Anak Didikku

Kau ke sini dengan seribu impian  
Punya misi menggapai cita murni  
Segunung harapan orang tua tersandar di  
bahu

Untuk melihat kau dewasa  
Menjadi kuntuman cempaka  
yang menghiasi serata taman

Raihlah selaut pengetahuan ini  
Buat menerangi hatimu  
Capailah tanganku agar dapat kuhulurkan  
pengertian  
Agar kau tidak tersesat nanti di penghujung  
jalan

Andai kau jatuh di pertengahan jalan  
Jangan pernah menyerah  
Bangkit dan susunlah langkah  
Teruskan mencorak masa depan  
Walau terpaksa menghirup kepahitan

Aku tidak minta untuk dihargai  
Aku tidak minta untuk diingati  
Ini cuma sebuah tanggungjawab  
yang harus kupikul penuh ikhlas  
Biar kau jadi orang cemerlang  
Punya akhlak dan pekerti yang kubanggakan

Cekalkan hatimu  
Teruskan berjuang  
Jika bukan cahaya mentari yang menyapa  
Pasti ada pelangi indah menantimu

Nukilan: Azlina binti Jumadi

## Dari Sinar Mata Itu

Dari sinar mata itu  
Tertanam seribu perasaan  
Tergambar seribu persoalan  
Tersembunyi seribu jawapan

Dari sinar mata itu  
Ku melihat besarnya pengharapan  
Ku melihat tingginya angan – angan  
Ku bersaksi beratnya pengorbanan

Dari sinar mata itu  
Ku selusuri liku harapan yang hancur  
Ku lewati perit jiwa yang punah  
Ku mengerti pahit penantian yang tidak kunjung  
tiba  
ku fahami erti kekecewaan

Dari sinar mata itu  
Ku akur jalan ditentukan  
Ku pelajari apa itu kehidupan  
Ku sisip tiap pengalaman  
Ku hadam setiap pengajaran  
Membina perisai menepis ulangan

Nukilan: CT Munnirah Niesha binti Mohd Shafee

## TELEFON PINTAR

Telefon pintar  
Perantara dunia digital dan nyata  
Teknologi direka terbaik fungsinya  
Bukti kejayaan kecerdasan manusia

Telefon pintar  
Pantas berevolusi saling menyaingi  
Teknologi terkini muncul setiap hari  
Mencetus kegiaan aplikasi terkini

Telefon pintar  
Satu peranti pelbagai fungsi  
Bukan sekadar saluran komunikasi  
Kini pengganti dompet, kamera dan diari

Telefon pintar  
Membeli belah semakin mudah  
Tak perlu keluar bersusah payah  
Pesanan terus sampai ke rumah

Telefon pintar  
Galerinya sarat foto terkini  
Ber"wefie", "selfie" dan OOTD setiap hari  
Muatnaik di Instagram dan FB minta dipuji

Nukilan: Harshida Hasmy

Telefon pintar  
Digenggam ditatap sepanjang masa  
Hingga insan rapat mula terasa  
Apakah mereka tidak lagi istimewa

Telefon pintar  
Wujudnya juga membawa mudarat  
Diguna tak kira waktu dan tempat  
Tanpa disedari keselamatan tergugat

Telefon pintar  
Sumber utama mencari ilmu  
Tanpa perlu berjumpa guru  
Hasilnya muncullah pakar penipu

Telefon pintar  
Pantang berenggang walau sesaat  
Memberi mudarat kepada umat  
Hingga terabai saat rehat dan berkat

Telefon pintar  
Ideologi kewujudanmu menyebarkan kebaikan  
Namun begitu jangan disalahgunakan  
Demi kegemilangan masa depan yang dicita-citakan



# ***FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT***

## PROFIL KETUA PUSAT PENGAJIAN



**PUAN NURHAFIZAH AZIZAN**

*“Menulis itu tidak hanya sekadar mencoret kata-kata, bahkan ia mampu menterjemahkan ilmu yang dimiliki oleh si penulis.*”

*Bait-bait yang terhasil dari penulisan itu mampu melahirkan masyarakat yang berpengetahuan”*

*“Preserving the Past, Valuing the Present, Enriching the Future”*



## **PROFIL PENULIS-PENULIS**

### **Laporan Aktiviti Jabatan dan Pensyarah**

Siti Nuur-Ila Mat Kamal  
Mohd Zul-Azmi Ishak  
Suhaila Osman  
Nor Ezan Omar  
Ahmad Fuzi Md Ajis  
Rohayu Ahmad  
Nor Diana Abdul Rahman

### **Karya Akademik dan Umum**

Muhammad Asyraf Wahi Anuar  
Nurhafizah Azizan  
Ahmad Fuzi Md Ajis  
Siti Hajar Baharin  
Isma Ishak  
Nor Diana Abdul Rahman

### **Karya Kreatif**

Siti Noorsiah Jamaluddin  
Azura A.Jamil @ Kamarudzzaman  
Rabiatul Adawiyah Kamarulzaman  
Muhamad Ismail Pahmi  
Rohayu Ahmad  
Nor Rashidah Mohammad



**LAPORAN AKTIVITI  
JABATAN DAN  
PENSYARAH**

# FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT PELIHARA SENI DAN WARISAN JOHOR

Oleh:

**Siti Nuur-Ila Mat Kamal, Pensyarah Kanan  
& Mohd Zul-Azmi Ishak, Pensyarah Kanan**

Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM Cawangan Johor telah mengadakan Majlis Pengkisahan Sejarah Seni dan Warisan Johor pada 12 Mei 2019 yang memfokuskan kepada wacana Seni Ukiran dan Pembuatan. Ianya merupakan susulan dari program rakaman temubual sejarah lisan bersama dua orang tokoh Seni Ukiran dan Pembuatan iaitu, En. Zulkarin bin Hj. Esa yang merupakan seorang pembuat dan pemain gasing di Negeri Johor dan En. Azah @ Azahari bin Abd Jamal, pemilik Syarikat Warisan Kayu Labis.

Tujuan majlis adalah untuk berkongsi cerita dan pengetahuan tokoh mengenai asal usul serta keindahan seni ukiran kayu dan pembuatan gasing yang merupakan sebahagian daripada kehebatan seni dan warisan di negeri Johor ini agar dapat diketahui dan dihayati oleh warga UiTM Cawangan Johor khususnya. Sepanjang majlis tersebut, setiap tokoh telah berkongsi mengenai latar belakang dan pengalaman mereka didalam bidang seni pembuatan gasing dan seni ukiran kayu. Perasmian oleh Ybhg. Prof. Madya Dr. Ahmad Naqiyuddin Bakar selaku Rektor UiTM Cawangan Johor disusuli dengan penyerahan senaskah buku bertajuk "Secebis Memori: Perjalanan UiTM Segamat" yang dihasilkan oleh dua orang pensyarah Fakulti Pengurusan Maklumat iaitu Puan Siti Nur Ila Mat Kamal dan En. Mohd Zul-Azmi Ishak.



Kandungan buku ini diterjemahkan di dalam bentuk diskripsi berdasarkan format Arkib Negara Malaysia.

Melalui pendiskripsian bahan-bahan arkib UiTM Cawangan Johor, ianya memaparkan informasi mengenai sejarah kewujudan ITM di Daerah Segamat bermula tahun 1983 hingga terbinanya kampus tetap pada tahun 1990. Buku ini juga memperlihatkan wajah-wajah serta maklumat ketua pentadbir UiTM Cawangan Johor terdahulu yang bermula dengan gelaran Pengetua, Provos dan Pengarah Kampus dan terkini menggunakan gelaran Rektor. Pelaksanaan program ini adalah sebahagian inisiatif membangunkan warga UiTM yang celik sejarah serta warisan.

# DESTINI KEMBARA BERSAMA ANAK BANGSA FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

Oleh:

*Suhaila binti Osman, Pensyarah Kanan*

Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA (UiTM) adalah perintis dalam menyediakan tenaga profesional pengurusan maklumat untuk pembangunan negara dan mendukung Wawasan 2020 dalam mendidik bumiputera untuk menjadi profesional maklumat yang berkualiti, berdaya saing, kreatif dan proaktif yang menjurus kepada tiga bidang utama iaitu pengurusan maklumat, pengurusan perpustakaan dan pengurusan rekod.

Tanggal 30 Julai 2018 merupakan satu tarikh yang amat bermakna bagi warga Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Johor kerana buat julung kalinya pihak fakulti berjaya menganjurkan Program Pengantarabangsaan dan Kerjasama Industri yang melibatkan dua negara, iaitu Malaysia dan Indonesia. Pemilihan Indonesia sebagai destinasi lawatan adalah tepat kerana negara ini mempunyai ciri-ciri budaya yang hampir sama dengan Malaysia, bahkan faktor lokasi Indonesia yang hampir dengan Malaysia dan kos perbelanjaan yang lebih murah berbanding dengan negara lain.

Program yang berjalan selama 4 hari 3 malam ini dikelolakan oleh Puan Suhaila binti Osman selaku penasihat program dan melibatkan beberapa orang pensyarah fakulti yang lain seperti Encik Muhammad Asyraf bin Wahi Anuar selaku Ketua Pusat Pengajian, Encik Mohd Zul-Azmi bin Ishak, Encik Ahmad Fuzi bin Ajis dan Puan Siti Hajar binti Baharin.

Program yang berunsurkan kepada lawatan akademik ini telah pun dijalankan pada 30 Julai hingga 2 Ogos 2018 dan bertempat di dua daerah yang berbeza di Indonesia iaitu Jakarta dan Bandung. Antara tempat yang dilawati adalah Universitas Indonesia, Arsip Nasional Republik Indonesia (ANRI) dan Goethe-Institut Bandung, Indonesia.

Perbincangan di Universitas Indonesia berjaya menyatukan perkongsian idea yang bernas di kalangan tenaga pengajar. Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah sesi dialog bersama mahasiswa dan mahasiswi dari UiTM dan mahasiswa dan mahasiswi dari Universitas Indonesia yang mempelajari bidang yang sama. Selain itu, ia turut memberikan pendedahan terbuka kepada mahasiswa dan mahasiswi untuk berinteraksi secara global iaitu ke arah pengantarabangsaan, melalui aktiviti yang berfaedah dan berimpak tinggi untuk diadaptasikan ke dalam diri pelajar bumiputera UiTM.



Selain itu, ia turut memberikan pendedahan terbuka kepada mahasiswa dan mahasiswi untuk berinteraksi secara global iaitu ke arah pengantarabangsaan, melalui aktiviti yang berfaedah dan berimpak tinggi untuk diadaptasikan ke dalam diri pelajar bumiputera UiTM. Pengalaman melihat bagaimana Arsip Nasional Republik Indonesia (ANRI) membuat pendeskripsian rekod juga merupakan satu ilmu yang bermanfaat kepada peserta program ini.



Lawatan ini diteruskan ke lokasi terakhir iaitu di Goethe-Institut Bandung di mana peserta telah didedahkan dengan cara pengurusan perpustakaan yang berkonsepkan moden dan terkini melalui penggunaan aplikasi yang canggih dalam pencarian bahan koleksi bahan yang terdapat di perpustakaan.

Pengisian program ini sungguh bermanfaat kepada warga fakulti kerana ia bukan sahaja dapat mencorak langkah para mahasiswa dan mahasiswi untuk menjadi individu yang lebih matang, berkebolehan dan berketerampilan, malah ia juga dapat menonjolkan mahasiswa dan mahasiswi sebagai produk UiTM yang berkualiti dari pelbagai sudut, sejajar dengan matlamat membina modal insan yang cemerlang. Interaksi sosial yang akan diadakan di antara mahasiswa dan mahasiswi di Indonesia serta masyarakat di sana telah memberikan impak berharga kepada mereka di samping bertukar idea dan pandangan.



## BENGGKEL AKHBAR PLATFORM VISIBILITI

Oleh:

Siti Nuur-Ila Mat Kamal, Pensyarah Kanan

Bersandarkan kepada inisiatif kedua yang digariskan oleh Rektor UiTM Cawangan Johor, “Bengkel Akhbar Platform Visibiliti” telah diadakan pada 19 Jun 2019 yang lalu. Seramai 22 orang peserta telah hadir bagi mendapatkan ilmu berkenaan teknik penulisan akhbar yang bermanfaat.

Perkongsian pengetahuan ini telah dibuat oleh penceramah jemputan yang berpengalaman iaitu Pn. Suhana bt Mohamed, Pensyarah Fakulti Pengurusan Perniagaan dari UiTM Johor Kampus Pasir Gudang.

Sehingga tarikh laporan ini ditulis, sebanyak 35 artikel akhbar dihasilkan oleh peserta-peserta bengkel telah dipilih oleh pihak pengarang akhbar tempatan dan berjaya diterbitkan ke pelbagai ruangan. Pencapaian ini dilihat sebagai kejayaan besar bagi pihak Fakulti Pengurusan Maklumat dalam bekerjasama memainkan peranan bagi mendokong salah satu Inisiatif Rektor 2018 iaitu “Penulis Tamu”.



Kejayaan dari bengkel ini juga dilihat sebagai usaha yang menyumbang kepada peningkatan jumlah penglibatan pensyarah di UiTM Cawangan Johor di dalam aktiviti penulisan dalam platform yang lebih santai iaitu melalui saluran akhbar. Lebih membanggakan, pencapaian ini telah mendapat perhatian pihak pengurusan UiTM Johor.

Penghasilan artikel akhbar dari peserta-peserta Bengkel Akhbar Platform Visibiliti secara tidak langsung diharap menjadi motivasi serta dorongan kepada bukan sahaja kelompok rakan pensyarah malahan juga kepada kumpulan kakitangan sokongan universiti bagi sama-sama merencanakan budaya “kongsi ilmu” ini untuk manfaat semua kelompok masyarakat.



## LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH, UTHM & GALERI DATO' ONN

Oleh:

Nor Ezan bin Omar, Pensyarah Kanan,

Apabila seorang pensyarah berkuliah, ada masanya ia akan terfikir samada anak didik yang berada dihadapannya benar-benar dapat menerima apa yang dinyatakannya. Menyedari pentingnya keseimbangan antara mendengar dan melihat sesuatu itu secara praktik, pelajar semester dua pengurusan rekod, Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat berpeluang untuk melawat ke Perpustakaan Tunku Tun Aminah, UTHM dan Galeri Dato' Onn yang terletak di Batu Pahat, Johor.

Lawatan yang dilaksanakan pada 22 April 2019 adalah bertujuan untuk mendedahkan pelajar bagaimana sesebuah organisasi yang terlibat dengan pengumpulan bahan maklumat mengurus bahan-bahan maklumat tersebut agar ianya dapat digunakan dan dinikmati oleh masyarakat.



Sepanjang lawatan di Perpustakaan Tunku Tun Aminah pelajar terbabit telah dibawa melawat ke setiap bahagian dan diberi penerangan akan kerja-kerja yang dilaksanakan oleh setiap bahagian. Sementara lawatan di Galeri Dato' Onn pula pelajar bukan sahaja mendapat pendedahan bagaimana setiap bahan yang dipamerkan diperolehi, bahkan juga meliputi proses bagaimana bahan direkod dan dibaik pulih sebelum ianya dipamerkan kepada umum.

Lawatan sebegini sebenarnya adalah amat penting kerana ia dapat juga meningkatkan motivasi, komitmen, kesedaran, serta memupuk rasa tanggungjawab dan kerjasama dikalangan pelajar dan pembelajaran mereka. Pensyarah yang melaksanakan tanggungjawab akan sentiasa mencari ruang bagi tujuan menambah kefahaman anak didik, dan salah satu cara yang mudah dengan membawa pelajar terbabit melihat sendiri proses kerja yang perlu dilaksanakan, kerana mendengar dan melaksana secara praktik akan memberi pemahaman dan meningkatkan pencapaian.



## INFORMATION FESTIVAL (INFOFEST)

Oleh:

Ahmad Fuzi bin Mad Ajis, Pensyarah Kanan  
Rohayu binti Ahmad, Pensyarah Kanan

Program INFOFEST merupakan hasil usaha Information Management Society (IMS) bagi memperkenalkan persatuan ini kepada seluruh warga UiTM Johor. Ia berlangsung selama 5 hari iaitu pada 20 sehingga 24 April 2019 di Dataran Seri Bendahara, UiTM Cawangan Johor. Selain itu juga bertujuan bagi mempromosikan aktiviti-aktiviti IMS. Antara aktiviti utama INFOFEST adalah terdiri daripada Night Market, Pertandingan E-Sport: PUBG, Streets Showdown, Spicy Ramen Challenge, What's The Number dan IMS Fun Run.



Hampir 700 orang pelajar dan warga UiTM hadir bagi memeriahkan semua aktiviti di sepanjang INFOFEST. Staf UiTM juga tidak melepaskan peluang untuk menyertai aktiviti-aktiviti di sepanjang INFOFEST seperti IMS Fun Run dan What's The Number. Pelancaran Laman Sesawang 'IMS MALL' telah berlangsung dan dirasmikan oleh Prof Madya Dr. Saunah binti Zainun pada, Timbalan Rektor (Bahagian Jaringan dan Industri) pada 21 April 2019 bertempat di Dataran Seri Bendahara, UiTM Cawangan Johor.



Aerobic – IMS Fun Run



e-Sport: PUBG Tournament

## INVENTION YOUR IDEA

Oleh:

Nor Diana binti Abdul Rahman, Pensyarah Kanan

**B**ersempena dengan Week Without Wall (WWW), Fakulti Pengurusan Maklumat telah menganjurkan pertandingan Invention Your Idea pada 21 April 2019 di PTDI 1 bermula jam 9.00 pagi hingga 1.00 tengahari. Pertandingan yang berkonsepkan kitar semula, kreativiti dan inovasi ini telah menerima sambutan yang sangat menggalakkan dimana ianya telah disertai oleh 18 kumpulan dari pelajar diploma dan ijazah Fakulti Pengurusan Maklumat.

Pertandingan ini memerlukan pelajar menggunakan bahan kitar semula yang berada di sekitar kampus untuk dijadikan sebagai produk yang bernilai. Melalui pertandingan ini, pelajar dapat meningkatkan potensi pemikiran kreatif di luar kotak dengan menghasilkan idea dan produk yang diluar jangkaan. Pertandingan ini telah diadili oleh 2 orang juri yang berkelayakan. Pemenang dibahagikan kepada 2 kategori iaitu kumpulan pelajar diploma dan kumpulan pelajar ijazah.

Semua kumpulan yang bertanding menerima sijil penyertaan. Manakala pemenang setiap kategori menerima wang tunai dan sijil penyertaan. Hadiah dan sijil telah disampaikan oleh Puan Nor Diana bte Abd. Rahman, selaku Ketua Projek WWW.

Pertandingan ini secara tidak langsung akan mewujudkan pelajar memiliki imaginasi kreatif yang boleh digunakan semasa sesi pembelajaran dan di alam pekerjaan nanti. Ianya juga mewujudkan toleransi dan sifat menerima yang terhasil dari persaingan yang sihat.



The background is a rich purple with a central glowing circle in shades of yellow, orange, and pink. This circle is framed by several concentric, white-outlined diamond shapes. The bottom of the image features a grid pattern that appears to be a 3D wireframe landscape with rolling hills. There are also some faint, star-like light effects scattered across the upper portion of the background.

**KARYA AKADEMIK  
DAN UMUM**

# RANGKA KERJA PENGATURCARAAN SUMBER TERBUKA CAKEPHP MAMPU MENGUBAH LANSKAP PEMBANGUNAN SISTEM MAKLUMAT

Oleh:

Muhammad Asyraf bin Wahi Anuar, Pensyarah Kanan

Terma pengaturcaraan bukanlah sesuatu yang asing dalam bidang pengurusan sistem maklumat kerana ianya telah menjadi satu set kemahiran yang wajib ada bagi seseorang professional sistem maklumat. Penciptaan sistem maklumat merangkumi pengumpulan data, analisa keperluan, reka bentuk, penciptaan dan penyelenggaraan. Penciptaan sistem maklumat memerlukan satu jangka masa yang agak lama sekiranya pengaturcara tersebut menggunakan kaedah pembangunan tradisional tanpa bantuan rangka kerja pengaturcaraan. CakePHP merupakan sebuah rangka kerja pengaturcaraan yang komprehensif dengan enjin penjanaan Create-Read-Update-Delete (CRUD) yang menjadikan proses pembangunan sistem maklumat menjadi lebih cepat dan mudah. Penggunaan kerangka kerja pengaturcaraan CakePHP dalam pembangunan sistem maklumat juga mampu mewujudkan kemudahan dalam proses pengurusan kod serta sumber pengaturcaraan.

Menggunakan konsep Model-View-Controller (MVC), CakePHP lebih mudah untuk diselenggara dan sesuai dengan konsep menyokong IR4.0 yang memerlukan integrasi diantara sistem maklumat. Secara amnya, proses pembangunan sistem maklumat dapat dilakukan dalam masa yang singkat dan memerlukan kemahiran pengaturcaraan yang minima. Penggunaan kerangka CakePHP juga mampu menjimatkan sumber organisasi terutamanya dalam isu pembeli lesen aplikasi dan penyelenggaraan. Dalam era IR4.0, pengabungan diantara beberapa sistem maklumat adalah amat digalakkan yang juga bertujuan untuk perkongsian data yang lebih baik dan tepat.

Berteraskan kerangka pembangunan sistem maklumat CakePHP, ianya mampu mengubah lanskap pembangunan sistem maklumat kerana ianya mengabungkan pelbagai komponen serta modul seperti tema Bootstrap, jQuery, terjemahan, caching, pengesahan, jejak audit, retention, semak semula, statistik dan pelbagai modul lain. Keselamatan aplikasi juga terjamin kerana kerangka ini telah dilengkapi modul keselamatan dan perlindungan data dan serangan siber.



Dengan perkembangan teknologi serta ilmu pengetahuan, ianya tidak mustahil sekiranya mereka yang tidak mempunyai pengalaman dalam pembangunan sistem mampu untuk mencipta aplikasi sistem maklumat mereka sendiri dengan menggunakan kerangka seperti ini kerana komuniti sumber terbuka, sentiasa mengemaskini kerangka tersebut supaya ianya menjadi lebih baik dan mesra pengguna. Kerangka pengaturcaraan sumber terbuka mempunyai potensi yang tinggi dalam penciptaan ilmu dan pengembangan idea terutamanya dalam meningkatkan kecemerlangan operasi organisasi.

# TERAPI MELALUI IQRA'

Oleh:

Nurhafizah binti Azizan, Pensyarah Kanan

## **IQRA'...**

Bacalah.... Membaca merupakan keperluan literasi setiap individu dalam memperolehi ilmu bagi mendepani cabaran pada dekad ini. Maklumat yang digarap melalui pembacaan mampu menterjemahkan minda seseorang melalui penampilan, cara berfikir dan karisma yang dimiliki. Melalui tanda tagar #MalaysiaMembaca yang dilancarkan oleh Dr. Maszlee Malik bagi menggerakkan kempen untuk mewujudkan Dekad Membaca 2030 di Malaysia, ianya dilihat sebagai satu usaha yang harus disertai oleh semua lapisan masyarakat. Amnya, membaca dilihat sebagai sekadar keperluan dalam menambah maklumat bagi memenuhi keperluan tugasan. Namun begitu, adakah dengan membaca kita sedar bahawa ianya dapat memberikan kesan terapi kepada minda dan jiwa? Jawapannya, tepuklah minda peganglah jiwa.



Disaat sedang kusut dalam melayani masalah dunia tanpa ada jawapan, berbalik lah pada kitab Al-Quran kerana melaluinya bacaan kalam quran akan mempunyai kesan terapi seperti yang telah dijanjikan melalui surah Al-Israa Ayat 82 "Dan Kami turunkan dengan beransur-ansur dari Al-Quran Ayat-ayat Suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepadanya; dan (sebaliknya) Al-Quran tidak menambahkan orang-orang yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian jua."

**S**udah semestinya melalui strategi bacaan ini akan ditemui ketenangan dalam mencari jawapan bagi permasalahan yang dihadapi.

Namun, seandainya tidak mampu untuk memahami terjemahan ayat-ayat Al Quran secara langsung, alternatifnya, carilah bahan bacaan yang bercorak motivasi yang mengandungi petikan ayat-ayat Al-Quran yang dapat memberikan kuasa terapi. Atau, berdampinglah dengan bahan bacaan yang dirasai mempunyai jiwa bagi individu tersebut seperti novel atau komik. Maka, sudah tentu ianya adalah terapi yang juga dikenali sebagai BIBLIOTERAPI.

Biblioterapi adalah kaedah yang telah digunakan sejak zaman Yunani Kuno lagi dan diperkembangkan pada abad ke 19 apabila kaunselor dan pustakawan berkolaborasi menerbitkan kompilasi bahan penulisan bercorak terapeutik sebagai "preskripsi" kepada pengguna yang mengalami masalah jiwa dan emosi (Pardeck, 1994). Biblioterapi melalui terjemahan definisi dalam laman sesawang American Library Association (ALA) adalah penggunaan bahan bacaan terpilih secara terapeutik dalam bidang perubatan dan psikiatri ; atau bimbingan dalam menyelesaikan masalah peribadi melalui pembacaan.

Melalui kaedah ini, stress juga dapat dirawat melalui pemilihan buku yang tepat dan membantu kepada penurunan depresi yang dialami masyarakat pada hari ini. Secara tidak langsung, dapatlah disemarakkan budaya iqra' dalam mendepani cabaran dan masalah secara analitik dan kritis dengan kaedah terapi melalui Iqra' atau biblioterapi.

# GOOGLE, PENGURUSAN MAKLUMAT DAN KEHIDUPAN

Oleh:  
Ahmad Fuzi Md Ajis, Pensyarah Kanan

Pada zaman penuh kecanggihan dan kemodenan, penglibatan manusia dalam pemrosesan dan kebergantungan kepada maklumat dipandang semakin genting dan berat. Kendatipun tujuan dan objektifnya, maklumat diperlukan pada setiap saat sehinggakan kehidupan seharian dirasakan hampir lumpuh dengan ketiadaan maklumat yang diperlukan. Namun begitu, penciptaan maklumat dan kegunaannya bukanlah direka-reka atau dicipta semata-mata demi memenuhi keperluan manusia. Kebergantungan manusia dan kehidupan telah wujud sejak peradaban awal manusia sehingga kini.


Berdasarkan sejarah, pengurusan awal maklumat berpaksi di perpustakaan atau “kutub khanah” yang mengumpul, mengklasifikasi dan menyediakan akses kepada maklumat berfizikal pada zaman dahulu. Kini, melalui evolusi zaman dan teknologi, pengumpulan dan pencarian maklumat tidak lagi bertumpu hanya di “kutub khanah” tetapi telah sampai ke hujung jari para pengguna maklumat.

Kejadian ledakan maklumat (information explosion), yang dahulunya mengambil masa untuk berlaku, akhirnya kini berlaku dengan sekelip mata hasil kewujudan Internet. “Kutub Khanah” yang dahulunya menjadi pelopor maklumat fizikal, kini telah dibantu oleh pelbagai pengurus maklumat terkemuka terutamanya Google.com.

Saban hari dan acap kali majoriti pengguna laman sesawang dan telefon mudah alih menggunakan Google sebagai satu enjin carian utama dalam pencarian apa jua bentuk maklumat tidak kira sama ada maklumat itu tepat mahupun tidak. Ia sebuah enjin carian maklumat yang telah wujud sejak 1998 dan menjadi pilihan ramai dengan ketepatan carian sebanyak 60%.

## Google hanyalah indeks?

Persoalannya, adakah Google menyimpan kesemua maklumat yang wujud di Internet? Tidakkah ia akan memerlukan storan yang besar? Sebenarnya, sebagai enjin carian, Google tidak menyimpan mana-mana laman sesawang di dalam storannya. Ia bertindak sebagai pengindeks yang akan menyenaraikan semua laman sesawang yang wujud di Internet. Sebagai analogi, sekiranya sebuah buku mempunyai indeks di muka surat akhirnya yang bertindak sebagai pencarian perkataan beserta muka surat, begitu jugalah Google berfungsi.



Setiap carian yang diproses hanyalah memaparkan senarai laman sesawang yang akan membawa pengguna ke laman sesawang tersebut menggunakan pautan yang disediakan oleh Google. Kehebatan Google yang mampu memberi berbilion hasil carian sentiasa menggembirakan si pencari maklumat. Malangnya, tidak semua hasil carian tersebut mampu dilihat dan digunakan kerana terbeban dengan terlalu banyak maklumat (information overload).



## **Google Pakar Pengurusan Maklumat**

Kini Google dianggap sebagai pakar pengurus maklumat dunia kerana mampu membenarkan seluruh dunia menikmati hasil carian maklumat tanpa henti bukan sahaja dengan menggunakan enjin carianya, tetapi juga dengan pelbagai produk dan aplikasi yang sangat mudah dan berkesan. Pengurusan maklumat yang diamalkan oleh Google kini bukan lagi berkisar terhadap pencarian maklumat semata-mata, tetapi juga terhadap seluruh kehidupan manusia tidak kira dari aspek pembelajaran, pekerjaan, hobi, lokasi, perniagaan, perkilangan, penerbangan, hiburan mahupun kewangan.

Dengan produk yang melebihi 100 buah produk, Google telah mengguguli keperluan seharian pengguna dengan mengurus maklumat menggunakan pelbagai aplikasi mudah alih yang boleh dimuat turun ke telefon mudah alih dan boleh digunakan dimana sahaja. Malahan, keperluan tersebut bukan sahaja untuk pengguna biasa tetapi juga para pengusaha perniagaan dan pembangun aplikasi. Hebatnya, Google membenarkan hampir kesemua aplikasi tersebut dengan percuma. Walaubagaimanapun, Google hanya bertindak sebagai penyedia peralatan dan kemudahan dan ia memerlukan pengguna yang bijak dan berhemah agar maklumat tidak disalahgunakan.

# TIPS PENYUSUAN ANAK SEPENUH MASA

Oleh:

Siti Hajar Baharin, Pensyarah Kanan

**B**ukanlah mudah untuk menjadi seorang ibu yang kekal menyusukan anaknya dan sibuk dengan kerjaya. Tuntutan kerjaya sebagai seorang pensyarah di UiTM Johor dengan 4 orang cahayamata memberi motivasi kepada saya untuk kekal cergas dan sihat. Apa yang ingin saya kongsi merupakan rutin sebagai seorang ibu bekerjaya yang telah berjaya menyusukan 4 orang cahayamata saya akui bukanlah sebuah perjalanan yang mudah.

Acapkali kita dengar rungutan ibu muda terutamanya yang baru sahaja menimang cahaya mata sulung menghadapi masalah dalam menyusukan anak sepenuh masa disebabkan pelbagai masalah dan halangan. Sedangkan kita tahu kerajaan melalui Kementerian Kesihatan juga rancak menjalankan kempen penyusuan susu ibu. Ini kerana susu ibu merupakan susu yang terbaik untuk bayi.

Ingin saya berkongsi tip bagaimana seorang ibu bekerjaya dapat memberikan penyusuan susu ibu secara eksklusif kepada bayi mereka.

**Tip pertama** yang sangat penting untuk para ibu terapkan adalah anda perlu sentiasa mempunyai mindset yang betul. Mindset ini perlu diterapkan seawal kandungan lagi untuk memastikan para ibu lebih bersedia secara mental, fizikal dan emosi. Selain itu, pelbagai persediaan wajib dilakukan terutamanya dari segi penambahan ilmu berkenaan penyusuan yang betul. Nampak mudah namun tanpa persediaan yang rapi ia akan membuatkan para ibu mudah berputus asa apabila berdepan dengan halangan.

Penambahan ilmu boleh dilakukan dengan memperbanyakkan pembacaan melalui pengalaman para ibu lain yang berjaya, tips penyusuan sepenuh masa, cara pengendalian susu dan pemakanan yang sesuai bagi ibu menyusukan samada melalui majalah, laman web ibu menyusukan, blog dan sebagainya.

**Tip kedua** adalah banyakkann bergaul dengan para ibu yang berjaya menyusukan anak mereka. Dengan cara ini, sedikit sebanyak tips dan bayangan untuk mengatur perjalanan penyusuan selepas bayi dilahirkan akan dapat dipraktikkan. Ianya juga sangat penting untuk mendapatkan sokongan daripada suami dan keluarga untuk memastikan mereka lebih memahami apa yang para ibu inginkan serta disamping dapat menjadikan perjalanan penyusuan lebih lancar dan teratur.

**Tip ketiga** adalah persediaan peralatan menyusukan. Peralatan ini amatlah penting dan perlu disediakan sebelum melahirkan bayi anda. Bukan sahaja ibu, malah bapa juga wajib menghadiri sebarang kursus penyusuan yang dianjurkan oleh pihak hospital agar teknik penyusuan yang betul dapat dipelajari bersama-sama. Ini akan menimbulkan rasa lebih bertanggungjawab oleh suami kepada isterinya.

**Tip keempat** adalah, selepas kelahiran bayi, para ibu perlu memastikan makanan yang sihat dan seimbang agar susu yang dihasilkan mengandungi zat-zat dan vitamin yang baik untuk bayi. Manakala, susu ibu boleh mula dijadikan stok seawal hari ke-5 berpantang .

Semoga pengalaman menyusukan anak yang telah saya kongsi akan dapat memberi manfaat kepada para ibu yang bekerja di luar sana.



# POWERPOINT KE APLIKASI ANDROID

Oleh:

Isma bin Ishak, Pensyarah Kanan

Aplikasi mobil merupakan satu teknologi yang menjadi trend di masa ini. Ia telah digunakan dengan luasnya dalam urusan seharian seperti perniagaan, perbankan, pendidikan, permainan digital dan lain-lain lagi. Tahukah anda untuk menghasilkan aplikasi android bukanlah satu perkara yang sukar. Dengan menggunakan perisian Microsoft PowerPoint dan dua lagi perisian tambahan anda mampu untuk menghasilkan aplikasi android anda sendiri. Di sini saya mengambil satu contoh membina satu aplikasi belajar Microsoft Publisher yang boleh dibuka oleh mana-mana gajet android. Ikuti langkah-langkah berikut:-

Langkah pertama: **Menghasilkan fail PowerPoint**

Hasilkan fail PowerPoint anda dan simpan fail tersebut dalam format .pptx seperti rajah di bawah.




Langkah kedua: **Menukar fail PowerPoint kepada WTPPT**

1. Muat turum dan instal WhyTouch Converter (WTPPTConverter).
2. Jika instalasi berjaya, anda akan mempunyai tab Touchshow di dalam perisian Microsoft PowerPoint anda.




3. Klik pada butang Convert to wtppt dan tunggu sehingga proses menukar selesai.



4. Jika proses berhasil, maka fail yang telah ditukar akan disimpan pada folder yang sama dengan fail PowerPoint anda. Klik pada butang ok.


Langkah ketiga: **Menukar fail WTPPT menjadi fail APK**

1. Muat turun perisian makeAPK yang dikeluarkan oleh TouchShow.
2. Pastikan PC/Laptop anda telah terpasang Java Runtime Environment (JRE). Periksa pada Control Panel Windows, dan cari Java Runtime Environment untuk menyemak sama ada anda telah mempunyai JRE atau pun tidak.
3. Ekstrak fail makeApk yang telah dimuat turun dan anda akan mempunyai satu fail yang bernama GenApkShell2.exe. Klik dan jalankan fail tersebut dan anda akan dipaparkan satu tettingkap seperti berikut:-



Package Name: Untuk mengisi nama paket aplikasi android yang akan dihasilkan.  
 App Name: Untuk nama aplikasi yang akan dipaparkan pada gajet Android.  
 Wtppt Embedded: Lokasi WTPPT yang akan ditukarkan.  
 Icon (optional): Untuk icon / gambar dari aplikasi yang akan dihasilkan.

4. Seterusnya, pilih butang Generate APK. Tunggu sehingga tettingkap berikut hilang.



5. Hasil fail apk akan tersimpan pada folder yang sama dengan file pptx / wtppt anda.
6. Instal fail apk tersebut pada gajet Android anda seperti telefon bimbit, dan jalankan. Fail apk tersebut juga boleh dimasukkan di Google Play Store. Berikut contoh paparan skrin hasil menukar fail pptx yang sudah diinstal di telefon bimbit Android.

## SELAMAT MENCUBA...



# TIPS MEMBINA KEHIDUPAN SELEPAS KEHILANGAN

Oleh:

Nor Diana Abdul Rahman, Pensyarah Kanan

Setiap manusia di dunia ini pasti berhadapan dengan situasi kehilangan bermula dengan kehilangan yang kecil seperti hilang pensil dan pen sehinggalah kepada kehilangan yang besar seperti penceraian dan kematian yang mungkin disebabkan penyakit, kemalangan, lemas dan sebagainya. Setiap kehilangan memberi kesan kepada hati manusia walaupun kehilangan yang melibatkan barang seperti pensil dan pen. Namun begitu kehilangan disebabkan penceraian dan kematian sangat memberi bebanan kepada hati dan perasaan yang mungkin bukan seorang tetapi melibatkan ahli keluarga dan sahabat. Namun begitu, larut dalam kesedihan yang berpanjangan dilihat sangat tidak sihat. Ini kerana kesedihan dan kemurungan boleh menimbulkan depresi. Mereka yang terlibat perlu lekas bangun meneruskan kehidupan. Yang hilang tetap hilang manakala yang hidup perlu bangkit kalau bukan untuk orang lain tetapi juga untuk diri sendiri. Berikut ialah tips membina kehidupan selepas kehilangan:

## Ingat kepada Pencipta

Sentiasa fikirkan hikmah di sebalik apa yang berlaku. Berhenti bertanya kenapa dan mengapa. Wajib berbaik sangka dengan pencipta

## Terima Takdir-nya

Sentiasa ingat setiap yang berlaku adalah aturan maha pencipta. Kita sebagai manusia hanya mampu merancang selebihnya kuasa maha pencipta untuk mencorakkan takdir kita.

## Jangan Layan Kesedihan

Perasaan sedih memang sepatutnya ada tetapi berhenti melayan perasan sedih yang berpanjangan kelak merosak diri sendiri

## Alihkan Pemikiran

Lakukan lah perkara perkara yang disukai. Carilah minat baharu atau melakukan perkara yang telah lama ditinggalkan seperti berbasikal, beryoga, melancong, berkebun dan sebagainya. Memenuhi aktiviti seharian dengan pelbagai aktiviti akan secara perlahan meleakakan kita dari mengingati insan yang telah pergi

## Move On

Hidup perlu diteruskan tanpa lengah. Jangan buang masa memikirkan masa lalu. Bina fasa hidup baru dengan semangat dan jiwa baru. Jadilah orang baru yang akhirnya akan memberi aspirasi kepada orang lain

## Sentiasa Berada Bersama Orang Yang Positif

Pastikan diri dikelilingi orang orang yang positif yang mampu memberi kata kata semangat dan motivasi untuk keluar dari kemelut yang pahit ini. Orang yang positif akan mengalirkan aura positif ke dalam diri kita. Sentiasa melahirkan kata – kata positif dalam hati seperti “aku kuat”, “ini bukan masalah besar” dan sebagainya.


## Elakkan Berseorangan

Sentiasa dikelilingi keluarga, anak anak dan teman. Berseorangan akan memudahkan kita berkhayal dan mengingati peristiwa sedih

## Hadiri Majlis Agama

Ringankan diri menghadiri majlis agama supaya memperoleh nasihat dari yang mahir. Ini secara tidak langsung membolehkan kita bermuhasabah diri dan kembali mengingati suruhanNya.

Perlu diingat kehilangan bukanlah satu pengakhiran tetapi satu permulaan untuk menjadi orang baru dengan semangat dan jiwa yang baru. Sentiasa fikir yang baik baik, insyaAllah penghasilannya juga yang baik-baik sahaja.



# KARYA KREATIF



# “FITNAH: CARA IMAM AS SYAFIE MENANGANINYA”

Oleh:

*Siti Noorsiah binti Jamaluddin, Pensyarah Kanan*

**T**eringat pada kata-kata seorang ulama, pelajarilah kisah orang soleh kerana ia adalah butiran mutiara yang sangat mahal dan memberi nilai yang mahal juga dalam hidup kita. Fitnah dalam bahasa yang mudah untuk difahami adalah tuduhan yang diada-adakan dalam pelbagai bentuk untuk memburukkan atau memusnahkan seseorang individu, institusi atau kumpulan. Imam Ghazali dalam kitabnya (Ihya' Ulumiddin) menjelaskan bahawa, membocorkan rahsia orang lain serta menjejaskan kehormatan diri orang itu dengan cara membuka rahsianya dianggap perbuatan mengadu-domba dan fitnah.

Dalam kehidupan ini, untuk bertaubat dengan melakukan dosa itu bukannya satu perkara mudah. Mampukah kita untuk berjumpa dan memohon maaf kepada setiap orang yang pernah kita umpat atau fitnah itu? Maka, sebagai seorang Muslim adalah penting untuk kita meneliti kesahihan setiap berita yang diterima supaya ia tidak menjadi bahan fitnah serta kita tidak terlibat melakukan dosa besar itu. Dibimbangi mengumpat atau menyebarkan fitnah menjadi amalan dan pelakunya merasakan satu kepuasan apabila dapat bercerita perihal dan mengaibkan orang lain.

Saya tertarik dan ingin berkongsi sebuah kisah yang dikongsikan oleh seorang ustaz mengenai Imam As Syafie menjadi mangsa fitnah dan cara beliau menanganinya: Pada suatu hari, Imam As Syafie Rahihamullah berada di khalayak murid-muridnya untuk menyampaikan ilmu kepada mereka. Tiba-tiba seorang wanita masuk ke dalam majlis tersebut dan pada wajahnya macam ada sesuatu yang tidak kena. "Wahai imam, apakah di waktu malam kamu berzina dan pada siangnyanya kamu menyampaikan khutbah kepada orang ramai?" Allahhh!! Dugaan apakah ini?? Sekalian murid memandang wajah Imam As Syafie sambil menantikan penuh debar apakah jawapan dan penafian beliau terhadap fitnah dan tohmahan gila itu?

Imam As Syafie memandang kearah perempuan itu seraya bertanya: "Berapakah harga (upah) kamu?" Mendengar pertanyaan itu sekalian murid Imam As Syafie jadi kecoh dan gempar. Ada yang menjerit, ada juga yang segera bangun dan mahu terus meninggalkan majlis itu. Melihat respons dan keadaan tidak tentu arah murid-muridnya itu, Imam As Syafie berkata kepada mereka: "Kalian menganggap saya tak lebih macam kurma, isinya kalian makan dan bijinya kalian campak begitu sahaja." Kata-kata dan sindiran Imam Syafie itu nampaknya belum mampu menyedarkan betapa buruk sangka mereka itu tidak berasas, bersifat melulu dan ia amat tidak beradab.

Di tengah-tengah situasi yang gawat itu, sekonyong-konyong masuk seorang lelaki secara tergesa-gesa. Lelaki itu berkata: "Wahai perempuan, rumah kamu sedang terbakar sekarang!! Anak-anak kamu masih ada di dalamnya!!!"

Terkejut mendengar pengkhabaran itu, perempuan misteri itu berlari ketakutan menuju ke rumahnya. Sekelian hadirin yang ada termasuk Imam As Syafie turut sama berkejar ke rumah beliau untuk membantu. Apa sudah jadii?? Memang benar!! Ketika sampai di lokasi kejadian, wanita itu melihat api sedang marak membakar rumahnya. Ketika itulah, orang ramai melihat Imam As Syafie penuh berani meluru masuk ke dalam rumah menyelamatkan beberapa mangsa yang terperangkap di dalamnya. "Muliannya akhlak kamu wahai Imam. Setelah difitnah dan ditohmah, engkau masih menghulurkan pertolongan"

Tatkala mahu mengucapkan terima kasih kepada Imam As Syafie, dalam nada menyesal dan rasa bersalah perempuan itu meluahkan dan mendedahkan: "Sesungguhnya orang-orang Yahudi telah mengupah dan menghasut saya melakukan semua ini agar maruah dan kehormatan tuan jatuh dihadapan murid-murid tuan." Allah!!! Murid-murid Imam As Syafie sekali lagi gempar setelah mendapat tahu bahawa guru mereka baru sahaja difitnah. Mereka rasa amat bersalah terhadap tuan guru mereka yang soleh lagi bertaqwa itu. Mereka segera memohon maaf kepada Imam As Syafie. Cuma, apa yang menghairankan mereka, kenapa dari awal lagi Imam As Syafie langsung tidak menafikan fitnah dan tohmahan yang dilemparkan kepadanya.

Jawab Imam As Syafie : "Kalau saya menafikan tohmahan dan fitnah itu, saya yakin kamu akan berpecah menjadi dua kumpulan. Satu kumpulan terus tidak akan percaya pada saya dan satu kumpulan lagi akan membenarkan saya namun akan tetap ragu dengan keputusan itu. Maka, saat itu, saya mahu (membuat keputusan) menyerahkan segala urusan saya kepada Allah Ta'ala."

Demikianlah kisah seorang ulama besar Imam As Syafie, yang juga tidak lepas dari ujian Allah. Hanya hakikat kebenaran, ketabahan dan keimanan serta pengetahuan yang tinggi menjadi sandaran untuk menghadapi setiap cubaan itu sebagai suatu ujian dari Allah SWT yang harus dihadapi. Peristiwa ini menggambarkan hebatnya sikap seseorang insan yang ikhlas dan benar-benar menyerah diri sepenuhnya kepada kekuasaan Allah dalam menghadapi sebarang ujian yang berlaku.

Walaupun bagaimanapun, dalam usaha untuk mendidik masyarakat bagi menghadapi golongan yang suka menabur fitnah ini, Imam al-Ghazali ada menggariskan enam adab yang perlu dilakukan ketika menerima fitnah:

**Pertama,** jangan mudah percaya kepada pemfitnah kerana berita yang disampaikan itu dusta dan hanya menghilangkan kebenaran.



**Kedua,** melarang dan menasihati keburukan perilaku orang membawa berita fitnah itu supaya berhenti memfitnah kerana perbuatannya itu mengundang dosa besar dan Allah SWT juga marah dan bencikan golongan ini selain tidak mahu bersekongkol dengannya.

**Ketiga,** membenci perbuatan pembawa fitnah itu kerana Allah SWT dan ingat Allah S.W.T menyuruh kita mencegah segala bentuk kemungkaran.

**Keempat,** jangan berprasangka buruk (suudzon) kepada orang yang menjadi mangsa fitnah tersebut kerana bersangka buruk ini merupakan satu dosa di sisi Islam.

**Kelima,** jangan ikut menyebarkan fitnah serta menjadi pengintip dengan membuka rahsia orang lain.

**Keenam,** jangan setuju dengan fitnah yang terlarang itu dan jangan menceritakannya. Kemurkaan Allah kepada pembawa fitnah ini pernah digambarkan oleh Rasulullah S.A.W. di dalam sebuah hadis yang bermaksud:

“Dan orang yang paling dimurkai Allah S.W.T. ialah orang yang pergi membawa fitnah, memecah belahkan di antara persaudaraan dan mencaci orang yang tidak bersalah terhadap kesalahan yang tidak dilakukannya.” (Riwayat al-Tabarani)

Rasulullah S.A.W juga pernah bersabda yang bermaksud: “Cukuplah pembohongan seseorang itu apabila dia menyampaikan semua yang dia dengar.” (Hadis riwayat Muslim) yang menunjukkan bagaimana dosa itu bukan hanya di atas bahu orang yang mencipta berita palsu, tetapi dosa juga merangkumi orang menyampaikan semua berita yang dia dengar sama ada benar atau palsu.

Begitulah bagaimana kisah seorang yang soleh dan panduan yang diberikan oleh ulama besar kita dan junjungan kita Rasulullah S.A.W untuk memberi pengajaran dalam kehidupan kita. Seharusnya kita mengambil iktibar serta teladan atas setiap perkara kebaikan yang mereka lakukan.

## *Tribute Buat Encik Abdul Razak Abu*

Oleh:

Azura Kamaruddzaman, Pensyarah Kanan,

**1985**

Azura Kamaruddzaman, Pensyarah Kanan

Bermula langkah pertama  
Bergelar pustakawan  
Berbakti di rumah ilmu  
Menyedia perkhidmatan sumber  
Membantu mereka meneliti maklumat dan data  
Agar ilmu dapat diraih cemerlang  
Bertahun mengabdikan diri di situ  
Membantu nusa membangun minda  
Agar jaya pasti milik mereka

**1997**

Berkelana di bumi Ratu  
Mempersiapkan diri untuk membimbing dan mendidik  
Setelah pengalaman di rumah ilmu sarat di kepala  
Jiwa semakin pasti sudah sampai tikanya mahu berhijrah  
Mahu mencuba sesuatu yang lebih sempurna

**2002**

Hasrat tercipta, Cita-cita terlaksana  
Dikau kini ahli akademik berwibawa  
Membimbing dan mendidik anak bangsa  
Biar jadi berguna kepada negara  
Detik demi detik dikau lalui dengan penuh ikhlas  
Menyampaikan ilmu bukan untuk dibalas  
Tanggungjawab digalas tanpa culas

Dikau insan istimewa  
Tidak pernah dikau mengundang marah  
Tidak pernah dikau bermuka merah  
Tidak pernah dikau beraksi gundah  
Segalanya indah saja  
Dikau kesayangan semua  
Ibarat abang sulung, Ibarat ayah kandung

**2019**

Kini, tikanya sudah tiba  
Menamatkan tugas adalah pilihan usia  
34 tahun berbakti merentas masa penuh mulia.



**Terima Kasih & Selamat Bersara  
ENCIK ABDUL RAZAK ABU**



# “Terima Kasih Rasulullah”

Oleh:

Rabiatul Adawiyah Kamarulzaman, Pensyarah Kanan

Indahnya hidup ini,  
Tatkala iman di hati,  
Islam difahami,  
Syariah diikuti,  
Itulah Islam sejati..

Untukmu Rasulullah,  
Terima kasih dari kami,  
Dengan pengorbanan,  
Mu Yang Teragung,  
Kini Islam kami junjung..

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ

Kami syukur kami bangga,  
Menjadi umah Habiballah,  
Kami rindu kami cinta,  
Kepada Mu Rasulullah.

Terima kasih dari kami,  
Berkat Usaha dan Pergorbanan,  
Kami berdoa dengan harapan,  
Kesudahan kami dalam Islam,  
Kesudahan kami dalam Iman.

# Perjalanan Yang Panjang...

Oleh:  
*Muhammad Ismail bin Pahmi, Pensyarah Kanan*

**P**ernahkah kita terfikir,  
Bagaimana payahnya seorang ibu,  
Bertarung nyawa untuk kita ke  
dunia,  
Betapa girangnya seorang ayah,  
Menyambut kita disudut  
kedamaian,  
Sambil memintal benih keadilan.

**A**dilakah kita menghadiahkan  
sekeping duka,  
Untuk seorang insan,  
Yang pernah cemas menunggu  
kehadiran kita,  
Dan kita hanya menghirup kosong,  
Nilai itu dalam mengejar bayang  
kemenangan.

**B**arangkali juga kita dalam  
kebingungan,  
Untuk membuat penilaian,  
Mimpi di dua lurah alam,  
Menyaksikan kehidupan.

**K**adangkala kita keliru,  
Memastikan jalan mana yang bakal  
dituju,  
Tatkala berada di persimpangan,  
Ke kiri atau ke kanan,  
Ke utara atau ke selatan.

**D**etik nadi yang berdenyut,  
Kadangkala menjadikan kita terkejut,  
Kerana perantaraan waktu yang kita  
lalui,  
Begitu pantas berlari.

**T**etiba kita mati,  
Kaku untuk bergerak lagi,  
Nadi yang berdenyut turut terhenti,  
Hanya menunggu masa untuk  
dikebumi.

**L**alu baru kita tersedar,  
Tentang pencarian sebenar,  
Kerana kita tidak lagi dapat melihat  
fajar menyingsing,  
Dan pencarian berakhir,  
Setelah kematian kita tidak ditafsir.



# Ayahanda Jercinta

Oleh:  
Rohayu binti Ahmad, Pensyarah Kanan,

## *Ayahanda..*

Diammu penuh makna,  
Tidak pernah bercakap yang sia-  
sia,  
Bila bertutur, penuh nasihat dan  
hikmah,  
Mulia akhlakmu,  
Kau contohi Rasulullah.

## *Ayahanda..*

Suami Mithali buat Bondaku,  
Sentiasa jemaah bersama,  
Setiap 5 waktu,  
Indah talian CINTA kalian.

## *Ayahanda...*

Pakar rujuk kami sekeluarga,  
Pakar rujuk masyarakat ,  
Sentiasa tepati masa,  
Pesan Ayahanda,  
Jaga masa dengan Allah,  
Allah akan jaga kita,  
Cepat buat keputusan,  
Sistematik jadual hariannya.

## *Ayahanda ..*

Sudah bersara,  
Masih menyampaikan kuliah,  
Baktinya demi masyarakat ,  
Baktinya demi yang dahagakan  
ilmu.

## *Ayahanda..*

Tatkala jiwaku dibadai gelombang,  
Doamu jadi kekuatanku adik  
beradik,  
Meneruskan langkahan kehidupan,  
Tanpa doa seorang Bonda,  
Yang telah dijemput Ilah.

Kasihku mengalir tanpa henti,  
Walau bukan darahmu mengalir  
padaku,  
Namun Kau tetap Ayahandaku,  
Duniawi dan Ukhrawi,  
Setiap hari kurindu Ayahanda,  
Kasih ini Demi Allah...

**Dedikasi buat Ayahandaku  
Abdul Rahman bin Daud  
2009 – hingga ke SYURGA ABADI**

# Puisi Bonda

Oleh:  
Nor Rashidah binti Mohammed  
Pensyarah Kanan

**B**onda,  
Dikala aku mengenal dunia,  
Engkaulah insan pertama yang aku  
temui,  
Dakapanmu, sentuhanmu,  
renunganmu membuai hati  
nuraniku.

Tatkala ufuk merah menjelma,  
Tulang empat keratmu tulus,  
melaksana tugas hakiki,  
Tanpa mengenal perit dan lelah,  
Senyuman manis tak lekang di  
bibir.

**B**onda,  
Kaulah anugerah terindah yang  
menuntun tanganku ke daerah  
iman,  
Untuk ia mekar berkubu di  
sanubariku,  
Demi mengharungi episod demi  
episod kehidupan ini.

Di kala jiwa rapuh,  
Di kala jiwa pilu,  
Di kala aku runsing,  
Di kala aku buntu,  
Belai pujukmu menyisihkan resah  
hatiku.

**B**onda,  
Kaulah teman sejati  
Dalam mengharungi susah dan  
senang  
Ketika gundah dan gulanam  
Wajah dan doamu pasti bermain  
di mindaku,

**B**onda,  
Maafkan aku kerana selalu  
menghiris hatimu  
Menggugat ketabahanmu  
Tapi kau tetap gagah  
menongkah arus  
membesarkanku, mendidikku  
Walau sejuta ranjau perlu kau  
tempuhi,

**T**erima kasih bonda atas  
pengorbanan,  
Keutuhan kasihmu,  
Semangat padu dirimu buat  
kami semua,  
Semoga Allah merahmatimu  
dunia dan akhirat.



# ***FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL***

## **PROFIL KETUA PUSAT PENGAJIAN**



**Dr. Siti Khadijah Binti Alias**  
Pensyarah Kanan  
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal  
Universiti Teknologi MARA  
Cawangan Johor  
Kampus Pasir Gudang  
Jalan Purnama, Bandar Seri Alam  
81750 Masai, Johor




## **PROFIL PENULIS-PENULIS**

### **Laporan Aktiviti Jabatan dan Pensyarah**

Norhisyam bin Jenal  
Ahmad Naufal bin Adnan  
Mazleenda binti Mazni  
Ts. Dr. Zurriati Mohd Ali  
Norjasween Abdul Malik

### **Karya Akademik dan Umum**

Norjasween Abdul Malik  
Jamaliah Md Said



**LAPORAN AKTIVITI  
JABATAN DAN  
PENSYARAH**

## PROGRAM USAHASAMA SAINS, TEKNOLOGI DAN MATEMATIK FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL DAN SEKOLAH KEBANGSAAN BANDAR SERI ALAM 1

Norhisyam bin Jenal, Ahmad Naufal bin Adnan, Mazleenda binti Mazni

Pada 9 Mac 2019, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) UiTM Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang (FKMUiTMCJKPG) telah terlibat dalam satu program kerjasama antara pihak UiTMCJKPG dan Sekolah Kebangsaan Bandar Seri Alam 1 (SKBSA 1) Masai, Johor. Objektif kerjasama ini adalah untuk memupuk minat pelajar SKBSA 1 terhadap sains, teknologi, dan matematik melalui pendedahan kepada fakta-fakta menarik serta penglibatan dalam pelbagai aktiviti interaktif yang disediakan oleh warga pendidik UiTMCJKPG. Program ini disertai oleh 40 pelajar SKBSA 1 yang terdiri daripada pelajar darjah 4 hingga 6 serta turut diiringi oleh 5 orang guru. Pada hari tersebut, pelajar telah dibahagikan kepada 4 kumpulan dan semua kumpulan akan bergilir-gilir menjalankan topik-topik yang disediakan. Masa yang diperuntukkan adalah selama 30 minit untuk setiap topik. 4 topik berkaitan asas kejuruteraan mekanikal yang telah disediakan oleh orang pensyarah FKM seperti berikut.

1. Aerodynamic: F1 Car

Pelajar didedahkan kepada aspek rekaan kereta F1 serta kesannya terhadap kelajuan kereta dan jarak sesaran apabila menuruni cerun.

2. Aerodynamic: Paper Air Plane

Pelajar diberikan maklumat tentang asas rekaan dan mekanisme kapal terbang serta diberi peluang untuk mencuba menerbangkan model kapal terbang.

3. Pneumatic

Pelajar didedahkan kepada aplikasi sistem hydraulic dan pneumatic yang banyak digunakan untuk mengangkat dan memindahkan beban yang berat.

4. Newton's Law

Pelajar diberikan peluang untuk memahami konsep berkaitan Newton's Law melalui penghasilan parachute yang berfungsi untuk memperlambatkan kelajuan objek apabila dijatuhkan dari tempat tinggi.



Aerodynamic: F1 Car



Aerodynamic: Paper Air Plane



Pneumatic



Newton's Law


## BENGGEL THERMODYNAMIC: BERFIKIR ARAS TINGGI (T-BAT)

Ts. Dr. Zurriati Mohd Ali

Pada 9 Mac 2019, Bengkel T-BAT ini adalah merupakan sesi pemantapan pembelajaran bagi kod kursus MEC251 (Thermodynamics) di bawah program EM110 (Diploma Kejuruteraan Mekanikal). Sesi ini dijalankan oleh para pensyarah yang berpengalaman lebih dari 4 semester mengajar subjek ini. Para pensyarah ini secara automatic akan dilantik sebagai fasilitator kepada program TBAT ini. Ianya berjalan secara “face to face” dimana para pelajar di galakkan hadir pada setiap pertemuan yang telah di tetapkan oleh fasilitator. Selain bagi mengukuhkan topik fundamental bagi kursus yang berkenaan, bengkel ini juga merupakan antara inisiatif pensyarah – pensyarah Thermodynamics untuk menambahbaikkan peratusan kegagalan yang tinggi pada subjek ini. Antara objektif lain bagi program ini adalah untuk memberi motivasi kepada para pelajar yang lemah dalam subjek ini untuk terus lebih berusaha bagi memperbaiki markah mereka.

Sepanjang program ini berlansung, para pelajar telah memberi kerjasama yang baik dengan menghadiri setiap sesi pertemuan yang telah di tetapkan. Fasilitator telah memberikan banyak tips tentang teknik menjawab soalan, berkongsi pengalaman mengajar dan disertai dengan latihan tubi yang mana di bantu terus oleh fasilitator tersebut. Segala teknik menjawab soalan telah diajar dengan cara teratur dan mudah bagi membolehkan pelajar – pelajar lebih memahami. Selain itu, sesi perbincangan bersama pelajar – pelajar telah diadakan bagi memberikan ruang kepada mereka untuk menilai kefahaman sesame sendiri. Pelajar ini akan dibahagikan kepada beberapa kumpulan supaya kaedah penyampaian lebih berkesan.

Hasil dari program ini, peratusan peperiksaan pada semester ini menunjukkan prestasi yang sangat memberansangkan. Kenaikkan peratusan kelulusan amat membanggakan di mana hampir 80% pelajar yang mendaftar subjek ini lulus dan 12 orang telah mendapat keputusan A. Sebelum ini kegagalan subjek ini adalah tinggi iaitu melebihi 25%. Adalah diharapkan agar program ini dapat di teruskan pada semester – semester akan datang



The background is a vibrant purple and pink gradient. In the center, a large circle with a yellow-to-orange gradient is surrounded by several concentric, white-outlined diamond shapes. Below the circle, there are wavy, wireframe-like lines that resemble a digital landscape or data visualization. The overall aesthetic is modern and tech-oriented.

**KARYA AKADEMIK  
DAN UMUM**

## RESEPI ASAM PEDAS KELADI PERLIS

Norjasween Abdul Malik

Gulai asam pedas keladi perlis ini adalah salah satu makanan tradisi di negeri utara semenanjung. Ianya enak dimakan bersama-sama nasi putih berserta ulam-ulaman. Bahan yang paling utama tentulah sayur keladi jika pandai dimasak akan menaikkan aroma yang menyelerakan.

Bahan – bahan yang digunakan;	Bahan- bahan B
<ul style="list-style-type: none"><li>□ Bahan -bahan A</li><li>□ 10 tangkai cili Kering</li><li>□ 5 ulas bawang merah</li><li>□ 2 ulas bawang putih</li><li>□ 1/2 inci belacan</li><li>□ 1/2 cawan ikan bilis</li><li>□ 1 sudu teh lada hitam</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>□ 500gm batang keladi</li><li>□ 4 keping asam gelugur</li><li>□ 3 atau 4 tangkai daun kesum</li></ul>

Cara memasak:

1. Cili kering digunting, dibuang bijinya dan direbus hingga mendidih. Kemudian toskan.
2. Bahan – bahan A kemudian ditumbuk atau dikisar.
3. Kulit luar kesemua batang keladi hendaklah dikupas dan dibersihkan. Kemudian, rebuskan hingga agak lembut. Selepas itu air rebusan hendaklah dibuangkan dan basuh batang- batang keladi tadi dengan air yang bersih. Ini untuk menghilangkan rasa gatal batang keladi selepas dimasak.
4. Masukkan bahan kisar kedalam periuk bersama air secukupnya dan masak hingga mendidih. Masukkan asam gelugur.
5. Masukkan batang keladi yang telah direbus tadi bersama daun kesum dan renih hingga masak.
6. Akhir sekali masukkan garam dan gula secukup rasa.
7. Sedia untuk dihidang.



## RESEPI KERABU ULAM

Jamaliah Md Said

Kerabu ialah salah satu menu samping yang selalu dihidangkan sebagai memenuhi selera makan. Rasanya yang masam, manis serta pedas akan membuatkan selera makan meningkat. Kerabu ulam adalah salah satu menu yang biasa disediakan selain kerabu manga, kerabu perut dan kerabu daging. Cara - cara membuatnya cukup mudah dan bahan – bahan mudah didapati dipasar.

Bahan – bahan yang digunakan;

- Kacang tanah yang telah digoreng tanpa minyak
- Ikan bilis goreng
- Bawang putih- 3 ulas
- Bawang merah (kecil)- 5 ulas
- Cili padi (mengikut citarasa masing-masing)
- Limau kasturi yang diperah airnya
- Ulam pegaga 1 ikat
- Ulam raja 1 ikat
- Daun selon 1 ikat

Cara memasak:

1. Kacang tanah dan ikan bilis goreng ditumbuk sehingga hancur.
2. Hiris kecil bawang putih, bawang merah serta cili padi mengikut kuantiti hidangan.
3. Ulam pegaga, ulam raja dan daun selon dipotong.
4. Bahan yang telah ditumbuk digaul dengan bahan hirisan bawang dan bahan potongan ulam sehingga sekata dan sehati.
5. Air perahan limau kasturi dimasukkan kedalam bahan-bahan yang telah digaulkan sebentar tadi.
6. Masukkan bahan-bahan perasa seperti gula dan garam kemudian gaulkan sekali lagi sehingga sehati.
7. Hidangan siap untuk dihidangkan.





# ***FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK***

## **PROFIL KETUA PUSAT PENGAJIAN**



**En. Zahari Bin Abu Bakar**  
Pensyarah Kanan  
Fakulti Kejuruteraan Elektrik  
Universiti Teknologi MARA  
Cawangan Johor  
Kampus Pasir Gudang  
Jalan Purnama, Bandar Seri Alam  
81750 Masai, Johor




## **PROFIL PENULIS-PENULIS**

**Karya Akademik dan Umum**

Norbaiti Binti Sidek

**Karya Kreatif**

Siti Musliha Ajmal Binti Mokhtar



**KARYA KREATIF**

## RESEPI SPAGHETTI WEDAD

Norbaiti Binti Sidek

Spaghetti sinonim sebagai makanan popular dari negara Itali. Makanan ini berasaskan mee yang diperbuat dari tepung. Keenakan makanan ini tidak dapat ditandingi apabila dihidangkan bersama sos-sos serta daging yang empuk. Kali ini resepi Spaghetti Wedad dipersembahkan kepada pengemar – pengemar makanan Itali.

Bahan- bahan A	Bahan- bahan B
<ul style="list-style-type: none"> <li>☐ 2 biji bawang holland – dipotong dadu</li> <li>☐ 4 biji tomato -dipotong dadu</li> <li>☐ 3 batang lobak merah -disagat</li> <li>☐ 500 g daging batang pinang – dikisar atau untuk lebih mudah dapatkan daging cincang dari pasaraya (jenama Ramly)</li> <li>☐ 2 tin Sos Prego Traditional</li> <li>☐ 1 tin Prego Cheese &amp; Herbs</li> <li>☐ 1 tin cendawan butang -setiap cendawan dibelah 2</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>☐ 10 biji bebola daging – setiap bebola dibelah 2</li> <li>☐ 3 sudu besar minyak zaitun</li> <li>☐ 1 sudu besar serbuk lada hitam</li> <li>☐ 4 helai daun basil</li> <li>☐ 3 sudu besar oregano</li> <li>☐ Garam dan gula mengikut citarasa</li> <li>☐ 2 bungkus Spaghetti jenama San Remo - direbus bersama 1 sudu mentega atau butter cair dan ditoskan.</li> </ul>

Cara memasak:

1. Panaskan minyak zaitun, masukkan bawang holland dan daun basil untuk menambahkan aroma.
2. Pada masa yang sama rebus daging cincang atau daging yang telah dikisar sehingga agak agak masak..
3. Setelah daging agak masak, masukkan bawang Holland dan daun basil tadi, masukkan tomato, sos Prego Traditional, lobak merah dan 1 tin air.
4. Kacau semua bahan diatas, masukkan gula, garam, lada hitam, dan serbuk oregano.
5. Setelah mendidih, masukkan Prego Cheese&Herbs, cendawan butang, bebola daging dan kacau sehati sehingga mendidih. Jika terlalu pekat, bole tambah air ½ tin dan kacau sehingga semua sehati dan secukup rasa.
6. Dihidangkan Bersama Spaghetti yang telah direbus. Taburkan keju yang telah disagat untuk menambahkan selera anda

Selamat menjamu selera dengan Spaghetti Wedad. Yummyyyyyyy





## CERPAN: BERLUMBA DENGAN CIK PONTI

Siti Musliha Ajmal Binti Mokhtar

Kisah yang saya ingin sampaikan adalah kisah benar diceritakan oleh mak saya sendiri. Mak adalah anak yang ke 7 daripada 11 adik-beradik. Keturunan nyaei dan yaie (panggilan untuk nenek dan datuk dalam Bahasa Jawa) berasal daripada Kepulauan Jawa, Indonesia dan rata-rata mereka memang mempunyai ilmu 'istimewa' sebagai pendinding. Pernah juga mak cerita arwah yaei pergi dan balik ke Kepulauan Jawa hari yang sama, dan membawa pulang kain dari sana. Sebagai peneroka di Kampung Parit Pelampong, Johor, yaei banyak membersihkan tanah hingga bukit dan gunung sebagai kawasan tanaman padi, salah satunya di kaki Gunung Sari. Masa mak saya sekolah rendah, antara tugas utama adalah menghantar makanan kepada abang-abang yang bertani dan bermalam di gunung itu kerana jarak yang jauh. Cerita ini berkisarkan pengalaman mak sepanjang perjalanan pergi dan balik daripada Gunung Sari tapi saya olahkan mewakili mak sebagai pencerita. Ada juga yang ditokok tambah untuk penyedap cerita, semoga para pembaca terhibur!

Hari itu seperti biasa aku bertolak jam 3 petang menaiki basikal untuk menghantar makanan kepada Kang Moha dan Kang Domyati (Kang=abang). Gunung Sari ini tidak lah jauh sangat tapi perjalanannya agak mencabar. Jalan mendaki bukit dan jalan tanah yang berbatu memerlukan aku lebih berhati-hati, supaya tidak jatuh ke lereng tepi bukit. Walaupun aku bersaiz paling kecil dan ada 4 orang kakak, namun aku yang dipilih mak sebab katanya aku paling berani dan handal membawa basikal, tidak padan dengan kaki yang pendek. Jadi macam biasa aku perlu melalui Kampung Parit Bengkok selama sejam sebelum sampai ke jalan kebun yang berbukit bukau selama sejam menuju kawasan tani keluarga aku. Kampung pada masa itu masih kurang penghuni, ayah aku antara orang terawal meneroka kawasan ini, jadi jarak antara rumah juga agak jauh. Perjalanan biasa mengambil masa dua jam, dan ini antara pengalaman menyeronokkan kerana angin petang yang melanggar muka dan jalan yang masih terang. Apabila sampai ke kawasan Gunung Sari itu, sudah pastinya aku tidak terus balik kerana ada satu tasik besar disana, menjadi tempat aku melepas gian untuk memancing walaupun mak melarang aku untuk memancing kerana kawasan itu ada binatang buas. Pernah sekali aku ternampak seekor beruang besar di seberang tasik semasa memancing. Memandangkan tasik itu besar seluas padang bola sepak, aku yakin dia tidak akan dapat menjejarku. Geli hati melihat dan mengejek beruang walaupun terasa sedikit gerun dihati.

Kayu dahan kubersihkan menjadi joran bersama beberapa ekor cacing yang dibawa siap dari rumah. 'Kalau ada rezeki lebih boleh bawa pulang ikan haruan untuk makan malam' bisik hati. Hari tu, disebabkan terlalu ralit memancing, aku tidak sedar masa berlalu. "Yati, cepat balik nanti sudah gelap", laung Kang Moha.

Aku toleh ke langit melihat cahaya matahari makin pudar. Aduh, lambat la pulak balik ni, getus hatiku. Seharusnya aku perlu bertolak paling lewat pukul 6, supaya aku sampai kawasan kampung sebelum maghrib, namun waktu itu sudah menjejak lebih 6.30 petang.

Aku pantas melompat ke atas basikal dan memecut persis Azizul Hasni Awang. Sebolehnya aku ingin keluar dari jalan kebun sebelum malam kerana jalan gelap amat merbahaya. Aku pantas mengelak batu batu di jalan, silap langkah kalau terlanggar batu besar aku boleh tercampak dan cedera teruk. Disebabkan basikal ini sudah tua, tiada brek dan sayap atas tayar, selipar yang kupakai menjadi 'break pad', aku tekan ke atas tayar untuk menghentikan basikal. Sesekali aku menaikkan punggung untuk menambah kelajuan dan mengurangkan hentakan apabila melalui jalan berlubang. Lepas 20 minit perjalanan, peluh sudah laju menitik, kaki pun agak lenguh dan aku kurangkan kayuhan untuk rehat sebentar. Jalan yang aku lalui ini merupakan denai yang merentas kebun dimana kiri kanan ada pokok-pokok getah dan juga semak samun. Pokok-pokok itu walaupun jarang, batangnya tinggi dan daunnya yang merimbun membuatkan cahaya matahari samar-samar menerangi kawasan.

Ini adalah laluan 'keras' yang selalu abang aku ceritakan. Walaupun aku perlahankan kayuhan, mata dan telinga lebih peka mengawasi kawasan sekeliling. Tiba-tiba sayap kedengaran bunyi burung langkuit, menyebabkan bulu romaku meremang. Kawan aku cakap, kalau dengar bunyi burung ini menandakan ada makci ponti (singkatan bagi pontianak) berdekatan. 'Supp' berderau darah bila sekilas terpandang kain merah lalu melintasi kearah kawasan kebun. 'Eh, apa benda tu' bisik hati apabila hujung mata mula menangkap bayangan merah nun di kawasan kain itu menghilang. Lantas aku mengangkat punggung dan menguatkan kayuhan. Malang tidak berbau, aku terlanggar akar kayu besar yang melintang. Hentakan yang kuat membuat aku terdorong kehadapan dan terlepas dari basikal. "Allah, sakitnya" terlepas keluhan itu dimulutku. Aku berdiri sambil mata menerawang mencari basikal yang tercampak tadi. Basikal tercampak 10 meter ke dalam kebun dari jalan tadi. Sedang aku mendekati basikal, langkahku terhenti apabila terpandang kelibat belakang seorang perempuan, memakai kebaya merah bersulam bersama kain baik songket berdekatan pokok getah itu. Seketika aku kaget kerana terperanjat kemudian cuba menenangkan diri memikirkan ia juga adalah ciptaan Yang Esa. Berbekalkan lafaz bismillah, aku mula berjalan kembali. Ketika aku mencangkung untuk menarik basikal, bula roma tengkuk tegak berdiri, terasa seakan-akan ada kain melibas di belakang tengkuk.

Lantas aku melompat keatas basikal dan kembali mengayuh dengan kelajuan tertinggi. Seketika aku menjeling ke tempat tadi dan menarik nafas lega melihat kelibat itu sudah tiada. Namun kelegaan itu tidak lama apabila aku melihat dia terawang depan sedikit dari sisiku tidak jauh 30 m dalam kebun. Dapat kurasakan dia berdiri tegak memerhatikanku. Kaki yang pendek ini berusaha keras untuk lebih laju, dan sekali lagi walaupun aku yakin telah meninggalkan dia, aku masih dapat melihat dia di hadapan ditepi pokok, hanya berdiri tegak menunggu aku sampai. 'Eeeee' Kakiku mula longlai apabila Cik Ponti mengeluarkan hilaianya membuat seluruh keberanianku direntap. Namun aku mula sedar aku menghampiri pinggir kampung apabila aku dapat melihat bayang rumah berdekatan. Sesampai dirumah jam sudah menunjukkan pukul 8.30 malam. Seperti biasa, mak sudah menyediakan 2 baldi air untuk aku membersihkan diri bersama sabun cap kapak. Namun hari itu aku mendapat bekalan rotan terlebih dahulu kerana lewat pulang. Pengalaman ini berlaku beberapa kali terutama apabila aku balik lewat. Namun makin lama, aku membayangkan peristiwa ini seperti perlumbaan rempit antara jaguh kampung, Yati dengan Cik Ponti berkesudahan kemenangan mutlak kepada Cik Ponti. Malah aku juga perasan dia akan mengilai setiap kali aku menghampiri kawasan kampung menandakan perlumbaan kami akan berakhir.

Untuk pengetahuan pembaca, lokasi Gunung Sari itu mak saya pun dah tak pasti dimana kerana dia 'berhenti kerja' jadi penghantar makanan selepas hasil tuaian padi merosot dan pakcik saya masuk kerja kerajaan. Sekian.



***FAKULTI KEJURUTERAAN  
AWAM***



## **PROFIL KETUA PUSAT PENGAJIAN**



**Dr. Mohd Amran Bin Hasbullah**  
Pensyarah Kanan  
Fakulti Kejuruteraan Awam  
Universiti Teknologi MARA  
Cawangan Johor  
Kampus Pasir Gudang  
Jalan Purnama, Bandar Seri Alam  
81750 Masai, Johor

## **PROFIL PENULIS-PENULIS**

### **Karya Akademik dan Umum**

Nur Muizzah Bt Naw  
Siti Shahidah Binti Sharipudin  
Mazni Mat Zin  
Nor Mayuze Mohammad  
Saiful Jumali  
Mohd Johan Mohamed Ibrahim  
Nurul Izziyantie Mat Noor  
Herda Balqis Ismail



**LAPORAN AKTIVITI  
JABATAN DAN  
PENSYARAH**

## CONSTRUCTION INDUSTRY INNOVATION COMPETITION (CIIC 2019)

Nur Muizzah Bt Nawi

Program “**CONSTRUCTION INDUSTRY INNOVATION COMPETITION (CIIC 2019)**” merupakan salah satu pertandingan yang telah dianjurkan oleh Fakulti Kejuruteraan Awam pelajar semester empat dan enam Diploma Kejuruteraan Awam untuk kursus ECM367 (Project and Construction Management). Pertandingan ini telah berlangsung pada 13 Jun 2019 bertempat di Perpustakaan Tun Dr Ismail (PTDI), UiTM Pasir Gudang yang dibiayai sepenuhnya dari Tabung Amanah Pelajar (TAPA). Terdapat sejumlah 103 kumpulan projek yang telah bertanding melibatkan 4-5 peserta untuk setiap kumpulan. Seramai 40 orang pensyarah telah terlibat sebagai juri iaitu terdiri daripada pensyarah Fakulti Kejuruteraan Awam dan juga pensyarah dari fakulti lain. CIIC 2019 dijalankan bertujuan untuk mempamerkan hasil kreativiti dan inovasi pelajar berkaitan dengan projek pembangunan yang telah mereka putuskan.

Kumpulan pelajar telah diberikan tugas awalan untuk mengkaji dan mencadangkan pembangunan yang sesuai dibina di atas tapak kosong yang telah diberikan. Sepanjang semester, pelajar perlu membuat kajian tentang potensi kewujudan pembangunan dari segi teknikal dan kebolehpasaran. Di akhir tugas tersebut, setiap kumpulan perlu menyediakan model tapak binaan semasa proses pembinaan dan juga selepas proses pembinaan selesai. Kemahiran diperolehi dengan melatih pelajar menggunakan daya inovasi dan kreativiti bagi menjalankan penyelidikan berasaskan ilmu pengurusan projek dan pembinaan yang telah diterapkan sepanjang waktu kuliah. Ia juga memberi pendedahan kepada pelajar tentang bagaimana sesebuah projek diputuskan untuk dibina di sesebuah kawasan berdasarkan siasatan awalan di tapak.

Kesimpulannya, program ini dijalankan sebagai langkah menerapkan budaya pemikiran secara kreatif dan kritikal di dalam diri para pelajar terutamanya pelajar fakulti kejuruteraan awam. Selain itu, para pelajar dapat menonjolkan impak kajian penyelidikan mereka kepada masyarakat dan memberikan pendekatan kepada pelajar tentang pentingnya kajian awalan untuk membangunkan sesebuah projek pembangunan.



## SUSTAINABLE FLOATING CITY COMPETITION

Siti Shahidah Binti Sharipudin

Program “SUSTAINABLE FLOATING CITY COMPETITION” merupakan salah satu program yang dianjurkan bagi memenuhi penilaian berterusan silibus bagi kod kursus Introduction to Civil Engineering - ECM157. Objektif utama program ini dijalankan adalah untuk melatih para pelajar menggunakan daya inovasi dan kreativiti mereka bagi membuat rekacipta penyelidikan berasaskan ilmu sains fizik dan kejuruteraan yang dipelajari. Ia juga boleh mendidik minda pelajar-pelajar kejuruteraan awam untuk mengembangkan idea-idea inovasi sains dan teknologi sehingga menjadi satu produk yang praktikal yang dapat menyumbang sesuatu faedah kepada masyarakat dan komuniti. Disamping itu, program seumpama ini boleh memberi pendedahan kepada para pelajar kejuruteraan awam untuk meningkatkan kemahiran komunikasi, berfikir, penyelesaian masalah selain menjadikan produk dan rekacipta projek yang dibuat sebagai satu sumber menjana pendapatan melalui konsep keusahawanan inovasi yang dihasilkan.

Program ini juga merupakan platform pembentangan projek para pelajar yang menggunakan konsep pembelajaran berasaskan masalah (PBL). Melalui kaedah ini, para pelajar perlu menyelesaikan masalah untuk menghasilkan pembinaan bangunan yang mampan, dengan penggantian kaedah pembinaan konvensional bagi mengurangkan kesan kitar semula ekologi, kesihatan dan alam sekitar sekaligus mencetuskan konsep pembangunan bandar terapung yang lestari dalam reka bentuk, pembinaan, operasi dan penyelenggaraan bangunan melalui khidmat nasihat pensyarah. Program “SUSTAINABLE FLOATING CITY COMPETITION” ini terdiri daripada 10 kumpulan yang terdiri daripada para pelajar Semester Satu Diploma Kejuruteraan Awam (EC110). Selain itu, seramai 4 orang juri telah dipilih untuk menilai hasil rekacipta para pelajar berdasarkan kriteria pemarkahan yang telah ditetapkan. Antara kriteria pemarkahan yang dinilai adalah penggunaan visual yang berkesan, kaedah penyampaian yang jelas, kandungan persembahan, maklumbalas yang membina dan kreatif menghasilkan produk.

Kesimpulannya, program ini dijalankan sebagai langkah menerapkan budaya pemikiran secara kreatif dan kritikal di dalam diri para pelajar terutamanya pelajar kejuruteraan awam. Selain itu, para pelajar dapat menonjolkan impak kajian penyelidikan mereka kepada industri komersil dan memberikan pendekatan sosial kepada komuniti pelajar yang lebih meluas. Ia juga bersesuaian dengan hasrat Universiti Teknologi MARA bagi melahirkan mahasiswa yang berdedikasi, berkualiti dan cemerlang untuk mampu bersaing diperingkat global.



Gambar sekitar program "Sustainable Floating City Competition"

## SUSTAINABLE MATERIALS INVENTION AND INNOVATION EXHIBITION

Mazni Mat Zin, Siti Shahidah Binti Sharipudin, Nor Mayuze Mohammad, Saiful Jumali, Mohd Johan Mohamed Ibrahim

Program “SUSTAINABLE MATERIALS INVENTION AND INNOVATION EXHIBITION 2019 (SMIEX 2019)” merupakan salah satu usaha Fakulti Kejuruteraan Awam (FKA) untuk menyediakan platform kepada pelajar semester Empat Diploma Kejuruteraan Awam menggunakan daya kreativiti dan inovasi bagi menghasilkan bahan binaan yang berkonsepkan ‘sustainable material’ untuk menyahut hasrat Universiti Teknologi MARA melahirkan mahasiswa yang berdedikasi, berkualiti, cemerlang, serta mempunyai asas keusahawanan yang mampu bersaing diperingkat global. Program ini diadakan pada 4 Mei 2019 bermula pukul 7.30 pagi sehingga 6.00 petang. Kumpulan pelajar terlibat ialah yang mengambil kod kursus ECS246-Civil Engineering Materials.

Setiap kumpulan pelajar akan bertanding untuk kategori produk bahan mampan terbaik berteraskan inovasi dan teknikal serta kategori pembentangan projek terbaik. Selain kerjasama berkumpulan, disiplin, kreativiti dan inovasi, pelajar juga di nilai dari segi kecekapan dalam berkomunikasi. Projek yang dihasilkan perlu dibentangkan melalui poster yang dihasilkan mengikut kreativiti pelajar. Panel penilai yang dilantik dan dipilih oleh pihak fakulti akan memberikan penilaian kepada produk inovasi dan reka cipta yang boleh dikomersialkan. Selain dapat membangunkan pemikiran kreatif dan inovatif, program sebegini juga dapat membudayakan penyelidikan di kalangan pelajar dalam bahan-bahan kejuruteraan awam amnya dan khususnya dalam bancuhan konkrit yang lestari. Impak yang positif juga apabila program sebegini dapat memberi ruang kepada pelajar mengaplikasikan ilmu pengetahuan dan teori kejuruteraan yang diajar untuk di praktikkan. Seiring dengan permintaan industri yang memerlukan kemahiran praktikal di kalangan mahasiswa dan apa yang lebih penting, proses pembelajaran itu sendiri tidak hanya mengambil kira keperluan akademik pelajar, tetapi juga keperluan emosi, kreatif, psikologi, rohani, dan perkembangan mahasiswa untuk terus berjuang di arena kerjaya kelak. Secara kesimpulan, program yang diadakan dapat memberi pendedahan dan minat yang mendalam dalam bidang kejuruteraan awam terutamanya dalam bidang struktur dan bahan.



Gambar sekitar program yang dijalankan.

## ZIARAH KASIH 2.0

Mohd Johan Mohamed Ibrahim, Mazni Mat Zin, Nurul Izziyantie Mat Noor,  
Herda Balqis Ismail, Saiful Jumali


Program ZIARAH KASIH 2.0 ini merupakan satu program khidmat bakti dan sukarelawan yang dianjurkan oleh Civil Engineering Club (CIVEC) yang dijalankan di Pusat Kebajikan Baitul Maghfirah, Bandar Baru Uda, Johor. Program ini dianjurkan bertujuan untuk meneruskan usaha dari kalangan mahasiswa Fakulti Kejuruteraan Awam untuk mengadakan aktiviti amal dengan melibatkan diri untuk membantu, berkongsi ilmu dan mencurahkan kasih sayang kepada anak-anak yatim dan anak-anak yang kurang bernasib baik di Pusat Kebajikan Baitul Maghfirah, Bandar Baru Uda, Johor Bahru.

Seramai 40 orang pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Awam (FKA) telah pergi ke Pusat Kebajikan Baitul Maghfirah dan menjalankan aktiviti seperti gotong – royong membersihkan kawasan pusat kebajikan tersebut, memasak makanan untuk anak-anak Baitul Maghfirah dan peserta program ini serta aktiviti riadah bersama anak-anak di pusat kebajikan tersebut. Selain itu juga sesi motivasi turut disampaikan oleh pegawai pengiring kepada penghuni Pusat Kebajikan Baitul Maghfirah. Sebelum program berlansung, pihak CIVEC telah mengumpulkan sumbangan untuk diberikan kepada pihak pusat kebajikan dengan meletakkan tabung di Pusat Islam UiTM, membuat kutipan dari bilik ke bilik pensyarah dan juga dari bilik ke bilik mahasiwa di kolej kediaman. Hasil yang dicapai melalui program ini, pihak CIVEC dapatlah menghulurkan bantuan kepada pihak Pusat Kebajikan Baitul Maghfirah dan dapat mengeratkan hubungan silaturahim di antara pihak UiTM dan anak-anak Baitul Maghfirah. Sumbangan sebanyak RM 2,737.00 telah diberikan kepada Pusat Kebajikan Baitul Maghfirah yang merupakan hasil sumbangan daripada mahasiswa, pensyarah - pensyarah serta peniaga dari UiTM Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang.

Program ini mendapat impak yang positif kepada pihak Pusat Kebajikan Baitul Maghfirah, ahli CIVEC dan sekaligus dapat memperkenalkan UiTM Cawangan Johor kampus Pasir Gudang di mata masyarakat setempat. Selain itu juga ia dapat memberikan kesedaran dan dapat menerapkan nilai-nilai murni seperti bersyukur dengan nikmat yang dikurniakan oleh Allah S.W.T kepada mahasiswa Fakulti Kejuruteraan Awam.



Gotong-royong diluar pusat kebajikan.



Gotong-royong didalam pusat kebajikan



Slot motivasi bersama anak-anak yatim

# ***FAKULTI SAINS GUNAAN***

## **PROFIL KOORDINATOR KURSUS**



**Dr. Haryana Binti Mohd Hairi**  
Pensyarah Kanan  
Fakulti Sains Gunaan  
Universiti Teknologi MARA  
Cawangan Johor  
Kampus Pasir Gudang  
Jalan Purnama, Bandar Seri Alam  
81750 Masai, Johor

## **PROFIL PENULIS-PENULIS**

Laporan Aktiviti Jabatan dan Pensyarah

Liyana Binti Roslan  
Asmawati @ Fatin Najihah Binti Alias  
Siti Nor Hafiza Mohd Yusoff

## BENGGKEL 'OUTCOME BASED EDUCATION (OBE): CONTINUOUS IMPROVEMENT' UiTM CAWANGAN JOHOR KAMPUS PASIR GUDANG

Liyana Binti Roslan, Asmawati @ Fatin Najihah Binti Alias,  
Siti Nor Hafiza Mohd Yusoff

Pendedahan dan perkongsian maklumat berkenaan kefahaman *Outcome Based Education* (OBE) dan penggunaan dan pembangunan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) dan pembangunan *Continuous Quality Improvement* (CQI) dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di kalangan pensyarah merupakan satu maklumat yang sangat penting. Oleh itu, unit OBE UiTM Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang telah menganjurkan satu bengkel bertajuk '*Outcome Based Education (OBE): Continuous Improvement*' pada 24 Julai 2019. Bengkel ini diadakan di Bilik Seminar Perpustakaan Tun Dr Ismail (PTDI), UiTM Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang. Bengkel yang disampaikan oleh penyelar OBE UiTMPG sendiri iaitu Cik Liyana Binti Roslan dan telah disertai seramai 35 orang peserta yang mana terdiri daripada Pensyarah Sumber (RP) dan juga Penyelar Kod Kursus (LIC) yang melibatkan fakulti-fakulti serta pusat akademik di UiTMPG. Objektif utama bengkel ini adalah untuk memberikan pendedahan dan perkongsian maklumat berkenaan kaedah pembangunan templat JSU bagi kod kursus untuk diimplementasikan secara lestari di dalam bidang pengajaran dan pembelajaran terutamanya di kalangan RP dan LIC. Selain itu, bengkel ini juga merupakan satu wadah perkongsian dan penyampaian maklumat tentang kaedah Analisa CQI dan juga CQI Report. Sepanjang satu hari bengkel ini berlangsung, selain dari sesi ceramah para peserta turut menjalani sesi '*hands-on*' bagi menilai keberkesanan bengkel yang dihadiri. Hasil daripada bengkel yang diadakan hampir kesemua peserta yang hadir berjaya menyiapkan JSU bagi kod kursus masing-masing dan juga memahami cara-cara menganalisa laporan CQI. Oleh yang demikian, bengkel sebegini merupakan program ilmiah yang sangat bermanfaat kepada para pensyarah terutamanya bagi RP dan juga LIC. Pihak penganjur mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua peserta yang terlibat dalam menjayakan Bengkel '*Outcome Based Education (OBE): Continuous Improvement*'. Semoga bengkel sebegini dapat dijalankan lagi pada masa yang akan datang dan dapat membantu menjadikan UiTM sebagai sebuah universiti yang unggul berteraskan keserjanaan dan kecemerlangan akademik.



***AKADEMI PENGAJIAN  
BAHASA***

## PROFIL KETUA PUSAT PENGAJIAN



Penulisan yg bermakna  
adalah penulisan yang  
datangnya dari  
keikhlasan hati.

HARYATI BINTI AHMAD  
Ketua Pusat Pengajian  
Akademi Pengajian Bahasa  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor  
Kampus Segamat  
Jalan Universiti Off Km. 12 Jalan Muar  
85000 Segamat  
Johor Darul Ta'zim, MALAYSIA  
Email: harya395@uitm.edu.my  
No Telefon : 07-9352459

## **PROFIL PENULIS-PENULIS**

### **Laporan Aktiviti Jabatan dan Pensyarah**

Ainol Hasanah bin Jalaludin  
Fairuz Husna binti Mohd Yusof  
Siti Zariq Sofiah binti Abu Bakar  
Haryati binti Ahmad  
Nazhatulshima Nolan  
Dia Widyawati binti Amat  
Dr. Noriah binti Ismail  
Fazdilah binti Md Kassim

### **Karya Akademik dan Umum**

Derwina binti Daud  
Haryati binti Ahmad  
Siti Fatimah Mohd Radzi  
Abdul Rahman bin Jamaan  
Nazhatulshima Nolan  
Mohd Izuan Ismail

### **Karya Kreatif**

Dr. Noriah Ismail  
Siti Zariq Sofiah Abu Bakar  
Zuraidah Sumery  
Ainol Hasanah bin Jalaludin  
Fairuz Husna binti Mohd Yusof  
Noridah Sain  
Nazhatulshima Nolan  
Siti Fatimah Mohd Radzi  
Munirah Azrae  
Farhana Idris



**LAPORAN AKTIVITI  
JABATAN DAN  
PENSYARAH**

## MENYUSURI TIKUNGAN AKTIVITI PERSATUAN BAHASA MANDARIN

Persatuan Bahasa Mandarin (PBM) bergiat aktif pada setiap semester semata-mata menyediakan ruang dan peluang kepada para ahli JK Pelaksana PBM dan semua pelajar yang mengambil Bahasa Mandarin untuk mengasah bakat mereka berbahasa dan berpersatuan. Bagi tahun 2019, PBM juga tidak terkecuali menganjurkan pelbagai aktiviti khusus untuk mendedahkan para pelajar kepada barisan kepimpinan PBM, dan memberitahu tentang kegiatan yang dilaksanakan oleh PBM serta menggalakkan para pelajar mengambil bahagian dan seterusnya merencanakan program PBM agar ia kekal relevan dan memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat.

Bagi tahun 2019, PBM telah memulakan langkah dengan menganjurkan program yang bermauduk "Let's Mingle with the Dragons of PBM". Program ini dianjurkan pada 10 Mac 2019 jam 8:00 malam sehingga 10:00 malam bertempat di LT2. Para pelajar yang hadir ke program ini telah didedahkan dengan barisan kepimpinan PBM bagi sesi Januari 2019 hingga Disember 2019. Melalui program ini, para peserta telah didedahkan dengan aktiviti-aktiviti yang telah dianjurkan pada tahun 2018 dan yang bakal dianjurkan pada semester Mac – Jun 2019.

Program kedua yang dilaksanakan adalah "Let's learn Hanzi Mei Xue". Aktiviti ini telah dijalankan pada 30 Mac 2019 jam 8:00 pagi hingga 1:00 petang. Para peserta yang terpilih telah berkampung di LT2 untuk mempelajari tentang asal usul pembentukan Hanzi dan kaedah-kaedah penulisan Hanzi dengan lebih baik dan berkesan. Puan Koh Mui Lee dari Sekolah Menengah Kebangsaan Cina Seg Hwa, Segamat telah diundang khas untuk memberi ceramah kepada para peserta. Rata-rata para peserta berpuas hati dengan tunjuk ajar dan limpahan ilmu yang ditumpahkan oleh Puan Koh pada pagi Sabtu yang indah itu.



*Tetamu VIP yang hadir*



*Antara exco yang terlibat*



Sesi ceramah bersama Puan Koh Mui Lee



Antara exco yang terlibat

Pada bulan Ramadhan tahun 2019 pula, PBM tidak ketinggalan menganjurkan program “Sinari Ramadhanmu” pada 17 Mei 2019 mulai jam 3:30 petang hingga 10:00 malam yang bertempat di Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Islam Segamat (PKAYIS) di Gemerah, Segamat. Program ini telah dilaksanakan secara kerjasama dengan Gerakan Pengguna Siswa UiTM Johor. Program kolaborasi bersama-sama PKAYIS dan Gerakan Pengguna Siswa maju setapak lagi bagi PBM untuk belajar cara bekerjasama dengan pihak lain agar pengalaman yang ditimba dapat dijadikan bekal saat mereka mempunyai kerjaya atau aktif dalam komuniti masing-masing. Sempena bulan Ramadhan juga, anak-anak yatim di PKAYIS dapat mengisi masa mereka dengan lebih berkualiti kerana dapat beriadah bersama-sama siswa-siswi UiTM Johor. Melalui program ini juga, diharapkan para peserta dapat menanam niat untuk melanjutkan pelajaran di menara gading pada suatu hari nanti.



Para peserta mendengar taklimat aturcara program



Pengerusi Majlis

Disediakan oleh:  
**AINOL HASANAL BIN JALALUDIN**

## **'HEAR ME OUT! FOR MDAB PROGRAMME'**

Pada 18 April 2019, program '*Hear Me Out! for MDAB Programme*' telah diadakan khusus untuk pelajar *Mengubah Destini Anak Bangsa* (MDAB) yang mengambil kursus ELC030 (English for Pre-Diploma). Ini merupakan salah satu aktiviti anjuran APB dalam usaha untuk membantu pelajar ELC030 dalam menguasai Bahasa Inggeris dengan cara yang lebih menarik dan interaktif. Di samping itu, pertandingan ini bertujuan untuk membantu para pelajar meluaskan perbendaharaan kata mereka. Program yang bertempat di Bilik Sekretariat, UiTM Cawangan Johor ini telah dihadiri oleh 13 orang pelajar MDAB. Program ini memfokuskan pengucapan awam di mana para pelajar diberi peluang untuk berkongsi topik yang dirasakan menarik dengan para hadirin. Ini adalah untuk membina keyakinan diri yang lebih tinggi di dalam diri para pelajar dalam pada masa yang sama membolehkan mereka meluahkan pendapat masing-masing dengan lebih berani.



*Para pelajar dan juri yang terlibat*



*Pemenang-pemenang pertandingan*

## **'THE STAGE IS OURS'**

Program '*The Stage is Ours*' telah diadakan pada 21 Mei 2019 bertempat di Dewan Kuliah 1, UiTM Cawangan Johor. Program ini melibatkan 24 orang pelajar Diploma Bahasa Inggeris Komunikasi Profesional LG120 yang mengambil kursus ALS103 (*Introduction to Literature*). Ini merupakan salah satu tugas penilaian berterusan berdasarkan silibus yang meliputi 40% markah dari markah keseluruhan. Selain itu, para pelajar juga didedahkan dengan pembentangan tugas di hadapan pelajar-pelajar dari fakulti berbeza. Para pelajar mempersembahkan teater lakonan mereka yang diadaptasi daripada himpunan cerita dongeng yang diberi interpretasi sendiri. Program ini menyediakan platform untuk para pelajar menjadi lebih kreatif dalam berkarya dan berkeyakinan dalam penggunaan Bahasa Inggeris yang semestinya membantu pembangunan sendiri mereka.



*Antara aksi-aksi para peserta.*



*Peserta-peserta yang terlibat.*



*Antara aksi-aksi para peserta.*

Disediakan oleh:  
**FAIRUZ HUSNA BINTI MOHD YUSOF**

## KERJASAMA ANTARA APB BERSAMA PELAJAR UiTM CAWANGAN JOHOR, DAN PELAJAR SEKOLAH DATO' SERI MAHARAJALELA (SKDSM): BUKU FACTS X FICTIONS

Tahun 2019 menyaksikan kejayaan seramai 6 orang pensyarah APB UiTM Cawangan Johor membimbing 53 pelajar sekolah rendah luar bandar menerbitkan karya kreatif mereka dalam satu buku. Buku bertajuk *YEAR 5: FACTS X FICTIONS* ini memuatkan 53 karya kreatif berbentuk sajak dan cerita pendek yang ditulis dalam Bahasa Inggeris. Ini merupakan projek yang bermula pada Julai 2018 dengan pembiayaan RM3000 oleh Khind Starfish Foundation, Project for Happiness. Projek ini juga disertai oleh 13 pelajar Diploma UiTM Cawangan Johor yang diketuai oleh Ibnu Orhan Gazi, bertindak selaku fasilitator yang bertugas menjalankan 5 aktiviti sepanjang September hingga November 2018 berpusat di Sekolah Dato' Seri Maharajalela, Segamat, Johor. Projek ini mendapat kerjasama dan sokongan penuh dari Prof. Madya Dr. Ahmad Naqiyuddin Bakar, Rektor UiTM Cawangan Johor, Ketua Pusat Pengajian Akademi Pengajian Bahasa, Encik Jafri bin Jawahil, Tn. Haji Ismail bin Mohamed, Guru Besar Sekolah Dato' Seri Maharajalela, Segamat, Johor dan pihak Khind Starfish Foundation.




Ketua Fasilitator, Ibnu Orhan Gazi bin Masón semasa pelancaran buku di SKDSM



Pelajar sekolah SKDSM bersama guru, fasilitator, dan penasihat yang terlibat



Barisan pensyarah APB yang terlibat sebagai penasihat



Muka depan buku yang diterbitkan

## MAJLIS TILAWAH AL-QURAN DAN NASYID ANTARA PERTUBUHAN ANAK-ANAK YATIM

Pada 13 April 2019, anak-anak yatim dari Rumah Darul Saadah kelolaan Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Islam (PKAYI) Daerah Segamat telah menyertai 17 pertandingan di Majlis Tilawah Al-Quran dan Nasyid Anak-anak Yatim Islam Negeri Johor yang berlangsung di dua sekolah di Pontian, Johor; SMK Dato' Pengawa Barat dan SMK Dato' Ali Hj Ahmad. Pertandingan anjuran PKAYI Daerah Pontian itu disertai oleh kesemua 10 PKAYI di negeri Johor. Pertandingan peringkat negeri ini diadakan untuk memilih peserta-peserta untuk ke Majlis Tilawah Al-Quran dan Nasyid PEYATIM Peringkat Kebangsaan kali ke-21 untuk tahun 2019M/1440H bertempat di Balai Islam Lundang, Kota Bharu, Kelantan pada 13 – 17 Ogos 2019.

Antara acara yang dipertandingkan adalah syarahan Bahasa Melayu, syarahan Bahasa Inggeris, tilawah Al-Quran, nasyid dan berzanji. Kesemua pertandingan, kecuali azan, dibahagikan kepada kategori pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

Saudara Aimaduddin bin Mahat mewakili PKAYI Daerah Segamat (PKAYIS) untuk pertandingan syarahan Bahasa Inggeris bagi kategori pelajar lelaki, dan saudari Nur Ashikin binti Rahim untuk pertandingan yang sama bagi kategori pelajar perempuan. Kedua-dua pelajar menyampaikan syarahan yang bertajuk "Social Networks and Our Young Generations". Teks syarahan saudara Aimaduddin disediakan oleh saya sendiri, manakala teks syarahan saudari Nur Ashikin disediakan oleh Puan Hajah Ramlah binti Yaakub (seorang pesara guru dan sukarelawan yang aktif dalam aktiviti-aktiviti PKAYIS). Saya juga turut melatih kedua-dua peserta ini beserta peserta-peserta syarahan Bahasa Melayu, saudara Muhammad Shafiq bin Sohri dan saudari Maizatul Umiumairah binti Abdul Wahab. Saudara Muhammad Shafiq berjaya menggondol tempat pertama, dan kedua-dua peserta syarahan Bahasa Inggeris berjaya memenangi tempat ketiga.

Dengan kemenangan beliau, saudara Muhammad Shafiq telah mewakili negeri Johor dalam pertandingan syarahan Bahasa Melayu kategori pelajar lelaki pada Majlis Tilawah Al-Quran dan Nasyid PEYATIM Peringkat Kebangsaan kali ke-21 pada 16 Ogos 2019. Beliau menyampaikan syarahan bertajuk "Peranan Ummah dalam Memperkasa Anak Yatim" yang ditulis oleh Ustaz Mohamad Zaki bin Razaly dari ACIS, UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat. Saudara Muhammad Shafiq berjaya menyampaikan syarahan beliau dengan lancar dan bersemangat sekali. Namun, kemenangan tidak berpihak kepada beliau. Pertandingan tersebut dimenangi oleh wakil dari Perak, diikuti oleh wakil-wakil dari Melaka dan Terengganu. Walaubagaimanapun, syabas dan tahniah kepada saudara Muhammad Shafiq atas usaha dan keazaman beliau!!



Aimaduddin, Shafiq, Hanel (Sajak Lelaki), Haryati, Arlieya Natashya (Sajak Perempuan), Nur Ashikin dan Maizatul Umiumairah di SMK Dato' Ali Hj Ahmad, Pontian



Kontinjen PKAYIS di Majlis Tilawah Al-Quran dan Nasyid Anak-anak Yatim Islam Negeri Johor



Saudara Muhammad Shafiq bin Sohri bersama sebahagian AJK PKAYIS dan penyokong

Disediakan oleh  
**HARYATI BINTI AHMAD**



Saudara Aimaduddin bin Mahat

## Week Without Walls DEPC BBM154 di ITBM

32 orang pelajar semester 2 subjek BBM154 Bahasa Melayu untuk Tujuan Terjemahan yang sedang mengikuti program *Diploma in English for Professional Communication* telah membuat lawatan akademik ke Institut Terjemahan dan Buku Malaysia di Wangsa Maju, Kuala Lumpur pada 25hb April 2019 sebagai aktiviti kelas sempena minggu "Week Without Walls".

Lawatan akademik pertama untuk kumpulan pelajar tersebut bertujuan untuk memberikan pendedahan tentang aktiviti bidang terjemahan sejak ITBM, yang terlebih dahulu dikenali sebagai ITNM ditubuhkan pada 14 September 1993.

Pengisian pertama lawatan adalah sesi taklimat oleh Puan Norzaiti, Pegawai Perhubungan yang menyampaikan taklimat pengenalan tentang fungsi ITBM untuk menaikkan taraf industri terjemahan, memindahkan pengetahuan di arena antarabangsa serta meningkatkan karya penulis di Malaysia. Pelajar turut berpeluang bersoal jawab tentang kadar bayaran dan pendapatan para penterjemah dan jurubahasa. Selesai taklimat, rombongan pelajar ini dibawa ke stesyen kerja para penterjemah dan editor di Tingkat 3. Mereka berpeluang bertanya sendiri dan melihat cara kerja yang sedang dilakukan.

Selain berpeluang menemubual beberapa orang penterjemah dan editor, mereka turut bertuah kerana dapat menjadi pemerhati kepada Kursus Jurubahasa Mahkamah yang sedang diikuti oleh pelajar-pelajar Thailand.

Sesi terakhir adalah lawatan ke Kedai Buku ITBM yang sedang mengadakan jualan dengan potongan harga yang menarik. Pelajar berpeluang menikmati harga diskaun istimewa untuk pembelian pada hari itu.



*Pelajar-pelajar program Diploma in English for Professional Communication yang turut serta dalam lawatan*

Sewaktu perjalanan pulang, aktiviti di dalam bas turut diadakan. Soalan kuiz tentang lawatan telah diadakan dan pelajar yang dapat menjawab soalan diberikan hadiah. Selain itu, aktiviti menterjemah lirik nyanyian daripada Bahasa Melayu ke Bahasa Inggeris dan Bahasa Inggeris ke Bahasa Melayu turut diselitkan.

Kesimpulannya, objektif program tercapai disamping pelajar dapat belajar cara mengendalikan program.

## TAHBIB AL-LUGHAH AL ARABIYYAH

Pada 21-25 April 2019 yang lalu, Unit Bahasa Arab, Akademi Pengajian Bahasa, UiTMCJ telah menganjurkan program yang diberi nama Taahbib Al-Lughah Al Arabiyyah bertempat di Dewan Kuliah Jauhari. Program ini telah melibatkan sejumlah 644 orang peserta yang merupakan pelajar-pelajar UiTMCJ dari pelbagai program iaitu BA111, BA114, BA119, AC220, BA249 dan IM246.

Program ini bertujuan memupuk rasa cinta terhadap Bahasa Arab dalam kalangan pelajar melalui tiga aktiviti pertandingan iaitu pertandingan nyanyian lagu Bahasa Arab untuk pelajar-pelajar yang mengambil kod kursus TAC151, pertandingan penulisan kreatif Bahasa Arab untuk pelajar-pelajar yang mengambil kod kursus TAC101, dan tayangan filem Bahasa Arab serta kuiz bertemakan budaya bangsa arab untuk pelajar-pelajar yang mengambil kod kursus TAC401.

Sebilangan besar para peserta bukan sahaja telah menunjukkan minat untuk mendalami Bahasa Arab, malah mereka juga dilihat mampu menzahirkan kreativiti melalui persembahan dan penulisan yang dihasilkan. Jelasnya, program seperti ini perlu dianjurkan lagi pada masa akan datang bagi membantu para pelajar UiTMCJ meningkatkan kemahiran menggunakan Bahasa Arab dalam kehidupan seharian.



*Gambar-gambar aktiviti*

Disediakan oleh:  
**DIA WIDYAWATI BINTI AMAT**



## Penyertaan Sebagai Ahli Panel hakim di Pertandingan Antarabangsa 'Humans In Space Youth Art Competition' USA

Dr. Noriah Ismail telah sekali lagi dipilih untuk menjadi salah seorang ahli panel hakim bagi Pertandingan International Humans In Space Youth Art Competitions 2019 yang di anjurkan oleh SciArt Exchange USA dan mendapat tajaan serta kerjasama dari The Association for Space Explorers (ASE), NASA, Lunar and Planetary Institute, Aerospace Industries Association. Dr Noriah Ismail merupakan satu-satunya hakim yang terpilih dari Malaysia dari 85 orang ahli panel daripada 36 buah negara. Panel hakim yang dipilih terdiri daripada pakar-pakar berkenaan aeroangkasa, sains, teknologi, kesusateraan, muzik, penulisan dan juga industri hiburan.



**SciArt EXCHANGE**

HUMANS IN SPACE  
**YOUTH ART COMPETITION**  
*BE INSPIRED. BE CREATIVE. BE HEARD.*

**ATTENTION GREATER HOUSTON!**

We are calling on the generation that will take the next giant steps into space. If you are between 10-18 years old and local help shape our ideas of the future of space exploration by creating and sharing your visual art. Winners displayed at the MFAH and attend Assoc. of Space Explorers Reception.

**CONTEST INFORMATION**  
<https://humansinspaceart.org/>

Entries due July 31, 2019

**QUESTIONS**  
[info@sciartexchange.org](mailto:info@sciartexchange.org)

**WHAT WILL WE DO ON THE MOON?**

**WHY IS IT IMPORTANT?**

You tell us.

**SciArt** | **OWC**

[www.sciartexchange.org](http://www.sciartexchange.org)

Pertandingan antarabangsa ini telah bermula pada 31hb Mei dan berakhir pada 31hb Julai 2019. Lebih 500 penyertaan dari 36 buah negara di seluruh dunia telah menyertai pertandingan ini yang dibuka kepada belia didalam lingkungan umur 10-18 tahun yang telah menghantar karya berbentuk video, muzik, lukisan dan juga penulisan kreatif bertemakan kepentingan kajian dan explorasi manusia di bidang angkasa lepas. Di dalam pertandingan ini hasil karya telah dinilai dari segi kesesuaian tema, mesej dan juga ciri estetika. Karya-karya terpilih sebagai juara telah di pameran di Museum of Fine Arts Houston USA dan akan ditayangkan di seluruh dunia melalui pameran maya di seluruh dunia. Pemenang utama bagi setiap kategori pula mendapat peluang bertemu dengan angkasawan dari seluruh di Majlis Resepsi ASE. Senarai panel hakim, pemenang dan hasil karya boleh dilihat melalui laman web rasmi pertandingan ini:<http://www.sciartex.net/moon-youth-art-competition-gallery.html>

## Laporan Aktiviti TAME

The Aristocratic Members of English (TAME) ditubuhkan pada sesi September 2018/2019 di mana Puan Fazdilah Md Kassim dan Puan Derwina Daud telah dilantik menjadi penasihat-penasihat kelab ini. Aina Yasmin Azizi telah dilantik sebagai Presiden bagi kelab TAME manakala Insafi Saifin dilantik sebagai Naib Presiden kelab. Nur Layli Mohamed Khayandari ialah Bendahari kelab manakala Setiausaha bagi kelab TAME ialah Muhammad Hariz Mohd Hanapi.

Mesyuarat telah diadakan dan perlantikan ahli eksekutif (EXCO) bagi kelab TAME, iaitu EXCO Perhubungan, Protokol, Akademik, Kebajikan serta Multimedia adalah seperti berikut:

- EXCO Perhubungan: Amir Amsyar dan Ejiofor Adam Young
- EXCO Protokol: Ahmad Eeiman Hafeezd dan Najlaa Huda
- EXCO Akademik: Rabi'atul Adawiyah dan Ahmad Khairunee
- EXCO Kebajikan: Nur Faiqah Abqarah dan Azlin Nadira
- EXCO Multimedia: Mohammad Nabil Asyraf, Nurul Hanisah dan Amirah Huda Dini

Ahli-ahli kelab yang lain juga telah bersetuju dengan slogan TAME iaitu “Imperium in Imperio” yang membawa maksud kepada “Empayar di dalam empayar yang lain”. Logo kelab juga telah dipilih dan dipersetujui oleh semua daripada keempat-empat logo yang dicadangkan:



Mesyuarat telah berakhir dengan perbincangan penubuhan aktiviti-aktiviti untuk kelab TAME pada masa hadapan seperti program *Team Building*, aktiviti penerapan adat dan budaya serta pertandingan “*News Anchor and Infographic*”.

Pada 14 Mac hingga 16 Mac 2019, seramai 70 pelajar serta fasilitator Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Johor, Kampus Segamat telah melibatkan diri dalam program '*team building*' dan '*character building*' di Serama Adventure Park, Melaka selama 3 hari dan 2 malam. Seramai 15 ahli The Aristocratic Members of English (TAME) telah mewakili kelab bagi program ini.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang program tersebut, antaranya adalah seperti aktiviti lasak '*Iron Man Walk*' dan '*Flying Fox*', di mana para pelajar perlu mencabar diri untuk mengatasi perasaan gayat dan takut mereka agar dapat mengukuhkan sifat keberanian dalam diri. Seterusnya, kepantasan refleks pelajar juga diuji dengan permainan yang menguji minda. Aktiviti secara berkumpulan amat ditegaskan sepanjang program ini, di mana setiap pelajar haruslah bekerjasama dengan ahli kumpulan dan perlulah sentiasa memberi sokongan antara satu sama lain, seperti aktiviti yang dilakukan iaitu '*Tires Adventure Challenge*' dan juga '*Survival Cooking*'. Program ini telah ditamatkan dengan aktiviti terakhir, di mana semua pelajar perlu bekerjasama untuk melakukan huruf 'T' yang terbesar - melambangkan semangat '*Teamwork*' (Kerjasama). Di penghujung program, pelajar telah dinasihatkan bahawa perkara yang penting dan besar tidak dapat disiapkan melainkan adanya kerjasama antara satu sama lain.

Pada 21 Mac hingga 23 Mac 2019 pula, seramai 15 ahli kelab TAME telah melibatkan diri dalam program ICON yang telah dijalankan di Ismah Beach Resort. Objektif program ini adalah untuk melahirkan dan mengasah lagi '*soft skills*' serta membentuk perwatakan '*leadership*' dalam diri setiap pelajar yang telah menghadiri program tersebut. Majoriti aktiviti yang telah dijalankan sepanjang program ini berteraskan konsep kerjasama seperti mewujudkan program antarabangsa. Para pelajar telah dibahagikan kepada dua kumpulan, dan setiap pelajar telah diamanahkan dengan tugas masing-masing agar proses perbincangan program antarabangsa tersebut dapat berjalan dengan lancar. Sepanjang aktiviti ini, pelajar perlu menolak semua kelainan serta bijak menyelesaikan sebarang konflik agar mereka mampu bekerjasama untuk mewujudkan program tersebut. Kemudian, pelajar telah dipecahkan lagi kepada kumpulan yang lebih kecil untuk melakukan aktiviti seterusnya. Setiap kumpulan diberi masa tertentu untuk melukis sebuah pulau yang merupakan negara mereka sendiri. Pelajar perlu memikirkan tentang kedudukan kemudahan yang strategik, ciri-ciri keselamatan pulau, serta mata wang negara tersebut. Melalui aktiviti ini, pelajar dilatih lagi untuk berfikir di luar kotak agar dapat membina sebuah pulau yang realistik dan terurus. Aktiviti yang dijalankan pada hari terakhir juga berteraskan konsep bekerjasama, di mana ia merupakan elemen yang paling penting untuk menang sesuatu acara. Encik Muru, salah seorang daripada fasilitator yang hadir, telah menegaskan lagi bahawa aktiviti yang dilakukan mengajar diri pelajar tentang sifat bekerjasama. Jika mereka tidak bekerjasama, matlamat tidak akan tercapai.



Gambar-gambar aktiviti yang disertai oleh ahli-ahli TAME

Disediakan oleh:

**FAZDILAH BINTI MD KASSIM**



**KARYA AKADEMIK  
DAN UMUM**



## WHAT IS IT LIKE TO RAISE A GLOBAL DEVELOPMENTAL DELAY (GDD) CHILD

By Derwina binti Daud

Imagine this.

You wanted your child to clean up her messy bedroom, you called her many times, but she was nowhere to be found. Not a click sound, not even sounds of footsteps. You became curious, and you got up from your seat to search for her, there she was, sitting nicely in her room doing nothing. You caught her gaze, but she did not respond to you; no blinking, no smiles. Nothing, except blank gaze.

As a normal human being, the first emotion that crosses your mind of course anger and probably the thought of pinching or even spanking her. But, as soon as you entered her room, you also did nothing, except to realise the fact that she will not be able to comprehend your instructions clearly, let alone executing the instructions.

Yes, that is what we have been facing for the past eight years, and probably for the rest of her life; our youngest child has been diagnosed with Global Developmental Delay (GDD) since the age of 5. The moment we were informed, we were glad that finally someone in authority said something about her condition. All this while, we thought that she may suffer from ASD (Autistic Spectrum Disorder); in fact when she was in her preschool, the teacher said the same thing.

I still remember few incidences when she was in her preschool; she refused to enter the school, she even refused to make friends with other kids. She spent the first few months in “isolation”, although she was in the class. I must admit that we felt bad, so bad about this. Most of other parents must have thought that our child is a snob, for refusing to play with their children.

The truth is, some of GDD traits are very similar to ASD, and one of the traits is that children with ASD and GDD dislike when their routines are disrupted, and when their routines are compromised, this may cause *meltdown* (a condition where an autistic child finds it difficult to express their feelings appropriately). This happened very often in the first few years of my child’s life, I would say up until she was about 5, and slowly disappearing when she entered primary school. Other parents with ASD children may have their way to console their children during the meltdown period, but we have our own way. Our therapist suggested to us that hugging would actually help her when she is experiencing meltdowns; to be specific, hugging her from her back, while caressing her hair and kissing her head, and slowly bring her down to a sitting position.

We actually developed our own method, and our child seems to enjoy this method better than the method suggested by our therapist. Whenever she is about to experience meltdown (we just know it), I would sit down, looking straight into her eyes (even when she fails to do, I would still search for her eyes and look straight). The first few seconds may go by in silence, but as soon she catches my eyes, she will start to calm down and begin “telling” (she still has problems with her communication, in fact, she is still unable to say out things properly) what happens, or even what does she want. And since she is still unable to say out things, she would just pin point to us, or even grab our hands and quickly and go to wherever she wants to. We have been practising this method since she was about three (we have been informed by her pediatrician the day she was born that she may develop cognitive problems) and most of the time it worked. But she is growing up, she feels that she no longer needs this. Now, she prefers to try to say out things, although things that she says may not be exact and precise. But the point is, she has developed her self-confidence slowly. What’s more is that she manages to walk up to people and try to establish contact, although she knows that those people may not be able to understand what she is trying to say.

If this happens to you, how would you react? Would you just walk away from them, while making faces (We have met people who make faces in front of us!)? Or would you try your best to understand them?

An advice from us, embrace them. Celebrate the fact that they try to walk up to you to talk, to probably to mingle or even make friends. Children with ASD or other disabilities are curious in their own as “why they can’t understand us?” lower down your expectations towards them, praise them for little good deed that they do, put trust in them. What is more important in their life is that they know how to differentiate between good and bad, to be able to take a good care of themselves. They may not be able to achieve more later in their life, but as long as they know that they are appreciated and loved, they will do fine. Don’t wrap them so tight just because they have disabilities, put your trust in them, make sure that they know that whatever happens, they will always have you as their strongest sidekicks. Because if we don’t, who else will do?



## DYSLEXIA: A PERSONAL ENCOUNTER

By Haryati binti Ahmad

A warning bell pealed in my mind that something may be wrong when my second daughter, *Adik*, was still struggling with reading, spelling and writing towards the end of her Standard 1. More still, when I had to go out of town for work one day, she wrote me a sweet note and among others she asked me not to forget to buy some *jajan* for her. The hooks for her 'j's were written the wrong way!!!

*Adik* was officially diagnosed as a mild-to-severe dyslexic on 1 January 2013. In simple words, her condition then was judged as mild; but, without intervention it could become severe.

Some of the things that I learned at the Johor Bahru branch of Dyslexic Association of Malaysia that day included the facts that not only dyslexics see some letters in their mirrored images (thus, the confusion with 'b's and 'd's, and p's and 'q's), but they may also see, read and write alphabets and syllables in reverse (since then, *Adik* once copied 'toes' as 'tose' and read '*butik*' as '*bukit*'). In addition, they will usually also have problems with mathematics and short attention span.

After some days of moping around, I took two urgent steps: I asked *Adik* what she saw on a page while reading, and I spent days in front of my computer researching about dyslexia. *Adik*'s answers were that the pages were "*terang sangat*" and the writings were "*berhimpit-himpit*".

The Internet yielded more answers. I found numerous interventions that can be applied to *Adik*. One that worked for us was paired-reading. At the beginning, we alternately read aloud one paragraph to each another. She would read one paragraph, and I read the following paragraph, and she continued with the next paragraph. We stopped after two or three pages. Then, there came the day when she was able to read one whole page before I needed to read anything. Progress was slow, but sure, and rewarding.

*Adik* is 14 this year. She no longer sees pages as "*terang sangat*" and writings as "*berhimpit-himpit*". And I had stopped being her reading buddy a long time ago. However, as dyslexia is a life-long learning difficulty, she still frequently asks me how to spell some words, she still reads and writes words wrongly (recently she read '*naan*' as '*nana*', and wrote 'first' as 'frist') and she still struggles when solving Math word problems.

Dyslexia is not a sickness. It is a learning difficulty that requires early assessment and intervention. Early diagnosis is the first step in getting a dyslexic the help she needs, and early intervention ensures that any potential severity associated with this condition can be properly averted and/or managed.

Thus, as teachers may not have the training to identify the dyslexics in their class, it is the parents who should have some knowledge about dyslexia. Armed with the knowledge, they can immediately take their children for a psychoeducational evaluation when they notice some dyslexia warning signs in them.

When a child is diagnosed as a dyslexic by a licensed expert, it is normal for the parents to feel sad about it. However, take heart, dear parents. Stay strong. We have been promised that “verily, with hardship, there is relief” (Quran 94:6). Our dyslexic children need us to be resolute and tenacious to help them thrive along with their non-dyslexic siblings and peers.

## **PERSIAPAN GRADUAN MENDEPANI CABARAN PEKERJAAN DI ERA REVOLUSI INDUSTRI 4.0**

Siti Fatimah Mohd Radzi

Di era globalisasi kini, setiap pekerja perlu diterapkan aplikasi pelbagai teknologi terkini di dalam industri untuk meningkatkan produktiviti kerja mereka. Hal ini kerana, dunia kini sedang bersiap sedia untuk berhadapan dengan Revolusi Industri 4.0 yang merupakan satu anjakan besar aplikasi konsep digital di dalam industri. Perubahan teknologi di era Revolusi Industri 4.0 ini akan menyebabkan sebahagian daripada pekerjaan yang ada pada hari ini akan dijumlahkan kewujudannya dan seterusnya akan mewujudkan pekerjaan baharu. Ini menyebabkan persaingan baharu bagi mendapatkan pekerjaan kepada pencari kerja lebih-lebih lagi dalam kalangan graduan.

Sejajar dengan itu, para graduan dinasihatkan untuk sentiasa mempelajari dan meneroka kemahiran dan ilmu baharu yang relevan dengan revolusi ini seperti Teknologi Robotik, Internet of Things(IOT), Additive and Intelligent Manufacturing, dan Cloud System supaya para graduan kekal relevan dengan keperluan industri. Selain itu, pelajar di universiti juga perlu menguasai elemen 4C dalam mendepani cabaran Industri 4.0. Forum Ekonomi Dunia (WEF) menggariskan pentingnya penguasaan elemen 4C iaitu Critical Thinking & Problem Solving, Communication, Collaboration dan Creativity pada semua peringkat pengajian, termasuk di menara gading. Jika di sekolah Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) menjadi nadi, pelajar di universiti usahlah leka berdiam diri. Kemahiran 4C mesti diasah setiap penjuror kehidupan, di kolej kediaman, dewan kuliah, merentasi aktiviti kesukarelawanan dan keusahawanan dan juga di padang sukan.

Tambahan pula, dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu kini sudah pasti cabaran dan kekangan untuk bersaing mendapatkan pekerjaan idaman sangat hebat dan terhad. Justeru, para pelajar hendaklah bijak mengambil peluang dan merebut apa jua program yang dianjurkan kerajaan bagi membantu mereka mencari pekerjaan. Graduan perlu berusaha memperbaiki kemahiran interpersonal dan meningkatkan produktiviti diri supaya mendapat tempat dalam pasaran kerja. Pelbagai peluang pekerjaan yang ditawarkan boleh diisi graduan di negara ini dengan syarat tidak terlalu memilih dan mementingkan soal gaji semata-mata. Graduan perlu ada sifat jujur dan taat kepada kerjaya yang diperolehi.

Tuntasnya, semua pihak termasuk pelajar perlu menyiapkan diri dengan kemahiran terkini bagi memastikan ia mampu memenuhi kehendak pasaran baharu ini. Hal ini kerana Industri 4.0 merupakan industri yang lebih mementingkan robot automasi dan analisis data besar dalam pelaksanaan tugas berbanding menggunakan tenaga manusia. Justeru, pengeluaran dari segi graduan sekarang cukup penting kerana hal ini berkaitan dengan isu kakitangan yang kompeten. Membuat pembaharuan yang penting dalam pendidikan akan menjadi satu langkah penting dalam meningkatkan taraf pendidikan dalam pendidikan tinggi. Hari ini, industri ini banyak bekerjasama dengan universiti bagi melatih lebih banyak pekerja mahir dan menyumbang secara aktif kepada industri. Oleh sebab itu, penglibatan pendidikan tinggi dalam sukatan pelajaran konsep Industri 4.0 sangat penting supaya pelajar dapat menyesuaikan diri dengan teknologi masa depan.

## **UMRAH D.I.Y**

**Abdul Rahman bin Jamaan**

Umrah DIY ialah perjalanan umrah ke tanah suci yang diuruskan oleh jemaah sendiri dari awal hinggalah akhir. Keistimewaan umrah diy ialah jemaah boleh merancang bajet dan tidak terikat dengan perjalanan pihak lain. Jemaah sendiri boleh membuat pilihan tiket dan perjalanan penerbangan dengan harga yang sesuai dengan bajet. Jemaah boleh menentukan hotel penginapan yang diinginkan di Mekah dan Madinah. Tempoh masa untuk berada di Mekah dan Madinah juga adalah fleksibel mengikut keadaan dan situasi jemaah itu sendiri.

Jemaah hanya perlu membuat permohonan visa daripada travel agensi tempatan. Namun, untuk permohonan visa ini, jemaah perlu terlebih dahulu mempunyai tiket penerbangan dan telah menempah hotel dan pengangkutan. Kos umrah DIY bergantung kepada dua faktor utama iaitu tiket penerbangan dan hotel. Tempoh bilangan hari berada di sana juga boleh memberi kesan kepada kos bagi seseorang jemaah itu. Jika jemaah dapat tiket penerbangan dan hotel dengan harga yang murah, kos keseluruhan akan menjadi murah. Sebagai panduan, kos purata mengerjakan umrah diy ialah sekitar RM3000 – RM3500 seorang ALL-IN selama 12 hari 10 malam.

Umrah DIY tidak digalakkan bagi mereka yang pertama kali ke tanah suci dan warga emas. Mereka digalakkan untuk mengambil pakej umrah 100% dari travel agensi sahaja. Bagi mereka yang ingin membuat umrah DIY, persediaan fizikal dan mental amat penting. Perjalanan dalam kumpulan yang sederhana tidak melebihi 8 orang adalah digalakkan. Jemaah juga perlu mempunyai kesihatan tubuh badan yang baik dan keyakinan yang tinggi serta perlu mematuhi peraturan kerajaan Arab Saudi selama berada di sana. Jemaah juga digalakkan untuk menguasai ilmu mengerjakan ibadat umrah sebagai persediaan sebelum berlepas ke sana.

## SENI LUKISAN- TERAPI DIRI YANG MENYEMBUHKAN DAN MENGUNTUNGKAN

Nazhatulshima Nolan

Minat dalam bidang seni lukisan bukanlah satu bidang yang baharu wujud di dalam diri. Malah sejak kecil lagi, saat ruangan cita-cita semasa Darjah Satu turut kerjaya pelukis telah menjadi dalam senarai impian. Subjek lukisan menjadi kegemaran dan sering memasuki pertandingan lukisan di pelbagai peringkat. Pencapaian tertinggi adalah ketika berjaya memperoleh pingat gangsa di dalam *International Tokyo Children's Art Competition* pada tahun 1988. Namun begitu, berada di aliran sains semasa di sekolah menengah membuatkan impian untuk meneruskan bidang seni lukis tidak dapat diteruskan. Keinginan yang terpendam tidak pernah padam. Malah, ia menjadi satu terapi diri di saat berada di dalam kesakitan atau kekusutan minda.

Bermula dengan pensel warna dan buku sketsa empat tahun lalu, iaitu pada tahun 2015, penulis lebih kerap melukis. Semuanya bermula pada 25hb Julai 2015 saat selesai peperiksaan akhir semester yang agak padat dengan urusan pemeriksaan kertas jawapan pelajar. Tekanan di kepala kesan pembedahan otak akibat Arteriovenous Malformation (AVM) menyebabkan penulis kembali melukis. Setelah menghadapi keadaan antara hidup dan mati dan hidup bak bom jangka, penulis tidak menangguhkan lagi cita-cita sejak kecilnya. Keadaan itu membuatnya tidak teragak-agak untuk melakukan sesuatu yang menjadi impian.

Seterusnya, hasil lukisan penulis di dalam buku lakaran saiz A5 dengan ketebalan kertas 150gsm turut dipaparkan kepada umum. Proses kreatif melukis dan hasil akhirnya dikongsikan di media sosial Facebook dan Instagram. Penulis sering menerima permintaan rakan-rakan di media sosial untuk melukiskan pelbagai jenis bunga-bunga. Setiap kali ada permintaan, sedikit kajian tentang bunga pilihan peminta akan dibuat melalui pembacaan dengan melihat pelbagai imejnya di Internet. Penulis lebih suka sekiranya dapat melukis objek tersebut di hadapan mata kerana itu lebih memuaskan hatinya kerana dapat melihat imej tersebut dengan lebih jelas.

Mulai 13 Februari 2017, penulis mula menjual karya lukisannya dalam cetakan produk pelbagai bentuk sebagai artis Creative United. Lukisan mawar merah menjadi imej yang pertama dicetak dalam pelbagai bentuk dan menerima tempahan secara dalam talian. Terkini, terdapat kurang lebih 200 rekaan sedia untuk ditempah dan dibeli. Secara tidak sengaja, minat yang pada awalnya sebagai terapi diri menjadi sumber tambahan kewangan. Malah, turut menyertai pertandingan *International Invention Innovation and Design (IIID)* dengan tajuk '*The Story of Sketchbook Gardener*' yang mempamerkan proses kreatif daripada idea dan lakaran sehingga menjadi produk dan yang mendatangkan keuntungan. Penyertaan ini telah berjaya mendapat pingat gangsa pada bulan Ogos tahun 2018.

Pada penghujung tahun 2018, penulis menerima mesej melalui Instagram daripada staf sebuah hotel di Sunway yang berminat mempamerkan lukisannya di bawah program pelukis tempatan. Di situlah permulaan lukisan akrilik bersaiz besar yang terpamer dan terjual. Hotel Artisan menjadi pemilik lukisan *13 Sunflowers Dancing* yang digantungkan di ruang kaunter resepsi hotel tersebut sehingga kini. Selain itu, terdapat dua lukisan yang masih dipamerkan di hotel tersebut.

Sejak penghujung 2018 sehingga kini, penulis tidak berhenti berpameran. Berikut adalah senarai pameran lukisan yang telah di sertai setakat ini:

Penyertaan Pameran Lukisan Berkumpulan:

1. *'Ray of Light'* di Hulo Hotel-7 November-23 Disember 2018
2. *'Spring is Coming'* di Hulo Hotel-13 Januari 2019-12 Februari 2019
3. *'ArtEDecor 2019'* di Matrade -7 Mac-10 Mac 2019
4. *'Ketika', Peluang 2.0* di Balai Seni Lukis Melaka – 27 Julai 2019-30 September 2019
5. *'Dancing Dreams'* di Shoppes at Four Seasons Place -3 September-17 September 2019
6. *'Wonder Women'* di Shoppes at Four Seasons Place -20 September 2019-30 September 2019
7. *'Bangkok Art Group Show'* di Chang Chui Gallery @ Chang Chui Creative Park-20 September-20 Oktober 2019

Penyertaan Pameran Lukisan Solo:

1. *'Expression of Passion'* di Da Men Mall -13 Februari -23 Februari 2019
2. *'The Expression of Brain AVM Survivor'* di Hospital Pengajar UPM-21 Jun 2019 (sempena 'Asean Conference on 3D Print in Medicine')

Sewaktu pameran solo *'Expression of Passion'* di *Da Men Mall* anjuran Art Market Malaysia, penulis berjaya menjual 6 keping lukisan. 4 lukisan cat air dan 2 lukisan akrilik.

Lukisannya bertajuk *Beautiful Broken Brain* pernah dipaparkan secara langsung di dalam rancangan Selamat Pagi Malaysia di RTM1 pada 25.12.2018 sewaktu lukisan itu di dalam proses pembikinan. Lukisan ini telah dilukis dalam tempoh setahun mulai bulan Februari 2018 sehingga siap pada 13 Februari 2019, iaitu di hari pelancaran pameran solo pertama yang telah dirasmikan oleh YB Wong Chen, Ahli Parlimen Subang dan telah dimeriahkan lagi oleh rombongan satu bas ahli PEWANI UiTM Cawangan Johor yang diketuai oleh Pengerusi PEWANI Cawangan UiTM Johor, Puan Rafidah Atan, isteri kepada Yang Berbahagia Rektor, Professor Madya Dr Ahmad Naqiyuddin Bakar.

Pameran solo ini turut mendapat liputan akhbar New Straits Times sebanyak 3 halaman penuh bertajuk *'When art helps one patient to recover from a rare brain condition'* pada 16 April 2019. Selain itu, penulis turut ditemubual oleh *Bernama News Channel* semasa pembukaan pameran berkumpulan ArtEDecor 2019 di Matrade, Kuala Lumpur di mana artis-artis tersohor tanah air turut berpameran.

Pameran solo kedua telah diadakan di Hospital Pengajar UPM pada 21 Jun 2019 dengan jemputan istimewa sempena 'Asean Conference on 3D Print in Medicine.' Konferens ini telah dihadiri oleh para doktor pakar dan pegawai perubatan yang telah dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Professor Ahmad Sobri Muda, iaitu doktor yang telah merawat penulis dengan kaedah prosedur embolisasi di bahagian otak sebagai rawatan AVM.

Kesimpulannya, usah lupakan niat, impian dan cita-cita sejak kecil yang masih belum tercapai. Setiap kesakitan dan kesusahan akan menjadi nikmat yang indah apabila kita selalu bersyukur.



Ketika dijemput ke Rancangan 'Selamat Pagi Malaysia'



Artikel mengenai Penulis yang diterbitkan di dalam New Straits Times



Pameran Solo 'Expression of Passion' di Da Men Mall dengan YB Wong Chen, Pengerusi PEWANI UiTM Johor, Puan Tafidah Atan serta rombongan ahli PEWANI pada 13 Februari 2019.

## LAWATAN KE AFRIKA Mohd Izuan Ismail




Baru-baru ini, saya berpeluang berkunjung ke Afrika Selatan daripada 21 Julai 2019 sehingga 3 Ogos 2019. Kos tiket pergi balik ke sana adalah RM2,650, penginapan dan kereta sewa RM2,500 dan kami berkongsi mobile Wi-Fi dengan bayaran RM100 seorang. Saya membawa duit belanja sebanyak RM2,000 (tukar di MidValley). Terdapat banyak tempat menarik yang saya lawati di sana, namun saya memilih untuk berkongsi pengalaman saya berkunjung ke Kruger National Park, Table Mountain dan penghujung benua Afrika. Untuk pengetahuan anda, ketika tarikh tersebut, Afrika Selatan sedang mengalami musim sejuk. Tiada salji, hanya angin sejuk yang bertiup kuat walaupun matahari bersinar terik. Anda perlukan pakaian tebal ketika ini. Kebanyakan tumbuh-tumbuhan di bumi Afrika berwarna coklat kehitaman (jelas kelihatan dari atas kapal terbang).

Tempat pertama yang ingin saya kongsi adalah Kruger National Park. Jika anda ingin melihat haiwan liar di dalam habitat semulajadi mereka, ini adalah safari yang wajib anda kunjungi. Taman Negara ini terletak didalam wilayah Limpopo dan Mpumalanga (timur Afrika Selatan) manakala luas kawasan taman ini adalah 19,485 kaki persegi

Tiket masuk yang kami bayar adalah ZAR1200 (lebih kurang RM342) untuk sehari (8 pagi hingga 5 petang) dan harga ini termasuklah permit, seorang pemandu dan sebuah 4x4. Terdapat juga trip malam tetapi kami lebih suka pergi pada waktu siang. Anda juga boleh memandu kenderaan sendiri masuk ke sini dengan harga yang lebih murah, tetapi kami memilih untuk membayar lebih kerana pemandu lebih arif tentang kawasan tersebut dan lebih tahu dimana untuk mencari "Big 5" iaitu haiwan yang berbahaya untuk dijejaki secara berjalan kaki: singa, harimau bintang, gajah, kerbau dan badak sumbu. (Nota: Terdapat banyak lagi safari lain di Afrika Selatan, dan "Big 5" di safari lain ini mungkin berlainan dari "Big 5" di Kruger National Park.)




Menurut pemandu kami, musim sejuk adalah waktu yang terbaik untuk berkunjung ke safari kerana pada musim ini lebih banyak haiwan yang kelihatan untuk mencari makanan. Zirafah dan gajah adalah haiwan yang paling kerap kami temui disini. Kami bernasib baik kerana dapat melihat empat dari lima "Big 5" (kecuali harimau bintang). Berikut antara gambar haiwan liar yang sempat saya rakamkan:



Tempat berikutnya adalah Table Mountain. Ia terletak setengah jam perjalanan dari Cape Town. Ada kereta kabel disediakan jika anda ingin pergi ke puncaknya. Kami juga sempat melawat Lion's Head, Cape Point, Devil's Peak dan Signal Hill yang kebetulan dekat sahaja dengan Table Mountain.






Akhir sekali, kami ke hujung benua Afrika yang terletak di Cape L'Agulhas, 2 jam perjalanan dari Cape Town. Terdapat sebuah rumah api di sini dan kami naik ke atas untuk menikmati pemandangan yang cukup indah. Bagaimanapun, kelajuan angin di atas puncak rumah api boleh mencapai sehingga 30-40 knot (60-80 km sejam) dan saya boleh merasai deruan angin yang sangat kuat, seolah-olah cuba menolak saya jatuh kebawah. Mereka yang kurang berat badan tidak digalakkan naik kesini.



Seterusnya, kami ke hujung benua Afrika yang terletak tidak jauh dari rumah api tadi. Rasa terharu dan teruja kerana akhirnya dapat menjejakkan kaki disini, tempat dimana Lautan Hindi dan Lautan Atlantik bertemu.



Berada di tempat ini mengingatkan saya kepada Tanjung Piai di Pontian, Johor yang merupakan penghujung benua Asia. Sepanjang kembara di benua Afrika ini, saya belajar banyak perkara tetapi yang paling penting sekali adalah dapat menyaksikan kebesaran kuasa Allah swt dimana-mana. Terasa sungguh kerdil diri ini melihat keindahan ciptaan-Nya. Semoga saya dapat kembali lagi ke sini satu hari nanti insha Allah. Amin.



**KARYA KREATIF**

## *LET YOUR DREAMS SET SAIL*

*By Dr. Noriah Ismail*

*Let your dreams set sail,  
Away from the safe harbor,  
Like voyagers sailing on life's ebb tide,  
Ships sailing makes you reflect,  
On your journey in life,  
You know not what beckons you,  
Into the wild blue yonder of the sea,  
The vastness of the ocean,  
Makes you feel small,  
But free as well,  
So you joyfully set sail,  
Hoping for the best,  
Although fearing the worst,  
Alas, life is a gamble,  
You cannot conquer new oceans,  
Until you have the courage,  
To lose sight of the shore.*





## HAPPY MEMO

By Siti Zarikh Sofiah Abu Bakar

*Fetching the sun,  
With your ocean smile  
Laughing the birds  
From thousand miles*

*Dining in,  
When your four legs are filled  
Vanishing famine  
Though ceramics aren't killed*

*River eyes of yours  
Sea eyes of mine*

*Thunderstorm greets  
Hurricane leads*

*Invest them in me  
I shall be the key  
To your mountain LV  
I promise you'll see*

*My seventh heaven  
Is*

*You and me.*

## *AM I DESTINED HERE*

*By Zuraidah Sumery*

*Am i destined here?  
Not know what to expect  
Not know what to reject  
Not know what to inject  
Am i destined here?  
This abandonment  
This misery  
This uncertainty  
Am i destined here?  
Searching  
Pondering  
Lingering  
Am i destined here?  
Lonely  
Deserted  
Outcast  
Or I am destined here!*



## **DI PENJURU PENÄ AKU MEMEKAR**

Oleh Ainal Hasanah Jalaluddin

menemui diri di penjuru pena  
berbekal kalam menajam minda  
tidak sukar mengelak palitan urna  
atau daripada tercelup dakwat  
daerah kekata helah tersemat  
kerna hati yakin kuat  
isi melikat tanpa berpura hebat

coretan berjujur mengasah tajam mata nubari  
merakam sirah hari demi hari  
menikam kebatilan kanan kiri  
kerna tiada bertujuan mengajar  
jua, tidak sesekali berkutbah menyogok wajar

kala suria mengucup bibir pagi  
semangatku nyala segar kembali  
saat itu tiada siapa mampu mengejar  
diriku berlari di garisan pena yang memekar  
di puncak pena seniman yang sabar  
mengutip iktibar setelah ranum patih tersebar.

## **BLISSFULLY**

*By Fairuz Husna Mohd Yusof*

*Never has anybody warned me  
How occupied I would be  
How upset I could be  
How exhausting it might be  
How challenging it turned out to be  
When I stepped into motherhood.*

*But never has anybody forgotten to tell me  
How beautiful it would be  
When I see their smiles  
When I hear they laugh  
When I hold their hands  
When I kiss their cheeks  
When I hug them close  
And even when they sing their first ABC.*

*You see  
My world may never be  
As carefree  
But they suffice me  
For having them is blissfully.*



## Paint me \_\_\_\_\_

by Noridah Sain

I have this confession that I have to  
make.

Why is this happening for heaven's sake!

Is it just me or is it the fame?

For I couldn't even remember my own  
name!

You could watch me in the sky or see me  
in the deep,

I could be found on clothing, to absorb  
necessary heat!

You could easily see me on cars to make  
their appearances sleek,

so, people, what is this name that I wish  
to seek?

## Segamat Railway Bridge Nazhatulshima Nolan



Laluan harian ke tempat kerja menuju ke UiTM Johor, Segamat ini tidak pernah gagal mencuri tumpuan saya. Seringkali lokasi ini menjadi tempat kegemaran pelajar UiTM bergambar dengan jubah konvokesyen mereka selain pasangan pengantin bergambar kenangan.

Sebagai seorang pelukis, saya tidak melepaskan peluang untuk membuat lakaran pen dan warna cat air di buku lakaran kecil ini.

إعداد: سيتي فاطمة بنت محمد رازي، أكاديمية الدراسات اللغوية بجامعة مارا للتكنولوجيا

البراونيز من الحلويات المشهورة يفضلها عدد كبير منا. طريقة تحضير البراونيز ليست صعبة باستخدام مكونات رخيصة وبعضها متواجدة دائما في المنزل. يمكنك تحضيرها لضيوفك المفاجئين. وسأعرض لكم طريقة ووصفية عمل البراونيز في هذه المقالة.

● وقت التحضير

**مكونات:**

85 غرام زبدة - 2 حبة بيض - 150 غرام سكر الخروع - 70 غرام دقيق  
220 غرام شوكولاتة داكنة - 1 ملعقة صغيرة فانيليا - 2 غرام بيكنج باودر  
3/1 كوب كاكاو بودرة - 8 قطع شوكولاتة كادبوري - ورق زبدة للخبز

**خطوات:**

(1) نضع الزبدة والكاكاو بودرة وقطع شوكولاتة على حمام مائي ونحركها حتى تذوب تماما.



(2) في وعاء آخر نخفق البيض مع إضافة سكر الخروع والفانيليا ونحرك الخليط جيدا بالمضرب اليدوي.



(3) نضيف الخليط الثاني الى الخليط الأول. نحرك حتى يتجانس الخليط لمدة ثلاثة دقائق.



(4) نضيف الدقيق وبيكنج باودر بالتدرج ونحرك من تحت لأعلى حتى يمتزج الخليط. ثم نضيف قطع شوكولاتة كادبوري ونخلط جيدا.



(5) نضع ورق الزبدة على الصينية التي سنخبز بها كي نتأكد من عدم التصاق الخليط.

(6) نسكب الخليط في الصينية وندخله الى فرن مسخن مسبقا على درجة حرارة 160 لمدة 30 دقيقة. ممكن تزيين الوجه على الرغبة ويقدم بالعافية.



## تقويم البرنامج الموسوم بتحبيب اللغة العربية لتعزيز الرغبة الدافعية في تعلم اللغة العربية

منيرة أزراعي  
فرحانا إدريس

يُهدف المقرر الدراسي للغة العربية بجامعة مارا التكنولوجية (UiTM) إلى تمكين الطلاب من إدراك المهارات اللغوية العربية في المجالات المتعددة. ومن هذا المنطلق، قامت شعبة اللغة العربية تحت الإشراف قسم دراسات اللغات (APB) بإجراء البرنامج الموسوم بـ "تحبيب اللغة العربية". تمّ تقويم هذا البرنامج لتحقيق أهداف تدريس اللغة العربية في جامعة مارا التكنولوجية (UiTM) بوصفها لغة ثالثة، ولا سيما أعد البرنامج ميداناً فعّالاً للطلاب وفرصةً ذهبيةً التي لا يمكن إهمالها. فقد تم بعون الله تعالى إجراء هذا البرنامج في جامعة مارا التكنولوجية (UiTM) بولاية جوهر بمنطقة سكامت في 21 - 52 أبريل لعام 2019 للطلبة في المرحلتين: الدبلوم والبيكالوريوس. وشمل هذا البرنامج ثلاثة نشاط لغوي منها المسابقة في فن الأغنية العربية التي اشتركها 521 طالبا من مرحلة الدبلوم. قامت المسابقة في المستويين: المستوى الأولى التي فُتحت لجميع الفرق الدراسية للمادة TAC151 والمستوى الأخيرة التي اشتركت فيها الفرق المختارة من المستوى السابقة ذكرها. ومن النشاط أيضا المسابقة في فن الخط العربي التي اشتركها 43 طالبا من TAC101 ومناقشة كتابة النقد للفيلم العربي Chidren of Heaven التي اشتركها 123 طالبا من مرحلة البكالوريوس. كانت هذه النشاط الثلاثة ذات فوائد هامة للطلبة تتيح لهم الرغبة الدافعية في تعلم اللغة العربية وتظهر مواهبهم وكفاءتهم وقدرتهم للمعاملة بهذة اللغة الشريفة.



***AKADEMI PENGAJIAN  
ISLAM KONTEMPORARI***



## **PROFIL KETUA PUSAT PENGAJIAN**



**MOHAMAD ZAKI RAZALY  
KETUA PUSAT PENGAJIAN**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari  
UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat

**"Bukanlah ilmu itu apa yang  
dihafal semata-mata,  
tetapi ilmu yang sebenar adalah  
apa yang memberi manfaat."  
[Imam al-Shafi'e]**

## PROFIL PENULIS-PENULIS

### Laporan Aktiviti Jabatan dan Pensyarah


Prof. Madya Ahmad Nawawi Yaacob	Prof. Madya Zaludin bin Sulaiman
Nurfarhana Bte Mohd Daud	Muaz bin Omar
Munirah Zakaria	Nurfarhana Bte Mohd Daud
Mohamad Zaki bin Razaly	Dr. Syaimak binti Ismail
Mahasin binti Mearaj	Mohd Asyadi bin Redzuan
Masyfu'ah binti Mokhtar	Farah Hamizah binti Samsuddin
Siti Noor Ain binti Aziz	Dr. Saidin bin Wan Ismail
Mahasin binti Mearaj	Sidek bin Abdullah
Norizan binti Othman	Mohd Zainodin bin Mustaffa
Kamarulzaman bin Sulaiman	Nazrudin bin Hashim

### Karya Akademik dan Umum

Munirah Zakaria  
Sidek Abdullah  
Nurfarhana Mohd Daud  
Mohd Zainodin Mustafa  
Mahasin binti Mearaj  
Mohamad Zaki Razaly

### Karya Kreatif

Prof. Madya Ahmad Nawawi Yaacob  
Munirah Zakaria  
Sidek Abdullah  
Radhiah Zakaria,  
Siti Hanisah Mohd Amin  
Farah Hamizah Samsuddin  
Muaz Omar  
Nurfarhana Mohd Daud  
Noor Nasuha Zakaria  
Norizan Othman  
Shahidatul Ashikin Shahrani



**LAPORAN AKTIVITI  
JABATAN DAN  
PENSYARAH**

## KORBAN & CSR DI KEMBOJA

**Prof. Madya Ahmad Nawawi Yaacob**

Kali ketiga UiTM Cawangan Johor melakukan ibadah korban dan khidmat komuniti di Kemboja. Kali ini digerakkan oleh Team Jejak Pendeta di bawah Inisiatif Rektor UiTM Johor 2019, Prof Madya Dr Ahmad Naqiyuddin Bakar. Projek CSR dan Ibadah Korban UiTM Johor 2019 melibatkan lapan orang pensyarah dan lima siswa mewakili Kelab The Marketeers UiTM Johor yang berjaya mengumpul dana sejumlah USD8640 untuk pembinaan 48 unit telaga pam, RM6000 untuk empat buah tandas, korban 10 ekor lembu berjumlah RM24,500. Selain itu, pasukan ini turut menyumbang LCD, portable speaker, cordless mikrofon, buku iqra dan barangan harian kepada penduduk setempat.

Program berlangsung dari 13 – 18 Ogos di Kampung Tawai, Kampung Chhnang mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat setempat. Peserta mendiami rumah Ketua Kampung, Encik Omar dan 'Mak Eton', memasak dan memakan bersama-sama ahli keluarga dan orang kampung yang datang berkunjung. Prevensi Chhang terletak sejauh 90KM dari bandaraya Phnom Penh, dengan jumlah penduduk 700,000 di 546 buah perkampungan dengan aktiviti pertanian padi dan ikan air tawar sebagai sumber ekonomi utama. Majoritinya beragama Buddha dan sekelompok kecil penganut Islam di beberapa buah kampung di persisiran Sungai Mekong. Pertumbuhan industri yang pesat kini telah mengubah lanskap masyarakat Kemboja sebagai pekerja kilang yang berpendapatan tetap. Selain daripada rakan-rakan staf dan pensyarah, Pewani UiTM Johor dan Klinik Pergigian Dr Sabariah juga tidak ketinggalan untuk menyumbang bagi menjayakan projek ini. Terima kasih kepada Mak Eton di Kampung Tawai yang ditumpangi rumahnya, Sdr Yusouf yang menguruskan team Jejak Pendeta sepanjang di Kemboja. Kita beramal kerana Allah dan berserah kepada Allah jua.

## PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT KELAB INSOFT DENGAN KERJASAMA ACIS

**Nurfarhana Bte Mohd Daud, Munirah Zakaria**

Satu program khidmat masyarakat telah diadakan pada 4 Mei 2019 (Sabtu) pada jam 8 pagi-2.30 petang. Program ini memfokuskan kepada aktiviti pencucian telekung di tiga kawasan masjid berdekatan iaitu Masjid Jamek Bukit Tunggal, Pusat Islam Masjid Asy-Syakirin, Uitm Johor dan Masjid Jamek Taman Yayasan. Program ini melibatkan sejumlah 22 ahli daripada kelab Islamic Society Of United Teenagers (In-Soft) dan penasihat kelab In-Soft UiTM Johor Kampus Segamat. Program ini dilaksanakan untuk merapatkan ukhwah antara ahli kelab dengan pihak pengurusan masjid di Segamat sekali gus melakukan kerja amal yang memberi manfaat kepada orang ramai. Selain itu, program ini juga dapat memupuk kesedaran dalam diri umat Islam akan pentingnya kebersihan untuk beribadah. Diharapkan program ini akan terus dapat dilaksanakan pada masa akan datang.



## FESTIVAL ISLAM (I-FEST): ANTARA WARISAN DAN DIGITAL

**Mohamad Zaki bin Razaly, Mahasin binti Mearaj dan Masyfu'ah binti Mokhtar**

Pada 13 April 2019, Kelab Al-Falah dengan kerjasama Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) yang ini diketuai oleh Saudari Ainur Arrisya binti Zaidi pelajar Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Pengurusan Perniagaan semester 3 telah mengadakan program Festival Islam (I-Fest). Antara objektif program ini adalah untuk menyetengahkan bakat mahasiswa menggunakan sistem dakwah media baru selari dengan minat mahasiswa. Program ini juga dapat mengasah mahasiswa berkaitan keindahan seni-seni Islam dan meningkatkan daya pemikiran mahasiswa setaraf profesional. Terdapat pelbagai program yang dijalankan antaranya ialah pertandingan Tulisan Jawi, Tilawah al-Quran, Islamic Poster dan Insta Talk. Kemuncak program ini diisi dengan ceramah Fidyah dan Ganti Puasa oleh pendakwah bebas, Ustazah Asma' binti Harun. Beliau juga merupakan motivator dan Ahli Lembaga Pengarah Tahfiz Darul Ulum Negeri Sembilan, perunding rumahtangga pernah bertugas di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Jabatan Hal Ehwal Negeri Sembilan. Semoga program ilmiah dan Islamik ini dapat mendekatkan mahasiswa kepada ajaran Islam.



## IHYA RAMADHAN: "QIAM WITH SAHUR"

**Siti Noor Ain binti Aziz, Mahasin binti Mearaj, Norizan binti Othman, Kamarulzaman bin Sulaiman, Zaludin bin Sulaiman (PM) dan Muaz bin Omar**

"QIAM WITH SAHUR" 2019 telah dianjurkan oleh Persatuan Mahasiswa Masjid As-Syakirin (PERMAS) dengan kerjasama ACIS UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat pada 22 Mei 2019 (Rabu), adalah bertujuan bagi menyeru golongan mahasiswa dan mahasiswi untuk lebih mendekatkan diri kepada Allah selain mengimarahkan masjid terutamanya pada bulan Ramadan. Menerusi program ini, fasa terakhir Ramadan dimanfaatkan dengan aktiviti berjiamulail yang dipimpin oleh Ustaz Azrul Iswan bin Abdull Raman, imam utama di Masjid As-Syakirin. Dianggarkan seramai 80 orang peserta dan turut dihadiri Rektor UiTM Cawangan Johor, Prof. Madya Dr. Ahmad Naqiyuddin Bakar bersama-sama mengimarahkan masjid. Selesai mengerjakan solat-solat sunat, peserta bersahur dengan dihidangkan makanan menggunakan talam. Sebaik sahaja selesai menunaikan solat subuh, pengisian seterusnya diteruskan dengan tazkirah ringkas yang disampaikan oleh Ustaz Rafiuddin bin Mohd Yusof, penasihat PERMAS mengenai fadhilat memperbanyakkan bacaan al-Quran. Program berakhir pada jam 7 pagi seperti yang dijadualkan.



## BENGGEL DAN PERTANDINGAN SENI “DOODLE” ISLAMIK ANJURAN KELAB IN-SOFT DENGAN KERJASAMA ACIS

**Nurfarhana Bte Mohd Daud, Munirah Zakaria**

Doodle adalah sebuah lukisan yang mudah dan ringkas. Corak yang dihasilkan merupakan corak yang terlintas difikiran. Kebiasaannya doodle atau doodle art adalah gambar yang tidak berfokus atau tidak disedari ketika dibuat saat seseorang tidak sedar. Dalam erti kata lain, doodle adalah gambar yang dibuat secara tidak terancang ketika berasa bosan. Biasanya doodle bersifat abstrak, walaupun sebahagiannya ada yang memiliki bentuk yang sangat epik dan rapi. Doodle juga merupakan salah satu seni yang mempunyai nilai yang tersendiri. Bergantung kepada pelukis doodle untuk memberi gambaran sama ada doodle yang dilukis mempunyai makna atau sebaliknya. Kelab Insoft memperkenalkan seni doodle kepada pelajar khususnya UiTM Kampus Segamat bagi mendalami seni ini di samping berdakwah kepada mahasiswa UiTM. Tujuan utama pelaksanaan program doodle Islamik adalah untuk mencungkil bakat terpendam dalam menghasilkan seni lukisan yang bermotifkan Islamik dan dakwah dalam kalangan mahasiswa. Secara tidak langsung program ini akan menjurus ke arah aktiviti sihat dan bermanfaat selain dapat mencungkil bakat warga UiTM. Program Bengkel Seni “Doodle” Islamik ini berlangsung di LT2 pada 2 Mei 2019 (Khamis) pada jam 12 tengah hari hingga 1 petang.



### AKSI PENCERAMAH VS PENCARIAN ILMU

**Syaimak binti Ismail (Dr), Mahasin binti Mearaj, Siti Noor Ain binti Aziz,  
Nurfarhana binti Mohd Daud , Mohd Asyadi bin Redzuan dan Farah Hamizah  
binti Samsuddin**

Program Bengkel Kesempurnaan Ibadah 3.0 yang telah dijalankan pada 23 April 2019 ini mendapat sokongan daripada pihak pengurusan dan menerima sambutan yang baik daripada peserta yang terlibat. Program siri pertama ini dihadiri seramai 74 orang peserta terdiri daripada dari kalangan staf akademik dan juga pengurusan. Respon kepada program ini sangat memberangsangkan dengan kehadiran para peserta yang tekun serta fokus mendengar ceramah yang disampaikan oleh Ustaz Mohd Zainodin bin Mustaffa. Beliau merupakan pensyarah kanan ACIS yang aktif menyampaikan kuliah di kampus khususnya serta di sekitar masjid di daerah Segamat. Beliau juga merupakan mantan Ketua Pusat Pengajian ACIS sesi 2018 yang mempunyai perwatakan baik, gemar bergurau selain memiliki ilmu yang tinggi. Gaya penyampaian beliau yang bersahaja dan kreatif berjaya menarik minat para peserta untuk terus mendengar dan memberi perhatian walaupun program bermula seawal jam 9.00 pagi dan berakhir pada jam 1.00 petang.



## CERAMAH HAJI & UMRAH

**Siti Noor Ain binti Aziz, Mahasin binti Mearaj, Saidin bin Wan Ismail (Dr), Sidek bin Abdullah dan Munirah binti Zakaria**



Musim haji kini kembali. Ringkasan Haji dan Umrah menjadi tajuk pilihan Bengkel Kesempurnaan Ibadah 3.0 pada 13 Jun 2019 siri ke-3 yang disampaikan oleh Ustaz Kamarulzaman bin Sulaiman, pensyarah kanan ACIS. Sungguhpun tajuk ini telah pun dibentangkan oleh Ustaz Mohd Zainodin Mustaffa pada tahun lepas, namun masih terdapat permintaan untuk diadakan semula ceramah tentang topik ini. Objektif program kali ini adalah untuk memantapkan kefahaman serta membincangkan isu berkaitan ibadah haji kepada peserta termasuklah bakal haji dan umrah. Maklumbalas yang diterima daripada peserta amatlah memberangsangkan. Antara komen dan cadangan peserta ialah program seperti ini diteruskan secara berkala serta dibentangkan dengan memasukan video agar peserta lebih faham tentang praktikal ibadah haji dan umrah. Di akhir pengisian ustaz memberikan tips serta cara untuk menunaikan haji dengan cepat serta berkongsi doa-doa yang boleh diamalkan agar dipermudahkan bagi mereka yang masih belum berkesempatan menunaikannya.

## ISLAM DAN PERUBATAN

**Mahasin binti Mearaj, Syaimak binti Ismail (Dr), Mohd Zainodin bin Mustaffa, Nazrudin bin Hashim dan Ahmad Nawawi bin Yaakob (PM)**



Program Bengkel Kesempurnaan Ibadah pada tahun ini diteruskan lagi kerana mendapat sambutan yang menggalakkan serta permintaan tajuk-tajuk tertentu daripada peserta. Pada tahun lalu para peserta didedahkan dengan topik-topik fardu ain seperti teori dan praktikal ibadat solat, solat jamak dan qasar serta perubatan Islam. Pada 2 Mei 2019, ACIS telah mengadakan sesi ceramah bengkel siri kedua tentang Asas Perubatan Islam yang disampaikan oleh Ustaz Nazrudin bin Hashim, pensyarah kanan ACIS yang turut juga seorang pengamal perubatan Islam bertauliah. Beliau juga aktif berceramah khususnya di masjid-masjid sekitar Segamat. Dengan adanya program seperti ini para peserta sedikit sebanyak dapat membezakan samada teknik perubatan itu benar atau songsang menurut Islam serta dapat mengetahui teknik yang tepat dan betul merawat diri sendiri atau orang lain yang bertepatan dengan syarak.

## PENGAJIAN TALAQQI KITAB DI HATI MAHASISWA

**Mahasin binti Mearaj, Masyfu'ah binti Mokhtar dan Mohamad Zaki bin Razaly**

Kelab Al-Falah yang merupakan sebuah persatuan mahasiswa Islam di UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat telah berjaya menjalankan program Pengajian Kitab selama 3 tahun. Pada tahun 2017, kitab "Safinatun Najah", tulisan ulama besar yang sangat terkemuka iaitu Syeikh Salim bin Abdullah bin Saad bin Sumair Al Hadhrami telah dipilih untuk dikupas dalam program ini. Beliau adalah seorang ahli fiqh dan tasawwuf yang bermazhab Syafie. Kitab ini membahaskan asas-asas agama secara terperinci dan lengkap. Antara kandungannya ialah dasar-dasar syariat, bersuci, solat dan lain-lain. Program ini dijalankan selama 4 hari iaitu pada 14, 15, 28 dan 29 September 2017. Tenaga pengajar yang terdiri daripada pihak UiTM sendiri, Ustaz Kamarulzaman bin Sulaiman dan Ustaz Mohamad Zaki bin Razaly. Program ini berkolaborasi dengan unit pentadbiran di bawah bahagian Hal Ehwal Islam.

Pada tahun 2018 pula, 13 hingga 15 September program pengajian kitab diteruskan lagi dengan menggunakan kitab "Syamail Muhammadiyah" yang mendapat sambutan seramai 50 orang mahasiswa. 2 orang penceramah membentangkan pengajian ini iaitu Ustaz Mohd Zainodin bin Mustaffa selaku Ketua Pusat Pengajian ACIS ketika itu dan Ustaz Mohamad Zaki bin Razaly. Sebagai rujukan kelab Al Falah menggunakan Kitab Syamail Muhammadiyah yang merupakan kitab mengenai pengenalan kepada peribadi Rasulullah S.A.W yang dikarya oleh seorang tokoh hadith yang tersohor dan tidak diragukan lagi keilmuannya, Imam Tirmizi. Terdapat beberapa bab dalam Syamail Muhammadiyah, antaranya, mengenai fizikal Rasulullah, tanda kenabian Baginda, cara Rasulullah merapikan rambutnya dan sebagainya. Justeru program Pengajian Kitab ini dapat menambahkan lagi kecintaan para mahasiswa kepada Rasulullah S.A.W. Manakala pada tahun 2019, 24-26 April Pengajian kitab diteruskan memandangkan program ini mendapat sambutan yang baik daripada mahasiswa. Seramai 68 orang telah mengikuti pengajian kitab berbanding pada tahun 2017 hanya 25 orang sahaja. Pada tahun 2019 pula, kitab yang dipilih adalah kitab "Hadis 40" tulisan Imam An-Nawawi. Kitab ini menulis tentang 40 hadis terpilih. Walaupun Ustaz Mohamad Zaki Razaly selaku Ketua Pusat Pengajian merangkap Penasihat Kelab Al-Falah mengupas hanya 4 buah hadis, namun pelajar dapat memahami dengan mendalam hadis tersebut. Perjalanan program yang mengambil masa 3 hari tidak akan mampu untuk mengkhadamkan ilmu berbanding ulama pada zaman dahulu. Oleh yang demikian, program ini amatlah penting bagi menerapkan ilmu pengetahuan dan pembelajaran kepada semua yang terlibat.



The background is a vibrant purple and pink gradient. In the center, a large circle with a yellow-to-orange gradient is surrounded by several concentric, white-outlined diamond shapes. Below the circle, there are wavy, wireframe-like lines that resemble a digital landscape or data flow. The bottom of the page features a grid pattern.

**KARYA AKADEMIK  
DAN UMUM**

## BERFIKIR SECARA REFLEKTIF: KISAH PENGHUNI GUA

oleh Munirah Zakaria, Sidek Abdullah, Nurfarhana Mohd Daud, Mohd Zainodin Mustafa

Pemikiran reflektif lazimnya memberi penekanan kepada urutan idea yang memberi kesan kepada perlakuan seseorang. Di dalam al-Quran, terdapat banyak kisah yang boleh membawa kepada pemikiran reflektif. Kebanyakannya mengajar kita untuk berfikir dan mengembalikan segala urusan kepada Allah SWT, tidak kira samada perkara tersebut kecil atau pun besar. Ini kerana, mustahil manusia (dengan sifat lemahnya) mampu menguruskan segala aktiviti sehariannya dengan tangan sendiri. Lihat sahaja bagaimana kisah tujuh pemuda beriman (hanya Allah SWT sahaja yang tahu jumlah sebenar mereka, ada yang mengatakan jumlah mereka adalah tiga, lima atau tujuh) [18:22] yang diselamatkan oleh Allah SWT daripada pemerintah yang zalim di dalam sebuah gua. Dengan limitasi akal manusia, perkara tersebut kelihatan tidak logik. Tetapi al-Quran menggambarkan betapa Allah SWT mampu melakukan apa sahaja dengan mudah.

Pemuda-pemuda tersebut ditidurkan selama 309 tahun [18:25]. Sepanjang tempoh itu, tubuh badan mereka dibolak-balikkan oleh Allah SWT ke kiri dan ke kanan [18:18] tanpa mereka sedari. Ini semua bagi mengelakkan posisi tubuh mereka berada dalam keadaan statik terlalu lama. Betapa teliti urusan Allah SWT dalam menjaga kesihatan tubuh badan mereka yang ditidurkan di luar tempoh kebiasaan tidur manusia. Kisah ini mempunyai beberapa pengajaran penting untuk kita pelajari.

Pertama, kekuasaan Allah SWT adalah mengatasi kekuasaan semua raja yang ada di dunia. Allah SWT mampu berbuat apa sahaja mengikut Kudrat dan IradatNya. Tiada siapa pun mampu menghalang kehendakNya. Seharusnya manusia tidak berasa sombong dengan kekuasaan yang bersifat terbatas yang dimilikinya di dunia. Penghuni-penghuni gua tersebut tidak menyedari yang tempoh tidur mereka begitu lama. Malah menurut sangkaan mereka, ia cuma separuh hari atau satu hari sahaja [18:19]. Begitu mudah bagi Allah SWT menyelamatkan mereka dari penindasan raja yang zalim.

Kedua, sesiapa sahajayang cuba mempertahankan akidah tauhid pasti akan mendapat perlindungan daripada Allah SWT. Dalam kisah ini, al-Quran menganjurkan kepada kita supaya menghayati maksud yakin dengan pertolongan Allah SWT. Dalam menegakkan agama Islam, Allah SWT mendatangkan pelbagai bentuk kesusahan bagi menguji iman seseorang. Namun begitu, Allah SWT tidak akan membiarkannya begitu sahaja tanpa pertolongan. Setiap kesusahan yang diberikan akan disertakan bersama kesenangan. Penegasan mengenai perkara ini dapat dilihat di dalam Surah

al-Syarah [94:5-6]. Firman Allah SWT:

فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا [٥] إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا [٦]

Maksudnya; “Maka sesungguhnya setiap kesukaran disertai (dengan) kemudahan” [5]. “Dan (tetapkanlah kepercayaanmu) bahawa sesungguhnya setiap kesukaran disertai (dengan) kemudahan” [6].

Kisah ini juga menjelaskan kepada kita bahawa setiap ancaman dan bahaya yang datang daripada makhluk hanya akan berlaku dengan izin Allah SWT. Justeru, kita disaran supaya berusaha, bersabar, berserah diri dan yakin dengan pertolongan Allah SWT (Ibnu Kathir, 2004).

Ketiga, kemunculan salah seorang dari pemuda tersebut di tempat awam bagi mendapatkan makanan telah membuka mata masyarakat tentang perkara yang mereka selisihkan, iaitu keraguan mengenai hari kebangkitan. Kisah ini menjadi satu bukti bahawa Allah SWT mampu membangkitkan manusia kembali di Hari Akhirat (dengan jasad dan roh). Maksudnya, janji Allah SWT adalah benar dan kebangkitan manusia juga tidak boleh diragui [18:21]. Apabila mereka melihat sendiri keberadaan pemuda-pemuda tersebut di dalam gua, mereka mengagungkan Allah SWT dan kemudian membina tempat ibadah di situ.

Kesimpulannya, kisah penghuni gua ini hanya akan menjadi satu pengajaran kepada kita jika dihayati dengan akal yang berfikir. Seharusnya kita merangsang minda kita untuk berfikir secara reflektif kerana di dalam kisah ini terdapat tanda-tanda yang boleh membawa manusia mengenal Allah SWT yang bersifat Maha Berkuasa dan Maha Membangkitkan.

#### RUJUKAN:

Ibnu Kathir. (2004). *Tafsir al-Quran al-Adzim*. Kaherah: Maktabah al-Sofa.

## HIKMAH LELAKI BERKHATAN DIUSIA BAYI

oleh Mahasin binti Mearaj

Islam sangat teratur dan tersusun syariatnya sehingga rahsia dan hikmah berkhatan merupakan pensyariatkan agama sebagai suatu kesempurnaan kesihatan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT dan mendidik manusia bersifat suci. Menitikberatkan kesihatan anggota badan atau kebersihan zahir bukan hanya berkhatan tetapi memotong kuku, merapi misai dan janggut serta bulu ketiak dan lain-lain. Ini menggambarkan agama Islam menitikberatkan kebersihan dan kesucian diri hingga sempurna apatah lagi untuk mengerjakan ibadah seperti solat.

Musim berkhatan pada adat kebiasaan di Malaysia ketika cuti sekolah hujung tahun. Di klinik-klinik telah kelihatan tergantung iklan-iklan menawarkan perkhidmatan berkhatan dengan pelbagai kaedah moden kini khususnya kanak-kanak lelaki. Dari pengalaman dan penceritaan almarhum ayahanda penulis, pada zaman dahulu kanak-kanak berkhatan pada usia lewat sekitar 10 hingga 12 tahun. Tambah mengejutkan ada juga kes berkhatan ketika berumur 13 atau 14 tahun yang dikira lewat kerana hampir usia baligh. Mereka berkhatan tanpa menggunakan alatan moden seperti bius. Mereka terpaksa mandi lama atau berendam di dalam sungai beberapa jam. Kanak-kanak pada masa itu takut untuk berkhatan kerana kaedahnya menyakitkan. Oleh itu, orang Melayu pada zaman tersebut berpegang kepada pelbagai adat untuk meraikan dan menggembirakan kanak-kanak agar tidak berasa takut dan gentar untuk berkhatan juga sebagai suatu kaedah untuk memujuk kanak-kanak agar berkhatan.

Walau bagaimanapun dengan alatan yang canggih dan keselesaan peralatan sains perubatan pada masa kini, masih ramai ibu bapa kurang kesedaran untuk mengkhatakan anak mereka diusia bayi. Banyak kelebihan yang diperolehi oleh bayi yang dikhatakan ketika ibu juga masih dalam tempoh berpantang. Hasil temuramah penulis kepada beberapa orang doktor, umur bayi yang ingin dikhatakan, sebelum mencecah usia 7 bulan atau sebelum bayi boleh meniarap agar senang menjaga luka khatan tersebut dan bayi masih belum lasak berlatih untuk meniarap. Manakala masyarakat yang biasa datang ke klinik untuk mengkhatakan anak lelaki semasa bayi adalah bangsa Arab.

Antara manfaat berkhatan semasa usia bayi adalah:

- 1) Sembuh dengan kadar segera dalam tempoh 1 hingga 2 hari. Luka akan cepat kering berbanding kanak-kanak berusia 6 hingga 12 tahun. Tempoh penjagaan pantang kanak-kanak usia 6 hingga 12 tahun pula mengambil masa berminggu-minggu.
- 2) Darah berhenti dengan segera disokong penyusuan penuh susu ibu. Ini kerana susu ibu merupakan susu terbaik kepada anaknya.
- 3) Antibodi bayi sangat kuat dan sukar diinggapi penyakit. Pengalaman penulis sendiri yang mengkhatakan bayi lelaki seawal usia bayi kurang 30 hari, mendapati bayi tersebut tidak pernah demam sepanjang usia setahun lebih.
- 4) Ibu bapa tidak pening memikirkan cara untuk memujuk kanak-kanak sebelum baligh untuk berkhatan atau menawarkan pelbagai hadiah ketika tempoh berpantang berbanding bayi yang baru lahir.

Menurut Dr. Shabri Al-Qubbani, antara faedah berkhitan ialah:

- 1) Menjauhkan penyakit kulit bagi lelaki yang disebabkan peluh, selamat dari kumpulan lemak yang menimbulkan bau busuk.
- 2) Menghalang penyakit kanser
- 3) Menghindarkan penyakit kencing malam bagi kanak-kanak

Justeru, khatan merupakan suatu kewajipan yang amat dititikberatkan dalam Islam, manfaatnya dapat dilihat dengan kajian-kajian yang dilakukan pada masa kini. Antara kajian yang membuktikan keberkesanan khatan tulisan Dr. Norman Mohd Norawi, kadar kanser zakar adalah jauh lebih rendah dalam komuniti yang mengamalkan berkhitan seperti Muslim dan Yahudi. Kajian terbaru menunjukkan kadar penyakit kelamin adalah rendah dalam kalangan lelaki yang berkhitan. Kajian ini mendapati jangkitan penyakit sifilis adalah lebih rendah dalam kalangan lelaki yang berkhitan. Kajian Cochrane Meta Analysis di Afrika pada 2007 berkhitan boleh mengurangkan risiko jangkitan HIV dalam kalangan lelaki yang aktif seksual dari 38 peratus hingga 66 peratus dalam tempoh 24 bulan. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mencadangkan antara program mencegah HIV ialah dengan menggalakkan amalan berkhitan. Berkhitan juga mengurangkan risiko jangkitan kuman saluran kencing. Justeru, secara tidak langsung, mengurangkan risiko isteri mendapat kanser pangkal rahim.

## LUQMAN DAN MESEJ PENDIDIKAN

oleh Sidek Abdullah, Munirah Zakaria

Luqman atau Luqman al-hakim adalah satu nama besar yang telah diabadikan sebagai satu surah dalam al-Quran. Luqman al-Hakim bermaksud Luqman yang mempunyai hikmah atau kebijaksanaan. Banyak pendapat diberikan bagi mengenali siapakah Luqman, sehingga ada yang mengatakan beliau adalah seorang nabi. Namun apa yang pasti, beliau mendapat pengiktirafan istimewa kerana sumbangannya menentukan dasar-dasar dalam memberi pendidikan kepada seseorang manusia. Walaupun mesej ini secara khususnya ditujukan kepada anaknya, tetapi al-Quran bersifat terbuka, sesuai sepanjang zaman untuk difahami dan diamalkan oleh mana-mana individu.

Terdapat tujuh mesej yang disampaikan oleh Luqman dalam surah tersebut. Pada kedudukan pertama diletakkan rasa syukur atau dalam bahasa kita, kita mengucapkan terima kasih. Kepada siapa, tentu sekali kepada Allah SWT dan juga kepada manusia. Allah SWT memberikan banyak nikmat sehingga kita tidak mampu menghitungnya. Allah SWT menegaskan lagi sekiranya kita bersyukur, Allah pasti menambah nikmatNya. Cara mudah untuk difahami tanda syukur ini ialah setiap kali selepas makan kita mengucapkan Alhamdulillah, kita selamat memandu, kita mengucapkan Alhamdulillah, hatta kita kembali dari tandas pun kita mengucapkan Alhamdulillah. Begitulah seterusnya.

Bagaimana Rasulullah SAW bersyukur? Ketika Aisyah melihat betapa berat beban suaminya mengerjakan solat malam dengan menyatakan: "Apa yang merisaukan kamu sedangkan Allah SWT mengampunkan dosamu Ya Rasulallah?" Jawab Nabi: "Salahkah aku ingin menjadi hamba yang bersyukur.?" Dalam kitab Hidayatul Salikin, cara bersyukur ialah dengan menggunakan tujuh pancaindera kita ke arah kebaikan.

Perkara kedua yang ditekankan oleh Luqman ialah jangan mempersekutukan Allah dengan sesuatu apa pun. Dengan makna bahawa Allah adalah segala-galanya. Dialah yang memberikan rezeki, menentukan hidup mati manusia dan pengantungan kita hanya kepadaNya. Allah SWT Maha Berkuasa, sumber ilmu dan Maha Mengetahui dengan segala sifat kesempurnaanNya. Walau pun manusia kini bergantung hidup kepada teknologi moden, wang ringgit dan kehebatan akal dalam mencipta sesuatu, ingatlah bahawa semuanya berlaku dengan izin Allah SWT. Sungguh pun begitu tinggi teknologi kini dengan peralatan canggih bagi mengesan kapal terbang yang hilang, namun hingga kini semuanya gagal.

Seterusnya perkara ketiga yang ditekankan ialah berbuat baik kepada kedua ibu bapa. Ia menjadi suatu penghormatan dari manusia kepada manusia. Namun penghormatan ini tidak sampai pada tahap menjadikan ibubapa sebagai Tuhan. Berbuat baik meliputi percakapan, bantuan sara hidup, mendoakan kebaikan dan yang paling bernilai tentu sekali mengasuh mereka ketika mereka sudah berusia. Rasulullah SAW memberi penekanan betapa ibu perlu didahulukan berbanding bapa. Ketika ditanya oleh seorang lelaki, siapa yang patut didahulukan dalam konteks berbakti kepada keduanya, Rasulullah SAW menjawab ibu sebanyak tiga kali. Selepas itu barulah bapa.

Seterusnya mesej keempat yang disampaikan ialah berbuat baiklah kepada sesiapa sahaja, walau sekecil apa pun. Difahami dari mesej ini, amalan baik itu tidak hanya duit ratusan ribu yang didermakan, namun apa sahaja perkara walaupun dengan memberi minum seteguk air kepada manusia atau binatang. Allah SWT menyatakan bahawa amalan kecil yang ikhlas ini akan diperlihatkan Allah pada hari hitungan amal nanti.

Seterusnya Luqman menasihatkan anaknya supaya mengerjakan sembahyang. Ini adalah tiang agama yang menentukan rangkaian hubungan antara makhluk dan hambaNya tidak terpisah. Apabila tanggungjawab diri sudah sempurna, Luqman menganjurkan supaya kita ada tanggungjawab sosial, iaitu amar makruf nahi mungkar. Kita tidak mungkin hidup sendirian dalam lingkungan keluarga yang ada tapi dalam masa yang sama, masyarakat kacau-bilau dengan kejadian-kejadian jenayah dan ketidakadilan yang berlaku.

Perkara terakhir yang ditekankan oleh Luqman ialah perkara adab atau akhlak. Antara adab yang seharusnya diberi perhatian ialah jangan memalingkan muka bila bercakap dengan orang lain, jangan bersikap sombong, banyak bersabar, berjalan dengan tertib dan bercakap dengan perlahan. Allah SWT membandingkan mereka yang bercakap kuat itu seumpama suara keldai.

Demikian acuan pendidikan yang diterapkan oleh Luqman. Bermula daripada hubungan dengan Allah SWT, diri, keluarga, dan masyarakat sekeliling. Ketika ditanya kepada Saidina Umar al-Khattab, bagaimana pendidikan seharusnya berlaku kepada seseorang, jawab Umar; didiklah mereka sesuai dengan zamannya. Maksudnya, ketika kita berada dalam era maklumat kini, didiklah mereka sesuai dengan perkembangan ilmu yang ada di samping tidak meninggalkan pakej asas pendidikan Luqman.

Luqman al-Hakim adalah termasuk salah seorang daripada tiga orang Habsyah yang dijanjikan syurga selain Raja Najasyi dan Bilal bin Rabah.

## PENGAJARAN DARIPADA HIJRAH NABI SAW KE MADINAH

oleh Mohamad Zaki Razaly

Setiap kali tibanya bulan Muharram, pasti ramai yang akan menyoroti kembali peristiwa besar dalam sejarah umat Islam iaitu Hijrah Nabi SAW daripada Makkah al-Mukarramah ke Madinah al-Munawwarah. Bulan Muharram adalah bulan yang istimewa dan mempunyai banyak kelebihan. Antaranya kita dituntut untuk memperbanyakkan puasa sunat selain daripada puasa *Asyura* dan *Tasu'a* semata-mata. Walaupun begitu, tidaklah bermakna peristiwa hijrah Nabi SAW berlaku pada bulan Muharram seperti yang disangka oleh ramai orang. Hijrah Nabi SAW bermula pada 28 Safar dan tiba di Madinah pada 8 Rabiul Awal (al-Mubarakfuri, 2017). Bulan Muharram ditetapkan sebagai bulan pertama dalam kalendar hijrah oleh Saidina Umar al-Khattab disebabkan ia seolah-olah seperti permulaan yang baharu bagi umat Islam setelah mereka selesai menunaikan ibadah haji pada bulan Zulhijah (Ibn Kathir, 2004).

Peristiwa Hijrah Nabi SAW ke Madinah pada pandangan yang masyhur berlaku selepas daripada peristiwa Isra' dan Mikraj. Ironinya dalam peristiwa Isra' dan Mikraj Nabi SAW diberikan *buraq* sebagai kenderaan, manakala hijrah Nabi SAW ke Madinah adalah sebaliknya. Perjalanan Nabi SAW dalam peristiwa Isra' dan Mikraj adalah istimewa dan khusus untuk Nabi SAW menemui penciptaNya bagi menerima kefardhuan solat dan bukan untuk diteladani atau dicontohi oleh umat Islam. Penghijrahan Nabi SAW ke Madinah pula, dengan menempuhi pelbagai dugaan dan kepayahan memberikan mesej signifikan kepada umat Islam bahawa penghijrahan itu merupakan satu keperluan yang perlu diteladani dan dicontohi oleh setiap insan. Peristiwa ini juga menunjukkan bahawa tugas dakwah bukan hanya digalas oleh ustaz dan ustazah sahaja, bahkan ia merupakan tugas hakiki bagi setiap orang yang bergelar Muslim dan Muslimah.


Konteks hijrah pada hari ini mungkin tidak menuntut kita untuk bermigrasi ke negara lain, pelaksanaannya adalah fleksibel yang boleh diterjemahkan melalui pendekatan yang pelbagai. Pada zaman umat Islam kini lemah dan ketinggalan dari sudut teknologi, ekonomi dan politik, menjadi keutamaan umat Islam untuk berhijrah dari kejahilan ilmu kepada minda pengetahuan kelas pertama yang akan menjadi pemangkin terhadap kemajuan dan dominasi umat Islam di peringkat global seperti mana pada zaman keemasan Islam ketika pemerintahan Kerajaan Abasiyyah di Baghdad. Umat Islam juga harus berani mengambil risiko melibatkan diri dalam dunia perniagaan dan korporat untuk memecahkan monopoli penguasaan ekonomi oleh bukan Islam seterusnya mengangkat kedudukan umat Islam sebagai golongan yang dihormati dan dipandang tinggi oleh masyarakat dunia.

Peristiwa hijrah Nabi SAW juga menunjukkan kepada kita akan kepentingan perancangan dan strategi bagi mencapai satu agenda. Dalam perjalanan ke Madinah, Nabi SAW tidak mengikuti laluan biasa, bahkan Nabi SAW telah mengupah Abdullah Bin Uraiqit sebagai jurupandu perjalanan. Nabi SAW juga telah memerintahkan Amir Bin Fuhairah untuk menutup jejak-jejak perjalanan dengan dilalukan sekumpulan kambing di sepanjang laluan Nabi SAW (Ibn Kathir, 2004). Ini semua menunjukkan bahawa pentingnya pelaksanaan dakwah pada hari ini disertai dengan strategi yang ampuh dan efisien agar rahmat, kasih sayang dan toleransi Islam dapat dirasai oleh segenap lapisan masyarakat di seluruh pelusuk dunia.

#### RUJUKAN:

Al-Mubarakfuri, Saffiyy al-Rahman. (2017). *al-Rahiq al-Maktum – Sirah Nabawiyyah SAW*. Putrajaya: Yayasan Dakwah Islamiah

Ibnu Kathir. (2004). *Tafsir al-Quran al-Adzim*. Kaherah: Maktabah al-Sofa.



**KARYA KREATIF**

## CERPEN: LEPAT BUNGA CHICA

oleh Prof. Madya Ahmad Nawawi Yaakob

Jerat lembu ditarik perlahan-lahan. Hidung lembu jantan besar Ayah luka hidungnya. Tarik sedikit sudah diikuti. Imran membawanya ke belukar di pinggir Bendang Chuchuh. Kawasan lapang berumput di celah belukar sudah cukup untuk makanan si lembu jantan. Lembunya dilepaskan sehinggalah akan diambil petang nanti.

Bendang Chuchuh baharu sahaja divedung. Rumpun padi mula bercambah dan menghijau. Mak Cik Melah dan Imran sekadar menengok-nengok menabur baja.

Ketika matahari memecahkan bahang panasnya, mereka pun melangkah pulang. Melewati ke kebun getah dan seponon pokok chicha.

Pokok chicha tinggi mencecah pucuk-pucuk daun getah. Itulah sebatang yang ada berbaki, tiada yang lain. Banirnya mencengkam di gigi bendang Pak Samat Misai. Batangnya sepemeluk penuh, tidak mungkin terpeluk Imran yang masih kehingusan.

Mak Cik Melah mengutip bunga-bunga chicha di celah daun-daun getah kering. Imran ikut sama. Kutip. Kutip untuk dibuat lepat. Buat lepat bunga chicha, cadang Makcik Melah ibu tumpang Imran selama ibu benarnya meninggal dunia terlebih awal.

Bunga-bunga chicha dijemur di dalam badang di atas jemuran rumah. Jemuran bersulam kayu dan buluh bulat terhayun-hayun dipijak Makcik Melah. Tiada siapa yang rungut, tiada siapa yang komplin. Itulah dunia kami.

Setelah kering, bunga chicha ditumbuk dengan lesung kayu. Cukup seorang sahaja menumbuknya, tidak perlu ramai-ramai kerana ia kerja mudah. Kakak Aishah tumbuk. Tidak sepayah menumpuk padi, menumbuk tepung beras dan menumbuk emping atau paoh untuk selingan makan-makan kami.

Imran dan Mad Chi kena pergi ambil daun pisang di kebun Pak Long Pi. Kebun pisang Pak Long Pi subur dan berpagar elok untuk menghalang lembu, kambing dan kerbau masuk merosakkan tanaman. Daun pisang dilayur dahulu. Layur untuk memudahkan membungkus lepat bunga chicha.

Mak Cik Melah seorang manager yang baik. Kak Aishah kena kukur nyior dengan tekoran usang bergigi tajam. Tajamnya pun tidak sekata. Tapi itulah yang kami ada. Kak Aisyah kukur nyior hingga habis sebelah.

“Perah!”

Tepung beras yang kami tumbuk – Imran dan Mad Chi- masih ada, menjadi bahan utama. Sedikit tepung pulut dimasukkan bagi memekatkan adunan. Santan pekat dituang ke dalam besen besi bersama tepung pulut dan tepung beras. Garam dan gula sedikit-sedikit dimasukkan.



Sudah siap diadun, kepingan daun pisang yang dipotong sepanan-sepanan diisi dan dibungkus. Secamca pendek kontot , sudah cukup untuk sebungkus lepat bunga chica. Bungkusan lepat diletakkan ke dalam periuk kukus sebelum dididihkan. Pastikan dulu airnya cukup, pantang Mak Cik Melah kalau periuknya hangit.

Itu cerita malamnya.

Esok pagi kami sudah tahu sarapan apa pagi itu sebelum melangkah ke sekolah.

“Aku suka, sedap!”

Itu kisahnya tiga puluh tahun dahulu.

Kini, lepat bunga chica tiada lagi. Pokoknya entah ada entah tiada. Besen besi tiada lagi, tekoran juga tiada lagi, jerat lembu entah di mana, anak-anak Imran tidak pernah memegangnya.

Hanya lepat bunga chica yang dimasak mengikat ingatan Imran dengan Makcik Melah, menambat kasih sepanjang-panjangnya dengan Makcik Melah. Lepat bunga chica mengajar Imran erti tanggungjawab. Tahu apa yang mahu dimasak, tahu tugas Imran mengutip bunga, tahu tugasnya memotong daun pisang sebelum pelepahnya dibuat senapang; pong pong. Tahu kena pastikan air periuk kukusnya penuh sebelum kayu api dicucuh getah, tidakpun dituang minyak tanah sahaja.

Ah, tahukah anak-anak Imran sarapan esok paginya? Ah, kenalkah anak-anak kini sekuntum bunga chica yang gugur di tepi bendang? Tahukah anak-anak menumbuk tepung beras, menumbuk padi?

Imran terbuai.

“Ya Allah, lapangkanlah kubur Makcik....”

Hanya kerana lepat bunga chica, ingatan Imran pada Makciknya bertambah-tambah.

## PUISI: HADIAH AGUNG DARI TUHAN

oleh Munirah Zakaria, Sidek Abdullah, Radhiah Zakaria,  
Siti Hanisah Mohd Amin, Farah Hamizah Samsuddin, Muaz Omar

Hadiah agung dari Tuhan  
Untuk kita seorang pendosa  
Hadirnya bersama kitab al-Quran  
Sebagai pedoman hidup manusia

Jiwa Baginda kental berjuang  
Memimpin manusia ke jalan Allah  
Cacian dan hinaan tidak dipandang  
Itulah Nabi; Muhammad bin Abdullah

23 tahun baginda berpenat lelah  
Menunjuk contoh untuk diteladani  
Agar kita menjadi tetamu Allah  
Di syurga nanti yang kekal abadi

Pergi baginda meninggalkan legasi sunnah  
Untuk diteruskan oleh ummat Islam  
Agar panji Islam dijunjung gagah  
Dan terus diamalkan di seluruh alam

Namun kita yang tak pernah bertemu  
Adakah layak bertamu dengan baginda  
Ayuh berselawat tanpa jemu  
Di samping mengamalkan sunnah baginda

Bukankah kiamat sudah terlalu dekat  
Untuk kita terus lena dan leka  
Dengan permainan dunia yang sarat  
Dengan helah dan tipu daya?

*Jom berselawat ke atas Nabi,*

اللهم صل وسلم على سيدنا محمد النبي الامي وعلى اله وصحبه اجمعين



## PUISI: TELADAN ARNAB DAN KURA-KURA

oleh Munirah Zakaria, Sidek Abdullah, Nurfarhana Mohd Daud,  
Noor Nasuha Zakaria, Norizan Othman, Shahidatul Ashikin Shahrin

Kadang-kadang perlu difikirkan  
Teladan di sebalik kisah arnab dan kura-kura  
Bukti yang ilmu makhluk memang terbatas  
Hanya mengetahui apa yang zahir sahaja

Dongeng yang dibawa dari lisan ke lisan  
Arnab yang pantas dan kura-kura yang lembab  
Betapa jaguhnya arnab di mata sendiri  
Akhirnya jatuh dek kerana penilaian sendiri

Tangkas yang disangka cepat  
Lembab yang disangka lambat  
Rupanya boleh berlaku sebaliknya  
Jika ada semangat, kegigihan dan usaha

Besar maksud kejayaan kura-kura  
Di mata kita yang bernama manusia  
Biar dipandang lemah dan hina  
Kerana masa hadapan milik semua

Sungguh, semua dalam pengetahuan Dia  
Yang Maha Memberi dan Membalas  
Setiap ketekunan hambaNya  
Yang berusaha dengan penuh ikhlas

Besar juga maksud kekalahan arnab  
Jika kita membuka lensa hati  
Kadang-kadang, berada di atas  
Tidak selamanya menjanjikan kejayaan

Apa pun kelebihan dan kelemahan kita  
Raikan dengan usaha dan semangat  
Kerana kejayaan milik semua  
Teruskan usaha mencapai matlamat

***JABATAN  
UNDANG-UNDANG***

## PROFIL KOORDINATOR



*“Dunia adalah tempat berpenat dan akhirat adalah tempat untuk kita berehat. Tulislah sesuatu yang baik, mudahan pahalanya setinggi bukit. Titipkanlah bait-bait yang cantik, mudahan ada hati yang tercuit.”*

### **SITI MARIAM ATAN** **Koordinator Undang-Undang**

Jabatan Undang-Undang  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor  
Kampus Segamat  
Jalan Universiti Off Km. 12 Jalan Muar  
85000 Segamat  
Johor Darul Ta'zim, MALAYSIA

Email : [sitim223@uitm.edu.my](mailto:sitim223@uitm.edu.my)  
No Telefon: 07 – 935 2458

## **PROFIL PENULIS-PENULIS**

### **Laporan Aktiviti Jabatan dan Pensyarah**

Norintan Wahab  
Noraini Ismail  
Alizah Ali  
Rosnani Mohd Salleh  
Siti Mariam Atan

### **Karya Akademik dan Umum**

Alizah Ali  
Zuramaznum Sainan  
Noraini Ismail  
Norintan Wahab  
Rosnani Mohd Salleh  
Siti Mariam Atan

### **Karya Kreatif**

Noraini Ismail  
Rosnani Mohd Salleh  
Siti Mariam Atan  
Norintan Wahab



**LAPORAN AKTIVITI  
JABATAN DAN  
PENSYARAH**


## Laporan Program Words 365

Program kedua anjuran Jabatan Undang-Undang adalah Words 365. Program ini berlangsung pada 19hb Februari 2019 yang lalu dengan En Ahmad Akmal Mohd Idrus sebagai penceramah jemputan. Program yang dijalankan di Trading Room PTDI 1 ini juga telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dalam kalangan warga akademik.

Semasa program ini berlangsung, En Ahmad Akmal banyak berkongsi aplikasi-aplikasi yang boleh digunakan oleh warga akademik untuk menarik minat pelajar, antaranya aplikasi Kahoot! Selain itu, ramai juga peserta yang baru menyedari bahawa setiap pensyarah dibekalkan dengan satu akaun onedrive yang merupakan salah satu aplikasi cloud storage.

Terima kasih kepada En Ahmad Akmal yang banyak berkongsi ilmu dan pengalaman kepada para peserta. Sepanjang 4 jam program berlangsung, banyak ilmu yang peserta perolehi. Program berakhir pada jam 1 petang.

**Disediakan oleh: Norintan Wahab**



**Peserta khusyuk mendengar penerangan oleh En Ahmad Akmal**



**Semasa sesi *hands-on* semua peserta kelihatan bersungguh-sungguh mencuba aplikasi yang diajarkan oleh penceramah!**

## Laporan Program Eksplorasi Excell

Pada 18 Februari 2019 yang lalu, Jabatan Undang-Undang telah menjalankan satu program bertajuk Eksplorasi Excell bertempat di Trading Room, PTDI 1. Program ini bertujuan untuk menambahkan ilmu pengetahuan tentang penggunaan program Excell. Program ini telah berjaya menarik seramai 31 orang peserta dalam kalangan warga akademik dan pentadbiran.

Penceramah jemutan iaitu Puan Musmailina Mustafa Kamal sangat santai semasa sesi perkongsian tersebut menyebabkan peserta tidak kering gusi. Ditambah lagi dengan pelbagai tips tentang penggunaan Excell ini menyebabkan peserta sangat berpuas hati.

Program yang berlangsung selama lebih kurang 4 jam telah memberi banyak manfaat tentang penggunaan Excell dalam kalangan warga UiTM Johor Kampus Segamat. Malah ada peserta yang meminta Jabatan Undang-Undang untuk membuat program susulan.

**Disediakan oleh: Norintan Wahab**



**Penceramah, Puan Musmailina membantu peserta yang menghadapi masalah dengan penggunaan Excell.**



**Peserta kelihatan bersungguh-sungguh mendengar penerangan dari puan penceramah.**

## **Sesi Libat Urus Terbuka Jawatankuasa Khas Pembaikan Sistem dan Undang-Undang Pilihan Raya (ERC) peringkat Zon Selatan**


Pada 27 Jun 2019, bertempat di Dewan Bankuet, Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim, Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Johor Bahru, telah berlangsung Sesi Libat Urus Terbuka Jawatankuasa Khas Pembaikan Sistem dan Undang-Undang Pilihan Raya (ERC) peringkat Zon Selatan. Sesi perbincangan tersebut disertai jabatan-jabatan kerajaan, badan-badan berkanun, parti-parti politik serta institut-institut pengajian tinggi zon selatan. Dua daripada empat orang kakitangan UiTM Johor Kampus Segamat yang menghadiri sesi tersebut adalah Puan Hj Noraini Ismail dan Puan Alizah Ali dari Jabatan Undang-Undang.

ERC ditubuhkan oleh kerajaan pada Ogos 2018, dianggotai 20 ahli pelbagai latar belakang dan diberi masa selama dua tahun untuk melakukan kajian penambahbaikan pilihan raya. Sesi pada hari tersebut bertujuan untuk mendapatkan maklumbalas peserta mengenai penambahbaikan dan pembaharuan di dalam sistem pilihan raya negara.

Aspek perbincangan pada sesi tersebut meliputi sistem pilihan raya, badan pengurusan pilihan raya, persempadanan kawasan pilihan raya, pendaftaran pemilih secara automatik, pendaftaran parti-parti politik, kempen pilihan raya, pembiayaan politik, kawalan media, perjalanan pilihan raya, tata etika calon dan parti, pemerhati pilihan raya, pemerkasaan undang-undang pilihan raya, penubuhan kerajaan sementara, kerjasama antara agensi, pendidikan pengundi dan undang-undang petisyen pilihan raya.

Semoga hasil perbincangan dalam sesi libat urus terbuka ini dapat melancarkan pilihan raya umum akan datang dan memberi kesan positif kepada rakyat Malaysia secara khusus.

**Disediakan oleh: Noraini Ismail dan Alizah Ali**



## Karista Di Johor

KARISTA atau Karnival Sukan Staf UiTM merupakan satu acara sukan tahunan yang menyaksikan warga UiTM dari seluruh Negara akan mengambil bahagian untuk mewakili kampus masing-masing. Pensyarah Undang-Undang UiTM Johor juga tidak melepaskan peluang untuk menyertainya, apatah lagi pada kali ini Johor merupakan tuan rumah.

Dua orang pensyarah undang-undang, iaitu Puan Norintan Wahab dan Puan Siti Mariam Atan telah mewakili UiTM Johor dalam acara catur berpasukan dan bola tampar. Secara tidak langsung penyertaan mereka di dalam karnival sukan terbesar di UiTM itu sedikit sebanyak menunjukkan bahawa pensyarah undang-undang juga mempunyai kebolehan dalam bidang sukan!

Dalam acara catur berpasukan Puan Norintan Wahab dan pasukannya telah berjaya mengekalkan pingat gangsa yang dimenangi mereka pada tahun lepas. Manakala Puan Siti Mariam Atan pula, walaupun tidak berjaya tetapi telah menunjukkan semangat juang yang tinggi. Tahniah! Kerana UiTM Johor telah berjaya mendapat tempat ke-5 keseluruhan mengikut jumlah pungutan pingat.

**Disediakan oleh: Norintan Wahab**



**Penulis merupakan pemain wanita tunggal dalam acara catur berpasukan.**



**Penulis sedang merencana strategi untuk mengalahkan lawan. Seriusnya muka!**

**Team KARISTA Johor bergambar kenangan bersama Tuan Rektor UiTM Johor dan maskot Macan Lanang.**

## Komander Kesatria Endurance Challenge 2019

Pada setiap tahun, pertandingan Komander Kesatria Endurance Challenge (KKEC) adalah acara yang dinanti-nantikan oleh semua pelajar yang menyertai Komander Kesatria. Sebagai salah seorang Pegawai Kehormat (K) Untuk UiTM Johor, penulis telah terlibat secara langsung di dalam acara yang berprestij ini. KKEC pada tahun ini telah berlangsung dari 1 hingga 5 Ogos 2019.

UiTM Johor telah menjadi juara bagi kebanyakan acara yang telah dipertandingkan pada kali ini. Ironinya, pertandingan ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kemahiran fizikal dan semangat berdaya saing dalam kalangan peserta. Bagi setiap keringat dan penat lelah demi mencapai kejayaan dalam pertandingan yang berprestij ini, telah membuktikan bahawa para komander UiTM se-Malaysia mempunyai sifat juang yang tinggi dan tidak mudah berputus asa.

Adat pertandingan, ada yang kalah dan ada juga yang menang. Tahniah dan syabas diucapkan kepada para peserta yang telah menamatkan pertandingan ini dengan jayanya. Jangan putus harapan dan teruslah bangkit demi masa yang mendatang. Semoga kita berjumpa lagi di KKEC akan datang di Perlis pada tahun 2020 nanti.

Once a commander, always a commander!

Disediakan oleh: Rosnani Mohd Salleh



Penulis bersama rakan-rakan Pegawai Kehormat (K)



## Persidangan Orang Asli 2019

Pada 3 hingga 5 September 2019, saya telah menghadiri satu konferensi yang bertajuk “International Conference of Indigenous People”. Konferensi yang bertemakan Orang Asli itu telah adakan di Han Forest Resort, Taman Negara, Pahang. Konferensi yang dianjurkan oleh UiTM Cawangan Pahang ini telah dihadiri oleh ramai ahli akademik, para penyelidik dan saintis.

Di dalam konferensi tersebut, saya telah membentangkan dua kertas kerja bersama dua orang penyelidik dari UiTM Johor, iaitu Prof Madya Ahmad Nawawi Yaakob dan Puan Rohani Jangga. Kertas kerja pertama bertajuk Perlantikan Tok Batin Kaum Jakun Di Daerah Segamat, Johor: Perbandingan Di Antara Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) Dengan Undang-Undang Adat.



**Penulis bergambar kenangan bersama rakan penyelidik berlatarbelakangkan tajuk kajian.**

Kajian kedua pula bertajuk Peranan ‘Tok Biah’ Dalam Adat Dan Kepercayaan Orang Asli Jakun Di Perkampungan Bekok, Daerah Segamat, Johor. Tok Biah adalah satu istilah yang merujuk kepada bomoh didalam kepercayaan suku kaum Jakun di perkampungan Bekok.

Secara kesimpulannya, peluang untuk menghadiri konferensi sebegini adalah sangat berharga bagi saya. Konferensi sebegini menjadi wadah kepada penemuan baru hasil daripada penyelidikan yang mungkin kita tidak terfikir. Pendedahan daripada rahsia alam ini sangat sangat menakjubkan.

**Disediakan oleh: Alizah Ali**

## Konvensyen Tanah Rezab Melayu 2019

Pada 28 Februari 2019, dua orang pensyarah dari Jabatan Undang-Undang iaitu Puan Rosnani Mohd Salleh dan Puan Siti Mariam Atan telah menghadiri Konvensyen Tanah Rezab Melayu (TRM) 2019 “Menjunjung Wasiat Raja-Raja Melayu, Memelihara Tanah Rizab Melayu”. Konvensyen yang berlangsung di Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC) ini dianjurkan oleh Kursi Institusi Raja-Raja Melayu dan Pusat Pengajian Pengurusan Hartanah, Fakulti Senibina, Perancangan Dan Ukur, UiTM.

Konvensyen ini bertujuan untuk mengumpulkan para ilmuwan dan pakar yang memiliki pengalaman berkaitan TRM bagi membincang, merungkai isu dan cabaran demi memelihara TRM untuk generasi akan datang. Sebanyak 3 kertas kerja telah dibentangkan oleh pakar-pakar di dalam TRM.



**Penulis bersama beberapa wakil dari UiTM Johor  
Kampus Segamat & Kampus Pasir Gudang**

**Disediakan oleh: Siti Mariam Atan**

The background is a vibrant purple and pink gradient. In the center, a large circle with a yellow-to-orange gradient is surrounded by several concentric, white-outlined diamond shapes. Below the circle, there are wavy, wireframe-like lines that resemble a digital landscape or data flow. The overall aesthetic is modern and technological.

**KARYA AKADEMIK  
DAN UMUM**

## Hak Wanita Selepas Perceraian

Oleh Alizah Ali & Noraini Ismail

Perceraian merupakan perkara halal yang paling dibenci oleh Allah. Walaubagaimanapun ianya dibenarkan oleh syarak di atas sebab-sebab yang tertentu. Perceraian boleh dilakukan secara talak (lafaz talak oleh suami), fasakh (tuntutan cerai oleh isteri akibat berlaku perkara yang memudaratkan) dan khuluk (tebus talak). Perceraian perlu dilakukan dan didaftarkan di mahkamah syariah. Kegagalan untuk berbuat demikian boleh menyebabkan pasangan didenda.

Apabila berlaku perceraian, terdapat beberapa perkara yang bekas isteri boleh tuntutan di mahkamah syariah. Antaranya ialah nafkah iddah, mut'ah, harta sepencarian, hadanah (hak jagaan anak), nafkah anak, tunggakan nafkah dan hak tempat tinggal.

Nafkah iddah adalah merujuk kepada nafkah yang wajib dibayar oleh bekas suami kepada bekas isterinya sepanjang si isteri di dalam tempoh iddah. Nafkah yang dimaksudkan di sini ialah makanan, pakaian dan tempat tinggal. Jumlah bayaran nafkah ini biasanya ditetapkan oleh mahkamah dan ianya bergantung kepada keadaan isteri, pekerjaan isteri dan beberapa kriteria yang akan dipertimbangkan oleh pihak mahkamah.

Bekas isteri boleh memohon untuk mendapatkan mut'ah. Mutaah ialah suatu pembayaran sagu hati yang diberikan oleh bekas suami kepada bekas isterinya selepas mereka bercerai. Sagu hati mutaah ini diberikan sekiranya perceraian berlaku bukan disebabkan oleh kesalahan pihak bekas isteri.

Ayat 236 surah Al-Baqarah yang bermaksud: "Hendaklah kamu memberikan Mutaah (iaitu pemberian sagu hati) kepada mereka yang diceraikan itu, iaitu suami yang senang hendaklah memberikannya menurut kemampuan mereka dan bagi suami yang susah menurut kemampuannya sebagai pemberian sagu hati menurut apa yang patut dan menjadi satu kewajipan ke atas orang yang mahu berbuat demikian". Mengikut Imam Shafie, mutaah itu wajib diberikan kepada isteri sama ada dia diceraikan sebelum atau selepas disetubuhi. Ia boleh diberikan dalam bentuk wang, pakaian dan barangan. Mutaah bertujuan untuk meringankan sedikit beban yang ditanggung oleh bekas isteri akibat diceraikan oleh bekas suaminya.

Tidak ada formula khas yang wajib digunakan oleh Hakim semasa menentukah kadar pemberian mut'ah. Namun, jumlah pemberian mut'ah hendaklah diasaskan kepada –

- (a) kemampuan suami;
- (b) status pasangan;
- (c) tempoh perkahwinan;
- (d) pengorbanan isteri.

Walaupun bagaimanapun, tuntutan mut'ah oleh bekas isteri boleh ditolak Mahkamah atas beberapa faktor, antaranya apabila isteri bersetuju dalam perjanjian yang dibuat selepas perceraian bahawa dia tidak akan menuntut mut'ah daripada suaminya dan sekiranya perceraian yang berlaku itu adalah melalui tuntutan fasakh dengan alasan terdapatnya aib di pihak isteri.

Harta sepencarian adalah merujuk kepada harta yang diperolehi atau dimiliki oleh bekas suami isteri semasa dalam tempoh perkahwinan. Harta ini merujuk kepada wang ringgit, harta boleh alih dan harta tak boleh alih. Harta yang asalnya milik suami sebelum berkahwin akan kembali kepada suami selepas berlaku perceraian. Begitu juga harta isteri yang dimiliki sebelum perkahwinan akan kembali kepada isteri.

Tunggakan nafkah adalah nafkah yang tidak ditunaikan oleh suami kepada isterinya sepanjang tempoh perkahwinan. Ianya dianggap hutang dan wajib diselesaikan oleh bekas suami. Tunggakan nafkah ini juga termasuk tunggakan nafkah terhadap anak.

Isteri juga berhak untuk mendapatkan hak hadhanah. Hadhanah bermaksud hak penjagaan anak yang masih kecil yang belum berupaya untuk menguruskan dirinya sendiri. Mengikut syarak dan undang-undang Islam, sekiranya anak dibawah umur tujuh tahun (anak lelaki) dan sembilan tahun (anak perempuan), hak penjagaannya adalah jatuh kepada ibu.

Bagi anak yang sudah berusia melebihi daripada umur yang dinyatakan di atas, mahkamah akan memberikan hak penjagaan anak berdasarkan pilihan yang dibuat oleh anak-anak tersebut, sama ada hendak tinggal bersama ibu atau ayah.

Bekas suami juga wajib membayar nafkah anak tidak kira sama ada anak itu berada di dalam penjagaannya, bekas isterinya atau orang lain. Bayaran nafkah ini adalah wajib dan dianggap sebagai hutang sekiranya ianya tidak dilunaskan.

Sepanjang di dalam tempoh iddah, bekas isteri juga berhak untuk mendapatkan hak tempat tinggal. Hak tempat tinggal di sini merujuk kepada rumah yang biasa bekas isteri tinggal semasa di dalam tempoh perkahwinan. Makanya, bekas suami hendaklah menyediakan hak tempat tinggal ini untuk memastikan keselamatan dan keselesaan bekas isteri dan anak-anak terjamin.

Segala hak-hak ini boleh dituntut oleh bekas isteri di mahkamah. Mahkamah boleh memutuskan untuk bekas suami menyediakan segala hak dan keperluan bekas isteri dan anak-anak. Bayaran yang perlu dibayar kepada bekas isteri dan anak-anak boleh dibuat secara bayaran terus atau secara ansuran. Bekas isteri boleh membuat aduan kepada mahkamah sekiranya bekas suami gagal membuat bayaran nafkah dan menunaikan hak bekas isteri selepas perceraian.

Segala hak yang diberikan kepada bekas isteri ini membuktikan bahawa Islam sangat menjaga masalah isteri dan anak-anak selepas berlakunya perceraian yang semestinya memberi kesan kepada emosi dan kehidupan isteri. Ianya diharap dapat meringankan beban kewangan dan membantu bekas isteri untuk memulakan kehidupan baru.

## Makan Atas Risiko Sendiri?

Oleh Zuramaznum Sainan, Alizah Ali, Norintan Wahab

Pengusaha industri makanan di Malaysia sentiasa bersaing dalam mencipta resepi makanan atau hidangan yang unik dan luarbiasa bagi menarik perhatian pelanggan. Dalam usaha tersebut maka muncul lah hidangan “*extra cheese leleh*”, “*extra hot & spicy*”, “*extra creamy*” dan berbagai lagi slogan yang boleh menambat hati pelanggan.

Baru-baru ini, terdapat sebuah syarikat makanan segera yang memperkenalkan produk ayam goreng “*extra spicy*” yang menggunakan pelbagai jenis cili dan rempah. Seperti yang diharapkan, hidangan tersebut mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelanggan yang sukakan makanan pedas.

Malangnya terdapat segelintir pelanggan mereka yang mengalami gangguan usus dan sakit perut selepas menikmati makanan tersebut. Perkara ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan pelanggan ke atas syarikat berkenaan. Namun, pihak syarikat tidak gentar dan tidak melayani aduan pelanggan kerana pihak syarikat telah memberi peringatan pada iklan promosi makanan tersebut yang mengatakan “*makan atas risiko sendiri*”. Pelanggan pula sepatutnya peka dan mengenalpasti tahap kepedasan masing-masing.

Peringatan “*makan atas risiko sendiri*” bermaksud pelanggan mesti menanggung sendiri sebarang risiko selepas mengambil makanan daripada produk syarikat tersebut dan dia tidak boleh membuat sebarang tuntutan kepada syarikat. Ironinya, syarikat tidak bertanggungjawab ke atas sebarang aduan dan masalah yang dihadapi pelanggan. Kesan dari situasi ini, ada pihak yang marah dan menganggap amaran sedemikian sebagai satu helah syarikat untuk berlepas tangan atas nasib yang menimpa pelanggan mereka.

Dari segi undang-undang, pengeluar dan penyedia makanan haruslah mematuhi semua standard atau spesifikasi yang telah ditetapkan di bawah Akta Makanan 1983 dan juga mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini seperti Peraturan-Peraturan Makanan 1985 dan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009.

Merujuk kepada seksyen 13 Akta Makanan 1983, sesiapa yang menyediakan atau menjual makanan yang terkandung didalamnya sebarang bahan beracun, merosakkan atau memudaratkan kesihatan, maka dia telah melakukan kesalahan dan jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi Satu Ratus Ribu Ringgit (RM100,000) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Dalam menentukan sama ada sesuatu makanan itu memudaratkan atau tidak, perhatian hendaklah diberikan kepada kesan kesihatan si pengambil makanan. Terdapat dua kesan utama tahap kesihatan, iaitu kesan akut (jangka masa pendek) dan kronik (jangka masa panjang).

Namun sekiranya semua peraturan telah dipatuhi dan diluluskan oleh pihak bertanggungjawab seperti Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan di Kementerian Kesihatan Malaysia, maka ianya tidak menjadi satu kesalahan kepada syarikat pengeluar makanan jika makanan itu hanya memudaratkan sesetengah pihak yang berkemungkinan sensitif atau alah kepada makanan tersebut. Sedangkan ianya tidak memberi kesan kepada pengguna lain.

Sehubungan itu, sebarang pernyataan penafian (*disclaimer*) yang dibuat oleh syarikat pengeluar makanan adalah menjadi suatu peringatan atau amaran kepada pengguna supaya peka dan mengambil maklum tentang kesesuaian produk makanan kepada diri masing-masing. Dalam masa yang sama, syarikat pengeluar makanan cuba memaklumkan yang mereka tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kesan mudarat kepada kesihatan pelanggan yang mengambil produk makanan dari syarikatnya.

Perlu ditegaskan di sini bahawa pernyataan penafian hanya boleh dibuat sekiranya pihak pengeluar makanan telah mematuhi semua syarat dan mendapat kelulusan daripada badan yang bertanggungjawab. Semestinya pernyataan penafian ini tidak boleh dibuat sekiranya pihak syarikat pengeluar makanan tidak mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan.

Kesimpulannya, pengguna mestilah bijak dalam memilih dan membeli makanan. Jangan terlalu gopoh dan terpengaruh dengan iklan. Pengguna yang bijak akan menilai dahulu tahap kesihatan dirinya dan meneliti kesesuaian makanan tersebut sebelum membuat keputusan membeli makanan yang berkemungkinan boleh memudaratkan dirinya.

## Buli Siber: Antara Mengusik Dan Membuli Oleh Norintan Wahab & Zuramaznum Sainan

Menurut satu laporan laman web Nasihat Keselamatan dan Privasi Perbandingan, Comparitech.com pada tahun 2018, Malaysia melonjak ke tempat ke-6 daripada 28 negara dalam kaji selidik berhubung buli siber. Ini bukan sesuatu yang menghairankan apabila sehingga Oktober 2018 Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CMCF), menerima sebanyak 357 aduan daripada pengguna berkaitan pelbagai isu termasuk buli siber dan pornografi kanak-kanak.

Merujuk kepada definisi yang diberikan di laman [www.myhealth.gov.my](http://www.myhealth.gov.my) buli siber adalah perbuatan mengancam, memalukan atau menakutkan seseorang melalui medium elektronik seperti mesej teks (SMS), *chatting*, e-mel, laman web sosial, telefon bimbit atau permainan internet. Dari pengertian ini jelas sekali apa-apa jenis perbuatan yang boleh mendatangkan ancaman, ketakutan dan memalukan seseorang secara atas talian termasuk dalam kategori buli siber.

Andaikan kita merakam video satu perbuatan yang berlaku kepada seseorang yang kita kenali atau tidak kita kenali yang pada fikiran kita adalah lucu dan mencuit hati dan video tersebut kita muatnaik di atas talian. Video tersebut menjadi tular dan mengundang banyak komen positif dan negatif. Seterusnya, orang yang didalam video tersebut juga menerima tempias akibat penulatan video tersebut dan beliau diejek akibat video itu. Tanpa kita sedari, kita merupakan pembuli di alam siber, walaupun hakikatnya kita bukan begitu di alam nyata.

Kita mungkin merasakan bahawa tindakan kita menularkan video tersebut adalah untuk suka-suka. Namun, pernahkah kita terfikir kesannya kepada orang yang dirakam di dalam video tersebut? Dalam kes-kes buli siber yang kronik, mangsa mungkin akan membunuh diri. Selain itu, buli siber juga boleh menyebabkan keresahan, kemurungan dan lain-lain penyakit yang berkaitan dengan tekanan perasaan.

Antara contoh-contoh perbuatan yang dikategorikan sebagai buli siber adalah seperti menghantar apa-apa mesej yang mengganggu dan mengancam seseorang, menyalahgunakan kata laluan atau nama skrin orang lain atau menyamar sebagai orang lain, memanjangkan apa-apa e-mel, foto atau video yang mempunyai kandungan mengancam, mengganggu dan memalukan kepada orang lain, memuat naik komen atau gambar yang tidak senonoh. *sexting* (tindakan menghantar gambar, mesej atau video berunsurkan seksual menggunakan telefon bimbit) dan memulaukan individu tertentu daripada sesuatu kumpulan internet dengan sengaja.

Oleh yang demikian, kita seharusnya lebih berhati-hati sebelum menghantar atau memberi komen di atas talian. Mengikut Seksyen 223 Akta Komunikasi Dan Multimedia, pembuli siber boleh dikenakan tindakan mengikut seksyen 233, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 98) dan jika disabitkan kesalahan boleh didenda RM50,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi setahun atau kedua-duanya sekali. Pilihan di tangan kita, buatlah pilihan dengan bijak!

## **Kutu Di sisi Undang-Undang Malaysia.**

### **Oleh Siti Mariam Atan, Rosnani Mohd Salleh & Norintan Wahab**

Adakah anda pernah dengar atau terlibat dengan skim wang kutu? Apakah dia skim wang kutu? Skim wang kutu secara poplarnya dikenali sebagai “main kutu” atau “duit kutu”. Secara umumnya main kutu adalah satu skim di mana peserta menabung wang secara berkumpulan. Pada kebiasaannya satu kumpulan kutu disertai oleh 5 hingga 12 orang peserta.

Setiap peserta perlu mencabut undi untuk menentukan giliran masing-masing bagi menerima wang yang dikumpulkan. Seorang “ibu kutu” akan dilantik untuk mengutip wang dari setiap peserta dan mengagihkannya kepada peserta-peserta mengikut giliran yang telah ditetapkan.

Skim kutu boleh digunakan sebagai satu kaedah untuk menabung wang bagi memenuhi pelbagai hajat dan juga keperluan peserta seperti membeli barangan yang mahal, membayar insuran kereta, menampung kos keperluan persekolahan anak-anak pada awal tahun dan sebagainya.

Pernahkan anda berfikir samada “main kutu” dibolehkan di sisi Undang-Undang Malaysia? Undang-Undang yang berkaitan dengan kutu ialah Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971 (Akta 28). Seksyen 3 Akta ini memperuntukkan bahawa adalah salah di sisi Undang-Undang bagi seseorang untuk menjalankan perniagaan menganjurkan kumpulan wang kutu. Seseorang yang disabitkan melakukan kesalahan di bawah seksyen ini akan didenda tidak melebihi RM500,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.

Tahukah anda, terdapat dua jenis skim kutu iaitu kutu jenis perniagaan dan jenis tradisional. Kutu jenis perniagaan dijalankan untuk tujuan mendapatkan keuntungan. Keuntungan boleh diperolehi melalui fees yang dikenakan ke atas peserta.

Manakala kutu tradisional pula dijalankan bukan atas dasar keuntungan. Sebaliknya, ia dianjurkan atas dasar kemasyarakatan dan kepercayaan. Kutu jenis ini lazimnya di lakukan dalam kalangan ahli keluarga, saudara mara, jiran tetangga, sahabat handai atau rakan sekerja.

Berdasarkan seksyen 3, hanya kutu jenis perniagaan sahaja yang dilarang di sisi Undang-Undang Malaysia. Kutu tradisional tidak termasuk dalam Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971 kerana ia tidak bermotifkan keuntungan. Kutu tradisional hanya mengembalikan jumlah wang yang disumbangkan oleh peserta mengikut giliran masing-masing.

Meskipun undang-undang Malaysia tidak melarang kutu tradisional, namun masyarakat perlulah cakna dan berhati-hati sekiranya ingin menyertai skim kutu tradisional agar tidak tertipu oleh penganjur yang tidak amanah dan tidak jujur di dalam menguruskan wang kutu.



## **[Catatan Peribadi] Bukan Senang Nak Senang... Oleh: Rosnani Mohd Salleh & Siti Mariam Atan**

Saya rasa setiap orang pasti merasai pahit maung sebuah kehidupan sebelum mereka menikmati hidup yang senang. Jika anda dilahirkan dalam keluarga yang senang dan penuh dengan kekayaan, anda patut bersyukur dengan nikmat yang telah Dia kurniakan.

Saya melalui pelbagai pengalaman untuk berada di tahap yang sekarang. Bukan semuanya manis dan bukan juga terlalu pahit untuk ditelan. Ada sesuatu perkara yang berlaku, walaupun pada akhirnya membuahakan rasa yang sangat manis tapi untuk mencapai tahap tersebut, pelbagai rintangan dan halangan yang perlu diselesaikan.

Namun begitu, sepanjang kelansungan hidup ini, momen-momen yang indah akan terus dikenang, manakala pengalaman yang pahit dan masam pastinya kita akan tetap jadikan sebagai pedoman dan panduan dalam meneruskan bahtera kehidupan.

Ya! Saya rasa anda sangat beruntung kalau tidak pernah merasa hidup susah. Anda sangat beruntung kalau anda tidak pernah melalui kesusahan atau kesulitan dan semua hajat anda ditunaikan dengan senang dan mudah. Tapi pada pandangan saya, adalah lagi beruntung kalau anda hidup dipenuhi dengan dugaan dan rintangan, kerana itulah yang akan membuatkan anda tenang dan tabah untuk terus bertahan. Kesusahan dan kesukaran hidup menjadi hati anda sekuat besi yang dibakar dan sekukuh gunung yang tersergam indah.

Senang atau susah hidup yang anda lalui, hadapilah dengan mensyukuri apa jua nikmat yang Dia beri. Jatuh dan bangun anda dalam meneruskan sebuah kehidupan mungkin tak mampu difahami oleh mereka yang lain. Jatuh dan bangun itu bukanlah untuk mereka, sudah semestinya mereka tidak akan rasa apa yang anda rasa. Rasa rasa itu hanya anda yang tahu sebenarnya. Tapi tak mengapa, takdir manusia itu tidak sama. Saiz baju dan kasut kita pun berbeza apatah lagi perjalanan hidup yang telah ditetapkan oleh Dia yang Maha Kuasa.

Jika anda jatuh dan sedang berduka, janganlah putus harap untuk bangkit semula. Ingat selalu, bila kita jatuh ke bawah, sebenarnya Dia nak bagi kita seribu cara untuk mendaki semula ke atas.

\*\*\*\*\*

Ajarkanlah pada hatimu...

'Tak apa, teruskan mencuba.'

Sepuluh kali, seratus kali, seribu kali hatta sejuta kali pun,  
jangan mudah berputus asa.

"Keep breaking, keep being fixed. Break again, being fixed again. It's okay. It will be okay!"

## Mengenali Pekan Jementah Oleh: Alizah Ali

Pekan Jementah adalah pekan ketiga terbesar di daerah Segamat selepas Bandar Segamat dan Pekan Labis. Pekan Jementah menjadi sempadan antara Daerah Segamat dan Daerah Ledang dan lokasi pekan ini adalah lebih kurang 21km daripada Bandar Segamat.

Merujuk kepada asal usul perkataan 'Jementah', perkataan ini diperolehi daripada dua versi. Versi pertama dikatakan berlaku apabila penduduk kampung merungut "Jemu, jemu, jemu.... Asyik-asyik menebang pokok saja" ketika pembukaan kawasan baru di Jementah. Kata-kata ini disahut oleh penduduk yang lain dengan sahutan "entah... entah..". penduduk setempat percaya perkataan 'jemu' dan 'entah' digabungkan dan menjadi 'Jementah'. Versi kedua pula ialah penduduk yang ketika itu jemu mencabut lintah yang menghisap darah sewaktu mereka membuka kawasan di Jementah. Gabungan perkataan 'jemu' dan 'lintah' menghasilkan 'jementah' yang menjadi nama kawasan penempatan Jementah (Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia, Utusan Publications 2009).

Terdapat beberapa perkara yang menarik tentang Pekan jementah. Lengkap ceritanya daripada tempat rekreasi, tempat perkelahan, tempat makan, tempat penginapan yang mana menjadikan Pekan Jementah ini sesuai untuk dijadikan tempat untuk dikunjungi.

Air Terjun Jeram Tinggi terdapat di Kampung Paya Jakas, Ulu Jementah. Tiada bayaran dikenakan untuk masuk ke kawasan rekreasi ini. Air terjun yang terdapat di sini tidak kurang hebatnya berbanding air terjun di Asahan dan Sagil kerana ianya berasal daripada punca air yang sama, iaitu Gunung Ledang. Kawasan ini sesuai untuk dijadikan tempat berkelah, rekreasi dan bermandi manda.

Sekiranya hendak berbelanja, ada beberapa pasaraya atau kedai yang boleh dituju. Kedai Mr D.I.Y yang menjual kepelbagaian barangan isi rumah telah dibuka di Taman Jaya, bertentangan dengan Masjid Jementah. Kedai ECO yang menjual barangan berharga RM2.10 juga menjadi tempat tumpuan pengunjung. Kedai ini terletak di pekan utama Jementah. Selain daripada itu terdapat 2 buah kedai seven-eleven, sebuah kedai Speed99 Mart, sebuah pasaraya Mega dan lebih daripada sepuluh buah kedai runcit.



Terdapat tiga buah stesen minyak utama di Jementah, iaitu Petronas, Petron dan Shell. Bank Simpanan Nasional (BSN) dan RHB Bank juga ada di Jementah. Kemudahan prasarana lain seperti sekolah kebangsaan, sekolah menengah, sekolah agama, masjid, klinik kesihatan, balai polis, balai raya juga terdapat di sini. Terdapat beberapa buah hotel dan rumah penginapan yang ala-ala kampung, murah dan selesa di sini. Perkhidmatan urutan dan spa juga ada di Jementah. Pelanggan boleh memilih untuk berurut di kedai atau di rumah. Harga perkhidmatan ini adalah sangat berpatutan.

Pekan Jementah terkenal dengan durian. Ada yang menggelarkan 'Durian Segamat adalah Durian Jementah'. Di pekan ini terdapat lebih daripada lima tempat utama penjualan raja buah ini. Durian-durian ini adalah antara durian yang terbaik di Malaysia. Harganya juga adalah jauh lebih murah kalau dibanding dengan durian baka baik di tempat lain.

Selain daripada durian, buah-buahan lain seperti manggis, rambutan, duku, longan, langsung dan buah mata kucing juga ada dijual di Jementah. Buah-buahan ini dijual di beberapa kedai buah-buahan. Ada juga peraih dan tuan empunya kebun yang menjual buah-buahan ini secara terus kepada pelanggan. Penempatan pekan Jementah yang berada di kaki Gunung Ledang menjadikan tanah di sekitar Jementah subur dan sesuai untuk tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran.



Terdapat banyak kedai makan di Jementah. Bermula dengan sarapan pagi, makan tengahari, minum petang dan makan malam, ada sahaja kedai yang menjualnya. Menu makanan yang dijual juga adalah pelbagai. Makanan masakan kampung, makanan barat, makanan cina dan arab turut dijual di kedai makan di pekan Jementah. Pilih sahaja mana-mana kedai makan mengikut selera.

Ketika musim perayaan Tahun Baru China yang lalu, pekan Jementah telah menarik perhatian seluruh rakyat Malaysia kerana muncul sebagai 'i-city Jementah'. Ianya adalah untuk meraikan pesta tanglung secara besar-besaran sempena perayaan Tahun Baru China. Beratus tanglung dan lampu telah dipasang untuk menyinari kawasan pekan Jementah ketika perayaan tersebut.

Pekan Jementah merupakan pekan yang lengkap dan ada segala-galanya. Beruntung penduduk Jementah. Bagi sesiapa yang tidak tahu hendak ke mana ketika musim cuti sekolah, bolehlah membuat perancangan ke pekan Jementah, terutamanya ketika musim buah-buahan. Pasti anda tidak akan kecewa dengan keputusan anda itu.



## **Makan Secara Sihat, Amalkan 5M!**

**Oleh Rosnani Mohd Salleh, Siti Mariam Atan & Norintan Wahab**

Nikmat sihat adalah salah satu nikmat yang sangat didambakan oleh semua pihak. Setiap insan mahukan hidup sihat sepanjang hayat tapi adakah mereka turut mengamalkan pemakanan seharian secara sihat?

Pepatah melayu ada menyebut, “tepek dada tanyalah selera”, jadi seharusnya kitalah yang memilih dan membuat keputusan untuk cara pemakanan seharian. Berikut adalah 5M yang kita boleh amalkan untuk makan secara sihat.

Pertama; Mengurangkan gula. Ya! Gula adalah musuh yang utama. Pengambilan gula yang berlebihan mengundang pelbagai penyakit and mengganggu kualiti kehidupan seharian. Selain itu, pengambilan gula yang berlebihan adalah menjadi penyebab kepada masalah obesiti.

Kedua ; Mengurangkan garam. Apa itu garam? Garam didefinisikan sebagai bahan yang memberi rasa masin. Ia boleh didapati dalam halus atau kasar. Sama ada ia ditambah dalam makanan atau tersembunyi dalam sos, kicap, taucu, mayonis, keju, ikan masin, serbuk dan juga kiub perisa.

Ketiga; Mengurangkan minyak. Bagi mereka yang ingin kekal sihat, pengambilan minyak mestilah dalam kuantiti yang sedikit. Penggunaan minyak yang berlebihan dalam masakan meletakkan kesihatan kita dalam keadaan yang sangat berisiko.

Keempat; Melebihi buah-buahan dalam pola pemakanan. Buah-buahan adalah sumber vitamin untuk badan. Terdapat pelbagai khasiat buah-buahan jika kita jadikan sebahagian daripada amalan makan secara sihat. Contoh memakan sebiji buah epal atau jusnya setiap hari sudah cukup untuk membekalkan khasiat bagi mengurangkan kolestrol dalam badan.

Kelima; Melebihi sayur-sayuran. Sayur itu sendiri merupakan makanan kesihatan yang mempunyai khasiat yang mampu mengubati dan mencegah pelbagai penyakit kerana khasiatnya dari segi kandungan nutrition seperti vitamin, mineral, lemak, protein dan karbohidrat.

Menurut penyelidik sebahagian daripada sayur-sayuran dan buah-buahan ini mengandungi komponen yang boleh membantu menangani masalah kesihatan serta menyediakan gaya hidup yang lebih sihat.

Kesimpulannya, makan secara sihat hendaklah menjadi amalan dalam kehidupan seharian. Benarlah orang kata, mencegah adalah lebih baik daripada mengubat. Marilah kita sama-sama menghargai nikmat sihat. Mudahan dengan nikmat sihat menjadikan kita lebih rajin dalam beribadat.



## **Kembara Ke Candi Borobudur, Jogjakarta Indonesia.**

**Oleh Rosnani Mohd Salleh & Siti Mariam Atan**

Dalam banyak kembara, pengalaman di Jogjakarta paling membuatkan diri teruja. Selain itu, pelbagai momen dan rasa yang ada sepanjang 4 hari 3 malam di luar negara memang merupakan satu pengalaman yang tiada galang gantinya.

Bermula dengan kena tinggal bas (hahaha) gara-gara tertinggal mata wang rupiah, Alhamdulillah setiap urusan dipermudah bila bas yang dikejar belum jauh terlepas. (Lepas ni kena check banyak kali). Dek kerana kami hanya kembara berdua, kami saling menjaga dan bertolak ansur seadanya. Walaupun minat dan pilihan kami tidak sama, tapi selalunya kami boleh cari jalan penyelesaian agar tiada hati yang terasa. Alhamdulillah, terima kasih kepada teman kembara yang baik budinya.

Bagi yang mahukan kelainan, Jogjakarta memang tempat yang boleh dijadikan pilihan. Kalau Bandung syurga impian kerana banyaknya kain sulam, di Jogjakarta kau kan temui hebatnya Dia dengan melihat tempat yang dicipta untuk kau fikirkan dan ambil iktibar dalam meneruskan sebuah kehidupan.

Di Jogjakarta ini lengkap semuanya. Boleh kata semua benda ada. Daripada Keraton (Istana), candi, wisata, kebun binatang, gunung berapi, laut, pantai dan tempat shopping sedia menanti untuk dikunjungi oleh peminat setianya

Masih belum berkesempatan menerokai semua tempat yang ada di sini, insya Allah ada rezeki, saya mahu ulangi trip ke Jogjakarta lagi.

\*\*\*\*\*

Alhamdulillah, untuk rezeki kembara ini. Moga apa yang kami pelajari dan perhati sepanjang kembara ini menjadikan kami hamba yang sedar diri dan lebih bersyukur dengan nikmat yang Dia beri. Mudah-mudahan reda Allah sentiasa memayungi bukan sahaja kami, tapi semua sahabat yang kekal di hati.

### **[CANDI BOROBODUR]**

Seseorang telah bertanya, " 'happy' itu datangnya daripada mana?

Sedang saya memikirkan jawapan kepada persoalannya, lalu dia segera menjawab,

"Sebenarnya...'happy' itu datang daripada Allah. Syukurlah kerana Allah masih memberikan kita rasa bahagia dan gembira."

Ah! Terkena saya. Tapi jawapan dia memang tepat dan penuh makna. Alhamdulillah untuk segala kurnia.

\*\*\*\*\*

Jauh perjalanan, luas pemandangan dan banyak pelajaran yang dititipkan. Semakin jauh kita membawa diri, semakin banyak peradaban dunia yang kita boleh terokai. Memijak lantai yang disusun dengan bentuk yang pelbagai saiz dan dinding Candi Borobudur yang bertingkat dan dilukis dengan penuh emosi yang menggambarkan berbagai makna dan rasa.

Jelas menunjukkan kemahiran dan kehebatan arkitek zaman dahulu kala. Memang hebat dan sangat berbakat! Tak terjangkau dek akal, candi tertua ini sebenarnya telah dibina bertahun-tahun lamanya. Lukisan dan garapannya merupakan campuran kepercayaan antara agama Hindu dan Buddha. Katanya, pembinaan candi ini memakan masa lebih 100 tahun untuk disiapkan sepenuhnya.

Pada dinding-dinding yang megah berdiri, telah dilukis pelbagai karakter yang membawa ceritera dan penerangan yang berbeza. Banyak informasi yang menarik berdasarkan maklumat yang telah dikongsi kepada kami. Setiap satu tingkat menerangkan cerita yang berbeza berkait dengan raja dan rakyatnya, kisah kehidupan manusia yang bernafsu sehinggalah kepada tingkat "nirvana" yang merupakan tingkat tertinggi dalam hidup seseorang manusia itu.

Bagi pencinta dan peminat sejarah purba, inilah antara tempat yang mesti anda lawati. Datang dan lihatlah sendiri. Anda pasti jatuh hati dengan monumen asli yang masih kekal hingga kini.



## Aku Dan Insomnia Oleh Norintan Wahab & Zuramaznum Sainan

Orang kata menjadi ibu bekerjaya bukan mudah. Mungkin ada kebenarannya, kerana aku sendiri sudah mengalaminya. Kini setelah hampir 12 tahun menjadi pensyarah di UiTM Johor, aku mengalami beberapa simptom yang dikaitkan dengan insomnia.

Setelah berjumpa dengan doktor, aku dimaklumkan bahawa penyakit insomnia ini disebabkan oleh masalah gangguan tidur. Insomnia ini dikenali sebagai insomnia primer. Manakala sekiranya insomnia terjadi disebabkan penyakit yang kronik atau penyakit mental, maka insomnia itu dikenali sebagai insomnia sekunder. Mendengar namanya sahaja cukup membuatkan aku gerun. Kemudian, aku gigih mencari beberapa maklumat berkaitan dengan gejala penyakit tersebut serta beberapa cara untuk mengatasinya memandangkan aku merupakan salah seorang penghidapnya.

Apa sebenarnya insomnia? melalui laman sesawang [myhealth.gov.my](http://myhealth.gov.my), insomnia adalah perasaan subjektif di mana seseorang itu merasakan bahawa beliau kekurangan tidur atau rasa tidak puas walaupun telah mendapat peluang untuk tidur dengan secukupnya. Jadi apakah tanda-tanda kita cukup tidur? Kebiasaannya kita akan berasa puas tidur apabila kita berasa segar saat kita terjaga dari tidur.

Antara gejala penyakit insomnia ini adalah berasa mengantuk pada waktu siang, rasa letih walaupun tidak banyak melakukan aktiviti fizikal, emosi yang mudah terganggu sebagai contoh mudah marah serta kurang fokus dan mudah lupa. Selain itu, sekiranya kita kerap terjaga lebih awal daripada masa bangun tidur yang biasa juga merupakan salah satu gejala insomnia.

Antara langkah yang boleh dilakukan untuk mengatasi insomnia adalah:

1. Mengamalkan waktu tidur dan waktu bangun tidur yang tetap
2. Kurangkan tidur waktu siang
3. Elakkan menggunakan telefon tangan atau membaca menerusi gajet.
4. Elakkan kafein, nikotin dan alkohol di lewat malam.
5. Melakukan senaman sebelah petang (elak bersenam tiga jam sebelum tidur).
6. Jangan membaca atau menonton televisyen di tempat tidur
7. Jangan makan malam yang terlalu berat sebelum tidur
8. Amalkan amalan tetap sebelum tidur (cth: berus gigi dan basuh muka)
9. Memakai pakaian yang selesa semasa tidur
10. Mendapat pendedahan kepada cahaya yang mencukupi pada siang hari

Berdasarkan langkah-langkah di atas, aku akan mencuba untuk mengamalkannya. Selain itu aku juga sedang amalkan untuk mendengar alunan ayat al-Quran semasa ingin tidur. Ini dapat membantu aku untuk berasa tenang. Rasanya cukuplah perkongsian aku tentang insomnia ini. Aku berharap pembaca juga mendapat sedikit sebanyak manfaat dari kisah aku dan insomnia ini.

## **Kembara Ke Namsan Seoul Tower, Korea Selatan. Oleh Rosnani Mohd Salleh**

Tidak lengkap datang ke Korea rasanya kalau tidak singgah ke Namsan Seoul Tower. Kalau di Malaysia, Namsan Tower tersergam indah ala ala KLCC Tower pun ada juga rupa dan bentuknya. Tapi ketinggianya memang tidak sama.

Dibangunkan pada tahun 1960 dan mula dibuka untuk kunjungan orang ramai pada tahun 1980. Namsan Seoul Tower ini sebenarnya adalah sebuah pemancar radio yang dibangunkan di pergunungan Namsan.

Untuk sampai ke gunung ini atau Namsan Seoul Tower ini, bolehlah menggunakan perkhidmatan kereta kabel atau mendaki sahaja hingga ke puncak. Di tepi gunung ni, tumbuh pokok pokok ros merah yang cantik berkembang. Segar dan indah di pandangan. Bagi peminat bunga ros seperti saya, melihat ros segar yang tumbuh melata di tepi tepi jalan memang membuatkan diri sangat teruja.

Di Gunung Nam ini, Saya melihat "ajusshi" dan "ajumma" selamba sahaja mendaki. Sedang saya tercungap-cungap untuk menapak ke puncak yang tinggi. Memang mereka ternyata sangat kuat walaupun umur sudah banyak.

Kebanyakan pakcik dan makcik mendaki puncak Namsan Tower ini sebagai aktiviti riadah. Tidak dinafikan, kawasan ini berbukit dan agak tinggi serta memerlukan keringat yang banyak untuk menawan puncak. Saya sendiri sekejap sekejap rasa nak duduk rehat dan berhenti melihat-lihat sambil mengambil semangat mahu sampai ke puncak.

Namsan Seoul Tower setinggi 236,7 meter ini sebenarnya kerap juga menjadi latar belakang adegan romantik dalam drama Korea, termasuk di antaranya "Boys Over Flower". Siapa yang layan cerita Korea, mesti tahu adegan yang dilakonkan di Namsan Tower ini.

Pemandangan hijau gunung Namsan dan landskap Seoul memang menarik. Saya lihat memang ramai "couple" yang mengabadikan kenangan bersama. Moga jodoh mereka berpanjangan sampai bila bila. Pada masa yang sama, Namsan Seoul Tower menyediakan kafe-kafe dan kedai 'souvenir' yang menjual mangga / kunci cinta.

Katanya, kunci atau mangga itu akan membawa tuah pada yang percaya. Siapa tahu mungkin ada yang ingin menerapkan mitos romantik yang dipercayai di beberapa negara. Kalau tanya saya, saya memang tidak percaya, kita tengok dan layan sajarah gelagat mereka. Lain orang lain pegangannya.

Kononnya, pasangan yang memasang mangga atau kunci cinta, kemudian membuang kuncinya, mereka takkan terpisah bagaikan kukuhnya mangga cinta yang terkunci selamanya. Hahaha, iye ke? Tapi nak pasang mangga ni bukan boleh suka suka. Ada beberapa syarat yang dituturkan oleh pengunjunnya.

Pertama, tidak boleh dipasang di tempat yang menghalang pemandangan, misalnya bahagian pagar yang tinggi dan sejajar dengan pandangan mata. Kedua, dilarang memasang mangga di tempat yang boleh mendatangkan kerosakan seperti di dahan pohon.

Ketiga, tidak boleh membahayakan nyawa ketika mengunci mangga. Mesti dimangga ditempat yang telah disediakan.

Keempat, tidak boleh diletakkan di sebarang tempat yang boleh merosakkan fasiliti Namsan Seoul Tower.



Menara ini dibuka dari jam 10am hingga 11 malam. Terdapat juga tempat untuk kanak-kanak berlibur. Ada beberapa tempat yang sesuai untuk hiburan kanak-kanak. Selain, memiliki observatorium, restoran, muzium, kafe kopi hingga kedai souvenir, terdapat juga restoran berputar, pengunjung boleh duduk bersantai di sana sambil memandangi kota Seoul daripada berbagai sudut yang menarik.

Bagi yang ingin melihat pemandangan Seoul dari sudut 360 darjah, bolehlah pergi ke Digital Observatory dan lihatlah puas-puas. Terdapat juga Tayangan 3D percuma dan membuatkan anda seperti berada di dalam alam mereka.

Semua pengalaman dan pengamatan budaya di bumi Seoul, Korea Selatan akan kekal sebagai kenangan sepanjang zaman. Terima kasih untuk kembara 5hari 4malam di bumi Tuhan.

## Saya dan Kembara Oleh Rosnani Mohd Salleh

Kembara alam melihat betapa hebatnya sejarah peninggalan lepas. Panorama yang indah, bangunan dengan ukiran yang sangat cantik dan kukuh tersergam megah. Makin jauh berjalan, makin kerdil diri dirasakan dan betapa hebatnya kuasa Dia yang menjadikan. Moga ada ibrah yang boleh diambil untuk dijadikan pelajaran sepanjang meniti lorong kehidupan.

Sebenarnya, bila berada jauh di rantauan, belajar erti syukur adalah satu kemestian. Bertolak ansur dan menghargai sesama manusia adalah yang paling utama. Moga hadir kita memberikan rasa tenang dan aman bukan tambah menyusah dan menyerabutkan orang.

Jika mahu kenal hati budi sahabat, berkelanalah bersama. Sahabat yang baik akan saling menjaga dan bertolak ansur dengan karenah teman-temannya. Moga persahabatan yang terjalin berpanjangan sampai ke syurga. Terima kasih buat semua teman kembara saya.



Kembara memberi makna pada diri...  
Kembara mengajarmu erti lebih berdikari...  
Kembara perkukuhkan pergantunganmu pada  
Ilahi...

Kembara jua memperlihatkan betapa hebatnya Dia  
yang menguasai tujuh petala langit dan juga bumi...  
Pergi dan lihatlah sendiri...

Moga ada sesuatu yang boleh kau pelajari.  
*"Go and see with your own eyes..."*

## **Kembara Ke Pulau Jeju, Korea Oleh Rosnani Mohd Salleh & Siti Mariam Atan**

Pulau Jeju adalah sebuah pulau yang sangat cantik dan terkenal dengan keindahan laut yang membiru. Pulau Jeju ini terletak di selatan negara Korea. Selain itu, Pulau Jeju ini juga merupakan pulau yang bergunung berapi yang berkeluasan 1848 km persegi merupakan pulau yang menjadi kebanggaan masyarakat Korea.

Dianggap sebuah pulau yang suci oleh masyarakat setempat, Pulau Jeju mula popular dalam kalangan pelancong pada tahun 1940-n. Setelah itu, Pulau Jeju sering menjadi sebutan para pelancong dari seluruh dunia sehingga lah hari ini.

Terbahagi kepada dua daerah yang utama iaitu Jeju City dan Seogwipo City yang terletak di utara dan selatan Pulau Jeju, pengunjung boleh menaiki pesawat dari bandar Gimpo di Seoul dan ini merupakan cara paling mudah untuk ke pulau ini.

Bagi rakyat Malaysia yang mahu berkunjung ke pulau ini, pihak penerbangan Air Asia turut menyediakan penerbangan pergi dan balik dengan harga yang sangat berpatutan. Penerbangan ini adalah penerbangan terus dari KLIA2 mengambil masa 5jam 30minit untuk sampai dan mendarat di Lapangan Terbang Jeju.

Selain menjadi tempat peranginan yang terkenal di serata dunia, Pulau ini terdiri dari pada beberapa lokasi yang menarik untuk dikunjungi seperti Mount Halla, Ilchulbung Park, Sagumburi Crater, Halim Park dan beberapa lokasi lain yang menarik perhatian.

Walaupun, tidak banyak restoren yang menawarkan makanan halal, tapi masih lagi ada pilihan menu halal yang disediakan untuk pengunjung yang memilih Jeju sebagai destinasi percutian.

Bila berkunjung ke destinasi baru, makanan yang dijamu adalah sesuatu yang ditunggu-ditunggu. Buah limau antara yang terkenal dan menjadi sebutan ramai. Pergilah ke mana-mana je di sekitar Jeju, mata pasti akan tertangkap dengan penjual yang menjual pelbagai jenis limau yang setia menunggu.

Bagi yang suka "seafood", Pulau Jeju mungkin boleh menjadi destinasi yang bakal dikunjungi. Nikmatilah ikan mackerel yang segar dengan rasanya yang manis.



Kalau nak rasa pelbagai jenis "dessert" yang istimewa, disini jugalah tempatnya. Bagi penggemar pisang, Yellow Cafe mesti termasuk dalam senarai kunjungan. Ada juga macam-macam jenis kek, minuman dan pemanis mulut yang boleh dijadikan santapan bagi perut yang sering kelaparan.

Buat hantu kimchi macam saya, di Pulau Jejulah tempat yang paling sesuai untuk menikmati kimchi dengan sepuas-puasnya kerana hidangan ini boleh dinikmati pada setiap menu yang tersedia. Berikut adalah beberapa fakta yang ingin saya kongsi;

#No.1 ; Jeju sememangnya bukan sahaja terkenal dengan luasnya ladang limau, tapi Jeju juga terkenal dengan pelbagai hidangan yang berasaskan limau. Selain buah limau yang 'fresh', terdapat juga jus limau (manis/manis) yang sudah dibotolkan. Harganya lebih kurang 4000won. [1000won=RM3.67]. Bagi yang suka aiskrim dan coklat, perisa limau yang segar ini bolehlah dijadikan pilihan.

#No.2; Bibimbap atau Nasi campur adalah menu yang paling saya suka. Makanan ini dicampur dengan berbagai macam sayuran seperti rumpai laut yang dikeringkan, salad dan lobak merah.



Hidangan ini turut divariasikan dengan tambahan menu seperti tuna dan juga telur. Ada juga disediakan pelbagai jenis kimchi disajikan untuk menambat hati peminat menu istimewa ini.

Bagi menambahkan kesedapan rasa, hot pepper sause turut disediakan bersama dengan mayonis. Kalau betul-betul nak rasa sedapnya bibimbap ni, semua aksesori yang ada dalam bekas tu, hendaklah digaul sekata, kemudiannya barulah nikmat kesedapan itu terasa. Nasi lembut yang bercampur dengan pelbagai rasa itu pasti dapat mengenyangkan perut buat seketika.

#No.3; Ramyeon Seafood. Walaupun di pasaraya terdapat berlambak ramyeon, tapi tak semuanya boleh dimakan kerana bukan halal. Hurmmm! Bila berada jauh, kenalah cari yang menepati citarasa dan menu yang halal sudah semestinya jadi kewajiban buat semua.



#No.4; Seperti di Seoul, air kotak atau jus adalah sesuatu yang mudah untuk ditemui. Sama jugalah di Pulau Jeju, memandangkan hotel kami dekat dengan E-Mart, maka setiap malam kami jadi pengunjung kehormat. Macam-macam barang boleh shopping kat sini.



#No.5; Yang sukakan seafood seperti saya, Pulau Jeju inilah tempat anda boleh makan makanan laut sepuas-puasnya. Sotong grill, waffle yang berintikan isi sotong memang mesti dinikmati sekiranya berpeluang berkunjung ke sini. Nikmatilah hidup ini dengan merasai apa yang diberikan. Andai dikurniakan kelebihan, bersyukurlah dan andai dihadiahkan ujian, maka bertaballah. Raikanlah persamaan dan hargailah setiap perbezaan. Apa yang penting, menu yang dijadikan pilihan itu mestilah halal dan tidak diragu-ragukan. Peribahasa ada menyebut, "Lain tempat lainlah belalang. Lain tempat lain jugalah hidangan makanan."

## Kembara Ke The War Memorial of Korea, South Korea Oleh Rosnani Mohd Salleh & Siti Mariam Atan

Berkesempatan berkunjung ke tempat bersejarah. Mujurlah teman kembara turut meminati tempat sebegini dan kami berkongsi memori yang indah. Sesetengah orang mungkin tak suka untuk melawat ke tempat bersejarah, tapi bagi saya, inilah tempat yang memberikan nilai tambah dan membuatkan kembara itu lebih bermakna.

"The war memorial of Korea' adalah peringatan untuk mereka yang terlibat dalam peperangan antara Korea Utara dan Korea Selatan. Lebih 50 tahun mereka berperang antara dua negara. Perang Korea (bahasa Korea: 한국전쟁) adalah sebuah konflik antara Korea Utara dan Korea Selatan yang terjadi sejak 25 Jun 1950.

Perang ini juga disebut "perang yang dimandatkan" (bahasa Inggris: proxy war) antara Amerika Serikat bersama sekutu PBB-nya dengan komunis Republik Rakyat Tiongkok yang bekerjasama dengan Uni Soviet (juga anggota PBB). Perang utama ini melibatkan negara Korea Utara dan Korea Selatan. Sekutu utama Korea Selatan adalah Amerika Syarikat, Kanada, Australia, dan Britain.


Manakala, sekutu bagi Korea Utara, seperti Republik Rakyat Tiongkok yang menyediakan kekuatan tentera. Sementara Uni.Soviet pula menyediakan penasihat perang, pilot pesawat, dan juga persenjataan untuk pasukan Tiongkok dan Korea Utara.



Di muzium ni terdapat pameran yang diadakan di dalam 'exhibition hall' dan juga yang ditayangkan di luar dewan. Terdapat 33,000 artifak dengan 6 pintu pameran iaitu 'Expeditionary Forces Room', 'Patriotic Memorial Room', 'War History Room', 'Korean War Room', 'Development Hall' dan 'Large Machinery Room'.

Di luar muzium, terdapat pelbagai jenis kereta kebal, helikopter, jet, peluru berpandu dan kapal selam. Paling menarik hati adalah tugu seorang abang memeluk adiknya. Menurut cerita yang kami dengar, ia merupakan kisah benar apabila seorang abang bertemu dengan adiknya yang hilang. Mereka berpelukan kerana pertemuan mereka adalah dalam satu peperangan dan berada di dalam pasukan yang berlawanan.

Setiap negara ada sejarahnya yang istimewa. Sebelum merdeka mesti ada kisah sedih, kisah dijajah. Bagi mereka yang mempertahankan tanahair tercinta, kemerdekaan negara amat bermakna. Mudahlah kita lebih menghargai nikmat merdeka dan mengambil iktibar atas setiap titis darah dan peluh yang telah berkorban untuk mendaulatkan bumi Malaysia.



**KARYA KREATIF**

## Suratan Atau Kebetulan?

Oleh Noraini Ismail

Meja kerja saya dipenuhi puluhan tugas bertulis siswa. Petang itu sudah dua jam saya gunakan untuk menanda tugas mereka. Pinggang terasa lenguh. Pen merah saya letakkan di sudut kanan meja. Saya pusingkan kerusi beroda mengadap jendela kaca. Tangan kiri pantas menolak daun jendela. Redupan pohon mangga yang tegap berdiri di luar kamar mendamaikan jiwa. Terleka saya seketika merenung luar jendela. Saya perlu fokus kembali kepada penandaan tugas siswa. Tugas bertulis itu membawa 10 markah dari 40 markah berterusan. Peperiksaan akhir berbaki sebulan lagi.

Satu lagi tugas siswa tertera nama Malik diambil dan saya mula membacanya. Ada rasa nyaman di hati. Bagus sekali tugas ini, struktur ayatnya tersusun kemas, komen hati saya. Jika begini bagus garapan ayatnya, saya tidak akan ragu-ragu memberikan markah yang baik buat Malik dari kumpulan A ini. Saya menilai tugas itu sebagai terbaik. Selesai tugas merekaodkan markah kumpulan pelajar A, saya mula menanda tugas satu lagi kumpulan pelajar dari jurusan lain, Kumpulan B. Saya menyediakan set soalan tugas yang sama untuk dua kumpulan pelajar dari dua jurusan berbeza.

Macam pernah baca ayat ini, terimbas jelas susunan ayatnya, saya berbisik perlahan ketika membaca tugas pertama dari kumpulan B. Tugas itu kepunyaan Riduan. Saya terus membaca perenggan ke dua. Dahi saya berkerut. Pen merah saya lepaskan kembali di atas tugas itu. Saya ambil kembali tugas Malik yang saya anggap terbaik tadi. Saya mencari sesuatu. Betul tekaan saya. Dua perenggan tugas Riduan itu sama dengan Malik. Saya teruskan membaca tugas Riduan hingga selesai dan bandingkan dengan tugas Malik. Hampir 80 peratus isi tugas mereka adalah sama. Suratan atau kebetulan? Saya perlu lakukan sesuatu. Ini penipuan!

“Kenapa begitu sama? Boleh terangkan?” tegas nada suara saya bertanya Malik dan Riduan Mereka tunduk memandang lantai berkarpet di pejabat saya. Pagi itu, selesai kuliah, saya memanggil dua siswa tersebut untuk ditemubual.

“Malik, awak terangkan dulu.” arah saya kepada Malik, siswa bertubuh kurus dan berkulit sawo matang. Matanya berkelip-kelip merenung saya. Malik kelihatan cemas.

“Madam, saya buat sendiri tugas tu, saya sendiri tak pasti macammna isi tugas saya dan dia sama” terang Malik sambil menunding ibu jari tangannya kepada Riduan. “Awak kenal Riduan?” Tanya saya sambil merenung Riduan pula. Riduan memang seorang pelajar yang segar bergaya. Tapi agak pendiam.

“Ye, bilik Riduan satu aras dengan bilik saya di kolej. Riduan juga pernah datang bilik saya” jawab Malik.

“Riduan, kamu pernah meminjam komputer riba Malik?” terus saya bertanya Riduan.

Riduan masih tunduk merenung lantai. Mungkin terpukau dengan rona merah karpet. Saya bertanya soalan yang sama kepada Riduan sekali lagi. Pengalaman saya mengadili kes seorang siswa yang menyimpan video lucah di dalam komputer riba seorang siswa lain mendorong saya bertanyakan soalan itu. Riduan menggeleng laju kepalanya. Malik pula seperti berfikir sesuatu.

“Jadi macammama boleh tugas kamu hampir sama? Kamu tahu maksud plagiat? Plagiat maksudnya kamu gunakan penulisan penulis lain tanpa pengetahuannya. Sepatutnya sekiranya kamu ingin memetik penulisan penulis lain, kamu perlu dedahkan nama penulis sebenar di muka surat terakhir di bahagian rujukan. Tapi meniru penulisan orang lain dengan cara mencuri maklumat adalah perbuatan yang sangat salah dan berat. Jika tiada siapa pun mengaku, saya terpaksa bawa hal ini ke Tatatertib. Biar Rektor Kampus kita bicarakan agar dapat keputusan yang adil. Kamu berdua boleh balik” arah saya.

Malik dan Riduan kedua-duanya nampak resah gelisah. Mereka melangkah lemah keluar dari pejabat saya. Umur majoriti siswa yang mendaftar subjek saya adalah sekitar 19 tahun. Saya akui mereka masih mentah dalam hal penulisan akademik. Oleh itu saya sering mengingatkan siswa supaya memberi kredit kepada penulis asal jika ingin menggunakan idea mereka di dalam tugas. Cara memberi kredit adalah melalui nota kaki dan mencatat sumber rujukan di muka surat terakhir tugas. Jika tiada kredit dibuat, perbuatan plagiat ini adalah satu penipuan intelek. Ia juga dianggap penghinaan kepada dunia akademik.

Saya percaya keprihatinan siswa terhadap isu plagiat ini boleh menyuburkan sikap positif dalam diri mereka. Berlaku jujur dalam setiap perbuatan. Siswa yang berjaya mengekalkan sifat jujur dalam tempoh pengajian mampu menghasilkan sumber manusia yang berkualiti. Saya juga percaya ketulusan siswa perlu dilentur dari semester pertama.

Ketika saya sedang berkira-kira untuk membuat laporan kepada Polis Bantuan mengenai isu Malik dan Riduan, saya menerima kunjungan yang diharapkan. Riduan hadir ke pejabat saya dan mengaku bahawa beliau telah meminjam komputer riba Malik bagi tujuan menyiapkan tugas subjek saya. Kemudian beliau terlihat satu fail yang mengandungi tugas Malik. Kebetulan soalan tugas mereka adalah sama. Tanpa berfikir panjang, Riduan menyalin tugas Malik di dalam pemacu penanya. Masa menyiapkan tugas semakin suntuk dan Riduan memplagiat hasil kerja Malik. Riduan amat menyesal dan berjanji tidak akan mengulangi lagi perbuatan serupa.

Setelah saya berfikir sewajarnya, saya memberi tempoh selama 5 jam sahaja kepada Riduan untuk menyiapkan satu tugas baru. Sekiranya beliau gagal, saya tidak akan memberikan markah langsung untuk 10 markah tugas. Saya ingin mengajar Riduan untuk menghormati kemampuan diri sendiri, menghargai akal yang Allah kurniakan dan mensyukuri kemudahan yang UiTM sediakan untuk siswa sepertinya. Sesungguhnya yang paling utama ialah jujur dengan diri sendiri.

Plagiat bukan suratan, bukan juga kebetulan tetapi satu penipuan.



## Sambal Tahun Sg Sumun Hajah Esah Zakaria

Oleh Noraini Ismail

Di awal usia saya sebagai seorang menantu, emak mertua saya masih sihat dan cergas. Emak dan ayah mertua tinggal di sebuah rumah pusaka keluarga suami yang terletak di Parit 9 Sungai Sumun Perak. Kami tidaklah selalu balik menziarahi mereka lantaran jarak yang agak jauh dari Johor ke Perak, namun kami pastikan sekurang-kurangnya setiap kali kenduri menyambut Ramadhan, kenduri kahwin adik beradik dan sambutan Aidilfitri serta Aidiladha, kami akan bersama-sama memeriahkan suasana.

Setiap kali pulang menjenguk emak, kami lazimnya akan menanti emak memasak lauk yang ringkas namun amat lazat bagi kami. Bukannya kami malas memasak tapi lauk yang dimasak emak terasa enak dan istimewa. Emak akan selalunya menyediakan masak lemak pucuk geti atau turi dicampur kerang. Biasanya anak atau cucu lelaki akan diminta emak untuk memetik daun geti di hadapan rumah. Lawan pula dengan sambal belacan cili api kampung yang ditumbuk bersama belacan bakar dan hirisan mempelam telur muda. Emak akan menggoreng garing ikan kembong atau ikan selayang. Periuk nasi dengan timbunan nasi putih berasap akan dihidang terus di sisi sedulang dua lauk, menunggu kami anak menantu dan cucu yang asyik kelaparan.

Namun ada sejenis lagi lauk masakan emak yang amat istimewa bagi saya yang saya ingin kongsi bersama pembaca warga UiTM. Lauk istimewa ini dipanggil Sambal Tahun atau Taun. Sambal tahun merupakan makanan tradisi orang Jawa. Walaupun ia disebut sambal, ia bukanlah sejenis masakan kering. Sambal Tahun ini merupakan masakan berkuah. Kebiasaannya, lauk yang digunakan ialah isi kerang, kulit lembu, perut lembu, pedal ayam, hati ayam atau paru lembu. Emak kata ia dipanggil sambal tahun sebab ia tahan bertahun, maksud emak masakan ini tahan lama, diibaratkan macam bertahun-tahun, jika selalu dipanaskan. Ibarat sahaja ya..

Emak akan menggunakan periuk tanah khusus untuk memasak sambal tahun dan menggunakan senduk tempurung kelapa untuk mengacau kuah sepanjang tempoh memasak. Saya duga dua elemen alami ini membuatkan lauk emak bertambah lazat. Saya kongsi resepi Sambal Tahun Hajah Esah Zakaria.

Bahan-bahan:

- 500g isi kerang yang telah direbus
- 1/2 cawan cili padi kampung
- 1 cawan lengkuas muda dihiris nipis
- 1/4 cawan udang kering siam
- 10 ulas bawang merah (tidak perlu diracik)
- 10 ulas bawang putih (tidak perlu diracik)
- 1 peket taucu
- 3 cawan santan pekat (jika suka, lebihkan santannya)
- 1 keping asam keping
- garam dan gula

Cara-cara:

- Masukkan semua bahan dalam periuk dan masak atas api yang sederhana, kacau selalu sehingga mendidih.
- Rasa masin, masam dan manisnya dan bolehlah dihidangkan

Sambal tahun sedap dimakan bersama nasi panas dan boleh sahaja dimakan dengan nasi impit, ketupat dan lemang. Paduan rasa manis santan dan pedas cili api serta lengkuas muda pasti sangat menyelerakan. Semoga resepi arwah Hajah Esah Zakaria menepati selera pedas anda!



<http://airtanganku.blogspot.com>



## Laut Dan Kehidupan Oleh Rosnani Mohd Salleh

Laut ibarat sebuah kehidupan,  
Dalam tenang ada gelora,  
Dalam gelora ada damai dan juga bahagia,  
Melihat laut lepas yang terbentang luas,  
Umpama sebuah perjalanan dengan jarak yang tiada batas.

Buih-buih di lautan seperti ujian-ujian di sepanjang lorong-lorong kehidupan.  
Sampai masa buih-buih yang memutih itu pasti akan hilang,  
Dan pastinya ombak besar pula akan datang bertandang.

Begitulah juga dengan hidup,  
Mana mungkin hidupmu tenang tanpa ujian.  
Tapi percayalah, di sebalik ujian yang menimpa,  
Pasti ada hadiah istimewa kiriman Dia yang Maha Kuasa untuk hambaNya yang sabar, reda dan berlapang dada.

Walau apapun masalah yang sedang membelit diri,  
Ingatlah...Allah kan selalu ada,  
Dia tak pernah hilang di setiap saat dan juga ketika,  
Carilah Dia...hatimu pasti beroleh bahagia.

Semakin jauh kau melangkah,  
Semakin hebat jiwamu diterjah.  
Semakin kukuh kau bertapak,  
Semakin banyak ujian yang hebat dan berat,  
Pastinya semakin jauh pula kaki kau kan memijak...

Kekuatan itu sebenarnya ada dalam jiwa,  
Selagi kau mampu berdiri gagah,  
Selagi itulah kau seorang yang kuat dan tabah.  
Selagi kau masih mampu tersenyum indah,  
Selagi itulah kehebatanmu masih terserlah.

## Sambal Kacang Daging Resepi Mak Teh

Oleh Siti Mariam Atan, Rosnani Mohd Salleh & Norintan Wahab

Setiap kali tiba Hari Raya Aidilfitri, sambal kacang daging menjadi juadah wajib yang disediakan oleh ibu mertuaku. Orang kampung memanggil ibu mertuaku dengan panggilan Mak Teh. Begitu juga dengan suamiku, memanggil ibu mertuaku dengan nama panggilan yang sama kerana beliau merupakan ibu tiri kepada suamiku.

Arwah bapa mertuaku mengahwini Mak Teh setelah ibu kandung suamiku meninggal dunia dalam satu kemalangan jalan raya. Ketika itu suamiku baru berusia 6 tahun. Sejak itu, suamiku dipelihara oleh Mak Teh.

Mak Teh memelihara dan menyayangi suamiku seperti anak kandung sendiri. Oleh itu Mak Teh pasti tidak lupa memasak sambal kacang daging setiap kali hari raya kerana ia merupakan salah satu makanan kegemaran suamiku.

Kini, sambal kacang daging ini juga telah menjadi antara makanan kegemaranku. Malah keenakan rasa sambal kacang daging ini juga telah berjaya menambat hati ibuku. Justeru itu, pada Hari Raya Aidilfitri yang lepas, ibuku telah memintaku untuk memasak sambal kacang daging resepi Mak Teh.

Maka, aku pun berguru dengan ibu mertuaku cara-cara memasak sambal kacang daging melalui telefon. Selesai menuntut ilmu yang perlu, aku terus mencuba resepi ibu mertuaku. Aku memasak dengan penuh harapan dan iringan doa agar masakanku menjadi dan sedap seperti masakan yang ibu mertuaku sediakan.

Setelah sambal kacang siap dimasak, aku telah meminta ibuku merasa masakanku. Hatiku berbunga apabila ibuku memuji masakanku. Alhamdulillah. Terima kasih ya Allah. Bisik hati kecilku.

Usai solat Hari Raya dan setelah bermaaf-maafan dengan kedua ibubapaku dan juga sanak saudara yang pulang ke kampung, aku beserta suami dan anak-anakku balik ke kampung Mak Teh untuk meraikan hari lebaran yang mulia bersama ibu mertuaku pula.

Aku bawa pulang bersama ketupat, rendang ayam, kuah lodeh dan tidak ketinggalan sambal kacang daging resepi Mak The untuk Mak The rasa. Setibanya aku di rumah Mak Teh, aku segera menghidangkan makanan yang aku bawa di atas meja.

Tak sabar aku menunggu komen dari ibu mertuaku, "Ha. Jadi sambal ni. Sedap!" Kata ibu mertuaku. Aku tersenyum lebar hingga ke telinga mendengar kata-katanya. Alhamdulillah. Sekali lagi aku melafazkan rasa syukur ke hadrat Nya.



Di ruangan ini inginku kongsi resepi sambal kacang Mak Teh. Moga ia menjadi satu amal jariah yang berpanjangan.

### **Bahan-Bahannya**

1. Daging 1 kg (dihiris kecil dan direbus hingga empuk)
2. Kacang tanah 1/2 kg (digoreng dan dikisar kasar)
3. Bawang besar – 1 biji (dihiris)
4. Cili kering kisar - 1 senduk
5. Jintan manis- 1 sudu makan
6. Udang kering - 2 sudu makan (dikisar/ditumbuk)
7. Minyak masak
8. Asam jawa
9. Garam
10. Gula pasir
11. Gula merah/gula Melaka

### **Bahan Kisar**

1. Bawang merah (kecil) – 8 biji
2. Bawang putih – 5 biji
3. Serai 4 batang
4. Lengkuas 1 inchi
5. Halia ¼ inci

### **Cara memasak**

1. Masukkan minyak masak ke dalam kuali.
2. Setelah minyak panas masukkan bahan kisar (Bawang merah dan Bawang putih) dan tumis sehingga garing.
3. Masukkan cili kering, udang kering dan serbuk jintan manis. Tumis sehingga garing.
4. Masukkan daging (beserta air rebusan daging) dan bahan kisar (Serai, Lengkuas dan Halia). Gaul hingga sehati.
5. Masukkan air asam jawa kacang tanah dan bawang besar. Gaul hingga sehati.
6. Masukkan garam, gula pasir dan gula merah/gula Melaka (secukup rasa)
7. Kecilkan api dan masak hingga keluar minyak.
8. Sambal kacang daging resepi Mak Teh sedia dihidang.

## **Cetusan Hati; Hidup Ini Sangat Indah!** **Oleh Rosnani Mohd Salleh & Siti Mariam Atan**

Hidup ini sangat indah...

Di saat kita selalu bersyukur dan tidak gundah...

Bukan kerana hari ini indah membuatkan kita rasa sangat bahagia...

Tetapi dek kerana rasa bahagia itulah...

Menjadikan hari ini indah dan penuh makna.

Bukan kerana tiada masalah kita menjadi malas...

Tetapi kerana rasa malas itulah...

Menjadikan kita hidup dalam masalah...

Bukan kerana senang maka kita boleh melakukan...

Tetapi kerana kita yakin boleh...

Maka semuanya menjadi senang dan mudah.

Bukan kerana semua baik barulah kita tersenyum...

Tetapi kerana senyuman kitalah, maka semua menjadi baik dan cantik.

[Don't be sad, be happy!]

Tidak ada hari yang membuatkan kita susah,

kecuali kita sendiri memilih untuk berhenti mengejar pelangi yang indah,

Serta teruskan hidup dengan hati yang resah gelisah.

Senyumlah...jangan fikirkan hidup yang susah...

Senyumlah, moga semua urusanmu Allah permudah.





## Bini Abah Nombor 2

Oleh Norintan Wahab

Setiap kali melalui Jalan Hj Jaib di Bandar Maharani, terutamanya apabila melalui Sekolah Dato' Seri Amar DiRaja, pasti aku akan teringatkan arwah abah yang telah meninggal dunia pada tahun 1999. Sebabnya dahulu abah bekerja sebagai pengawal keselamatan atau 'jaga' di sekolah tersebut. Dulu aku selalu ikut abah pergi kerja terutamanya apabila cuti sekolah.

Pada ketika itulah aku tahu satu rahsia besar abah yang selama ini abah simpan dari pengetahuan mak. Masa pertama kali tahu rahsia besar itu, terkejut juga aku dibuatnya. Perasaan serba salah muncul tapi selebihnya perasaan geram bercampur marah. Sampai hati abah menduakan mak.

Kisahnyanya bermula semasa hari hari ketiga aku mengikut abah kerja di sekolah tersebut. Masih segar lagi pada masa itu, aku membonceng motor Honda Cup abah. Pada hari itu *shift* abah sebelah petang, maksudnya abah masuk kerja jam 7 malam hingga 7 pagi keesokkan harinya.

Jam 6.15 petang kami bertolak dari rumah. Seperti kebiasaannya juga, mak akan siapkan bekalan makanan untuk abah dan aku. Masih aku ingat lagi bekalan mak pada hari itu adalah nasi kosong dan asam pedas ikan parang beserta dengan air kopi panas. Itu menu kegemaran abah!

Jam 6.50 petang apabila kami sampai ke sekolah, abah terus menulis nama di buku kehadiran. Kebiasaannya abah akan bertugas bersama-sama dengan sahabatnya Pakcik Ninggal. (Namanya agak seram pada aku, sampai sekarang aku tidak tahu apa nama sebenarnya). Rutin pertama yang abah akan buat adalah membuka suis lampu di setiap koridor bangunan sekolah.

Aku ikut abah membuka suis lampu, penat juga kami berjalan dari satu blok ke blok yang lain, dari satu tingkat ke tingkat yang lain...aduhai...berpeluh kami dibuatnya. Aku nampak abah tenang sahaja berjalan. Tiada keluhan pun yang keluar dari mulutnya sedangkan aku sudah termengah-mengah berjalan ke tingkat 3. Masih segar pesanan abah saat aku mengadu penat, "Sebab itu abah suruh kau belajar pandai-pandai...jangan kerja macam abah ni...kerja macam abah ni penat...lagi satu bila bekerja jangan mengeluh, niatkan kerja kerana Allah...Insyallah hilang penatnya nanti..." sambil abah berpesan, abah sempat tersenyum manis.

Usai membuka lampu di semua koridor, kami terus menuju ke surau sekolah. Di situ kami menunaikan solat Maghrib dan bersedia untuk makan malam. Selesai menjamu selera, abah pun duduk berbual-bual dengan Pakcik Ninggal. Pada ketika itulah aku tahu rahsia besar abah!

Semasa berbual, Pakcik Ninggal terus bertanya pada abah, "Hab, nanti jam 9.00 malam aku akan meronda dulu ya. Kalau kau nak jumpa bini nombor 2 kau pergilah." Abah mengangguk sambil

berkata, “okey la kalau kau kata macam itu. Aku pun nak tidurkan budak ni.” Sambal mulutnya memuncung ke arah aku.

Hati aku bagai nak pecah saat itu. Kesiannya mak! Sampai hati abah!. Tiba-tiba air mata aku mengalir. Aku menangis teresak-esak. Hinggakan langkah Pakcik Ninggal terhenti. Abah pula merenung aku dengan pelik.

“Eh adik, kenapa nangis?” abah bertanya. Pakcik Ninggal pun pelik. Aku pun cakap, “Sejak bila In ada mak tiri?. Kenapa abah tak bagi tahu In?” Selesai aku bertanya, aku dengar abah dan Pakcik Ninggal ketawa terbahak-bahak. “Astarghfirullah...adik bila masa abah kahwin dua?” Bila terdengar ketawa mereka, aku terdiam. Terus aku cakap pada abah, “Habis tu tadi In dengar abah nak tidurkan In dulu...lepas tu abah nak pergi jumpa bini nombor dua abah..”. Sekali lagi terhambur gelak abah.

Abah terus mengajak aku masuk ke surau semula. Abah pimpin tangan aku dan dia tunjukkan aku sebuah bangku kayu. Bangku itu sebenarnya adalah sebuah bangku yang biasa terdapat di makmal. Abah pun memperkenalkan aku dengan rasminya kepada bini nombor dua dia.

Aduhai! Rupa-rupanya bini nombor dua abah adalah sebuah bangku kayu. Bangku tersebut abah gunakan untuk melurut kakinya yang kepenatan akibat berjalan di sekitar sekolah! Meledak ketawa aku. Bermatian aku ingat abah kahwin dua.

Hingga sekarang, sekiranya aku bercerita dengan mak kisah tersebut mak pasti ketawa. Rupa-rupanya mak memang sudah maklum akan bini abah nombor dua yang disimpan di surau sekolah Dato' Seri Amar DiRaja itu. Pesanan abah saat kami berjalan membuka lampu koridor juga masih kukuh tersemat dalam hati aku hingga kini. Semoga Allah tempatkan abah dalam kalangan orang beriman dan aku sentiasa berdoa agar nanti aku dipertemukan semula dengan abah di syurgaNya yang kekal abadi.



## Bila Berkawan

Oleh Rosnani Mohd Salleh, Siti Mariam Atan & Norintan Wahab

Jangan mudah berkecil hati.

Sesuatu yang susah untuk dilakukan adalah untuk meneutralkan hati yang telah dikecewakan. Jangan meletakkan bola dunia di atas kepala kerana kita tidak punya kuasa untuk menahannya. Melihat dia elok bergembira, kenapa pula kita yang mesti berkecil hati dan berduka lara?

Setiap perkara yang berlaku ada asbabnya.

Anggaplah sesuatu yang berlaku itu untuk meningkatkan rasa iman di dalam jiwa dan menjadikan kita hambaNya yang lebih reda dan berlapang dada.

Milikilah hati sekental dan sekukuh gunung di daratan.

Kuat semangat dan teguh pendirian. Jangan miliki hati selembut tisu yang kebasahan. Dalam sekelip mata, ia musnah dan hilang dari pandangan.

Jadi, hadapilah kehidupan dengan hati yang damai dan tenang **bukan** jalani hidup dengan penuh kekecewaan dan kekesalan.

Hakikatnya kita adalah hamba yang bertuhan, sampai masa kita pasti dijemput pulang.

Kawan seperti air pantai, beralun dan tenang...

Dalam diam ada getaran, dalam lembut ada gurauan...

Adat berkawan, setia dan berterus terang...

Walau beribu batu berjauhan...

Tetap bersama tanpa batas sempadan.

*“Three things in human life are important: The first is to be kind. The second is to be kind. And the third is to be kind. Success is not the key to happiness. Happiness is the key to success. If you love what you are doing, you will be successful.”*

## **Kehidupan Satu Anugerah!**

**Oleh Norintan Wahab, Rosnani Mohd Salleh & Siti Mariam Atan**

Bila kehidupan berikan kamu kegelapan...

Ingatlah!

Kehidupan juga berikan kamu banyak cahaya yang bersinar terang

Agar kegelapan itu pudar dan terus menghilang...

Bila kehidupan berikan kamu kesedihan...

Ingatlah!

Kehidupan juga berikan kita banyak kegembiraan

Agar kesedihan itu boleh dilupakan...

Bila kehidupan berikan kamu kegagalan...

Ingatlah!

Kehidupan akan berikan kamu kejayaan

Sekiranya kamu tekun berusaha untuk menggapai impian...

Bila kehidupan berikan kamu kesusahan...

Ingatlah!

Pada setiap kesusahan akan diakhiri dengan kesenangan...

Ingatlah!

Pada setiap kegelapan...

Pada setiap kesedihan...

Pada setiap kegagalan...

Pada setiap kesusahan...

Pasti ada cahaya kegembiraan yang memberikan kejayaan dan kesenangan...

Bersabar dan bertaballah dalam meniti kehidupan,

Moga reda Tuhan kekal dalam pelukan.



e-Dinamik

eISSN : 2682-7832